



# **MAHATHIR** Di Sebalik Tabir

**ZAINUDDIN MAIDIN**



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN. BHD.

1994

*Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.,  
No. 18 Jalan 6/91, Taman Shamelin Perkasa,  
56100 Cheras, Kuala Lumpur.  
No. Tel: 03-9856577 Fax: 03-9846554*

*© Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.  
Terbitan Pertama 1994*

*Hakcipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.*

ISBN 967-61-0484-1

*Dicetak oleh: Percetakan Cergas (M) Sdn. Bhd.  
No. 26-1 Jalan 1/114A, Taman Indrahana,  
Off Jalan Kuchai Lama, 58100 Kuala Lumpur.*

RM30.00

M 768505

1 0 OCT 1994  
Perguru

## PRAKATA

Seperkara yang dapat dinyatakan dengan pasti ialah bahawa buku ini akan menarik perhatian para pembacanya kerana tokoh yang menjadi tumpuan pembicaraannya ialah Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Tokoh ini bukan sahaja menarik sebagai watak terpenting dalam drama percaturan politik dan pertumbuhan masyarakat Malaysia moden pada dekad-dekad terakhir abad ke-20 ini. Malah sejak akhir-akhir ini tokoh tersebut telah mulai muncul sebagai pemimpin negara membangun yang paling lantang suaranya di pentas politik dunia.

Nyatalah bahawa watak yang diperkatakan oleh buku ini amat menyerlah tindakan, kata-kata dan pemikirannya - baik pada tahap negara mahupun antarabangsa. Namun demikian, tidak banyak orang yang dapat mendakwa bahawa dia mengenal peribadi Dr. Mahathir secara mendalam lagi intim (meskipun banyak orang yang sengaja berbuat demikian demi memantapkan gengsi dirinya sendiri). Tokoh ini bukan sahaja memperlihatkan garis pemisah yang jelas antara domain "awam" dan domain "peribadi"nya, malah sebagai ahli politik dan

pemimpin negara pun banyak sekali unsur yang bersifat misteri dalam penampilan dirinya – sehingga perwatakannya amat sukar untuk diselami, apa lagi dihuraikan.

Selain itu, buku ini tidak kurang juga menariknya kerana citra hubungan antara watak yang diperkatakannya dengan penulisnya, Zainuddin Maidin (Zam). Sesiapa yang mengikuti perkembangan dunia kewartawanan Melayu mutakhir pastilah akan mengenal penulis ini. Sehingga akhir tahun 1992, beliau memegang jawatan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan. Namun pada tahun yang sama kerjaya kewartawanannya itu telah menerima semacam “kesan” yang agak menarik daripada segi hubungan yang ada antara pemerintahan Dr. Mahathir dengan persuratkhabaran di negara ini.

Peristiwa itu bermula dengan kritikan akhbar *Utusan Malaysia* terhadap Dr. Mahathir kerana menggunakan bahasa Inggeris dalam wawancaranya dengan sebuah stesen televisyen Indonesia sewaktu berlangsungnya sidang negara-negara berkecuali di Jakarta. Banyak perkara terperinci tentang peristiwa itu masih tidak begitu jelas kepada kita, namun nampaknya pada waktu itu cukup ketara. Dr. Mahathir sendiri terdorong untuk mengutus surat kepada akhbar tersebut untuk menjelaskan kedudukannya dalam perkara itu dan sikapnya berhubung dengan persoalan-persoalan bahasa dan budaya pada umumnya.

Sebenarnya, pelbagai tafsiran boleh dibuat terhadap peristiwa tersebut. Salah satu tafsirannya ialah bahawa peristiwa itu memperlihatkan “pertembungan” yang terpendam antara penerusan peranan *Utusan Melayu* sebagai suara hati nurani nasionalisme Melayu dengan perubahan sikap yang telah dihasilkan oleh pragmatisme Dr. Mahathir sebagai pemimpin negara yang sedang

mengalami pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat. Namun, yang nyata ialah bahawa peristiwa itu kemudiannya telah diikuti oleh perombakan yang agak menyeluruh terhadap peringkat atasan dalam jabatan pengarang akhbar tersebut./

Dalam perombakan itu - yang didakwa oleh pihak pengurusan akhbar itu sebagai tidak dipaksa oleh sesiapa dan tidak ada hubungannya dengan kritikan terhadap Dr. Mahathir - Zam sendiri telah "dinaikkan" pangkatnya daripada Ketua Pengarang Kumpulan kepada "Penasihat" Jabatan Pengarang. Dalam rangka kedudukannya sebagai Penasihat Jabatan Pengarang akhbar itulah dia kemudiannya diberi kesempatan untuk berada di London bagi melakukan kerja-kerja penulisan dan penyelidikan. Amatlah menarik bahawa kesempatan itu, antara lain, telah digunakannya untuk menghasilkan buku ini.

Oleh yang demikian, kita dapat menjangkakan bahawa buku ini berkemungkinan merupakan:

- (a) suatu dakwaan dan kritikan terhadap sikap dan tindakan Dr. Mahathir terhadap kebebasan akhbar dalam peristiwa tersebut;
- (b) suatu huraian tentang sudut-sudut keperibadian Dr. Mahathir yang selama ini tidak diketahui umum.

Nyatalah bahawa kemungkinan (a) itu tidak dapat kita temui dalam buku ini. Zam bukan sahaja tidak mendakwa atau melakukan kritikan terhadap Dr. Mahathir berhubung dengan peristiwa tersebut, malah dalam buku ini suaranya terjelma sebagai suara pengagum Dr. Mahathir yang amat ketara. Malah, dalam memperkata-

kan sikap Dr. Mahathir tentang kebebasan akhbar – sikapnya yang sering benar menjadi sasaran serangan media Barat – Zam sama sekali tidak cuba menyembunyikan sokongan penuhnya terhadap Dr. Mahathir.

Buku ini, daripada segi pendekatannya, ternyata lebih hampir kepada kemungkinan (b) tersebut. Zam tampaknya berusaha memaparkan huraian tentang aspek-aspek penampilan keperibadian Dr. Mahathir yang sering terasa sukar difahami oleh kebanyakan pengamat biasa. Namun demikian, seorang penulis yang berusaha melakukan tugas itu perlulah mempunyai hubungan istimewa yang lama lagi intim dengan tokoh tersebut. Zam, dalam buku ini tidaklah mendakwa bahawa beliau mempunyai hubungan yang demikian dengan subjeknya. Namun kita dapat merasakan bahawa hubungan itu memang ada – cukup lama (dapat diusut sehingga ke waktu penulis ini seorang kanak-kanak yang datang meminta tolong seorang doktor muda di Alor Setar agar datang ke rumahnya yang serba sederhana untuk merawat datuknya yang sakit) dan cukup mesra (yang mungkin dapat dijelaskan dengan hakikat bahawa hubungan antara para pemimpin dan wartawan di negara ini cukup intim).

Namun demikian, Zam tidaklah mencuba mengemukakan suatu profail psikologi yang terperinci lagi menyeluruh tentang Dr. Mahathir. Yang menjadi titik tolak huraiannya ialah beberapa sifat Dr. Mahathir sebagai seorang individu yang dikenalnya dengan agak rapat itu. Kemudian sifat-sifat yang telah dikenal pasti itu digunakannya untuk menghuraikan beberapa sikap dan tindakan tokoh itu dalam tindak tanduk politiknya selama kerjaya politiknya yang lama, penuh peristiwa lagi gemilang itu. Misalnya, Dr. Mahathir dikatakan mempunyai darjah toleran yang tinggi terhadap kelemahan

seseorang. Sifat tersebut dikatakan berpunca daripada sifatnya yang selalu membuatimbangan antara kelemahan dan kesilapan seseorang itu dengan sifat-sifat baik dan jasa orang tersebut. Sifat tolerannya itulah yang telah diterapkan dalam buku ini untuk menghuraikan hubungan antara Dr. Mahathir dengan Syed Nasir Ismail dan Syed Jaafar Albar, dua tokoh yang diketahui menentang penerimaannya kembali ke dalam UMNO setelah pemecatannya.

Dilihat sebagai suatu keseluruhan, buku ini lebih merupakan suatu pembicaraan yang agak terperinci (berdasarkan pengalaman seorang wartawan yang tajam pengamatannya dan banyak maklumannya) tentang pergolakan politik negara ini sejak kemerdekaan, dan peranan serta tindak tanduk Dr. Mahathir sebagai seorang pelaku utama dalam perkembangan tersebut. Oleh yang demikian, yang terjelma daripada buku ini bukanlah suatu huraian yang menyeluruh tentang keperibadian Dr. Mahathir. Misalnya, tidak banyak yang dapat kita timba tentang zaman kanak-kanak dan latar belakang keluarganya, pembentukan sikap dan pandangan politiknya sebelum dia menceburi bidang itu, pengalaman persekolahannya dan kehidupannya sebagai siswa di Singapura, ciri-cirinya sebagai suami, bapa dan sebagainya. Semua ini masih perlu menunggu suatu upaya penulisan biografi yang lebih menyeluruh tentang tokoh ini.

Yang kita temui dalam buku ini ialah penceritaan kembali yang agak terperinci tentang pelbagai peristiwa menarik dalam jangka waktu tersebut iaitu berkaitan dengan sejarah politik negara ini. Dalam kerangka penceritaan itulah kita dapat menikmati pemaparan yang hidup tentang gerak-geri watak Dr. Mahathir Mohamad



sebagai gerak-geri yang ditentukan oleh tuntutan zaman dan sekitarnya, di samping merupakan gerak-geri yang ditentukan oleh ransangan keperibadiannya sendiri. Dalam kerangka penceritaan itu kita dapat melihat bagaimana Dr. Mahathir menangani peristiwa-peristiwa seperti pemecatannya daripada UMNO, kekalahannya dalam pilihan raya, perebutan kuasa yang sengit dalam parti itu, peristiwa berdarah konflik kaum yang mengegor negara dan sebagainya. Malah lebih menarik daripada itu kita dapat melihat interaksi yang kompleks lagi ruwet antara beliau dan sejumlah tokoh lain seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Musa Hitam, Tengku Razaleigh, Anwar Ibrahim, Ghafar baba dan tokoh-tokoh lainnya.

Sebagai perdana menteri yang mewarisi pentadbiran negara ini daripada tiga orang perdana menteri sebelumnya, Dr. Mahathir sekaligus merupakan penerus dan pembaharu. Dr. Mahathir yang kita kenali bukan sahaja sebagai seorang pengamat yang kritis tentang tahap awal pemerintahan negara ini - terutamanya terhadap pentadbiran Tunku Abdul Rahman - tetapi juga sebagai seorang yang telah membawa banyak perubahan pendekatan dan pembaharuan pada zaman pemerintahannya sendiri. Sebahagiannya, perubahan itu didorong oleh ciri-ciri zamannya yang telah banyak mengalami perubahan, namun sebahagiannya pula merupakan perubahan yang berpunca daripada sikap, pandangan dan pendekatan Dr. Mahathir yang berbeza daripada perdana menteri yang mendahuluinya itu. Dalam kerangka pembicaraan ini, Zam telah menghidangkan kepada kita aspek-aspek yang menarik tentang sikap dan pandangan Dr. Mahathir mengenai hubungan dengan pelbagai konsep seperti kedudukan raja-raja Melayu, Melayu Baru,

Islam dan pemodenan, Dasar Ekonomi Baru, demokrasi, politik wang dan sebagainya.

Namun demikian, penceritaan terperinci Zam ini bagi saya tidaklah sepenuhnya memenuhi ciri-ciri "di sebalik tabir" Dr. Mahathir yang dijanjikan oleh judul buku ini. Segala peristiwa dan interaksi yang dikisahkan itu sebenarnya merupakan peristiwa-peristiwa yang telah diketahui umum, meskipun Zam telah memaparkan catatan yang cukup terperinci untuk kita. Namun, satu aspek yang benar-benar baru bagi kita (oleh itu boleh dianggap sebagai selama ini berada "di sebalik tabir") ialah huraianya (*explanation*) tentang sebab-musabab bagi sesuatu tindakan itu, berdasarkan kepekaannya yang intim tentang ciri-ciri keperibadian Dr. Mahathir. Dan sebagaimana yang telah dinyatakan, Zam memang mempunyai perspektif seorang wartawan yang rapat hubungannya dengan tokoh tersebut, iaitu suatu perspektif yang tidak mungkin ada pada kita yang tidak menikmati kedudukannya itu.

Kesan saya sendiri terhadap pengkisahan Zam ini ialah semacam kepuasan sementara yang menuntut agar ditingkatkan pula tahapnya kepada tahap kepuasan yang lebih tinggi. Membaca karya Zam ini menjadikan saya bertambah yakin bahawa kita amat memerlukan sebuah karya biografi yang sepenuhnya - atau sekurang-kurang sebuah profail psikologi tentang Dr. Mahathir. Terlalu banyak yang ironis tentang penampilan diri dan tindak tanduknya yang masih menuntut penghuraian. Sebagai seorang yang mempunyai simpati dan *empathy* terhadap penderitaan rakyat biasa, Dr. Mahathir tidak menampilkan dirinya sebagai seorang Ghandhi yang berpakaian sederhana seperti golongan miskin itu - sebaliknya dia berkereta besar di tengah-tengah masyarakat Alor Setar yang masih mundur. Sikap beliau yang antikolonial

dan peka akan wacana sosialis pada tahap awalnya tidak pula menjadikan beliau seorang yang mempunyai retorik seperti Sukarno, misalnya. Sebaliknya dia memperlihatkan kecenderungan yang lebih mirip kepada unsur-unsur golongan "perdagangan besar" dan kuasa Barat - pihak-pihak yang sebenarnya amat jauh daripada berasa selesa dengan tindak tanduk politiknya dalam arena hubungan antarabangsa. Bagaimanakah dapat kita huraikan peralihan yang dilalui oleh seorang yang pada mulanya dianggap seorang nasionalis Melayu yang *ultra* menjadi orang yang kemudiannya begitu dipuja oleh pihak yang sama kerana dasar-dasar budayanya yang *ultra-liberal*? Bagi saya, Zam hanya baru sempat mengocak selera kita untuk menyelami persoalan-persoalan ini dengan lebih terperinci dan mendalam.

Kita juga amat memerlukan suatu profail intelektual yang terperinci lagi kritis tentang Dr. Mahathir. Gagasannya yang cenderung berasaskan analisis genetik yang tak mungkin berubah-ubah dalam *The Malay Dilemma* itu pasti telah melalui suatu transformasi yang agak menyeluruh untuk menjadi gagasan pembentukan budaya yang diungkapkannya dalam hubungan dengan konsep "Melayu Baru". Pemikiran Dr. Mahathir tentang proses dan arah pemodenan masyarakat Melayu dan Malaysia pada umumnya memang merupakan suara segar yang pastinya dialu-alukan oleh semua pihak, kecuali golongan konservatif yang *ultra*. Namun demikian, terdapat pelbagai aspek terperinci dalam persepsinya tentang ciri dan arah pemodenan itu yang masih perlu kita bahaskan.

Pada hemat saya, suatu kekuatan yang nyata pada karya Zam ini ialah kemahiran penulisnya menganyam rentetan peristiwa-peristiwa dan watak-watak yang signifikan dalam kehidupan Dr. Mahathir menjadi suatu

kesatuan yang padu dan memukau. Bab-bab buku ini sentiasa berakhir dengan pengkisahan yang menarik atau suatu analisis yang segar, dan dengan pengkisahan atau analisis yang demikian, Zam tampaknya berhasil memukau minat kita supaya tidak sabar-sabar pula berganjak ke bahagian atau bab yang berikutnya dalam pengkisahan itu. Teknik penyusunan bahan ini bukan sahaja dimanfaatkan oleh penulis untuk memukau minat pembacanya, tetapi juga untuk memaparkan suatu lukisan yang menyeluruh lagi *coherent* tentang tokoh yang diperkatakan oleh buku ini.

Kita berterima kasih kepada Zam kerana sekurang-kurang telah menguak satu lapisan tabir yang telah memberikan sifat-sifat misteri kepada perwatakan tokoh yang begitu penting dalam membentuk dan mewarnakan pertumbuhan sejarah moden negara dan masyarakat kita. Kita harap upaya Zam ini akan membangkitkan pula selera para penulis dan penganalisis lain supaya turut berusaha menguak lapisan-lapisan lain tabir tersebut. Kefahaman kita yang mendalam dan kritis tentang perwatakan, sikap dan cita-cita Dr. Mahathir ini amat besar ertinya dalam usaha memahami arah pertumbuhan masyarakat kita dan demi memantapkan lagi pertumbuhan kita pada masa hadapan. Kefahaman yang kritis terhadap seorang pemimpin besar seperti Dr. Mahathir pada analisis terakhirnya merupakan sumbangan yang lebih bererti kepada masyarakat (dan kepada pemimpin itu sendiri) daripada pemujaan yang melulu.

RUSTAM A. SANI



A  
55

## PENGHARGAAN

**B**uku ini tentunya tidak mencapai kesempurnaan nilai yang diharapkan tetapi ia tidak mungkin dapat dihasilkan langsung tanpa bantuan dan kerjasama beberapa pihak.

Maka itu saya ingin merakamkan rasa terhutang budi kepada Ketua Pustakawan Utusan Melayu, Puan Maimunah Rashid dan kakitangannya yang telah banyak membantu dalam penyelidikan bahan dan rujukan buku ini.

Terima kasih saya kepada wartawan bebas di London, Wan A. Hulaimi yang banyak memberikan teguran dan bimbingan dalam masa penulisan buku ini dan telah sudi pula menterjemahkannya ke dalam bahasa Inggeris.

Juga terima kasih saya kepada semua pihak yang menjadi sumber maklumat dan rujukan saya.

Akhir sekali saya ulangi ucapan kasih yang tidak pernah luntur kepada isteri saya, Zaiton binti Zainol Abidin yang pengertian dan fahamannya kepada simpang siur kehidupan seorang wartawan telah memberikannya kesabaran untuk menemani saya sepanjang masa sampai ke hari tua hingga dapat menghasilkan buku ini yang

merupakan puncak himpunan pengalaman suatu perjalanan panjang yang damai dan bahagia.

Anakku: Zairani, Zakinah, Zairin dan Zaidan ingatlah "budi ibumu terlalu besar untuk kita semua".

ZAINUDDIN MAIDIN

**Dedikasi:**

*Kepada bapaku Maidin S. Mohamad yang tidak sempat menyaksikan dan menikmati pencapaianku dan kepada ibuku, Siti Aishah Sheikh Hassan yang menitiskan keringat dan air mata untuk anak-anak ketika dalam kemiskinan.*

*Zainuddin Maidin*






# ISI

<i>Prakata</i>	iii
<i>Penghargaan</i>	xiii
1 Menempah Jalan Berliku	3
2 Api Dalam Sekam	13
3 Dibuang dan Pulang	31
4 Revolusi Terindah	77
5 Serangan Waktu Subuh	107
6 Musuh Utama	125
7 Ke Arah Melayu Baru	143
8 Seiring Tak Sekata	159
9 Demokrasi Terpimpin	181
10 Orde Baru Komunikasi	207
11 Di Sebalik Tabir	241
12 Pengorbanan	271
13 Pendakian Di Puncak	301
14 Penghormatan	313
<i>Lampiran 1</i>	319
<i>Lampiran 2</i>	329
<i>Lampiran 3</i>	337
<i>Lampiran 4</i>	339



*SEMUA* anekdot ini menghidup dan mewarnakan bandar Alor Setar yang masih damai dan tenang. Di penghujung tahun 50-an dan awal 60-an, tidak banyak kereta di jalan raya dan kebanyakan orang berbasikal. Penghuni dan pengunjung bandar Alor Setar masih mudah mengenali antara satu sama lain, Pasar Yaacob dan Pekan Rabu hanya berbangunan kayu. Hari Jumaatnya sepi dan lengang.

Ketika itu, Dr. Mahathir dengan kereta besarnya telah pun menempah jalan yang berliku-liku yang penuh dengan persaingan, pergelutan, komplotan dan cabaran.



# 1 Menempah Jalan Berliku

**D**i perkampungan haram Seberang Kereta Api Sungai Korok, lebih sebatu dari bandar Alor Setar, di sebuah rumah buruk, sebuah keluarga miskin sedang menghadapi lelaki tua yang sedang uzur. Sakitnya pada hari itu bertambah tenat, batuknya yang tidak putus-putus tiba-tiba memuntahkan darah. Banyak tompokan merah pada tikar mengkuang yang sudah usang.

Seorang ibu yang selama ini hanya merawat ayahnya itu dengan perubatan kampung menjadi cemas dan menyuruh anak lelakinya segera memanggil doktor. Tanpa bertanya sama ada ibunya mempunyai wang atau tidak, anak yang turut cemas dengan keadaan datuknya terus berlari anak menuju ke bandar Alor Setar. Pembantu klinik memintanya tunggu sekejap dan kemudian membenarkannya masuk.

"Doktor, datuk saya sakit teruk."

"Di mana?"

"Di Seberang Kereta Api Sungai Korok, masuk ikut lorong Sekolah Najat sehingga ke penghujung jalan dan terpaksa jalan kaki ke rumah saya kerana kereta tidak boleh masuk."

“Baiklah, pulang dahulu, nanti saya datang.”

Tidak lama kemudian doktor pun datang.

Dia tidak bercakap banyak, hanya memeriksa dan memberikan ubat kepada pesakit.

Apabila ditanya tentang bayarannya, doktor berkata, “Berapa yang ada berilah.” Ibu memberikannya dua ringgit dan doktor mengambilnya lalu pulang.

Peristiwa yang dialami lebih 30 tahun dahulu itu meninggalkan kesan yang amat mendalam di jiwa saya hingga ke hari ini.

Pada masa itu, doktor ini tidak mengenali saya dan saya pun tidak pernah menemuinya. Ketika itu saya masih belajar di Maktab Mahmud Alor Setar. Langkah saya ke kliniknya semata-mata didorong oleh cerita dari mulut ke mulut tentang seorang doktor yang baik di bandar Alor Setar: Dr. Mahathir Mohamad.

Sebagai anak muda yang masih dalam umur belasan tahun dan dari sebuah keluarga miskin, saya berasa bangga dan amat besar hati di atas kesudian seorang doktor datang ke rumah kami yang buruk untuk merawati datuk. Ini mengesahkan cerita tentang kebaikan hatinya dan simpatinya kepada orang ramai.

Saya tidak syak sedikit pun tentang keikhlasan dan kejujurannya. Beliau tidak bertujuan untuk mencari populariti kerana ketika itu tidak ada pilihan raya dan tidak ada sebarang pertandingan untuk merebut jawatan dalam UMNO.

Apa yang dilakukannya adalah dari kesedaran, keinsafan dan rasa tanggungjawab terhadap golongan miskin pada masa itu.

Saya hanyalah salah seorang daripada ribuan orang yang telah mendapat simpati daripadanya. Namanya telah pun meniti dari bibir ke bibir sejak dari 1954 lagi,

iaitu apabila beliau memulakan perkhidmatannya sebagai doktor di Pulau Langkawi, Perlis dan Jitra setelah menamatkan latihan kedoktorannya di Pulau Pinang.

Apabila beliau berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Besar Alor Setar, masyarakat membandingkan budi bahasanya yang tinggi dengan beberapa doktor lain yang berkhidmat di hospital yang sama. Dr. Mahathir memberikan layanan yang sama kepada orang kampung atau orang bandar, tidak membezakan antara kakitangan kerajaan dan bukan kerajaan, antara penarik beca dengan guru atau antara orang kenamaan dengan orang biasa.

"Bagi saya tidak ada pengenalan kelas. Profesion saya sebagai doktor telah mengajar saya mengadakan hubungan dengan rakyat biasa daripada semua peringkat. Ia juga mengajar saya mempunyai simpati dengan orang lain," kata Dr. Mahathir.<sup>1</sup>

Isterinya, Dr. Asmah yang berkhidmat di Pusat Kesihatan Jitra telah membantu mengharumkan lagi namanya kerana beliau juga mempunyai sifat yang menyenangkan orang ramai dan bekerja keras memberikan penerangan dan didikan kesihatan terutama kepada ibu-ibu di luar bandar.

Dr. Mahathir tidak lama berkhidmat dengan kerajaan. Beliau keluar daripada perkhidmatan kerajaan pada tahun 1957. Keputusannya meletakkan jawatan sebagai Pegawai Perubatan Hospital Besar Alor Setar dan membuka kliniknya sendiri telah mengejut dan mencelikan mata masyarakat tempatan yang ketika itu memandang perkhidmatan dengan kerajaan adalah yang terbaik.

Secara senyap orang ramai mengagumi tindakannya

1. Temubual dengan penulis dalam *Utusan Malaysia* dan *Utusan Melayu* 28 Jun 1981.



itu. Mereka melihatnya sebagai suatu langkah berani seorang anak Melayu untuk bebas dan berdiri atas kaki sendiri dan bertekad bagi menghadapi cabaran serta persaingan. Lebih daripada itu, mereka melihatnya telah melakukan sesuatu yang jarang benar akan dilakukan oleh seorang anak Melayu pada masa itu – meninggalkan jawatan tinggi kerajaan.

Tindakannya itu juga dilihat sebagai penerusan sikap *antiestablishment*nya serta untuk lebih aktif dalam kegiatan sosial dan politik yang telah pun menjadi darah dagingnya sejak zaman sekolah lagi.

Di samping mengusahakan kliniknya, beliau mendekati dirinya dengan peniaga kecil dan besar daripada masyarakat Melayu yang ketika itu berpusat di sekitar Pekan Rabu dan Pasar Yaacob. Beliau berkongsi dengan rakan-rakannya menjalankan perniagaan pengangkutan, kuari dan projek perumahan.

Kliniknya di Jalan Tunku Ibrahim telah menjadi tumpuan ramai, tidak sahaja daripada penduduk di sekitar Alor Setar tetapi juga mereka yang tinggal berjauhan. Orang kampung yang tidak tahu di mana kliniknya akan bertanya dengan masyarakat bandar Alor Setar di mana klinik UMNO. Maksud mereka ialah klinik Dr. Mahathir. Kliniknya ini tidak lama di Jalan Tunku Ibrahim kerana berpindah ke Pekan Melayu Alor Setar. Keadaannya lebih besar dan lebih kemas.

Di samping kesibukannya di klinik, beliau terus aktif dengan kerja-kerja kebajikan dan kesihatan orang ramai yang tidak hanya tertumpu kepada masyarakat Melayu tetapi juga masyarakat India yang terdiri daripada pekerja-pekerja ladang getah di kawasan pedalaman di seluruh negeri Kedah.

Sebagai Presiden Persatuan Batuk Kering Kedah, beliau

sering melawat ladang-ladang getah untuk memberikan nasihat dan rawatan kepada pekerja dan pesakit batuk kering. Lawatannya tidak sekadar ke daerah yang berhampiran dengan Alor Setar malah sampai ke ladang-ladang getah di Kuala Ketil, Baling.

Di bandar Alor Setar pada awal tahun 60-an, penduduknya sering menghadapi masalah pengangkutan najis yang tidak mengikut jadual. Kadangkala najis tidak diangkut berhari-hari dari rumah kediaman dan tong-tong najis terbiar di tepi-tepi jalan hingga ke siang hari malah ada kalanya najis tidak dibawa ke tempat pembuangan najis tetapi dibuang ke dalam sungai dan ke dalam terusan Wan Mat Saman yang mengalir seiring dengan jalan raya menuju ke Selatan dari bandar Alor Setar yang menjadi tempat mandi-manda penduduk berhampiran dengannya. Masalah ini dicetuskan oleh sikap tidak berdisiplin buruh pengangkut najis Majlis Bandaran Alor Setar. Mereka mengutamakan pengangkutan dari rumah-rumah dan kedai-kedai yang memberikan tip.

Penduduk di sekitar bandar Alor Setar berada dalam keadaan bau busuk dan kekotoran yang tidak lagi dapat diatasi. Melihat keadaan ini, Dr. Mahathir yang ketika itu menjadi Pengerusi Perikatan Alor Setar (UMNO, MCA dan MIC) telah muncul dengan idea supaya pengangkutan najis di Alor Setar diswastakan iaitu ditawarkan kepada kontraktor untuk menguruskannya.

Cadangan ini diterima oleh Majlis Bandaran Alor Setar tetapi apabila dilaksanakan telah timbul kekecohan yang besar. Buruh pengangkut najis telah membantah apabila mendapati kerja mereka diawasi oleh kontraktor dan mereka tidak lagi dapat bekerja sewenang-wenangnya. Mereka bertindak memukul kontraktor dan menabur

najis di jalan-jalan raya.

Pihak yang menentang penswastaan kerja pengangkutan najis itu termasuk di kalangan pegawai kerajaan Negeri Kedah sendiri yang telah mengecam Dr. Mahathir dan mendesak supaya Majlis Bandaran Alor Setar kembali kepada sistem lama tetapi Dr. Mahathir berkeras supaya sistem itu diteruskan. Menurut wakil parti Perikatan dalam Majlis Bandaran Alor Setar pada masa itu, Khalid Abdullah, masalah antara buruh dan kontraktor dapat diatasi dan sistem kontrak itu terus berjalan dan masalah pengangkutan najis yang selama ini menyusahkan orang ramai berakhir.

Di bandar kecil seperti Alor Setar dan penduduknya tidak begitu ramai pada akhir tahun 50-an dan awal 60-an, sesuatu kejadian dan perkembangan sama ada baik dan buruk mudah terlihat dan tersebar dengan cepat. Demikianlah juga dengan kegiatan dan pencapaian Dr. Mahathir. Beliau muncul sebagai doktor yang paling berjaya di Alor Setar pada masa itu dan satu-satunya anak Melayu daripada kalangan rakyat biasa memiliki kereta yang paling besar di bandar Alor Setar iaitu kereta Pontiac yang menyaingi kereta besar beberapa orang doktor bukan Melayu. Selain melambangkan hasratnya untuk membuktikan kemampuan anak Melayu, kereta ini juga menggambarkan cita rasa tinggi seorang manusia.

Setiap kereta di bandar Alor Setar ketika itu dikenali pemiliknya kerana tidak ramai yang memiliki kereta. Kereta Pontiac yang melalui jalan-jalan di bandar itu menjadi perhatian penuh minat dan menjadi bualan ramai.

Semua anekdot ini menghidup dan mewarnakan bandar Alor Setar yang masih damai dan tenang. Di penghujung tahun 50-an dan awal 60-an tidak banyak kereta di jalan raya dan kebanyakan orang berbasikal.

Penghuni dan pengunjung bandar Alor Setar masih mudah mengenali antara satu sama lain. Pasar Yaacob dan Pekan Rabu hanya berbangunan kayu. Hari Jumatnya sepi dan lengang. Ketika itu, Dr. Mahathir dengan kereta besarnya telah pun menempah jalah yang berliku-liku, yang penuh dengan persaingan, pergelutan, komplotan dan cabaran.



TUNKU tidak menafikan tuduhan bahawa beliau bermain judi semasa ketegangan 13 Mei 1969.

Pada ketika itu, surat Dr. Mahathir semakin dicari orang, semakin berharga dan semakin meyakinkan. Nama Dr. Mahathir menjulang bersama api kemarahan yang menerangi langit malam Kuala Lumpur dan meledakkan suatu perasaan dan harapan baru di seluruh negara.

Api itu selama ini hanya membara dalam sekam.



## 2 Api Dalam Sekam

Selepas kemerdekaan negara pada tahun 1957, Dr. Mahathir yang telah menyertai kebangkitan rakyat menentang penjajahan British sejak tahun 1945 tiba-tiba menyepikan diri. Ini menimbulkan pelbagai teka-teki politik terutama di kalangan ahli-ahli politik di negeri Kedah. Cerita yang heboh di Alor Setar mengatakan beliau merajuk berikutan dengan kegagalan tindakannya membantah langkah kerajaan Perikatan pimpinan Tunku Abdul Rahman mengadakan perjanjian pertahanan dengan British dan mengekalkan penempatan tentera British hingga selepas merdeka. Bantahannya terhadap lagu *Terang Bulan* yang dijadikan sebagai lagu rasmi negara kerana berirama sentimental juga tidak diberikan perhatian.

Dr. Mahathir dan beberapa orang lagi pemimpin UMNO Kedah telah menyampaikan bantahan mengenai perkara itu kepada Tunku dan Tunku menyerahkannya kepada Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak untuk berunding dengan mereka. Tun Abdul Razak pula telah mewakilkan tanggungjawab ini kepada adik iparnya, Hamzah Abu Samah, bekas Menteri Perdagangan dan Perusahaan yang ketika itu menjadi penasihat Undang-



undang Negeri Kedah tetapi perundingan antara Hamzah dan rombongan Dr. Mahathir yang diadakan di rumah Hamzah di Alor Setar tidak berjaya mengubah pendirian kerajaan. Pendirian Tun Abdul Razak dan Tunku dalam soal perjanjian pertahanan dengan British adalah sekata.

Dr. Mahathir sebenarnya tidak merajuk kerana kegagalannya memperjuangkan soal ini walaupun beliau menyedari bahawa Tunku Abdul Rahman tidak menyenangi pendiriannya itu yang sama dengan pendirian parti-parti pembangkang seperti Parti Islam Se-Tanah Melayu (Pas) yang ketika itu diketuai oleh Dr. Burhanuddin Hilmi dan juga Parti Rakyat Malaya pimpinan Ahmad Boestamam.

Perbezaan pendapat Dr. Mahathir dengan pendirian pucuk pimpinan UMNO pada masa itu didorong oleh latar belakangnya yang sejak dari bangku sekolah lagi dijiwai oleh perjuangan politik rakyat menentang kolonialisme. Katanya, "Pendirian politik saya pada masa itu didorong oleh sentimen antipenjajahan British."<sup>1</sup>

Latar belakang perjuangan politik Dr. Mahathir berlainan dengan beberapa pemimpin UMNO yang menyertai perjuangan rakyat di tengah jalan atau setelah dijemput oleh rakyat. Perjuangan Dr. Mahathir telah berada di tengah-tengah kebangkitan rakyat menentang penjajahan British sejak dari awal, iaitu bermula dengan menyertai gerakan menampal poster anti-British pada waktu malam hingga kepada penentangan terbuka terhadap Malayan Union.

Ketika rakan-rakan pelajarnya di sekolah Inggeris mengasingkan diri daripada perjuangan rakyat, beliau telah bercampur gaul dengan pelajar-pelajar sekolah

1. Temubual dengan penulis dalam *Utusan Malaysia*, 16 Julai 1981.

agama, guru-guru Melayu dan guru-guru agama, para ulama dan pemimpin rakyat di Kedah yang dianggap sebagai golongan merbahaya oleh pihak British.

Beliau menjadi anggota kepada beberapa pertubuhan gerakan rakyat seperti SEBERKAS (Sayangkan Bangsa Erti Redha Korban Apa Sahaja), Kesatuan Melayu Kedah, Kesatuan Pemuda Melayu Kedah dan akhirnya UMNO. Oleh itu, kehilangannya daripada kancah politik tidak lama selepas kemerdekaan negara amat dirasakan terutama di Kedah tetapi sebab utama beliau menyepikan diri selepas kemerdekaan negara bukanlah kerana penge-kalan tentera British sebaliknya kerana masalah dalam UMNO sendiri.

Menjelang pilihan raya 1959, Dr. Mahathir yang menjadi Pengerusi UMNO Negeri dan selaku Pengerusi Jawatankuasa Politik UMNO Negeri Kedah telah mencadangkan supaya pemilihan calon-calon pilihan raya diasaskan kepada kelayakan tertentu. Hal ini telah menimbulkan kemarahan di kalangan mereka yang berasa tidak akan terpilih dan membawa kepada perselisihan faham antara Dr. Mahathir dengan Setiausaha UMNO Negeri, Syed Ahmad Shahabuddin (Gabenor Melaka). Mereka telah mengadu kepada Tunku Abdul Rahman selaku Presiden UMNO dan menuduh Dr. Mahathir hendak memilih semua ahli Jawatankuasa UMNO Negeri menjadi calon.

Tunku mula merasakan Dr. Mahathir memberikan masalah kepadanya. Dr. Mahathir yang tersinggung perasaannya telah mengundurkan diri dan tidak mahu bertanding dalam pilihan raya nasional kedua pada tahun 1959. Pengunduran ini melepaskan peluangnya untuk merasakan hasil perjuangan politik yang mula dirasai oleh rakan-rakannya dengan menjadi ahli Dewan Undangan

Negeri, Exco Negeri, anggota Parlimen dan sebagainya.

Bagaimanapun UMNO Kedah tidak pernah memencilkan Dr. Mahathir sekalipun mereka mengetahui Tunku tidak begitu menyenangnya. Secara diam-diam, ramai yang terus mendekatinya dan bersimpati dengan pandangan dan pegangannya yang berbeza dengan Tunku. Sekalipun beliau tidak lagi aktif dalam politik tetapi suaranya yang kritikal terhadap cara Tunku menyelesaikan masalah sosial, politik dan ekonomi terus menggugat.

Dr. Mahathir amat tidak setuju dengan falsafah Tunku, "Biar China berniaga dan biar Melayu berpolitik" dan "Biar mati anak, jangan mati adat." Beliau menampakkan kegelisahan dan penentangan terhadap sikap 'tidak apa' dan 'tolak ansur' Tunku secara berlebihan yang membahayakan masa depan orang Melayu.

Konflik nilai dan peribadi antara Dr. Mahathir dengan Tunku berpunca daripada latar belakang yang berlainan. Tunku adalah anak raja dan birokrat yang berjiwa rakyat tetapi Dr. Mahathir merupakan rakyat yang berjiwa rakyat yang mempunyai pengalaman singkat sebagai birokrat.

Dr. Mahathir tidak begitu senang dengan adat istiadat sedangkan Tunku dibesarkan dalam suasana adat istiadat. Dr. Mahathir tidak selesa dengan tradisi, tidak biasa dengan Perintah Am (*General Orders*) dan tidak menyenangi etika yang tidak praktikal.

Tunku yang lama berkhidmat sebagai pegawai kerajaan amat menghormati peraturan yang tertulis dan kerana dibesarkan di istana serta tinggal lama di England, Tunku mewarisi cara hidup pegawai-pegawai Inggeris dan orang bangsawan yang terpisah daripada cara hidup rakyat biasa.

Dr. Mahathir tidak senang dengan cara hidup pegawai-

pegawai tinggi kerajaan yang di luar masa kerja menghabiskannya dengan bersuka ria, bermain golf, berjudi, minum arak, menghadiri majlis tari-menari dan menjauhkan diri daripada rakyat biasa.

Perasaan tidak senang Dr. Mahathir terhadap keadaan ini jelas di dalam suratnya berhubung dengan majlis sambutan hari jadi Tun Abdul Razak.

*"Mula-mula saya seronok kerana hari jadi Tun disambut dengan majlis tahlil dan bacaan Yasin serta tidak membakar mercun dan minum arak seperti yang telah dibuat dahulu oleh T. H. Tan<sup>2</sup> tetapi nampaknya saki-baki adat lama masih ada."<sup>3</sup>*

Mengenai rasa tidak senang kepada adat, Dr. Mahathir berkata, "Pepatah Melayu, biar mati anak jangan mati adat mencerminkan pegangan secara fanatik kepada adat tetapi daripada segi logik, jika anak sudah mati, adat tidak mungkin hidup."<sup>4</sup>

Maka itulah sebabnya ketika berkhidmat sebagai pegawai kesihatan, Dr. Mahathir dan Dr. Asmah tidak sekadar menjalankan tugas yang ditentukan tetapi telah menjalankan kerja-kerja sukarela bagi meningkatkan kesihatan penduduk di luar bandar terutama sekali dalam penjagaan kesihatan ibu dan mencegah kematian bayi.

Kemerdekaan negara tidak menukarkan serta-merta minda pegawai tinggi kerajaan malah ada ahli politik yang baru merasakan kesenangan hidup juga menyertai cara hidup yang tidak mengambil berat kehidupan rakyat

2. Setiausaha Agung Perikatan

3. Surat Dr. Mahathir kepada penulis, 25 Mac 1972.

4. Tulisan Dr. Mahathir yang menjawab laporan *Utusan* mengenai isu Bahasa Kebangsaan dalam *Utusan Malaysia*, 18 September 1992.

dan lebih banyak menghabiskan masa dengan bersukaria daripada melawat kawasan untuk mengambil tahu masalah rakyat yang diwakili mereka.

Secara senyap dan secara terbuka, Dr. Mahathir mengkritik keadaan ini dan menyebabkan beliau menjadi semakin tidak disenangi di kalangan *establishment* tetapi semakin popular di kalangan rakyat dan ahli-ahli politik di peringkat bawah yang mengharapkannya kembali ke arena politik. Apabila ditanya tentang kemungkinan beliau akan kembali aktif dalam politik, Dr. Mahathir berkata, "Jangan harap saya akan pergi ke Kuala Lumpur mengikut Tunku main golf untuk kembali ke politik."<sup>5</sup>

Kenyataan ini selain menggambarkan perasaannya pada Tunku, juga memperlihatkan tidak senangnya dengan golf yang ketika itu merupakan sukan golongan atasan atau kaum bangsawan.

Bagaimanapun oleh kerana kalangan UMNO Kedah terus memberikan perhatian dan penghargaan kepadanya tanpa memperdulikan masalah hubungannya dengan Tunku, maka akhirnya Dr. Mahathir kembali aktif dalam politik dan bertanding bagi pertama kalinya sebagai calon Perikatan di kawasan Parlimen Kota Setar Selatan dalam pilihan raya nasional 1964. Beliau memenangi pilihan raya itu dengan mengalahkan calon Pas, Mohd Shaari Haji Abd. Shukur dengan majoriti 4210 undi. Dr. Mahathir mendapat 12 406 undi dan Mohd. Shaari mendapat 8196 undi.

Keadaan Parlimen pada tahun 1964 hingga 1969 melalui era yang paling genting dalam sejarah politik tanah air; penuh dengan krisis, pergolakan dan ketegangan berikutan dengan pembentukan Malaysia, konfrontasi Indo-

---

5. Perbualan dengan penulis di Klinik Maha pada awal tahun 60-an.

nesia dan kempen Malaysian Malaysia oleh Singapura yang berada dalam Malaysia.

Suasana ini telah memberikan pentas nasional dan kesempatan yang luas bagi Dr. Mahathir memperlihatkan ketajaman fikirannya, kelantangan suaranya, kecekapannya menyerang lawan, sikap terus terangnya, intelektualitinya dan keupayaannya yang luar biasa bagi memberikan buah fikiran dan memahamkan orang ramai dalam bahasa yang mudah sekalipun dalam perkara yang sulit.

(Sepanjang masa lima tahun itu, Dr. Mahathir telah merakamkan namanya dalam ingatan masyarakat Melayu sebagai wakil yang paling berani dan paling lantang menyuarakan dengan terus terang kegelisahan dan kecemasan mereka sebagai golongan yang termundur.)

Sebaliknya Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew telah menuduh Dr. Mahathir sebagai Ultra Melayu (*Malay Ultra*) sebagai membalas kecaman-kecamannya yang pedas terhadap permainan api perkauman Singapura yang berselindung di sebalik konsep Malaysian Malaysia. Tuduhan Lee Kuan Yew itu sebenarnya telah membantu meningkatkan lagi populariti Dr. Mahathir di kalangan orang Melayu dan menyebabkan orang bukan Melayu memandang serong terhadapnya kecuali rakan-rakan rapatnya.

Cabaran politik Singapura ini juga telah membantu mempercepat dan meluaskan lagi kesedaran politik Melayu terhadap tolak ansur UMNO kepada masyarakat bukan Melayu yang diwakili oleh MCA dan MIC. Orang Cina berasa semakin terancam masa depan mereka oleh tiupan angin perubahan yang begitu kencang daripada pemimpin-pemimpin PAP (Parti Tindakan Rakyat Singapura) yang kemudiannya diteruskan oleh DAP (Parti Tindakan Demokratik) setelah penyingkiran Singapura

dari Malaysia pada tahun 1965.

Sekalipun konfrontasi Indonesia tamat pada tahun 1965 dan Perikatan mempunyai majoriti yang besar dalam Parlimen tetapi keadaan cemas, tegang dan ketidakyakinan antara kaum terus menyelubungi tanah air. Ini kerana perpaduan rakyat yang memberikan sokongan besar kepada Perikatan adalah atas asas yang rapuh iaitu untuk menghadapi musuh bersama; Indonesia. Perpaduan ini hanyalah bersifat sementara sahaja.

Suasana politik Malaysia sudah tidak sama lagi. Konsep Malaysian Malaysia yang ditiupkan oleh Lee Kuan Yew telah merebakkan luka di hati sanubari orang Melayu dan juga bukan Melayu. Kepercayaan orang Melayu kepada pimpinan Tunku Abdul Rahman semakin merosot. Politik tidak apa, tolak ansur dan tidak serius yang tidak disenangi oleh Dr. Mahathir sejak menjelang kemerdekaan telah mula menyebabkan rakyat daripada semua kaum hilang kepercayaan antara mereka dan juga terhadap masa depan mereka. Orang Cina merasakan mereka tidak mendapat hak yang sama manakala orang Melayu merasakan mereka terlalu banyak memberi dan akan kehilangan segala-galanya.

Sekalipun perasaan tidak senang terhadap kepimpinan Tunku memuncak tetapi politik Melayu yang beradat tidak menampakkan tentangan yang nyata kepada Tunku. Walau bagaimanapun, di peringkat bawahan suatu pergelutan dan gerakan untuk mengambil alih pucuk pimpinan UMNO sedang berlaku. Orang Melayu mulai nampak Tun Abdul Razak sebagai pengganti yang layak dan sebagai pemimpin yang boleh menyelamatkan bangsa Melayu.

Pergelutan dalam UMNO di sebalik perpaduannya telah menonjolkan Dr. Mahathir sebagai orang depan

dalam menentang dasar kompromi Tunku terhadap MCA. Dr. Mahathir juga diketahui mempunyai hubungan yang rapat dengan Tun Abdul Razak dan pembantu-pembantunya.

Bagaimanapun apabila Perikatan kalah banyak kerusi dalam pilihan raya umum 10 Mei 1969, Dr. Mahathir sendiri menjadi salah seorang calon yang tidak terpilih. Beliau kalah di tangan Pas di kawasan parlimennya di Kota Star Selatan kerana tidak disokong oleh pengundi-pengundi Cina yang memberikan undi kepada Pas. Dr. Mahathir tidak lagi dapat membendung perasaannya yang selama ini terpendam, kemarahannya kepada MCA terdedah.

Beliau terasa dipermainkan oleh pengundi Cina tetapi menurut Syed Nahar Shahbuddin<sup>6</sup> yang menjadi Ketua Pemuda UMNO Kedah ketika itu, "Dr. Mahathir terperangkap dengan strategi permainan politik Pas yang menyakinkan bahawa orang Pas akan menyokongnya."<sup>7</sup>

Pada 5 Jun 1969, Dr. Mahathir memberikan reaksinya terhadap kenyataan Presiden MCA, Tun Tan Siew Sin untuk tidak menyertai kabinet berikutan dengan kekalahan teruk partinya dalam pilihan raya 1969.<sup>8</sup> Dr. Mahathir berkata, "Tun Tan Siew Sin tak payah tarik diri, MCA sepatutnya disingkirkan dari kabinet."<sup>9</sup>

Beliau amat tidak senang dengan beberapa buah dewan perniagaan Cina dan lain-lain pertubuhan Cina yang meminta MCA menimbangakan semula keputusan itu. Katanya, "Sokongan dewan-dewan perniagaan Cina ke-

6. Menteri Besar Kedah dari tahun 1978 hingga 1985.

7. Temubual dengan penulis, April 1993.

8. MCA hanya memenangi 13 kerusi Parlimen daripada 33 kerusi yang ditandinginya.

9. Temubual dengan penulis menerusi telefon dari Kuala Lumpur.



pada Tun Tan Siew Sin tidak boleh dianggap sebagai sokongan orang Cina secara keseluruhannya.

"Kalau MCA hendak tahu sama ada ia disokong oleh orang Cina atau tidak maka ia terpaksa menunggu pilihan raya sekali lagi. Untuk menunggu pilihan raya sekali lagi tentulah terlalu lama dan kerana itu MCA tidak mustahak duduk dalam kabinet."

Dr. Mahathir juga mahu MIC disingkirkan dari kabinet.

Dr. Mahathir ialah orang yang pertama sekali menyuarakan pandangan ini kepada *Utusan* berikutan kenyataan Tun Tan Siew Sin itu. Berita mengenainya ditulis dengan pendahuluan, "Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru supaya MCA dan MIC disingkirkan terus dari kabinet berikutan dengan kekalahan mereka yang teruk dalam Pilihan Raya Umum lalu."

Ketua Pengarang *Utusan Melayu*, Melan Abdullah menganggap tajuk itu terlalu keras dan beliau mengarahkan supaya didapatkan juga pendapat beberapa orang ahli majlis tertinggi UMNO yang lain. Menyertai Dr. Mahathir kemudiannya ialah dua orang lagi ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO iaitu Tan Sri Syed Jaafar Albar dan Tan Sri Syed Nasir. Berita itu kemudiannya terbit dengan nada yang lebih lembut di dalam *Utusan Melayu* dan *Utusan Malaysia* keluaran 6 Jun 1969 dengan tajuk berbunyi: "Beberapa orang tokoh Jawatankuasa Kerja Tertinggi UMNO Malaysia telah sepakat menyokong keputusan pucuk pimpinan MCA untuk tidak menyertai Kabinet".

Berita sepenuhnya seperti berikut:

*KUALA LUMPUR 5 Jun - Beberapa orang tokoh Jawatankuasa Kerja Tertinggi UMNO Malaysia*

telah sepakat menyokong keputusan pucuk pimpinan MCA untuk tidak menyertai kabinet.

Antara mereka ialah Tan Sri Syed Jaafar Albar, Dr. Mahathir bin Mohamad dan Syed Nasir bin Ismail.

Tan Sri Syed Jaafar dalam satu pertemuan dengan Utusan Malaysia menegaskan bahawa beliau tidak bersetuju sama sekali dengan perkembangan yang meminta MCA menyertai semula kabinet.

"Saya tidak bersetuju dengan cara beberapa buah dewan perniagaan Cina menyatakan kepercayaan dan sokongannya kepada Tun Tan Siew Sin dan memintanya menimbang semula keputusan MCA tidak mahu menyertai kabinet," katanya.

Menurutnya, soal yang dihadapi sekarang bukan soal memberi kepercayaan kepada Tun Tan Siew Sin sebagai pemimpin MCA tetapi masalahnya adakah orang Cina menyokong dasar Perikatan yang ada sekarang atau tidak.

"Inilah yang patut diberikan pertimbangan oleh mereka yang pada hari ini sedang heboh memberikan sokongan kepada Tun Tan Siew Sin," tambahnya.

Tan Sri Syed Jaafar Albar menyatakan lagi bahawa sokongan kepada Tun Tan Siew oleh dewan perniagaan Cina tidak memadai tetapi ia hendaklah datang daripada majoriti golongan Cina.

Beliau memberitahu soal penyertaan MCA tidak patut dibincangkan di halaman-halaman akhbar sahaja atau oleh MCA kerana UMNO sendiri sebagai tulang belakang Perikatan belum lagi membincangkan apakah patut MCA atau MIC menyertai kabinet atau apakah Perikatan patut wujud sebagaimana sekarang.

Katanya, "Soal itu bukan hanya wajib dibincangkan oleh MCA sendiri sehingga perkara itu terlihat semata-mata hak miliknya malah wajib dibincangkan oleh pemimpin Perikatan dari UMNO, MCA dan MIC."

Bagaimanapun beliau tidak hendak mendahului parti memberikan pandangan dan pendapat yang putus berkenaan perkara itu.

Dr. Mahathir yang menyokong kenyataan Tan Sri Syed Jaafar menegaskan bahawa pemimpin-pemimpin MCA hendaklah berpegang kepada kenyataan asal yang mereka tidak mahu menyertai kabinet.

Kata Dr. Mahathir, ia bersetuju dengan pendapat pemimpin-pemimpin MCA bagaimana mereka boleh mewakili orang yang mereka dakwa diwakilinya.

Menurutnya, sokongan dewan perniagaan Cina dan lain-lain pertubuhan Cina kepada Tun Tan Siew Sin tidak dapat dianggap sebagai sokongan orang Cina seluruhnya kepada MCA kerana badan-badan itu tidak mewakili hasrat orang Cina secara keseluruhannya.

"Kalau MCA hendak tahu sama ada ia disokong atau tidak maka ia terpaksa menunggu pilihan raya lagi sekali.

"Untuk menunggu pilihan raya lagi sekali tentulah terlalu lama dan kerana itu MCA tidak mustahak duduk dalam kabinet."

Dr. Mahathir juga menyatakan bahawa kedudukan MIC dalam kabinet juga harus dikaji.

Syed Nasir menegaskan bahawa keseluruhan perhubungan dan kedudukan antara UMNO, MCA dan MIC hendaklah dikaji semula mengikut keadaan yang wujud selepas pilihan raya ini.

*Katanya, "Rakyat telah menjelaskan hasrat dan kemahuan mereka dan kita tidak boleh berpura-pura menyatakan dasar Perikatan adalah sebaik-baik dasar yang boleh diterima oleh rakyat."*

Ketika *Utusan Malaysia* dan *Utusan Melayu* terbit dengan berita ini sebagai berita utama muka depan pada 6 Jun 1969 dengan tajuk, "Tokoh-tokoh sokong MCA tak sertai kabinet", seluruh negara masih belum pulih daripada ketegangan 13 Mei. Ia masih berada di bawah pemerintahan Majlis Gerakan Negara pimpinan Tun Abdul Razak.

Ketika itu di permukaan nampak tenang tetapi arus di bawah sedang mengalir dengan keras dan deras, tidak sahaja dalam hubungan antara kaum tetapi juga dalam UMNO sendiri. Kekecuruhan hubungan antara Dr. Mahathir dengan Tunku Abdul Rahman yang selama ini menjadi rahsia umum terdedah begitu luas dengan tersebarnya surat Dr. Mahathir kepada Tunku berhubung dengan peristiwa 13 Mei yang menyentuh sikap dan cara Tunku menjalankan pemerintahan negara.

Tidaklah diketahui bagaimana surat Dr. Mahathir kepada Tunku itu boleh tersebar tetapi antara tempat-tempat yang kelihatan surat itu disebarkan ialah di Kampung Baru, Kuala Lumpur di mana meletusnya peristiwa 13 Mei.

Surat itu diedarkan di kalangan masyarakat yang berhimpun di beberapa tempat di kampung itu pada satu malam di antara malam-malam yang masih tegang selepas berlaku peristiwa itu.<sup>10</sup>

10. Penulis tinggal di Kampung Baru pada masa itu dan berada bersama kumpulan pengawal kampung yang menerima surat Dr. Mahathir.

Walaupun perintah berkurung dikenakan tetapi orang Melayu berhimpun di sana sini berkawal untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Sesekali teriakan "orang luar sudah masuk" dan beberapa orang berlari sambil berteriak "Allahu Akbar" menambahkan ketegangan di kampung itu. Api yang menjulang dari kedai-kedai yang terbakar kelihatan menerangi langit malam yang gelap di sekitar Jalan Chow Kit. Suasana amat mendebarkan dan menggerunkan.

Dalam suasana beginilah surat Dr. Mahathir disebar-kan, berpindah dari tangan ke tangan dan dibaca dengan penuh minat. Ramai orang yang tidak mahu percaya bahawa surat itu ditulis oleh Dr. Mahathir kerana terlalu bersifat peribadi tetapi pada keseluruhannya mereka merasakan bahawa ia mencurahkan jeritan batin bangsa Melayu pada masa yang tepat.

Tunku tidak menafikan tuduhan bahawa beliau bermain judi semasa ketegangan 13 Mei seperti yang disebut dalam surat Dr. Mahathir itu malah beliau bertanya, "Apa salahnya saya ajak kawan-kawan saya main poker. Sudah dua tiga hari saya dok tengok api menjulang di Chow Kit. Saya dah jemu dan sunyi, saya panggillah kawan-kawan ke rumah, salahkah, salahkah saya nak bersuka-suka dengan kawan-kawan, saya bukan ambil duit orang, saya bukan ambil bini orang."<sup>11</sup>

Tunku amat jujur dan berterus terang tetapi ramai yang merasakan bahawa Tunku pada masa itu tidak sensitif kepada pergolakan yang sedang berlaku. Beliau gagal untuk menjiwai kehampaan dan ketakutan orang Melayu selepas 10 tahun merdeka. Beliau semakin jauh

11. Penjelasan Tunku kepada penulis dan Timbalan Ketua Pengarang Utusan Melayu, Osman Abadi, 18 Julai 1969.

daripada perasaan rakyat yang terpendam dan tidak dapat melihat api yang membakar Kuala Lumpur sebagai puncak keluh-kesah dan kemarahan rakyat.

Pada ketika itu, surat Dr. Mahathir semakin dicari orang, semakin berharga dan semakin meyakinkan. Nama Dr. Mahathir menjulang bersama api kemarahan yang menerangi langit malam Kuala Lumpur dan meledakkan suatu perasaan dan harapan baru di seluruh negara.

Api itu selama ini hanya membara dalam sekam.



HARUN menyangka bahawa usahanya membawa kembali Dr. Mahathir ke dalam UMNO akan meneguhkan lagi kedudukannya dalam parti tetapi ada pula pihak yang melihat Dr. Mahathir akan dapat menyekat kemaraan Harun.

Terlalu awal untuk Dr. Mahathir menyedari hakikat ini pada ketika itu.





### 3 Dibuang dan Pulang

**K**eruncingan hubungan Dr. Mahathir dengan Tunku Abdul Rahman terus memperhebatkan lagi gelora politik tanah air terutama di kalangan orang Melayu selepas peristiwa 13 Mei. Tunku menganggap surat Dr. Mahathir kepadanya yang tersebar luas di seluruh tanah air sebagai memusnahkan seluruh pengorbanannya terhadap negara dan bangsa sejak 17 tahun lalu.

Ini mendorong Tunku memberikan kata dua kepada UMNO. Pilih "saya atau Dr. Mahathir".

Apabila Timbalan Presiden UMNO, Tun Abdul Razak menyampaikan kata dua ini kepada mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO di Sri Taman pada 12 Julai 1969, Harun Idris<sup>1</sup> berkata, "Tun, kalau begitu, buat apa panggil mesyuarat ini, buang sahajalah Mahathir". Pandangan beliau disokong kuat oleh Ketua Kaum Ibu UMNO, Aishah Ghani dan juga Pengerusi Pemuda UMNO Negeri Kedah, Syed Nahar Shahbuddin.

Tun Abdul Razak seterusnya memberitahu bahawa Dr. Mahathir sebagai ahli MKT telah melanggar tata tertib

---

1. Menteri Besar Selangor.

parti kerana membuat kenyataan kepada umum tentang perkara yang sangat penting mengenai parti.

Beberapa orang anggota MKT memberikan pandangan supaya Dr. Mahathir hanya dinasihatkan meminta maaf kepada Tunku dan tidak dibuang kerana tindakan membuangnya akan menjadikannya *martyr*.

Menurut Harun, Tun Razak dan Tun Ismail telah diminta menyampaikan nasihat ini kepada Dr. Mahathir yang berada di luar. "Tetapi saya tidak tahu sama ada mereka berbuat demikian dan mesyuarat kemudiannya diberitahu bahawa Dr. Mahathir tidak mahu meminta maaf."<sup>2</sup>

Dr. Mahathir turut hadir di mesyuarat itu tetapi mengundur diri ketika perkara mengenainya dibincangkan.

Mesyuarat tersebut kemudian mengambil keputusan memecat Dr. Mahathir tetapi kenyataan akhbar yang dibuat oleh Setiausaha Agung UMNO, Senu Abdul Rahman hanya menyebutkan, "Dr. Mahathir Mohammad tidak lagi menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO mulai 12 Julai 1969.

"Keputusan ini dibuat berikutan dengan penyebaran surat-surat Dr. Mahathir kepada Tunku Abdul Rahman selaku Yang Dipertua Agung UMNO Malaysia kepada orang ramai.

"Surat itu yang mengandungi perkara-perkara yang sangat mustahak mengenai parti telah disebarikan dengan seluas-luasnya.

"Surat yang mengandungi perkara-perkara mustahak sepatutnya dibincangkan dahulu di dalam Majlis Kerja

2. Datuk Harun Idris memberitahu penulis dalam pertemuan di rumahnya, 7 April 1993.

Tertinggi UMNO terutama memandang kepada keadaan negara sekarang.

"Perbuatan yang dilakukan oleh Dr. Mahathir itu disifatkan sebagai telah melanggar tata tertib parti dan boleh merosakkan perpaduan dalam parti dan kerajaan yang didukung oleh parti."

Sehari selepas Dr. Mahathir dipecat dari Majlis Kerja Tertinggi UMNO, kerajaan telah mengambil tindakan mengharamkan surat Dr. Mahathir kepada Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman. Sesiapa yang memilikinya tanpa kebenaran boleh dikenakan hukuman penjara setahun atau denda \$1,000 atau kedua-duanya sekali. Mereka yang didapati salah kerana menerbit, mencetak atau mengedarkannya boleh dihukum penjara selama tiga tahun atau denda \$2,000 atau kedua-duanya sekali.

Setelah pasti parti menyokongnya dan disusuli pula dengan tindakan negara terhadap surat Dr. Mahathir kepadanya, maka barulah Tunku mencurahkan perasaan marahnya kepada Dr. Mahathir dalam satu pertemuan khusus dengan wartawan-wartawan Kumpulan Utusan Melayu.

Dalam berita mengenainya yang disiarkan oleh *Mingguan Malaysia* dan *Utusan Zaman* keluaran 20 Julai 1969, Tunku berkata surat yang dikirim kepadanya oleh Dr. Mahathir "telah memusnahkan seluruh pengorbanan saya terhadap negara dan bangsa yang saya lakukan sejak 17 tahun lalu".

Menurut Tunku, surat itu telah menyebabkan berlaku tunjuk-tunjuk perasaan menentang beliau di Universiti Malaya, Kolej Islam dan Institut Teknologi MARA.

"Amat menyedihkan sekali sekeping surat yang memerlukan masa 10 minit menulisnya telah memusnahkan khidmat saya selama lebih 17 tahun.

"Dr. Mahathir sendiri tahu untuk bangsa dan negara, saya telah mengorbankan segala kesenangan dan telah menjadi miskin dan papa malah untuk membayar cukai pendapatan pun saya terpaksa menjual harta benda," katanya.

Penyiaran berita ini sebagai berita utama *Mingguan Malaysia* dan *Utusan Zaman* telah menimbulkan bantahan daripada orang ramai.<sup>3</sup>

Sekalipun beberapa panggilan telefon, tidak boleh dianggap mewakili seluruh masyarakat Melayu tetapi ia semakin menjelaskan penentangan terhadap kepimpinan Tunku dan peningkatan populariti Dr. Mahathir di dalam dan di luar UMNO di seluruh negara pada masa itu.

Tunku sendiri telah merasakan tentangan terhadapnya. Selepas tindakannya terhadap Dr. Mahathir, beliau mendedahkan tentang adanya percubaan merampas kuasa dalam UMNO yang dijalankan oleh pihak-pihak pelampau dalam UMNO sendiri.

Tidak syak lagi beliau melibatkan Dr. Mahathir dalam skandal ini apabila beliau berkata, "Polis masih menjalankan penyiasatan mengenai surat terbuka Dr. Mahathir dan beliau juga mahu Mahkamah Awam mengambil tindakan mengenainya kerana saya terpaksa membersihkan nama baik saya dan juga kedudukan saya sebelum meninggal dunia."<sup>4</sup>

---

Berita itu ditulis oleh penulis sendiri dan sebaik sahaja tiba di pejabat pada pagi hari penyiarannya, penulis telah menerima panggilan daripada seorang yang tidak dikenali yang menuduh penulis cuba untuk menimbulkan simpati kepada Tunku dan ini diikuti dengan beberapa panggilan telefon lagi dalam nada yang sama kepada beberapa orang pemberita.

*Utusan Malaysia*, 2 ogos 1969.

Sekalipun sentimen jutaan orang Melayu kepada Dr. Mahathir pada masa itu begitu hangat dan kuat tetapi inilah masanya beliau merasakan keseorangan dan kesepian. Inilah pertama kali dalam hidupnya beliau merasakan debaran menunggu masa untuk ditangkap.

Rumahnya telah digeledah oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Hasil Dalam Negeri, kawan-kawan menjauhkan diri, orang yang dahulu sering memijak rumput di halaman rumahnya sehingga kering sudah tidak kelihatan lagi. Beliau dianggap merbahaya dan membahayakan.

"Saya berasa seperti terbuang. Orang pun dah takut nak datang rumah saya," katanya.<sup>5</sup>

Pada masa inilah Dr. Mahathir benar-benar dapat merasakan siapakah kawannya yang sebenar. Ketika inilah sesiapa yang datang ke rumahnya amat menyentuh hatinya.

Menurut Dr. Mahathir lagi, "Ketika orang sedang heboh mengatakan saya akan ditangkap, saya tidak boleh melupakan bahawa Tunku Abdullah Tunku Abdul Rahman<sup>6</sup> adalah satu-satunya manusia yang menunggu saya di stesen kereta api Kuala Lumpur pada suatu pagi untuk memastikan sama ada saya akan ditangkap atau tidak setibanya di stesen ini dari Alor Setar."

Ingatan beliau yang jelas dalam perkara ini menunjukkan bahawa beliau benar-benar berada dalam perasaan cemas pada pagi itu. Sememangnya telah ada arahan supaya Dr. Mahathir ditahan tetapi tidak direstukan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak.<sup>7</sup>

5. Temubual dengan penulis dalam *Utusan Malaysia*, 9 September 1974.

6. Sahabat karib Dr. Mahathir yang juga anggota Parlimen Rawang.

7. Diberitahu oleh Dr. Mahathir dalam pertemuan dengan penulis, 19 April 1993.

Tekanan terhadap Dr. Mahathir dan pengasingannya daripada arus perdana politik tanah air telah diperhebatkan lagi dengan penyingkiran beliau daripada menjadi ahli UMNO pada 26 September 1969, tidak sampai sebulan dari tarikh Tunku mendedahkan adanya pihak pelampau yang hendak merampas kuasa dalam UMNO.

Seperti kebiasaan, akhbar-akhbar nasional membebankan reaksi kemarahan orang Melayu atas tindakan pemimpin tertinggi UMNO itu sekalipun reaksinya merebak ke seluruh tanah air terutama dalam UMNO sendiri.

Orang Melayu tidak boleh melupakan keberanian Dr. Mahathir dan kelantangan suaranya mewakili hati nurani mereka yang tertekan secara terbuka sejak lima tahun dahulu. Keyakinan mereka terhadap Dr. Mahathir tidak boleh dihapuskan dengan pembunuhannya sebagai ahli UMNO.

Bagi Dr. Mahathir, sekalipun beliau menyedari simpati dan sokongan rakyat kepadanya tetapi tekanan psikologi yang dihadapinya terlalu berat apabila beliau menegenangkan dirinya sebagai seorang pejuang setia UMNO daripada awal, bersama dalam gerakan menentang Malayan Union, bersama dengan UMNO daripada hanya menjadi ahli biasa kepada ahli Jawatankuasa UMNO Negeri Kedah pada tahun 1955, menjadi ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO pada tahun 1966 dan seterusnya terpilih mewakili rakyat dalam Parlimen pada tahun 1964.

Maka penyingkirannya dari UMNO dengan suara majoriti Majlis Tertinggi UMNO dirasakan sebagai suatu penghinaan yang amat memedihkan, menghilangkan keyakinan terhadap masa depannya dan lebih besar daripada segala-galanya ialah tidak ada lagi tempat dan peluang baginya untuk bersuara menyumbangkan fikiran dan tenaganya bagi membantu bangsanya.

Keadaan lebih buruk baginya iaitu sebelum penyingkirannya dari UMNO, beliau telah pun kalah dalam Pilihan Raya Umum pada 10 Mei 1969 di kawasan Parlimen Kota Setar Selatan yang diwakilinya sejak 1964. Calon Pas, Haji Yusoff Rawa telah mengalahkannya dengan kelebihan undi 989.<sup>8</sup>

Kekalahannya ini adalah juga kerana kelantangannya mengatakan bahawa beliau tidak memerlukan undi Cina untuk menang dan ini, menurut Syed Nahar Shahbuddin "telah menimbulkan kemarahan orang Cina lalu mereka memberikan undi kepada Pas dan Dr. Mahathir terpeangkap dengan strategi Pas yang menjanjikan undi kepadanya".

Sekalipun tersingkir dari UMNO dan kembali menumpukan perhatian kepada kliniknya di Pekan Melayu Alor Setar tetapi seperti yang ditulis oleh wartawan Utusan Melayu, Subky Latiff<sup>9</sup> di dalam *Utusan Zaman* keluaran 19 Mac 1972, "Selama dalam pembuangan kurang tiga bulan tiga tahun, Dr. Mahathir menjadi punca krisis fikiran orang politik dan orang yang tertarik dengan politik negara ini."

Semasa dalam buangan, Dr. Mahathir yang telah sehati dengan politik tidak dapat mendiamkan diri. Beliau bercakap dalam pelbagai seminar dan forum sama ada di dalam dan di luar negara dan fikirannya yang tajam terus mencabar dan menarik perhatian ramai.

Di samping mengekalkan hubungan rapat dengan rakan-rakan yang bersimpati dengannya di dalam dan di

8. Haji Yusuff Rawa (Pas) mendapat 13 201 undi dan Dr. Mahathir Mohamad (Perikatan) mendapat 12 032 undi.

9. Subky Latiff telah menyertai Pas setelah meninggalkan Utusan Melayu dan menjawat jawatan Pengerusi Lujnah Penerangan Pas Pusat.



luar UMNO, Dr. Mahathir mulai berjinak dengan Pas dan kehadirannya di suatu rapat umum Pas di Kapar, Selangor telah menarik perhatian ramai dan mendebarakan UMNO. Ini membuatkan pihak-pihak yang rapat dengannya dalam UMNO semakin merasakan kehilangan dan kerugian UMNO tanpa Dr. Mahathir.

Ketua Pemuda UMNO Malaysia, Harun Idris telah mengambil langkah yang berani dengan pergi menemui Dr. Mahathir di rumahnya di Titi Gajah, Alor Setar pada tahun 1971 dalam usaha untuk membawa Dr. Mahathir kembali ke pangkuan UMNO. Dr. Mahathir terharu dengan langkah Harun ini. "Saya tidak mungkin melupakannya. Ketika semua orang takut untuk mendekati saya, Harun telah datang ke rumah saya," katanya.<sup>10</sup>

Harun memberitahu<sup>11</sup>, "Saya berbuat demikian bagi pihak Pemuda UMNO semata-mata kerana merasakan Dr. Mahathir sangat berguna kepada parti."

Sekalipun Dr. Mahathir berjinak dengan Pas, tetapi orang ramai terutamanya ahli UMNO tidak yakin bahawa beliau akan menyertai parti itu. Beliau sebenarnya mencari platform politik, bermain politik dan mahu menunjukkan harga dirinya.

Apabila Tunku mengundurkan diri dan Tun Abdul Razak mengambil alih sebagai Perdana Menteri pada bulan September 1970, maka usaha untuk membawa Dr. Mahathir kembali ke dalam UMNO semakin ketara.

Sekalipun Dr. Mahathir ingin segera kembali ke pangkuan UMNO tetapi tidak mahu menunjukkan dirinya sebagai orang yang sanggup menyembah dan mengampu

10. Dr. Mahathir memberitahu dalam satu pertemuan dengan penulis di kliniknya di Alor Setar pada awal tahun 70-an.

11. Temubual dengan penulis, 7 April 1993.

untuk diterima kembali menjadi ahli. Dr. Mahathir amat tidak senang dengan sebuah berita dalam *New Straits Times* yang menggambarkan seolah-olah beliau hendak memancing Tun Abdul Razak ketika beberapa pihak sedang berusaha untuk membawanya kembali ke dalam UMNO. Mengenai hal ini, Dr. Mahathir berkata:<sup>12</sup>

*Saudara Zam,*

*Di waktu saudara telefon saya pada 22 haribulan, saya belum baca berita di dalam Straits Times. Saya terperanjat dengan berita yang disiarkan dan berlainan dengan apa yang saya katakan. Berita ini seolah-olah seperti saya memancing. Umpamanya saya tidak kata "saya sokong Tun Razak".*

*"Apa yang saya kata ialah saya bersetuju dengan aliran polisi (agree with the trend of policy) Tun Razak."*

Dalam surat yang sama, beliau menyatakan, "Penerangan ini saya buat pada saudara kerana harapan saya amat nipis mengikut sumber yang boleh dipercayai." Dr. Mahathir pada masa itu telah pun mendapat maklumat daripada sumber yang boleh dipercayainya bahawa harapannya untuk diterima kembali ke dalam UMNO amat tipis.

Beliau telah mengemukakan permohonan untuk menjadi ahli UMNO semula menerusi UMNO Bahagian Rawang yang diketuai oleh Ahli Parlimen Rawang, Tunku Abdullah tetapi surat itu tidak begitu memuaskan hati

12. Penjelasan Dr. Mahathir kepada penulis dalam sepucuk surat yang bertarikh 23 November, 1971.

Majlis Kerja Tertinggi UMNO kerana tidak menyatakan kesediaan untuk mematuhi disiplin parti dan tidak meminta maaf. Ini mendorong Harun Idris sebagai Ketua Pemuda UMNO dan Naib Presiden UMNO dan beberapa orang lagi anggota Jawatankuasa Pemuda UMNO pergi menemui Dr. Mahathir di rumahnya di Titi Gajah, Alor Setar untuk memujuknya supaya menulis semula surat permohonan itu tetapi Dr. Mahathir tidak mahu dan memberitahu mereka bahawa beliau telah pun mengantar surat berdaftar mengenainya ke Ibu Pejabat UMNO. "Kalau dia orang nak tolak, biarlah dia orang tolak," katanya.

Bagaimanapun, Harun Idris bersama Datuk Zakaria Haji Yahya, Abdullah Ismail dan Aziz Sallehuddin telah membawa Dr. Mahathir ke Rumah Rehat di Jalan Day, Alor Setar dan sekali lagi memintanya menandatangani itu lagi surat memohon kembali menjadi ahli UMNO dan meminta maaf.

"Boleh dikatakan kami telah memaksa beliau menandatangani apabila beliau enggan untuk berbuat demikian," kata Harun.

Sebenarnya Harun Idris sebagai Ketua Pemuda UMNO banyak memainkan peranan untuk mendekatkan kembali Dr. Mahathir kepada UMNO dan menekan UMNO supaya menerima kepulangannya. Sebelumnya, beliau telah pun membawa Dr. Mahathir ke satu kempen pilihan raya kecil di Kedah bagi menyokong calon Perikatan dan mengemukakan kehadiran Dr. Mahathir di situ. Ini menimbulkan pelbagai tandatanya di kalangan orang ramai kerana Dr. Mahathir ketika itu masih berada di luar UMNO.

Harun juga berada di belakang usaha memunculkan semula Dr. Mahathir di kalangan UMNO dengan menemputnya mengemukakan kertas kerja bagi Seminar

Pembangunan Pemuda UMNO Malaysia di Sri Morib pada 25 Julai 1971 yang menemukan Dr. Mahathir bagi pertama kalinya dengan Tun Abdul Razak walaupun Dr. Mahathir masih bukan ahli UMNO.

Gambar pertemuan itu yang disiarkan oleh semua akhbar nasional pada keesokan harinya telah menarik perhatian orang ramai dan mencetuskan berita mulut yang hangat tentang Dr. Mahathir akan kembali ke pangkuan UMNO.

Bagaimanapun jalan pulang Dr. Mahathir kepangkuan UMNO bukanlah mudah. Beberapa ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO sendiri tidak senang dengan hasratnya untuk rujuk malah menentanginya dan Dr. Mahathir sendiri hampir putus asa. Hanya pada 7 Mac 1972, Jawatankuasa Disiplin Parti yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden UMNO, Tun Dr. Ismail meluluskan permohonan Dr. Mahathir untuk menyertai semula UMNO berdasarkan satu lagi surat yang dihantar kepada Presiden UMNO, Tun Abdul Razak pada 6 Februari 1972 yang antara lain Dr. Mahathir menyatakan "masih percaya kepada dasar dan perjuangan UMNO".

Sebaik sahaja pengumuman mengenai penerimaannya dibuat oleh Setiausaha Agung UMNO Malaysia di Kuala Lumpur, Dr. Mahathir mengalu-alukannya di Alor Setar pada hari yang sama dengan berkata, "Ini menjadi suatu cabaran kepada saya untuk berbuat sesuatu yang lebih mendatangkan faedah kepada rakyat dan negara."<sup>13</sup> Reaksi yang tersiar dalam akhbar-akhbar nasional menunjukkan orang ramai di seluruh negara bergembira dengan kepulangannya kepangkuan UMNO tetapi dalam UMNO sendiri terpendam perasaan tidak senang terutama di

13. *Utusan Malaysia dan Utusan Melayu*, 8 Mac 1972.

kalangan beberapa anggota Majlis Kerja Tertinggi parti itu. Tidak semuanya suka dengan kepulangannya.

Tulisan wartawan Subky Latiff dalam *Utusan Zaman* 19 Mac 1972 yang menggambarkan Dr. Mahathir sebagai *superman* telah menimbulkan kemarahan di kalangan beberapa ahli majlis itu. Rencana itu yang bertajuk, "Dr. Mahathir diterima masuk UMNO laksana *superman* pulang dari kayangan, dua singa bergurau, gajah pun takut ketawa" telah disertai dengan kartun Dr. Mahathir sebagai *superman* sedang terbang dan seluruh ahli MKT UMNO sedang menadah tangan untuk menyambutnya.

Antara lain rencana itu menyatakan, "Semasa menjadi orang buangan, Hang Tuah berusaha membuat bakti untuk berbaik dengan raja tetapi Dr. Mahathir bercakap dari sana ke sini yang menyusahkan tuannya sendiri.

"Jawatankuasa disiplin merasakan Dr. Mahathir lebih baik ada dalam UMNO dari luar UMNO. Di luar UMNO beliau menjadi raja tanpa negeri dan kalau tidak kena gaya boleh merosakkan raja yang ada negeri.

"Dr. Mahathir sekarang sudah jadi macam sirih pulang ke gagang. Bagaimanapun dia akan menjadi tentangan musuh dalam parti dan saingan pula ialah kawan dalam parti. Kemasukannya tidak pula menghentikan krisis fikiran orang politik.

"Yang nyata kemasukan Dr. Mahathir ini disambut oleh orang UMNO dari segala ceruk rantau, macam menyambut orang pulang dari kayangan. Dalam ramai orang yang berani bergurau dengannya hanya Tan Sri Syed Jaafar Albar. Gurau politik ini sungguh menarik.

"Albar menawarkan segala kerusinya kecuali kerusi Dewan Rakyat untuk memberi peluang kepada Dr. Mahathir yang dikiranya muda tetapi Dr. Mahathir lebih senang dipilih oleh mesyuarat bersama-sama Albar. Be-

gitu bunyi gurau politik antara singa tua UMNO dengan singa muda UMNO. Kerana singa sama singa bergurau, gajah pun takut hendak ketawa," kata rencana itu.

Rencana itu mengulas kenyataan yang dibuat oleh Syed Jaafar Albar tiga hari selepas Dr. Mahathir kembali kepangkuan UMNO. Kata Albar, "Saya sedia menarik diri dari Majlis Kerja Tertinggi UMNO bagi memberi peluang kepada Dr. Mahathir berkhidmat dalam UMNO dan politik tanah air."<sup>14</sup>

Dr. Mahathir yang menyedari bahawa Albar sebenarnya tidak senang dengannya telah menjawab,<sup>15</sup> "Tidak ada sebab mengapa Tan Sri Syed Jaafar Albar mesti meletakkan jawatan kerana saya boleh berkhidmat dengan mana-mana biro tanpa menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO.

"Tan Sri Syed Jaafar Albar tidak harus menjadikan kemasukan saya semula ke dalam UMNO sebagai satu alasan untuk berhenti," katanya. Kekesihan hubungan antara Dr. Mahathir dengan Albar menjadi semakin jelas apabila Dr. Mahathir dalam suratnya kepada saya menyatakan, "Saya juga ketawa menengok kartun supermahathir, bukan kerana peranan saya dalam lukisan itu tetapi kerana orang yang benci kepada saya dipaksa oleh pelukis menyambut saya. Albar barangkali bukan ketawa tetapi koyak kartun itu. Harap saudara jangan jadi mangsa politik kotor..."<sup>16</sup>

14. Apabila penulis terjumpa dengan Syed Jaafar Albar di Kelab Perdana Kuala Lumpur pada malam hari rencana itu tersiar, beliau menudingkan jarinya kepada saya sambil berkata, "Ini semua awak punya kerja." Saya memahami perasaannya tetapi saya tidak ada kena-mengena dengan rencana dan kartun yang disiarkan itu. Ketika itu penulis hanya seorang pemberita biasa.

15. *Mingguan Malaysia*, 12 Mac 1972.

16. Surat Dr. Mahathir kepada penulis bertarikh 25 Mac 1972.

Punca kekeruhan antara Dr. Mahathir dan Albar tidak begitu diketahui umum tetapi seluruh negara ketika itu sedang dilanda angin perubahan yang bertiup dari dalam UMNO. Cakap-cakap mengenai orde baru dan order lama sedang menghangatkan negara. Kebimbangan yang besar sedang melanda beberapa pihak dalam UMNO yang merasakan diri mereka sebagai orde lama.

Dalam keadaan ini, usaha-usaha untuk memulihkan imej Dr. Mahathir yang kembali ke dalam parti dijalankan dengan pelbagai cara walaupun tidak menyenangkan sesetengah pihak. Sebulan selepas penerimaannya semula ke dalam parti, Pergerakan Pemuda UMNO Perlis telah menjemput Dr. Mahathir membentangkan kertas kerja mengenai "Peranan Belia Dalam Perkembangan Ekonomi Pertanian" dalam suatu seminar yang dianjurkan pada 5 Mei 1972.

Di dalam suratnya yang mengiringi kertas kerja itu untuk siaran *Utusan Malaysia* bertarikh 1 Mei 1972, Dr. Mahathir berkata, "Saya memandang cadangan yang saya buat ini penting. Petani mulai merungut kerana Rancangan Perairan Muda tidak memberi keuntungan seperti yang dijangka. Kalau usaha ini hendak dijayakan, soal penyatuan tanah dan *industrial farming* mesti dihadapi. Rakyat mesti dibiasakan dengan fikiran-fikiran baru tentang pertanian kalau mereka dikehendaki, kemudian menerima cara pertanian yang ekonomik dan teratur."

Walaupun Dr. Mahathir meminta kertas kerjanya itu hanya disiarkan secara ringkas tetapi *Utusan Malaysia* telah menyiarkan sepenuhnya pada keluaran 6 Mei 1972.

Di dalam kertas kerjanya itu, Dr. Mahathir memberikan visinya terhadap Dasar Pertanian Negara yang disifatkannya sendiri sebagai radikal tetapi tidak mustahil.

Antara lain beliau menyatakan tidak senang dengan keadaan yang ada, katanya, "Negara semakin maju, perusahaan bertambah, bandar semakin besar, cukai semakin bertambah dan barang semakin tinggi harganya. Orang lain berubah, masing-masing berpelajaran tinggi dan berkebolehan. Kemajuan negara selaras dengan kemajuan orang bandar tetapi petani masih dengan tanah dua relong, tanam dua kali, hutang dua kali ganda.

"Ini sebenarnya tidak ada perubahan. Traktor dan baja bukan perubahan kerana perhitungan pertanian tidak ada."

Dr. Mahathir mahukan pertanian dijadikan sebagai suatu industri yang terancang atas suatu perbelanjaan dan jangkaan pertumbuhan berjadual dan diletakkan di bawah satu sistem pentadbiran. Katanya, "Ini perlu kerana ekonomi pertanian yang hendak dikembangkan bukan lagi suatu kesenian tetapi satu rancangan tersusun yang berlainan sekali daripada cara berusaha bercucuk tanam yang biasa."

Beliau menegaskan bahawa rancangan ini tidak boleh dijalankan di atas satu dua relong sawah tetapi sekurang-kurangnya 50 ekar dan kedudukan kampung seperti sekarang tidak boleh tinggal begitu sahaja.

"Cara mendirikan rumah-rumah dan mengadakan kampung seperti sekarang tidak memberi faedah yang penuh daripada kegunaan tanah iaitu tidak ekonomik. Kalau perusahaan menanam padi menjadi perusahaan moden dan besar, tiap satu ladang besar ini mesti ada kompleks pertaniannya sendiri yang diletakkan di satu kawasan yang tertentu dalam ladang masing-masing.

"Di sini tinggal pengurus dan jika mustahak pekerja-pekerja. Di sini juga ditempatkan pejabat, jentera, setor,



baja dan barang-barang jelapang dan lain-lain alat pertanian moden.

"Kalau perubahan seperti ini hendak diadakan, kampung-kampung juga mesti diubah supaya terkumpul menjadi satu pekan kecil. Pekan kecil ini akan berkehendakkan kepada bermacam-macam perusahaan dan perniagaan.

"Juga pekan ini akan mengadakan perkhidmatan yang dikehendaki oleh ladang-ladang besar di sekelilingnya - perkhidmatan seperti pembahagi baja, memperbaiki jentera, perubatan dan lain-lain.

(*"Perkhidmatan ekonomi yang terancang seperti ini akan mengubah betul-betul corak kawasan luar bandar. Kampung akan hilang diganti dengan bandar-bandar kecil. Petak sawah yang kecil akan hilang dan diganti dengan ladang. Pak tani juga akan hilang dan diganti oleh pekerja ladang yang terpelajar daripada segi penggunaan alat moden.*)

"Separuh daripada petani akan terpaksa bekerja dalam jurusan-jurusan lain di pekan-pekan kecil yang akan wujud, menjadi buruh kasar dan cekap, peniaga kecil, ejen barangan dan lain-lain."

(*Dalam bahagian terakhir kertas kerjanya itu, Dr. Mahathir berkata, "Peranan belia adalah untuk memahami kalau ekonomi pertanian hendak dikembangkan, perubahan yang radikal mesti ada.*

*"Peranan belia ialah menyediakan fikiran untuk menerima perubahan ini dan nilai hidup yang mesti ditukar untuk menyesuaikan dengan perubahan-perubahan ini," tegasnya.*)

Sebagai pejuang yang baru pulang, tindak-tanduknya dan suaranya mendapat perhatian utama di dalam dan di luar parti. Orang ingin melihat apakah langkahnya

berubah dan suaranya masih lantang.

Kertas kerjanya itu yang pertama kali dikemukakan sebagai seorang ahli UMNO yang sah menampakkan Dr. Mahathir yang dahulu juga, masih radikal dan masih kritis.

(Menyedari persepsi orang terhadapnya, Dr. Mahathir berkata tentang kertas kerjanya kepada Pemuda UMNO Perlis. "Melihat keadaan yang ada sekarang dan cara pemikiran kita, maka yang dikemukakan nampaknya khayalan, angan-angan yang mustahil akan jadi.")

("Tetapi, benda yang mustahil beberapa tahun yang lalu telah menjadi perkara biasa sekarang. Orang mendarat di permukaan bulan, bercakap dan boleh dilihat 230 000 batu jauhnya dari bulan.")

"Jika ahli sains memikir peristiwa ini mustahil dan tidak berusaha, perkara biasa ini tidak akan terjadi."

Tetapi suatu yang Dr. Mahathir sendiri tidak terfikir masa itu sekalipun tidak mustahil ialah langkahnya kembali ke pangkuan UMNO akan membawanya ke mercu politik tanah air dengan begitu cepat. Beliau tidak menafikan "siapa pun yang masuk politik tentu ada mempunyai keinginan untuk memegang sesuatu jawatan. Kita tak usahlah hipokrit dalam soal ini".<sup>17</sup> Tetapi masa itu, Dr. Mahathir tidak memikirkan dirinya sebagai calon Timbalan Perdana Menteri atau Perdana Menteri seperti yang telah pun dirancang oleh beberapa orang pemimpin yang merasakan diri mereka begitu popular, berke Layakan dan berkebolehan.

Harun Idris telah diyakinkan dengan popularitinya yang begitu kuat di kalangan orang Melayu di dalam dan di luar UMNO berikutan dengan peristiwa 13 Mei 1969.

17. *Utusan Malaysia*, 9 September 1974.

Usahnya membawa Dr. Mahathir kembali ke pangkuan UMNO juga telah memperteguhkan lagi imejnya sehingga beliau melupakan hakikat bahawa 13 Mei juga meletakkan nama Tun Abdul Razak di dalam hati nurani rakyat sebagai 'Penyelamat Bangsa', sebagai seorang pemimpin yang telah memulihkan keyakinan orang Melayu terhadap masa depan mereka.)

(Orang sekeliling Tun Abdul Razak telah nampak kemaraan Harun sebagai ancaman terutama kepada diri mereka sendiri dan mereka telah mengatur strategi untuk menyekat kemaraan itu.)

(Tidak lama selepas Dr. Mahathir kembali ke pangkuan UMNO, Tun Abdul Razak meminta Menteri Besar Kedah, Datuk Sri Syed Ahmad Sahabuddin melantik Dr. Mahathir sebagai senator mewakili negeri Kedah dalam Dewan Negara.) ✓ Ambil

Oleh kerana ramai juga orang lain di Kedah hendak menjadi senator, maka tugas Syed Ahmad tidaklah mudah. Beliau meminta Syed Nahar Shahbuddin yang ketika itu menjadi Pengerusi Pemuda UMNO Negeri Kedah bagi mencari sokongan kepada Dr. Mahathir. Syed Ahmad memberitahu Syed Nahar, "Tun Razak meminta kita membawa balik Dr. Mahathir."

(Menurut Syed Nahar, tugasnya itu menjadi mudah "kerana secara kebetulan kebanyakan bahagian UMNO di Kedah diketuai oleh pemuda dan dengan itu mudah mendapatkan sokongan mereka".) ✓

(Setelah dilantik menjadi senator, Dr. Mahathir mengukir satu lagi sejarah cemerlang dalam karier politiknya apabila beliau bagi pertama kalinya menang tanpa ber-

18. Syed Nahar memberitahu penulis dalam satu temubual pada bulan April 1993.

tanding dalam pilihan raya nasional 1974 di kawasan Kubang Pasu. Tun Abdul Razak terus melantik Dr. Mahathir sebagai Menteri Pelajaran, suatu perlantikan yang menepati sentimen kebangsaan pada masa itu.) ✓

(Dr. Mahathir memberikan penghormatan yang tinggi kepada Tun Abdul Razak di samping tidak melupakan jasa Harun kepadanya tetapi Harunlah yang dikalahkan oleh Dr. Mahathir dengan 47 undi untuk mendapatkan kedudukan tempat ketiga bagi jawatan Naib Presiden UMNO dalam pemilihan 1975. Harun menyangka bahawa usahanya membawa kembali Dr. Mahathir ke dalam UMNO akan meneguhkan lagi kedudukannya dalam parti tetapi ada pula pihak yang melihat Dr. Mahathir akan dapat menyekat kemaraan Harun.) ✓

Terlalu awal untuk Dr. Mahathir menyedari hakikat ini pada ketika itu.





INISIATIF HARUN: Gambar ini paling menarik perhatian para pembaca apabila akhbar-akhbar menyiarkannya pada keluaran 26 Julai 1971 kerana inilah pertama kali Dr. Mahathir yang ditinggirkan oleh UMNO dilihat bertemu dengan Tun Abdul Razak di hadapan umum di Seminar Pemuda UMNO Malaysia di Morib.

Memerhatikan di kiri sekali ialah Menteri Besar Selangor, yang membawa Dr. Mahathir ke seminar itu dalam rangka usahanya untuk membawa balik Dr. Mahathir ke pangkuan UMNO - gambar lisan *New Straits Times*



**SUPER M:** Kartun yang menggambarkan Dr. Mahathir sebagai superman ini yang disiarkan oleh *Uruzan* keluaran 19 Mac 1972 telah menimbulkan rasa tidak senang di kalangan beberapa orang ahli Majlis Tertinggi UMNO yang tidak menyokong kepulangan semula Dr. Mahathir ke dalam UMNO tetapi mereka telah digambarkan di antara orang yang turut mengalu-alukannya.

"Kartun ini memaksa mereka menyambut saya," kata Dr. Mahathir.



**KEMENANGAN:** Inilah saat-saat yang tidak mungkin dapat dilupakan oleh Dr. Mahathir seumur hidup iaitu kemenangan cemerlang mengalahkan calon Pas dengan majoriti 8245 undi di kawasan Parlimen Kubang Pasu dalam pilihan raya umum 1978.

Beliau terharu dan menitikkan air mata apabila diberikan sambutan yang paling meriah dengan diusung oleh orang ramai setibanya dari Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Kepala Batas, Alor Setar kerana sebelumnya iaitu semasa kempen pilihan raya itu, beliau dituduh oleh Pas sebagai Yahudi, kafir dan sebagainya.


Beliau berasa amat pahit dengan tuduhan ini dan berasa amat terharu apabila kemudiannya diberikan sanjungan yang begitu hebat dan hangat.





"INILAH PENGGANTI SAYA": Tun Hussein Onn menjulang tangan Dr. Mahathir ketika beliau mengumumkan perletakan jawatannya sebagai Perdana Menteri atas sebab kesihatan di Perhimpunan Agung UMNO 1981.

"Inilah dia pengganti saya", kata Tun Hussein.



PERDANA MENTERI: Dr. Mahathir melafazkan sumpah memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia di hadapan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 17 Julai 1981.



**DARI ABIM KE UMNO:** Dr. Mahathir mengalu-alukan penyertaan Anwar ke dalam UMNO pada 29 Mac 1982 iaitu sembilan bulan selepas beliau menjadi Perdana Menteri.

Dr. Mahathir telah melihat kaliber dan bakat kepimpinan Anwar sejak awal lagi. Maka itu beliau menarik Anwar untuk menyertai UMNO sebelum Anwar melencong ke Pas. Penyertaan Anwar ke dalam UMNO pada tahun 1982 menggemparkan ahli-ahli UMNO sendiri kerana sebagai pemimpin ABIM, beliau terkenal dengan sikapnya yang kritis terhadap UMNO.



**KERJA DAN KERJA:** Yang tidak digemari oleh Dr. Mahathir ialah berada dalam tandas, bergunting rambut dan kerat kuku kerana masa itu beliau tidak boleh membuat kerja lain.

Yang paling disukainya untuk mengisi masa ialah dengan kerja dan kerja. Jurugambar merakamkan Dr. Mahathir sedang bekerja di pejabatnya pada 16 Julai 1982 sehari sebelum genap setahun beliau menjadi Perdana Menteri.



**TERHUTANG BUDE:** Inilah perhimpunan rakyat yang pertama kali pernah diadakan sejak merdeka bagi membantah sikap raja-raja Melayu yang tidak mengendahkan kuasa yang dipilih oleh rakyat.

Perhimpunan ini diadakan pada 26 November 1983 di Lapangan Terbang Kepala Batas Alor Setar sempena menyambut kepulangan Dr. Mahathir atas inisiatif Menteri Besar Kedah, Datuk Syed Nahar Sahabuddin (di sebelah kirinya) berikutan dengan krisis pertama rakyat dengan raja di atas langkah kerajaan meminda perlembagaan berhubung dengan imuniti raja-raja Melayu.

Dr. Mahathir berasa terhutang budi kepada Syed Nahar kerana walaupun beliau seorang keluarga di raja Kedah tetapi telah mengambil inisiatif ini.



**KETAWA DALAM TANGISAN:** Betapa pun Tengku Razaleigh dan Musa Hitam cuba menunjukkan keriangin sambil mengucapkan tahniah kepada Dr. Mahathir yang berjaya mempertahankan percubaan mereka untuk menggulingkannya daripada pucuk pimpinan UMNO dalam pertandingan 1987 tetapi kepedihan yang tersemburyni di hati masing-masing mungkin masih belum berakhir sehingga kini.



WARNA DIRAJA: Panitia Inti Kongres Cendekiawan Melayu 1988 bergambar bersama Perdana Menteri Dr. Mahathir sempena pertemuan dengannya pada 23 November 1988 di mana Dr. Mahathir memberitahu pandangannya mengapa kuning menjadi pakaian diraja. Di sebelah kanan Dr. Mahathir ialah Tan Sri Ismail Hussein, Presiden Gapena dan pengerusi panitia tersebut. Di kirinya ialah Profesor Wan Hashim Wan Teh dari UKM.



PEMBEDAHAN: Sepuluh hari selepas pembedahan jantungnya pada 24 Januari 1989, Dr. Mahathir keluar ke anjung wad khas Hospital Besar Kuala Lumpur untuk melihat panorama ibu kota.

20





ERA BARU (Dr. Mahathir mengemukakan Rang Undang-Undang Perlembagaan (pindaan) di Dewan Rakyat pada 9 Mac 1993 yang membawa kepada penghapusan kekebalan raja-raja dan kedaulatan rakyat dalam erti kata yang sebenarnya.)

(F.M.A.)



IIKA SEPULUH DAIM: Presiden pertama Indonesia, Sukarno berkata, "Berikan saya sepuluh pemuda, saya akan goncangkan dunia" tetapi kepada Dr. Mahathir, berikan sepuluh orang seperti Daim, Melayu akan dapat menawan dunia.

Keakraban, permuafakatan dan kemesraan antara Dr. Mahathir dan Tun Daim jelas dari gambar ini.



**WARISAN:** Dr. Mahathir berjaya menyediakan bakal penggantian dengan licin apabila secara rasminya Anwar Ibrahim terpilih tanpa bertanding bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO dan Anwar pula berjaya memenangkan tiga Naib Presiden UMNO yang dikehendakinya. Mereka terdiri daripada Muhyiddin Yassin, Mohd. Najib Tun Razak dan Muhammad Mohd. Taib dalam Perhimpunan Agung UMNO 1993.



**PEMBAHAGIAN YANG ADIL:** Dr. Mahathir yang pada mulanya dianggap sebagai pro-Melayu dan disifatkan *Malay Ultra* akhirnya mendapat penghormatan yang tinggi daripada masyarakat berbilang kaum di Malaysia kerana pada masanya lah pembahagian ekonomi secara adil lebih dapat dirasakan oleh seluruh bangsa.

Dr. Mahathir menemui pelbagai kaum pada hari Tahun Baru Cina 1994.

# We are proud to work in Malaysia

  
Johnson Matthey

TRAFALGAR HOUSE



BRITISH AEROSPACE



WESTLAND GROUP



MENINGKATKAN MARUAH: Firma-firma gergasi British membuat iklan bersama "We are proud to work in Malaysia" dalam semua akhbar utama Inggeris yang diterbitkan di London pada 27 Februari 1994 berikutan dengan langkah kerajaan Malaysia membatalkan kontrak terhadap mereka kerana sikap media British.

Akhbar *Sunday Times* yang menjadi punca krisis ini juga menyiarkan iklan tersebut.

Sekaligus iklan ini menyedarkan rakyat British terhadap kekuatan ekonomi Malaysia, sebuah negara kecil di Asia dan meningkatkan maruah Malaysia.



**BERSAMA MEDIA:** Seperti Perdana Menteri Malaysia sebelumnya, Dr. Mahathir juga senantiasa memelihara hubungan yang baik dengan para wartawan akhbar, radio dan televisyen.

Bellau di kelilingi oleh wartawan-wartawan luar negeri yang bekejar ke Kuala Lumpur untuk mendapatkan pandangannya berkaitan dengan findakan kerajaan Malaysia membatalkan kontrak kerajaan kepada firma British pada awal tahun 1994 kerana sikap Media British.



**PENGHARGAAN:** Walaupun diketahui umum bahawa hubungan Perdana Menteri Pertama Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra dengan Dr. Mahathir tidak pernah mesra tetapi Dr. Mahathir tetap memandang tinggi dan menghormati Tunku sebagai Bapa Kemerdekaan dan pengasas Dasar Ekonomi Bebas bagi Malaysia. Pertemuan Dr. Mahathir dengan Tunku di kediaman rasmi Tunku di Jalan Putra Kuala Lumpur pada 12 November 1989 dalam usaha untuk menjalin hubungan yang baik dengan Tunku.



**KENANGAN ABADI:** Dr. Mahathir bergambar kenang-kenangan di hadapan potret Almarhum Tunku Abdul Rahman di kediaman rasmi almarhum bersempena dengan pelancaran projek Memorial Tunku Abdul Rahman Putra pada 7 Julai 1992.

Dalam pelancaran ini, Dr. Mahathir berkata, "Kejayaan paling besar yang pernah dilakukan oleh Almarhum Tunku dan akan dikenang sepanjang hayat oleh rakyat ialah mewujudkan kerjasama kaum melalui parti-parti politik."





**"APALAH KENANGAN PADA SAYA":** Apabila Dr. Mahathir mengambil balik Carcosa dari British, Tunku Abdul Rahman berkata, "Apalah lagi kenangan pada saya," tetapi setelah Tunku meninggal dunia, Dr. Mahathir mengarahkan pembinaan Memorial Tunku Abdul Rahman dan memulihkan *residency* yang sangat disayangi oleh Tunku.

Model Memorial Tunku Abdul Rahman Putra di Jalan Dato' Onn Kuala Lumpur yang merangkumi tiga bangunan iaitu bangunan *residency* (di belakang sekali) yang dikekalkan mengikut bentuk asalnya sebagai bangunan utama dan dua buah bangunan baru yang mengandungi ruang pameran bahan-bahan sejarah.



**MALAY ULTRA:** Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew pernah menuduh Dr. Mahathir sebagai *Malay Ultra* tetapi kemudiannya beliau mendapati Dr. Mahathir mempunyai banyak titik pertemuan dengannya. Dr. Mahathir dengan Lee Kuan Yew dalam satu pertemuan sempena Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel di Kuala Lumpur pada Oktober 1989.



**MENGENANG BUDI:** Malaysia tidak putus-putus membantu perjuangan rakyat Palestin menentang Israel dan bantuan ini yang bersifat material dan moral semakin hebat semasa Dr. Mahathir. Maka itu pemimpin PLO, Yasser Arafat berasa perlu untuk mengunjungi Dr. Mahathir pada tahun 1993 sebelum berdamai dengan Israel.



**PERSAHABATAN:** Menjelang pilihan raya Afrika Selatan yang pertama pada awal tahun 1994, pemimpin kulit hitam, Nelson Mandela telah mengunjungi Malaysia dan menemui Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad pada bulan Ogos 1993.

Malaysia menyokong kuat perjuangan rakyat kulit hitam Afrika Selatan menentang apartheid sejak Perdana Menteriya yang pertama, Tunku Abdul Rahman.

Dr. Mahathir mengunjungi Mandela di Afrika Selatan ketika keputusan pilihan raya negara itu menunjukkan kemenangan partinya (ANC). Mandela kemudian dilantik menjadi Presiden kulit hitam Afrika Selatan yang pertama.



**BUY BRITISH LAST:** Tindakan Malaysia melancarkan kempen "Belakangkan Pembelian British" pada tahun 1981 tidak menjejaskan hubungan Malaysia-British sebaliknya hubungannya dengan Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir dengan Perdana Menteri British, Puan Margaret Thatcher menjadi bertambah erat.

Setelah tidak lagi menjadi Perdana Menteri, Lady Thatcher melawat Malaysia pada bulan September 1993 atas jemputan Citibank dan juga untuk menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dari Universiti Utara Malaysia.

Dr. Mahathir menyambut Lady Thatcher yang mengunjunginya di pejabat sempena dengan lawatannya itu.

*TIGA Perdana Menteri Malaysia yang lalu telah mencuba tetapi hanya Dr. Mahathir dapat menyempurnakannya.*

*Fajar baru telah menyingsing dan sejarah telah terukir. Revolusi selalunya menumpahkan darah tetapi revolusi di Malaysia yang menegakkan kuasa rakyat ke atas raja-raja tidak menumpahkan walau setitis darah pun – suatu revolusi paling damai dan terindah dalam sejarah.*



## 4 Revolusi Terindah

**D**r. Mahathir tidak pernah menganggap dirinya sebagai penghalang kepada cita-cita Datuk Harun malah beliau sendiri tidak senang dan berada dalam keadaan dibuang mati emak, ditelan mati bapa ketika strategi dan taktik menyingkir Harun daripada arena politik tanah air dijalankan.

Apabila Harun dihadapkan di Mahkamah Tengah Kuala Lumpur pada 24 November 1975 atas 16 tuduhan di bawah Akta Mencegah Rasuah 1961 dan Ordinan Darurat, Dr. Mahathir merasakan "bukan Harun yang didakwa, sebenarnya UMNO dan orang Melayu yang menghadapi perbicaraan".

Tetapi Dr. Mahathir yang telah popular kerana menentang Tunku Abdul Rahman menyedari hakikat bahawa beliau akan disahkan sebagai penderhaka jika kali ini beliau membantah pula Tun Abdul Razak. Maka itu beliau mengambil keputusan untuk menjadi Hang Tuah.

Dalam sepucuk surat kepada penulis,<sup>1</sup> Dr. Mahathir menyatakan:

---

1. Ini dinyatakan oleh Dr. Mahathir dalam suratnya bertarikh 29



*"Saya sekarang menjadi Hang Tuah dan diberi tugas yang sama. Mungkin saya akan dicatit dalam sejarah Melayu moden sebagai Hang Tuah Moden."*

Selain daripada itu, beliau juga menulis:

*"Di sini kita menghadapi banyak masalah. Di waktu negara menghadapi ancaman komunis yang hebat. Harun dibawa ke mahkamah. Yang pelik ialah orang yang dahulu benci kepada Harun sekarang ini sedar tentang apakah yang sebenar."*

*"Pagi semalam seorang juruhebah RTM telah menyebutkan cerita ini seolah-olah tidak sengaja."*

*"Saya sekarang menjadi Hang Tuah dan diberi tugas yang sama. Mungkin saya akan dicatit dalam sejarah Melayu moden sebagai Hang Tuah Moden. Melayu tidak akan hilang di dunia, jawatan hamba masih banyak yang ko-song sekarang dan sehingga kiamat."*

*"Sudahlah setakat ini. Salam kepada saudara dan kawan-kawan di London. Mudah-mudahan Tuhan akan membuka hati kita dan kecemasan yang kita hadapi akan membentuk fikiran yang waras dan berguna."*

Mengenai pendakwaan terhadap Harun, Dr. Mahathir menyatakan:

*"Dalam masalah ini, bukan Harun yang didakwa – sebenarnya UMNO dan orang Melayu yang"*

---

November 1975 kepada penulis yang ketika itu berada di London. Perlu disebutkan surat ini ditulis empat hari selepas Harun dihadapkan di mahkamah.

*menghadapi perbincaraan. Dan apa juga keputusan yang tentu kalah ialah UMNO dan orang Melayu. Kekeruhan yang berikut tidak mungkin jernih lagi. Cerita yang sering disebut ialah cerita dongeng Singapura dilanda todak. Kerana memikirkan pertahanan yang berkesan, budak cerdik dibunuh raja."*

Menepati pengakuannya sebagai Hang Tuah Moden, Dr. Mahathir tidak berbuat apa-apa untuk membela Harun semasa Tun Abdul Razak dan pada peringkat awal setelah beliau dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri oleh Datuk Hussein Onn berikutan dengan kematian Tun Abdul Razak.

Hussein Onn sebagai pemangku Presiden UMNO dan sebagai Perdana Menteri meneruskan tugas Tun Abdul Razak dalam menyelesaikan masalah Harun.

Hussein Onn telah memanggil mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO di rumahnya pada malam 18 Mac 1976 untuk memecat Harun dari UMNO kerana dikatakan "telah melakukan kegiatan dan tindakan yang boleh memecahbelahkan UMNO dan menghuruharakan negara".

Seorang ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO, Syed Nahar Shahbuddin telah membantah mesyuarat itu diadakan di rumah Hussein Onn yang telah pun menetapkan pendiriannya dalam masalah Harun. Syed Nahar telah keluar dari mesyuarat itu sambil menegaskan bahawa "tidak betul mesyuarat ini diadakan di rumah Pemangku Presiden yang telah pun membuat keputusan untuk membuang Harun dan mahu memaksa keputusan ini diterima oleh majlis ini".<sup>2</sup>

2. Syed Nahar memberitahu penulis dalam temubual dengannya pada bulan April 1993.

Sebelumnya Syed Nahar telah mendengar Hussein Onn menerangkan dengan panjang lebar tentang tindakan-tindakan Harun yang tidak wajar terhadap Allahyarham Tun Abdul Razak. Oleh kerana berada dalam keadaan marah, Syed Nahar telah tertinggal penya ketika keluar dari mesyuarat itu yang dikembalikan kepadanya keesokan harinya.

Menurut Syed Nahar, Dr. Mahathir memandangnya dengan mata yang tajam ketika beliau mengemukakan bantahannya dalam mesyuarat itu dan beberapa hari kemudian, Dr. Mahathir memberitahunya bahawa beliau sendiri lebih dahulu telah pun menyampaikan pandangannya kepada Hussein Onn mengenai perkara Harun "tetapi menimbulkan kemarahan yang amat sangat daripada Hussein Onn".

Syed Nahar memahami mengapa Dr. Mahathir memandangnya begitu rupa.

Bagaimanapun menurut Syed Nahar, Hussein Onn seorang yang *gentlemen*. Apabila beliau menemuinya di parlimen keesokan harinya, Hussein menjemputnya minum bersama dan mengharapkan Syed Nahar tidak menyimpan perasaan sakit hati kepadanya dan berkata, "Tuan berhak atas pendapat tuan."

Tepat seperti jangkaan Dr. Mahathir, kekeruhan yang berlaku tidak mungkin jernih lagi. Harun bukan sahaja berada dalam kekeruhan malah terjerumus ke dalam pencemaran.

Berikutan dengan penyingkirannya dari UMNO pada 18 Mac 1976, maka kedudukannya tidak sah lagi untuk mewakili UMNO Selangor dalam Dewan Undangan Negeri. Beliau digulingkan daripada jawatan Menteri Besar Selangor yang dipegangnya sejak 12 tahun lalu menerusi undi tidak percaya di dalam Dewan Undangan Negeri

Selangor pada 25 Mac 1976 dengan 25 orang anggota menyokong, 4 berkecuali dan seorang menentang. Undi tunggal yang menentang usul itu ialah undi Harun sendiri.

Berikutnya pada 24 November 1975, Harun ditangkap oleh Biro Siasatan Negara (BSN) dan dihadapkan ke Mahkamah Tengah Khas di bawah Akta Mencegah Rasuah 1961 dan Ordinan Darurat.

Antara Mei 1975 hingga Disember 1977, Harun telah didapati bersalah oleh Mahkamah Tengah dan Mahkamah Persekutuan atas beberapa tuduhan rasuah yang melibatkan Hong Kong & Shanghai Bank dan Bank Rakyat. Beliau dikenakan hukuman penjara enam tahun. Bagaimanapun ramai pemimpin UMNO, ahli UMNO serta orang Melayu pada keseluruhannya tidak menganggap Harun bersalah.

Harun hanya dianggap bersalah setelah beliau diampunkan, apabila beliau tidak memperdulikan nasihat Dr. Mahathir yang memainkan peranan penting bagi pengampunannya supaya tidak kembali ke dalam politik dengan serta-merta.

Dr. Mahathir telah meyembahkan rayuan pengampunan bagi Harun kepada Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika beliau memangku jawatan Perdana Menteri. Hussein Onn ketika itu berada di London untuk menjalani pembedahan jantung pada 7 Februari 1981.

Harun telah diampunkan pada 1 Ogos 1981 dan terus kembali cergas dalam politik.

Harun mengakui<sup>3</sup> bahawa apabila beliau hendak kembali aktif dalam politik setelah diampunkan, Dr. Mahathir telah menasihatkannya dengan berkata, "Datuk sabarlah

3. Dalam temubual dengan penulis pada 7 April 1993.

dahulu, masih ada orang yang menentang Datuk."

Harun nampak Dr. Mahathir tidak mahu memberikan laluan kepadanya tetapi lebih cenderung untuk memujuk Musa Hitam sebagai seorang lagi pemimpin masa depan.

"Saya sekarang dipandang serong oleh Harun, tetapi biarlah orang pandang saya mencetuskan masalah tetapi tidak memandang siapa yang menyelesaikan masalah," kata Dr. Mahathir.<sup>4</sup>

Kejaguhan dan ketokohan Harun dalam politik mulai menurun apabila beliau mencabar Musa Hitam dalam pemilihan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1984. Harun hanya mendapat 34 undi sahaja.

Sebelum pengampunan dan pembebasan Harun, Dr. Mahathir sebaik sahaja mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Hussein Onn telah mengarahkan pembebasan seramai 21 orang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Antara mereka ialah bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Abdullah Ahmad, Pengerusi Parti Sosialis Rakyat Malaysia, Kassim Ahmad, dua orang anggota Parlimen DAP dan sebelas orang anggota pergerakan haram, Pertubuhan Angkatan Sabilullah (P.A.S) dan beberapa orang lagi.

Dr. Mahathir secara diam-diam telah menyuarakan perasaan simpati dan tidak bersetuju dengan penahanan beberapa orang daripada mereka itu yang dianggapnya menjadi mangsa kepada *witch hunt*.

Oleh kerana tidak dapat menahan perasaannya dan didorong oleh sikap terbukanya, Dr. Mahathir sering me-

4. Dr. Mahathir menyatakan ini kepada penulis apabila mengunjunginya selepas penulis dilantik sebagai Pengarang Utusan Malaysia pada tahun 1981 bersama dengan Allahyarham Ali Salim (Jiru) yang dilantik menjadi Pengarang Utusan Melayu.

nyatakan pandangan ini kepada beberapa orang rakan rapatnya. Pada suatu hari di awal tahun 1981, selepas satu sidang akhbar, Dr. Mahathir ketika berbual-bual dengan beberapa orang wartawan yang dikenalnya, telah mengulangi perkara itu.

Ini menyebabkan berlakunya drama memburu seorang wartawan pada malam itu setelah Dr. Mahathir menyedari bahawa seorang daripada mereka telah merakamkan perbualan dengannya. Dr. Mahathir mahu mendapatkan balik pita rakaman itu.<sup>5</sup>

Peristiwa ini mengesahkan khabar-khabar angin yang

5. Dr. Mahathir pernah memberikan pandangannya kepada penulis mengenai penahanan bekas Timbalan Menteri, Abdullah Ahmad. Beliau mengulanginya ketika bercakap dengan beberapa orang wartawan, di antaranya ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia, Khalid Mohd. yang merakamkannya.

Kira-kira jam 11.30 malam, penulis menerima panggilan telefon di rumah daripada seorang pegawai Jabatan Perdana Menteri yang bertanyakan di mana rumah Khalid. Penulis sendiri tidak tahu. Seorang pemberita wanita yang bertugas di Utusan malam itu mengetahuinya. Penulis mengambilnya di pejabat dan membawanya menemui pegawai Timbalan Perdana Menteri yang menunggu kami di Pines Brickfields, satu tempat menjamu selera di waktu malam yang popular di Kuala Lumpur ketika itu dan kemudian bersama-sama ke rumah pangsa kediaman Khalid berhampiran di situ.

Apabila kami memanjat tangga menuju ke kediaman Khalid, anjing dari sebuah rumah pangsa telah menyalak berkali-kali dengan kuat dan pegawai yang ketakutan itu telah mengajak kami turun. Kami tidak yakin Khalid ada di rumah kerana keretanya tidak kelihatan. Penulis pulang ke rumah jam 2 pagi tetapi pemberita dan pegawai berkenaan terus menunggu Khalid pulang.

Kira-kira jam 4.00 pagi, penulis menerima panggilan telefon daripada Khalid. Penulis bertanya dari mana dia bercakap, Khalid menjawab "dari rumah Dr. Mahathir" dan memberitahu bahawa dia telah memberikan pita rakaman itu kepada Dr. Mahathir.

Sebenarnya ketika kami tiba, Khalid berada di rumah. Keretanya disimpan di belakang dan ini diketahui kemudian oleh pegawai berkenaan.

mengatakan Dr. Mahathir berada dalam kebimbangan akan ditangkap oleh musuh dalam selimut dan belum pasti beliau akan dapat menjijak tangga pejabat Perdana Menteri sekalipun sudah hampir benar.

Khabar angin ini semakin kencang apabila tiga hari sebelum perlantikannya sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat, setiausaha politiknya Siddiq Ghouse telah ditangkap oleh polis kerana menjadi ejen Soviet Union.

Ramai orang tertanya-tanya kenapa Siddiq tidak ditangkap lebih awal dan mereka menganggap tindakan itu sebagai usaha terakhir orang tertentu untuk menghalang Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Dr. Mahathir tidak menolak kemungkinan pemilihan masa bagi tangkapan itu dibuat untuk menjejaskan namanya "walaupun tangkapan itu berasas", katanya.<sup>6</sup>

Pembebasan beramai-ramai 21 orang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 30 Julai 1981 atas arahan Dr. Mahathir selepas dua minggu menjadi Perdana Menteri telah meninggalkan kesan yang besar di seluruh negara, suatu harapan baru bagi kebebasan dan demokrasi menyingsing di hati rakyat.

Pembebasan itu mendedahkan perasaan dan pemikiran Dr. Mahathir yang selama ini terpendam dan hanya diketahui oleh beberapa orang sahabat karib dan rakan wartawan yang diyakininya.

Sama halnya dengan kes Harun Idris, beliau hanya menunggu masa yang tepat dan peluang terbuka untuk melakukan apa yang difikirkannya wajar dan adil.

Drama pembebasan itu diikuti dengan beberapa lagi aksi pementasan Dr. Mahathir dalam bidang sosial, po-

---

6. Penjelasan Dr. Mahathir dalam pertemuan dengan penulis, 19 April 1993.

litik dan ekonomi yang sesetengahnya tidak sealiran dengan dasar lalu, menunjukkan pendekatan-pendekatan baru, menimbulkan kontroversi dan menarik perhatian di dalam dan di luar negara.

Beliau mempercepatkan setengah jam waktu Malaysia, melancarkan slogan Bersih, Cekap dan Amanah, Kepimpinan Melalui Tauladan, Dasar Pandang ke Timur, Penerapan Nilai-nilai Islam, membelakangkan pembelian barangan British (*Buy British Last*), mengambil balik Corcosa daripada British dan menghapuskan imuniti Raja-raja.

Beliau juga meminta maaf secara terbuka kepada bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman dan mencatatkan dalam kad jemputan perkahwinan salah seorang anak perempuannya pada tahun 1982 supaya tetamu "jangan membawa sebarang hadiah".

Pada keseluruhannya, tindakan-tindakan itu merupakan gerakan kejuruteraan sosial yang segera dihayati oleh rakyat, meniupkan semangat baru dan mengubah fikiran dan sikap mereka. Ia juga menyemai bibit-bibit keyakinan dan kebanggaan diri di kalangan rakyat dan mengerakkan lagi perpaduan mereka untuk bekerja bagi memenuhi visi Dr. Mahathir ke arah mewujudkan suatu bangsa yang bermaruah.

Sebenarnya inilah janjinya bersempena dengan pemiilihannya sebagai Presiden UMNO dan menjelang perlantikannya menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Katanya, "Tugas saya yang paling penting adalah untuk menyambung tugas menjadikan kita sebagai satu bangsa yang dihormati kerana kemajuannya dan negara kita dihormati kerana kekuatannya.

"Warga negara Malaysia mestilah setaraf dengan negara-negara mana juga di seluruh dunia. Kita mesti menjadi satu bangsa yang maju.



"Kita mestilah menjadi satu bangsa yang kata-kata dipercayai, *our word is our bond*. Kita boleh menuju ke tahap ini, akan kita usahakan."<sup>7</sup>

Menyorot kembali sejak beliau mula menjadi Perdana Menteri hingga ke hari ini, nyatalah beliau tidak berganjak daripada kepercayaannya dan konsisten dalam pelaksanaan visi dan dasar-dasarnya.

Jika ada halangan politik, birokratik dan tradisi ditanggukannya dahulu tetapi tidak bererti beliau melupakannya. Apabila kesempatan terbuka, beliau akan merebutnya dan bertungkus lumus melaksanakannya dengan tegas, pantas dan berkesan.

Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam perkara yang sekecil-kecilnya hingga kepada yang sebesar-besarnya, dari lagu *Terang Bulan* yang tidak disenanginya menjadi lagu negara sejak sebelum merdeka hingga kepada *Carcosa* dan feudalisme.

Bekas Menteri Besar Pahang, Abdul Rahim Bakar dapat menilai sikap Dr. Mahathir ini dalam perkara yang melibatkan dirinya.

"Sekalipun pernah mengorbankan saya kerana kehendak Istana tetapi Dr. Mahathir konsisten dengan pendiriannya," jelas Abdul Rahim Bakar.<sup>8</sup>

Rahim terpaksa melepaskan jawatan Menteri Besar Pahang pada penghujung tahun 1981 atas permintaan Perdana Menteri setelah Rahim berkrisis dengan Sultan Pahang mengenai soal balak.

Dalam satu kenyataan mengalu-alukan tindakan Dr. Mahathir untuk meminda perlembagaan bagi menghapuskan imuniti raja-raja atas tuntutan rakyat pada awal

7. Temubual dengan penulis dalam *Mingguan Malaysia*, 28 Jun 1981.

8. *Mingguan Malaysia*, 14 Mac 1993.

tahun 1993, Rahim berkata, "Jelas sekarang Dr. Mahathir bertindak tegas terhadap salah laku raja kerana merasakan waktunya sudah sesuai. Mungkin waktu saya dulu, keadaan tidak begitu mengizinkan beliau berkeras."

Sebenarnya masalah antara Menteri-menteri Besar dengan Raja-raja yang melibatkan Perdana Menteri telah berlaku sejak zaman Tunku Abdul Rahman lagi. Tunku pernah mengancam untuk menjadikan raja-raja sebagai Raja Kelawar, Raja Sepit, Raja Lekuk dan Raja Daiman apabila Sultan Selangor, Sultan Abdul Aziz membantah langkah kerajaan Selangor mengenakan beberapa syarat dalam kelulusan sepuluh ekar tanah kepada baginda di Jalan Duta, Kuala Lumpur pada tahun 1963. Antara syarat yang dikenakan ke atas baginda ialah:

- Rumah yang didirikan di atas tanah itu tidak boleh disewakan.
- Tidak boleh bertukar tanah dan tidak boleh dijual.

Baginda telah memanggil satu persidangan akhbar pada 25 Mei 1963 dan menuduh Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman memungkiri janji-janji yang dibuatnya dalam Persidangan Raja-raja Melayu.

Menurut baginda, Tunku telah menyatakan jalan untuk menambahkan pendapatan raja-raja Melayu adalah dengan cara mendapatkan tanah dan kerajaan Persekutuan boleh meminjamkan wang kepada raja-raja Melayu sekiranya perlu. Tunku membuat tawaran itu berikutan dengan satu tuntutan raja-raja Melayu supaya elaun mereka dinaikkan tetapi kerajaan Persekutuan tidak bersetuju kerana memandangnya sebagai perkara berat.

"Apa yang berlaku kepada saya sekarang bertentangan

dengan janji Tunku Perdana Menteri," kata Sultan Selangor.<sup>9</sup>

Baginda seterusnya menyifatkan perbuatan itu seperti "menghina diri beta sebagai seorang raja di negeri ini".

"Sebagai seorang raja, beta mempunyai kuasa mengenai tanah dalam negeri Selangor ini. Mengapa orang luar dari Selangor yang mendapat tanah di sini tidak dikenakan syarat dan beta dikenakan syarat pula?"

"Beta rasa ini suatu penghinaan yang dilakukan ke atas beta sebagai sifat seorang raja yang berkuasa di negeri ini.

"Beta dukacita apa yang berlaku sekarang berlawanan sekali dengan apa yang dijanjikan oleh Tunku Perdana Menteri kepada raja-raja Melayu.

"Beta tidak ragu-ragu lagi menuduh kerajaan Perikatan mungkir janji kepada raja-raja Melayu."

Baginda berulang-kali menuduh Tunku Perdana Menteri mungkir janji.

Berikutan dengan penyiaran berita itu, Tunku telah memanggil wartawan *Utusan* pada 26 Mei 1963<sup>10</sup> dan antara lain menyatakan, "Payah-payah kita jadikan raja-raja sebagai Raja Lekuk, Raja Kelawar, Raja Sepit dan Raja Daiman."

Bagaimanapun kenyataan Tunku yang keras itu tidak disiarkan sebaliknya yang tersiar di dalam *Utusan Melayu* 27 Mei 1963 ialah perasaan dukacita Tunku dengan kenyataan Sultan Selangor itu dan Tunku akan merundingkan perkara itu dengan Tun Abdul Razak dan Menteri Besar Selangor, kemudiannya akan membawanya ke mesyuarat tertinggi Perikatan.

9. *Utusan Melayu*, 26 Mei 1963.

10. Penulis sendiri dihantar oleh Ketua Pengarang untuk menemui Tunku pada 26 Mei 1963.

Bagaimanapun Sultan Selangor yang mendapat maklumat tentang kemarahan Tunku serta-merta membetulkan kenyataannya pada hari penyiaran kenyataan baginda kepada akhbar-akhbar dengan mengatakan bahawa baginda menunjukan kemurkaannya kepada ahli-ahli Majlis Kerja Kerajaan Selangor dan bukan kepada Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman.

Kenyataan Tunku untuk menjadi raja-raja sebagai Raja Lekuk, Raja Daiman, Raja Sepit dan Raja Kelawar sebenarnya diilhamkan kembali daripada tulisannya yang pernah tersiar di dalam buku *10 Tahun Utusan Melayu* (Lihat Lampiran 1) yang diterbitkan pada tahun 1949. Ketika itu Tunku yang baru sahaja pulang dari England menjadi Yang Di-pertua UMNO Kedah dan beliau sedang berselisih faham dengan abangnya Sultan Kedah, Tengku Badlisah kerana "memandang UMNO sebagai sebuah pertubuhan yang tidak halal".

Antara lain Tunku menulis, "Sejarah dunia telah menunjukkan rakyat boleh menjatuhkan raja dan boleh menaikkan raja. Raja boleh menjatuhkan kerajaan dan mendirikan kerajaan.

"Yang Maha Mulia King Farouk, Raja Mesir dua tahun yang lepas memberi kenyataan kepada wakil-wakil surat khabar Inggeris. Di antara lain baginda berkata, saya menjadi raja kerana rakyat berkehendakkan saya, tetapi hanya tuhan sahajalah yang dapat mengetahui berapa lama rakyat berkehendakkan saya.

"Pada anggapan saya dalam masa ke hadapan ini akan ada lima raja sahaja dalam dunia iaitu Raja Great Britain, Raja Lekuk, Raja Daiman, Raja Sepit dan Raja Kelawar." (Lihat Lampiran 1)

Pada keseluruhannya, raja-raja Melayu tidak sensitif kepada kuasa rakyat sejak sebelum merdeka sehingga

selepas kemerdekaan. Daripada satu Perdana Menteri ke satu Perdana Menteri, raja-raja telah diingatkan tentang kedudukan mereka yang dipulihkan oleh rakyat. Jika tidak kerana kebangkitan rakyat membantah Malayan Union, raja-raja sudah tidak ada lagi di negara ini.

Ingatan ini dibuat oleh pemimpin-pemimpin UMNO kerana kebanyakan raja-raja sering melampaui bidang kuasa mereka, mencampuri urusan perlantikan Menteri Besar dan Exco Negeri, selalu meminta tambahan bagi peruntukan perbelanjaan mereka dan suka membazirkan wang negara. Umpamanya, sebelum Sultan Selangor mengecam Tunku kerana pemberian bersyarat sepuluh ekar tanah kepadanya di Jalan Duta, Sultan Perak telah membuat kecaman terhadap kerajaan Perikatan dalam titahnya ketika sembahyang Hari Raya Haji di Masjid Kuala Kangsar.<sup>11</sup> Baginda telah menegur wakil-wakil rakyat yang, katanya, tidak mahu menjalankan tanggungjawab yang sepatutnya.

Tunku, Tun Abdul Razak dan Hussein Onn silih berganti menghadapi kerenah raja-raja dan akhirnya terpaksa pula diwarisi oleh Dr. Mahathir Mohamad yang semanginya telah menyimpan keazaman untuk menghapuskan masalah ini sekaligus dan untuk selama-lamanya.

Setelah hampir dua tahun menjadi Perdana Menteri dan masih menghadapi masalah yang sama dengan raja-raja seperti yang telah dihadapi oleh Perdana-Perdana Menteri terdahulu, malah beliau terpaksa menggantikan seorang Menteri Besar Pahang kerana raja dan kerajaan terpaksa menjamin raja yang kalah berjudi di luar negara, maka Dr. Mahathir semakin terdorong untuk mempercepatkan penyelesaian karenah raja-raja ini.

11. *Utusan Melayu*, 25 Mei 1963.

Beliau mengambil langkah pertama mengemukakan pindaan Perlembagaan 1983 yang antara lain bagi memastikan Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja tidak menjadi penghalang kepada pengesahan rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen atau Dewan-dewan Undangan Negeri.

Rang Undang-undang Perlembagaan (pindaan) 1983 yang diluluskan oleh Parlimen pada 3 Ogos dalam perkara 66, fasal 5 berbunyi seperti berikut:

Menjalankan kuasa perundangan. 66(5) Sesuatu rang undang-undang hendaklah menjadi undang-undang apabila ia diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Jika kerana apa-apa pun jua sebab rang undang-undang itu tidak diperkenankan oleh baginda dalam tempoh 15 hari selama undang-undang itu dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulai Yang di-Pertuan Agong, maka baginda hendaklah disifatkan telah memperkenankan rang undang-undang itu dan rang undang-undang tersebut hendaklah dengan demikian itu menjadi undang-undang.

Sebahagian besar raja-raja secara senyap dan secara terbuka telah menentang pindaan itu tetapi yang paling ke depan sekali ialah Yang di-Pertuan Agong dari Pahang, Sultan Ahmad Shah yang menunjukkan bantahannya dengan tidak menghadiri Persidangan Majlis Raja-raja yang ke-128 yang diadakan di Kota Kinabalu, Sabah pada 11 Oktober 1982. Tujuan baginda ialah tidak mahu bertemu dengan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad.

Ini menimbulkan kemarahan di kalangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri yang turut menghadiri persidangan itu.

Menteri Besar Kedah, Syed Nahar Shahbuddin telah mengambil inisiatif memanggil satu mesyuarat tergempar antara mereka di Bangunan Yayasan Sabah dan mengambil keputusan untuk menyampaikan bantahan keras kepada raja-raja menerusi penyimpan Mohor Besar Raja-raja Melayu terhadap perbuatan mereka yang tidak menghormati Perdana Menteri.

Menteri Besar Terengganu, Wan Mokhtar Ahmad telah ditugaskan merangka surat bantahan itu yang menegaskan kepada Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja bahawa Perdana Menteri, Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri mewakili seluruh rakyat.

Syed Nahar Shahbuddin telah bertindak lebih jauh daripada itu. Sekembalinya ke Kedah selepas menghadiri persidangan Majlis Raja-raja di Sabah, beliau telah menganjurkan satu perhimpunan raksaksa rakyat menunjuk bantahan kepada raja-raja terutamanya kepada Yang di-Pertuan Agong dari Pahang yang katanya "telah menjatuhkan air muka Dr. Mahathir" dan bagi menyatakan sokongan kepada Dr. Mahathir.

Lebih 50 000 orang telah menghadiri perhimpunan itu di Lapangan Terbang Kepala Batas, Alor Setar yang diadakan bersempena dengan kepulangan Dr. Mahathir ke Alor Setar pada 26 November 1983. Inilah perhimpunan pertama rakyat yang pernah diadakan di Malaysia bagi membantah sikap raja-raja sejak kerajaan meluluskan Pindaan Perlembagaan 1983.

Setibanya di lapangan terbang itu, Dr. Mahathir memberitahu perhimpunan yang menunggunya, "Kita tidak lawan sesiapa, kita tidak ambil kuasa sesiapa, tetapi apa

yang hendak diperjuangkan adalah menurut kehendak-kehendak perlembagaan."

Dengan tidak secara langsung, Dr. Mahathir memberitahu raja-raja bahawa mereka tidak akan kekal dengan menyebutkan diri beliau juga tidak akan kekal selamanya "tetapi yang kekal ialah rakyat sendiri".

"Mati seorang rakyat akan diganti dengan dua yang lain," tegasnya.

Perhimpunan ini merintis kepada berlakunya perhimpunan-perhimpunan rakyat di lain-lain negeri di seluruh negara bagi membantah keengganan Yang di-Pertuan Agong untuk menandatangani Pindaan Perlembagaan 1983 itu yang telah pun diluluskan oleh Parlimen bagi tujuan menegakkan kuasa eksekutif pilihan rakyat.

Dr. Mahathir amat terharu dengan sikap "Datuk Syed Nahar yang amat kuat menyokong cadangan pindaan perlembagaan itu walaupun beliau merupakan keluarga diraja Kedah," katanya.<sup>12</sup>

Yang di-Pertuan Agong tidak menandatangani pindaan itu dan hanya ditandatangani oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada 15 Disember 1983. Harapan Dr. Mahathir untuk melihat masalah eksekutif dengan raja-raja diselesaikan sekaligus dan buat selama-lamanya tidak tercapai.

Menurut Dr. Mahathir, "Yang di-Pertuan Agong pada mulanya bersetuju dengan pindaan perlembagaan itu tetapi apabila Sultan Selangor tidak bersetuju, baginda ikut tidak bersetuju."<sup>13</sup>

Walaupun Timbalan Perdana Menteri, Musa Hitam

12. Dr. Mahathir berkata dalam satu perbualan dengan penulis, 19 April 1993.

13. *Ibid.*



menganggap penandatngani pindaan itu sebagai suatu kemenangan kematangan sistem politik<sup>14</sup> tetapi rakyat pada keseluruhannya merasakan sebagai kemenangan yang tidak matang.

Bagaimanapun ketika itu rakyat dan media massa tidak berani bersuara kerana pemimpin-pemimpin politik sendiri pun tidak lagi selantang seperti pada mulanya. Ketidakterkesan pindaan perlembagaan yang hanya ditandatangani oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong itu akhirnya terdedah apabila timbul semula masalah raja-raja dengan Menteri Besar dan rakyat terutama di Pahang dan di Johor.

Bekas Yang di-Pertuan Agong, Sultan Johor yang mahu dirinya terus dipanggil sebagai *King of Johore* tidak dapat mengawal kelakuannya dan tingkah-laku putera-puteranya yang suka membuli rakyat dan melanggar undang-undang dengan sewenang-wenangnya.

Sultan Pahang pula mengulangi perbuatannya tidak menghormati Menteri Besar dan menunjukkan kerakusannya ke atas balak di negeri itu.

Beberapa orang Sultan dan anak raja menggunakan kedudukan dan pengaruh untuk merebut peluang-peluang perniagaan atau membiarkan diri mereka digunakan oleh tauke-tauke bagi mendapat kontrak-kontrak besar daripada kerajaan.

Dalam pada itu, kerajaan telah menunjukkan tolak ansur yang banyak dengan Sultan Johor kerana menengahkan jasa-jasanya semasa menjadi Yang di-Pertuan Agong. Kerajaan telah memberikan kepadanya kebenaran bagi menjalankan stesen radionya sendiri bagi negeri Johor dan di samping itu, RTM dalam siaran bahasa Inggeris

14. *Utusan Malaysia*, 15 Disember 1983.

terus menggunakan *King of Johore* bagi rujukan kepada baginda atas permintaan baginda sendiri.

Di sebalik apa yang jelas kepada rakyat sebagai tolak ansur kerajaan, Dr. Mahathir sebenarnya terus menyimpan perasaan marah yang amat sangat terhadap perilaku Sultan Johor yang sampai kepengetahuan beliau dari semasa ke semasa. Dr. Mahathir juga tidak senang dengan sikap beberapa orang raja lagi yang langsung tidak menghayati Pindaan Perlembagaan 1983.

Perasaan tidak senang dengan sikap feudalisme raja-raja itu amat jelas dalam pertemuannya dengan sekumpulan cendekiawan Melayu di kediamannya di Sri Perdana pada malam 23 November 1988. Beliau menghabiskan masa yang panjang menceritakan bagaimana asal usul raja-raja dan kenapa mereka berpakaian kuning.

Menurut Dr. Mahathir, warna kuning itu dipercayai melambangkan kemuliaan dan kesucian. Kepercayaan ini mungkin berkaitan dengan agama Buddha. Ini berasaskan kepada orang Melayu juga berasal dari keturunan Hindu dan sami Buddha yang sehingga sekarang memakai pakaian berwarna kuning.<sup>15</sup>

Tidak lama selepas pertemuan itu, Dr. Mahathir telah diserang sakit jantung dan menjalani pembedahan<sup>16</sup> tetapi pembedahan itu tidak melupakannya dengan beberapa hasrat yang masih tersirat di hatinya dan tanggungjawabnya yang belum selesai daripada soal lagu *Terang Bulan* dijadikan lagu negara hingga kepada masalah raja-raja.

Beliau hanya menunggu masa dan ketika yang sesuai. Bagaimanapun peristiwa putera Sultan Johor, Tengku

15. Dr. Mahathir memberitahu penulis dalam pertemuan pada 26 April 1994.

16. Dr. Mahathir menjalani pembedahan jantung pada 24 Januari 1989.

Bendahara Johor, Tunku Majid Idris menyerang penjaga gol hoki Perak, Mohd. Jaafar Selvaraj yang diikuti dengan Sultan Johor sendiri, Tengku Mahmood memukul jurulatih hoki Maktab Sultan Abu Bakar, Douglas Gomez yang didedahkan oleh *New Straits Times* pada 1 Disember 1992 telah mendorong Dr. Mahathir untuk bertindak dengan pantas atas isu yang telah menimbulkan kemarahan rakyat yang melampaui batas politik dan kaum.

Dr. Mahathir menyambut isu ini seperti kilat.

Pada 7 Disember 1992, Timbalan Ketua Polis Negara, Abdul Rahim Mohd. Noor, menamakan Sultan Johor sebagai orang yang memukul Gomez ketika dia dipanggil mengadap di Istana Bukit Serene, Johor.

"Dalam aduan bertulisnya kepada Polis di Johor Baharu, Gomez mengadu dia dipukul di muka oleh Sultan Johor," kata Abdul Rahim.<sup>17</sup>

Pendedahan yang menggemparkan negara ini disusuli pula oleh langkah Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba pada 10 Disember 1992 mengemukakan kepada Parlimen kes seorang rakyat Malaysia dcederakan oleh Sultan Johor di Istana Johor pada 30 November 1992. Usul khas mengenainya yang dikemukakan oleh Ghafar berbunyi, "Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini berasa amat sedih dan memandang serius ke atas insiden seorang rakyat Malaysia, Douglas Gomez yang telah dcederakan di istana Johor pada 30 November 1992 oleh DYMM Sultan Johor.

"Dan bahawa Dewan ini memutuskan kejadian tersebut adalah satu penyalahgunaan kuasa yang bercanggah dengan semangat perlembagaan Malaysia dan berten-

17. Berita mengenainya disiarkan sebagai berita utama oleh semua akhbar nasional dan TV3 kecuali RTM.

tangan dengan cita-cita serta hasrat undang-undang negara yang berasaskan kepada sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

"Dan bahawa Dewan ini mengambil ketetapan segala tindakan yang perlu hendaklah diambil bagi menentukan insiden yang seumpama ini tidak berulang lagi pada masa hadapan (ucapan penuh pembentangan usul mengenai Raja-raja Berperlembagaan oleh Ghafar Baba di Parlimen pada 10 Disember 1992, lihat *Lampiran 2*).

Jelas sekali usul ini tidak sahaja bertujuan mengutuk tindakan ganas Sultan Johor tetapi untuk mendorong kerajaan mengambil tindakan yang tegas bagi mencegah sebarang penyalahgunaan kuasa oleh raja-raja dan bagi melicinkan jalan untuk Dr. Mahathir menyelesaikan masalah ini sekaligus dan untuk selama-lamanya.<sup>18</sup>

Perbincangan mengenai usul itu di Dewan Rakyat telah mendedahkan pelbagai perilaku Sultan Johor yang selama ini menjadi rahsia umum dan tidak pernah tersiar di dalam akhbar-akhbar atau lain-lain media massa.

18. Apabila penulis masuk ke pejabatnya pada petang 11 Disember 1992 sambil berkata, "Saya memberikan tabik hormat dan tahniah kepada Datuk."

"Kenapa nak tabik dan nak tahniah saya?" tanya Dr. Mahathir.

"Datuk telah merebut peluang keemasan untuk melakukan sesuatu yang selama ini gagal dilakukan oleh sesiapa," kata penulis.

Beliau memahami apa yang saya maksudkan. Dewan Rakyat baru sahaja meluluskan usul Raja-raja Berperlembagaan yang mengutuk tindakan Sultan Johor memukul Gomez. Dr. Mahathir melihat ini sebagai suatu kesempatan untuk menyelesaikan masalah yang selama ini belum selesai.

"Sebenarnya kita telah mengambil suatu langkah yang merbahaya," kata beliau.

"Ini suatu revolusi," kata penulis.

Dr. Mahathir hanya diam

Ditanya apa kata Sultan Johor?

"Dia kata saya tak kenang jasanya," kata Dr. Mahathir.

Anggota Parlimen Arau, Shahidan Kassim memberitahu Dewan Rakyat, keluarga Diraja Johor bertanggungjawab melakukan 23 kes penganiayaan ke atas orang ramai termasuk memukul, mencedera dan merogol sejak tahun 1972. Semua kes ini tertakluk di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Sementara itu, anggota parlimen DAP bagi kawasan Jelutong, Karpal Singh pula memberitahu bahawa dua orang ahli Dewan Undangan Negeri Johor telah ditampar oleh Sultan Johor pada 20 Jun 1993 dan DAP telah membuat aduan bertulis kepada Yang di-Pertuan Agong supaya dikemukakan kepada Majlis Raja-raja untuk tindakan tetapi tidak ada sebarang tindakan yang diambil.

Pendedahan tingkah laku Sultan Johor dalam Parlimen telah menghangatkan suasana negara dan mencatatkan satu sejarah baru keberanian rakyat secara padu dan terbuka menentang ketidakadilan raja-raja.

Beberapa orang anggota Parlimen DAP ketika bercakap-cakap dengan Dr. Mahathir di luar Parlimen semasa waktu rehat persidangan telah menyatakan kebimbangan mereka terhadap kemungkinan-kemungkinan yang akan menimpa anggota-anggota Parlimen yang menyertai perbincangan mengenai Sultan Johor itu kerana tindakan boleh diambil terhadap mereka di bawah Akta Menghasut 1948.

Walaupun pertanyaan itu dikemukakan kepada Ghafar Baba tetapi mereka memerhatikan Dr. Mahathir yang berada di samping Ghafar dan Dr. Mahathir menjawab "bukan saudara-saudara sahaja yang tidak selamat tetapi saya juga tidak selamat".<sup>19</sup>

19. Dr. Mahathir menceritakan perkara ini kepada penulis dalam pertemuan dengannya pada 11 Disember 1992.

Setelah Parlimen meluluskan usul itu, Dr. Mahathir mengumumkan pada hari yang sama (11 Disember 1992) bahawa kerajaan akan meminda perlembagaan bagi mengehadkan kekebalan raja. Ini segera diikuti oleh persidangan Dewan Tertinggi Barisan Nasional pada 12 Disember 1992 yang memutuskan supaya dipanggil Sidang Khas Dewan Rakyat bagi meminda perlembagaan.

Masalah yang dihadapi oleh Dr. Mahathir ketika itu adalah untuk menghidupkan terus sokongan rakyat dalam tindakan terhadap raja-raja sementara menunggu satu usul pindaan perlembagaan mengenainya dikemukakan dalam Parlimen kira-kira sebulan lagi.

"Masalah sekarang ialah bagaimana hendak mengekalkan momentum sokongan rakyat ini," katanya.<sup>20</sup> Walau bagaimanapun seluruh media massa; akhbar dan elektronik telah tampil ke hadapan memberikan bantuan yang diperlukan oleh Dr. Mahathir dengan lantang dan berani kecuali media kerajaan sendiri, RTM yang tidak bersemangat dan tidak berinisiatif dalam menyerfai perang psikologi itu malah pada satu peringkat Menteri Penerangannya, Mohd. Rahmat terpaksa dinasihatkan untuk memberhentikan siaran cabutan ucapan Dr. Mahathir di Parlimen mengenai raja-raja di televisyen dan radio kerana cara penyiarannya yang menjemukan pendengar dan penonton serta mendatangkan tindakbalas yang negatif. Dalam masalah ini, RTM kelihatan seolah-olah tidak merestukan tindakan kerajaan, tidak bersemangat dan tidak berinisiatif.

Akhbar-akhbar nasional Melayu, *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* serta akhbar Inggeris, *New Straits Times* dan TV3 merupakan media paling ke hadapan dan paling

20. *Ibid.*

berani sekali menjalankan peranan membangkitkan kesadaran rakyat terhadap perilaku raja-raja.

Perasaan membara para wartawan kerana terpaksa membenamkan kisah buruk raja-raja tertentu selama ini terpancar menerusi media elektronik dan cetak. Cerita yang didedahkan tidak hanya tertumpu kepada perilaku Sultan Johor tetapi juga tentang kerakusan balak Sultan Pahang, ketamakan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan malah kedudukan takhta Sultan Kelantan pun dipersoalkan.

Pelbagai perbuatan sumbang Sultan Johor dan keluarganya dibongkar dan didedahkan secara besar-besaran. Antaranya ialah peristiwa seorang Tengku Mahkota Johor mendera seorang anggota Polis dengan menyuruhnya mengawal kandang anjing di belakang Istana Johor dan kemudian dipanggil anjing lebih daripada 30 kali oleh Tengku Mahkota.<sup>21</sup>

Hanya orang yang kurang waras sahaja yang sanggup memanggil orang lain anjing," kata Timbalan Ketua Polis Negara, Abdul Rahim Mohd. Noor.<sup>22</sup>

Akhbar-akhbar juga menyiarkan perihal Sultan Johor mendenda mengikut suka hatinya ke atas orang yang ditahannya kerana dikatakan melanggar undang-undang lalulintas.

Pada 27 Januari 1993, berita Tengku Bendahara Johor, Tunku Majid Idris dihadapkan ke Mahkamah Majistret Johor atas tuduhan sengaja mendatangkan kecederaan ke atas Mohd. Jaafar Selvaraj, penjaga gol hoki Perak telah menjadi siaran utama semua akhbar nasional, televisyen dan radio. Bagaimanapun oleh kerana Mohd. Jaafar ber-

21. *Berita Harian*, 1 Februari 1993.

22. *Utusan Malaysia*, 3 Februari 1993.

setuju kes itu diselesaikan dengan ganti rugi RM1,000, Tengku Bendahara telah dibebaskan.

Pendedahan semua peristiwa ini telah membangkitkan kemarahan orang ramai terhadap raja-raja dan keluarga diraja yang terlibat dan meluaskan kesedaran rakyat yang mendorong kepada perpaduan dan kebulatan tekad untuk menyokong Dr. Mahathir bagi menyelesaikan masalah dengan raja-raja sekarang dan untuk selama-lamanya.

Rakyat benar-benar berada dalam satu kesedaran dan keyakinan baru bahawa kedaulatan raja-raja sebenarnya berada di dalam tangan mereka.

Pada 9 Januari 1993, pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO telah menemui raja-raja Melayu dan menyampaikan cadangan pindaan perlembagaan bagi menghapuskan kekebalan mereka tetapi apabila raja-raja berdolak-dalik, Menteri Kewangan, Anwar Ibrahim memberi amaran pada 15 Januari 1993 bahawa kabinet akan menimbangkan untuk mengadakan satu pungutan suara jika raja-raja Melayu gagal memberikan persetujuan berhubung dengan pindaan perlembagaan dan serentak dengan itu, Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba berkata kerajaan tidak akan berundur dalam usahanya untuk meminda perlembagaan.

Sehingga pada saat terakhir Perdana Menteri, Dr. Mahathir hendak membentangkan Rang Undang-undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993 kepada Parlimen pada 18 Januari 1993, raja-raja Melayu yang bersidang di Istana Negara pada hari yang sama tidak memberikan persetujuan mereka sebaliknya meminta supaya diadakan perundingan lanjut bagi mencapai kata muafakat.

Raja-raja memikirkan taktik dan strategi mereka akan menang tetapi Dr. Mahathir tidak memperdulikan bantahan mereka sebaliknya terus membentangkan pindaan



perlembagaan pada hari yang sama dengan mengingatkan raja-raja supaya menerima kehendak politik negara kerana suara rakyat mengatasi segala-galanya.

Dr. Mahathir mengemukakan bahawa tujuan utama pindaan perlembagaan itu ialah:

- Bagi menghindar raja-raja daripada melakukan perbuatan yang boleh mengakibatkan tindakan undang-undang terhadap mereka.
- Mengehadkan imuniti raja-raja di sisi undang-undang.
- Membenarkan anggota Parlimen membahaskan isu raja-raja secara terbuka di Dewan asalkan tidak mencadangkan penghapusan sistem raja.

Dr. Mahathir berkata, sebelum ini banyak berlaku insiden raja menganiaya rakyat, raja menyalahi undang-undang sivil dan jenayah, raja menyalahgunakan wang serta harta kerajaan dan negara serta raja menekan dan menganiaya pegawai-pegawai.

Menurut Dr. Mahathir lagi, semua Perdana Menteri dan Menteri Besar telah melaporkan kepada Majlis Tertinggi UMNO segala masalah yang dihadapi oleh mereka dengan raja-raja tetapi ramai tidak diberitahu dan oleh kerana itu sebahagian besar daripada mereka terus percaya bahawa sistem Raja Berperlembagaan berjalan dengan baik dengan raja menghormati segala peruntukan dalam perlembagaan.

"Ketiga-tiga Perdana Menteri terdahulu sebagai penasihat kepada raja-raja telah pun menegur raja-raja berkali-kali tetapi semua teguran ini tidak berkesan," kata Dr. Mahathir.

Walaupun tidak dipersetujui oleh raja-raja tetapi Par-

limen telah meluluskan Rang Undang-undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993 dengan majoriti dua pertiga pada 19 Januari 1993 dan ini segera diikuti dengan tindakan kabinet membuat keputusan untuk menarik balik segala kemudahan dan keistimewaan raja-raja Melayu yang tidak terkandung dalam perlembagaan.

Apabila berasa kedudukan mereka mulai terancam, raja-raja menunjukkan sikap tolak ansur dan mengambil keputusan dalam Mesyuarat Raja-raja Melayu ke-159 pada 11 Februari 1993 memperkenankan pindaan perlembagaan itu dengan meminta sedikit pengubahsuaian.

Satu dokumen perisytiharan antara raja-raja Melayu dan kerajaan berhubung dengan persetujuan itu ditandatangani serta-merta pada hari yang sama antara Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Engku Datuk Ibrahim Engku Ngah dan Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman di Bilik Gerakan Pejabat Timbalan Perdana Menteri.

Cadangan pengubahsuaian yang dikembalikan kepada Perdana Menteri oleh Yang di-Pertuan Agong kepada kerajaan telah dibentangkan semula kepada Parlimen oleh Perdana Menteri pada 8 Mac 1993 dan diluluskan dengan suara majoriti pada 9 Mac 1993 dengan penyesuaian yang tidak menjejaskan tujuan utama Rang Undang-undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993 iaitu untuk menentukan raja-raja boleh didakwa di bawah undang-undang tetapi mereka akan dihadapkan ke Mahkamah Khas.

Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja negeri dikehendaki berhenti daripada berfungsi apabila menghadapi tindakan undang-undang dan jika didapati bersalah dan dihukum penjara lebih daripada satu hari, mereka akan diturunkan takhta melainkan jika diampun.

Walaupun di bawah pindaan ini, sebarang tindakan ke

atas raja-raja tidak boleh diambil tanpa persetujuan Peguam Negara tetapi ini tidak akan dapat menghalang kuasa rakyat yang diwakili oleh Perdana Menteri bagi mengambil tindakan terhadap raja-raja apabila diperlukan. Telah menjadi amalan biasa Peguam Negara akan berunding atau mendapat nasihat daripada Perdana Menteri dalam perkara-perkara penting yang melibatkan negara dan kepentingan awam.

Sejak 9 Mac 1993, raja-raja Melayu dapat memahami sepenuhnya bahawa kedaulatan mereka terletak di tangan rakyat dan kedudukan mereka sebagai raja berperlembagaan terkawal oleh perlembagaan. Mereka tidak lagi boleh menolak nasihat Perdana Menteri dan Menteri-menteri Besar atau cuba campur tangan dalam pemerintahan negara atau negeri dan tidak boleh mempengaruhi perlantikan Menteri Besar atau Exco Negeri, mengambil bahagian dalam politik secara langsung atau tidak langsung, menjalankan perniagaan secara langsung, menampar dan memukul rakyat dengan sewenang-wenangnya, tidak membayar hutang bank atau melakukan lain-lain perkara yang melanggar undang-undang.

Dr. Mahathir akhirnya telah dapat memastikan rakyat mendapat perlindungan undang-undang daripada sebarang penyalahgunaan kedudukan raja-raja dan memberikan makna yang lebih jelas dan tepat kepada konsep Raja Berperlembagaan.

Tiga Perdana Menteri Malaysia yang lalu telah mencuba tetapi hanya Dr. Mahathir dapat menyempurnakannya.

Fajar baru telah menyingsing dan sejarah telah terukir. Revolusi selalunya menumpahkan darah tetapi revolusi di Malaysia yang menegakkan kuasa rakyat ke atas raja-raja tidak menumpahkan walau setitis darah pun – suatu revolusi paling damai dan terindah dalam sejarah.

DR. MAHATHIR kemudiannya pergi ke Restoran Natarabu, sebuah restoran yang terletak di kawasan sesak Jakarta yang sepanjang ingatan rakyat Indonesia tidak pernah dikunjungi oleh Presiden Sukarno atau Presiden Suharto.

Ramai orang dalam restoran itu yang kebanyakannya orang tempatan terkejut dengan ketibaannya. Mereka mengenalinya, meneriakan namanya; Mahathir! dan meluru kepadanya serta berebut-rebut berjabat tangan dengannya.

Mereka tidak melihatnya sebagai Sukarno kecil.



## 5 Serangan Waktu Subuh

**T**erdapat kecenderungan ramai untuk melihat tindakan-tindakan Dr. Mahathir dari sudut politik semasa, kepentingan UMNO, Barisan Nasional atau dirinya sendiri tanpa memberikan perhatian kepada latar belakangnya sebagai seorang pejuang asal kemerdekaan negara yang terus didorong oleh sentimen antikolonialisme dan komitmennya untuk menghapuskan sisa-sisa penjajah dan pemikiran kolonial.

Komitmen ini menyebabkan beliau sanggup menghadapi risiko dari dalam dan luar negara dan menimbulkan kebimbangan dalam negara terhadap kemungkinan reaksi balas kuasa-kuasa besar dan bekas penjajah. Kontroversi dan kekecohan telah berbangkit mengenainya.

Hal ini dapat dilihat dalam tindakan beliau mengambil alih korporat-korporat besar Inggeris, menuntut kembali Carcosa yang dihadiahkan kepada kerajaan British, mempersoalkan tindak tanduk badan kehakiman negara, mengecam dengan keras dasar perlindungan Barat dan Amerika serta mendekatkan Malaysia dengan Dunia Ketiga.

Hanya kira-kira dua bulan setelah menjadi Perdana

Menteri, Dr. Mahathir telah menggemparkan Britain dengan tindakan Malaysia mengambil alih Guthrie Corporation menerusi Serangan Waktu Subuh di London Stock Exchange (LSE) oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNB) pada 7 September 1981.

Sebelum itu, Guthrie yang memiliki kira-kira 200 000 ekar ladang getah, kelapa sawit dan koko di Malaysia dikuasai sepenuhnya oleh British.

Serangan waktu subuh itu mengembalikan kuasa milik ladang itu kepada rakyat Malaysia dan dengan itu menyelamatkan beratus juta ringgit wang Malaysia daripada terus mengalir ke tangan para pemegang saham luar.

Tindakan itu menyebabkan kerajaan British bertindak serta-merta menukarkan peraturan mengambil alih syarikat di London Stock Exchange. Sejak itu syarikat atau orang perseorangan yang bertujuan untuk berbuat demikian dikehendaki memberikan notis terlebih dahulu.

Menteri Kewangan ketika itu, Tengku Razaleigh Hamzah tidak menafikan penglibatan kerajaan Malaysia dalam serangan itu.

"Tidak ada sesiapa pun yang boleh menuduh kerajaan memiliknegerakan (*nationalisation*) menerusi pintu belakang atau pintu depan dalam tindakan ini. Ia hanya merupakan suatu *comercial transaction*.

"Kami mengikut peraturan permainan yang telah diajar oleh British kepada kami dalam tindakan ini malah kejayaan kami sepatutnya mendapat tepukan kerana kami benar-benar percaya kepada pasaran terbuka termasuk hak orang perseorangan untuk membeli atau menjual saham," kata Tengku Razaleigh.<sup>1</sup>

Tindakan yang mengejutkan Britain itu diikuti pula

1. *The Star*, 10 September 1981.

setahun kemudian dengan langkah mengambil balik Bukit Carcosa yang dihadiahkan kepada kerajaan British oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman.

Hasrat kepada tindakan itu telah disuarakan buat pertama kalinya dalam Perhimpunan Agung UMNO ke-33 pada 11 September 1982.

"Tidak ada gunanya kerajaan memberikan terlalu banyak kepada orang yang telah menjajah negara ini begitu lama sedangkan rakyat dan negara ini tidak langsung mendapat apa-apa faedah daripada mereka," kata Rahmah Osman, wakil Pergerakan Wanita UMNO Malaysia.

Sebenarnya suara ini adalah suara Dr. Mahathir yang sejak sebelum merdeka memang tidak bersetuju dengan pemberian tanah seluas 7.2 ekar itu yang terletak di atas kawasan tertinggi di ibu negara kepada kerajaan British. Kedudukan itu seolah-olah memberikan taraf istimewa dan tertinggi kepada British dibandingkan dengan wakil negara-negara asing yang lainnya dan memberikan kesan psikologi yang buruk kepada rakyat Malaysia.

Tunku Abdul Rahman berasa amat tersinggung dengan tuntutan UMNO itu kerana beliau adalah yang bertanggungjawab menghadiahkan tanah itu kepada kerajaan British sebagai tanda persahabatan.

Dalam tulisannya di akhbar *The Star*, 26 Mac 1984 di ruangan *As I See It*, Tunku menganggap tuntutan itu sebagai satu usaha untuk melupakan jasanya. Katanya, "Suatu ketika saya dituduh menjual negara ini kepada orang Cina dan sekarang Carcosa pula kepada Inggeris dan apa ada kenangan terhadap diri saya setelah saya mati. Mungkin hanya celaan."

Kata Tunku lagi, tuntutan UMNO itu telah meletakkannya dalam keadaan memalukan kerana beliau tidak lagi



dapat memberikan tawaran ganti apabila Carcosa diambil balik.<sup>2</sup>

Sebaik sahaja keputusan dibuat oleh Perhimpunan Agung UMNO ke-33, kerajaan telah mengemukakan hasrat untuk mendapatkan balik Carcosa kepada Pesuruhjaya Tinggi British di Malaysia yang dengan segera memberitahu kerajaannya. Bagaimanapun kerajaan British memberikan pandangannya bahawa penyerahan balik itu tidak seharusnya berlaku ketika Tunku yang menghadiahkannya masih hidup.

Perkara ini senyap seketika tetapi pada awal tahun 1984 telah ditimbulkan semula oleh Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang ketika itu diketuai oleh Anwar Ibrahim.

Anwar meminta kerajaan Malaysia mengambil langkah segera mengembalikan kawasan Bukit Carcosa yang dimiliki oleh kerajaan British kepada yang berhak dan beliau berikrar akan memperjuangkan soal itu sehingga berjaya. Berikutan dengan itu, pada 10 April 1984, satu perundingan telah diadakan antara wakil Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British, Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah dan Wisma Putra.

Pada 12 Mei 1984, Perdana Menteri, Dr. Mahathir mengumumkan bahawa kerajaan British telah bersetuju untuk menyerahkan kembali Bukit Carcosa kepada kerajaan Malaysia tanpa sebarang pampasan dan sebagai gantinya kerajaan telah menawarkan sebidang tanah di Jalan

---

2. Berbagai reaksi daripada orang ramai dan parti-parti politik telah timbul berikutan dengan keputusan kerajaan Malaysia menuntut balik Carcosa tetapi sepucuk surat pembaca yang ditulis oleh Abdullah Tan dari Petaling Jaya yang tersiar dalam *New Straits Times*, 27 April 1984 adalah paling menarik dan merupakan jawapan yang tepat kepada Tunku Abdul Rahman (*Lihat Lampiran 3*).

Ampang untuk kediaman Pesuruhjaya Tinggi British. Penyerahan rasmi Bukit Carcosa kepada kerajaan Malaysia telah dibuat pada 13 Julai 1986 menerusi penandatanganan satu memorandum penyerahan semula di Wisma Putra.

Tindakan Dr. Mahathir yang mengganggu-gugat hubungan tradisi antara Malaysia dengan British tidak terhenti sekatat itu sahaja. Beliau kemudiannya mengarahkan membelakang pembelian barangan British (*Buy British Last*) dan mengkritik jabatan kehakiman, sebuah institusi yang masih tebal dengan minda dan tradisi penjajah.

Tindakan *Buy British Last* telah menyebabkan bertaburan surat terbang yang menuduh Dr. Mahathir dan menteri tertentu mempunyai kepentingan diri dalam mengubah haluan pembelian dan mencari pembekal baru.

Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abbas dan beberapa orang hakim yang didapati bersalah oleh sebuah Tribunal yang dianggotai oleh hakim-hakim terkemuka dari Malaysia dan beberapa negara Komanwel telah digantung tugas dan akhirnya disingkirkan.

Parti-parti pembangkang serta majlis Peguam telah mengeksploitasikan tindakan menyingkir Ketua Hakim Negara dan penggantungan lima orang hakim sehingga menjadi isu politik yang menghangatkan negara sebelum ini. Institusi kehakiman dan pengadilan tidak pernah disentuh oleh mana-mana Perdana Menteri malah rakyat sendiri selama ini mempunyai anggapan bahawa institusi kehakiman mengatasi undang-undang.

Bagaimanapun di zaman Dr. Mahathir, perhatian telah diberikan kepada perbelanjaan para hakim dan beberapa orang wartawan telah mendapat maklumat tentang kerajaan tidak mengizinkan seorang hakim membeli kelengkapan rumahnya dari Itali. Ini amat mengejutkan hakim berkenaan yang kehendaknya tidak pernah dibantah.

Dr. Mahathir juga tidak sabar melihat beribu kes tertangguh di mahkamah-mahkamah kerana kebiasaan para hakim membuat penangguhan dengan sewenang-wenangnya. Beliau mendapat maklumat tentang hakim yang lebih banyak membuang masa dengan minum di kelab, lewat datang ke mahkamah, tidak menulis pengadiln dengan sempurna atau dengan tergesa-gesa dan tidak mempunyai disiplin kerja.

Akhirnya<sup>3</sup> pada tahun 1987, Dr. Mahathir memulakan kritikan secara terbuka di dalam dan di luar Parlimen mengenai pencapaian para hakim dan mendedahkan perihai ribuan kes mahkamah yang tertangguh dan menyusahkan orang ramai serta merugikan negara.

Pada bulan Mac 1988, Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abbas yang tidak pernah dikritik telah membuat bantahan secara terbuka terhadap apa yang disifatkannya sebagai "kenyataan Perdana Menteri sepanjang tahun lalu hanya membidas badan kehakiman dan ahli-ahlinya, dan menyerang badan kehakiman di Parlimen."<sup>3</sup>

Seterusnya Salleh Abbas telah memanggil mesyuarat para hakim pada 25 Mac 1988 dan membuat keputusan menghantar surat kepada Yang di-Pertuan Agong serta raja-raja Melayu bagi menyatakan perasaannya serta hakim-hakim yang lain mengenai ketegangan hubungan antara badan eksekutif dan kehakiman.

Yang di-Pertuan Agong berasa tersinggung dengan surat Salleh Abbas dan beliau meminta Perdana Menteri memecat Salleh Abbas daripada jawatan Ketua Hakim Negara. Dr. Mahathir tidak mempunyai kuasa untuk berbuat demikian. Beliau meminta pandangan daripada

3. Kenyataan ini disiarkan oleh semua akhbar nasional Malaysia, 17 Mac 1988.

Peguam Negara yang menasihatkan supaya Yang di-Pertuan Agong melantik sebuah tribunal seperti yang diperuntukan dalam perlembagaan untuk menyiasat Salleh Abbas.

Pada 26 Mei 1988, Yang di-Pertuan Agong telah mengantung tugas Salleh Abbas menjelang penyiasatan ke atasnya oleh tribunal yang dilantik oleh baginda. Tribunal ini terdiri daripada enam orang dengan diketuai oleh Hakim Besar Malaya, Abdul Hamid Omar.

Majlis peguam telah membantah perlantikan Abdul Hamid mengetuai tribunal itu kerana menganggap beliau tidak layak kerana beliau bukan seorang yang lebih kanan daripada Salleh Abbas dan menuntut beliau meletakkan jawatan tetapi Hamid meneruskan tugasnya walaupun telah dihalang pula oleh lima orang Hakim Mahkamah Agung.

Kelima-lima hakim itu terdiri daripada Wan Suleiman Pawan Teh, George Edward Seah Kim Seng, Haji Mohd. Azmi Datuk Kamaruddin, Eusoffe Abdoolcader dan Wan Hamzah Haji Mohd. Salleh telah mengadakan persidangan Mahkamah Agung secara mengejut dan mengeluarkan perintah menghalang tribunal penyiasatan ke atas Ketua Hakim Negara, Salleh Abbas daripada menyembahkan hasil siasatan dan syor tindakan kepada Yang di-Pertuan Agong. Ini menyebabkan Yang di-Pertuan Agong mengantung tugas lima hakim itu pada 6 Julai 1988. Surat penggantungan mereka ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Negara.

Baginda seterusnya memecat Ketua Hakim Negara, Salleh Abbas daripada jawatannya pada 8 Ogos 1988 atas nasihat tribunal.

Pada keseluruhannya, rakyat melihat kebenaran kerajaan dalam tindakan ini kerana ia diikuti dengan badan ke-

hakiman menyusun dan membuat beberapa langkah bagi menyelesaikan kes-kes yang bertimbun dan badan kehakiman tidak lagi dikuasai oleh saki-baki hakim-hakim yang berminda kolonial.

Kesan daripada tindakan ini kepada rakyat sangat besar. Mereka dicelik dan dijelaskan bahawa Badan Kehakiman tidak kebal, tidak semestinya bersih dan boleh menghadapi tindakan daripada rakyat.

Tindakan *Buy British Last* pula telah menyedarkan British bahawa mereka tidak lagi boleh mempermudah Malaysia dan menganggapnya sebagai bekas tanah jajahan yang berterusan dengan pemikiran penjajah. Ia juga menyedarkan golongan birokratik Malaysia dan rakyat bahawa hubungan tradisi dengan British tidak seharusnya menyebabkan kita berada dalam keadaan serba salah dan tidak boleh membuat pilihan lain sekalipun pihak British bersikap tidak wajar dan tidak munasabah.

Pada keseluruhannya, dengan tindakan-tindakan itu, Dr. Mahathir mengeluarkan Malaysia dari minda penjajah dan menyedarkan rakyat tentang hak mereka sebagai sebuah negara merdeka. Semuanya dilihat dengan mudah setelah segala-galanya selesai tetapi Dr. Mahathir telah mengambil risiko daripada setiap tindakannya. Tentangan yang dihadapinya tidak sahaja dari luar tetapi juga daripada rakyat sendiri yang tidak sedar bahawa mereka juga masih terkongkong oleh cara berfikir penjajah. Ini termasuklah mereka yang berada dalam gerakan politik radikal yang hanya dapat melihat sikap antiimperialisme dan antikolonialisme daripada slogan-slogan tetapi apabila Dr. Mahathir mencabut satu demi satu akar umbi penjajahan mental yang terus berkuku di Malaysia selepas kemerdekaan, mereka gagal melihat kebenarannya.

Dalam setiap tindakan-tindakannya yang melibatkan British dan Amerika, Dr. Mahathir sering didatangi oleh rakan-rakan rapatnya dan orang tertentu yang menasihatkannya supaya berhati-hati dengan kuasa besar tetapi beliau selalu memberitahu mereka bahawa beliau melakukannya dengan kesedaran dan beliau berjaya membawa negara keluar daripada setiap tindakannya itu dengan keyakinan yang lebih besar.

*Buy British Last* dan pengambilalihan Carcosa tidak merosakkan hubungan Malaysia dengan British sebaliknya menambahkan penghormatan British kepada Malaysia.

Dr. Mahathir meneruskan lagi satu demi satu langkah yang hak bagi Malaysia dan sesuai dengan tarafnya sebagai satu bangsa merdeka tetapi tentangan terus diterima dari dalam dan luar negara.

Generasi lama dan baru yang kebaratan dan telah biasa dengan nilai-nilai asing menjadi anasir penentang dari dalam dan dari luar pula, tekanan datangnya dari negara-negara yang mahu menerapkan nilai mereka ke atas Malaysia.

Peranan ini kebanyakannya diwakili oleh wartawan-wartawan tempatan yang berkhidmat dengan media asing dan media Barat yang berpangkalan di Hong Kong dan Singapura. Wartawan-wartawan payung terjun (*Parachuted Journalists*) yang datang sesekali dan tinggal sekejap, juga tidak ramai yang memberikan gambaran positif terhadap Malaysia sejak peristiwa 13 Mei dan pengenalan Dasar Ekonomi Baru. Mereka memperhebatkan serangan di zaman Dr. Mahathir apabila dasar dan langkah yang bersifat patriotisme dan nasionalisme lebih banyak dilaksanakan secara aktif dan tegas.

Peranan utama dan paling aktif dalam hal ini dimainkan oleh Australia yang menjadi proksi British dan Amerika

Syarikat di kawasan Asia. Serangan mereka tertumpu kepada Dasar Ekonomi Baru, layanan berbeza kepada kaum-kaum di Malaysia, hak istimewa orang Melayu dan tekanan ke atas hak rakyat dan kebebasan media.

Pada tahun 1986, dua orang wartawan akhbar *Wall Street Journal*; John Berthelsen dan Rapahel Pura telah dihalau keluar dari Malaysia kerana membuat laporan yang memburuk-burukkan imej Malaysia. Mereka menggambarkan Malaysia seolah-olah senantiasa berada dalam ketegangan kaum dan tidak mempunyai suasana pelaburan yang baik.

Bagaimanapun tindakan kerajaan itu terhalang apabila kedua orang wartawan itu telah menang dalam tindakan mahkamah yang mencabar penyingkiran mereka dan mereka hanya keluar dari Malaysia setelah kerajaan tidak membaharui permit kerja mereka.

Tidak lama selepas tindakan terhadap dua orang wartawan akhbar Amerika itu, Dr. Mahathir telah mengambil kesempatan daripada lawatannya ke New York untuk bersemuka secara terbuka dengan para wartawan Amerika dan eksekutif akhbar *Wall Street Journal* di dalam satu majlis makan tengah hari yang diadakan di Hotel Waldorf pada 1 Oktober 1986.<sup>4</sup>

Beliau memberitahu mereka bahawa "saya tahu usaha untuk memburukkan Malaysia akan terus dijalankan tetapi kami tidak akan menyerah kalah. Kami akan bangun dan menentang sekalipun akan memberikan kesan kepada pembangunan kami".

"Kami menyedari hakikat bahawa perbuatan akhbar *Wall Street Journal* itu akan memberikan kesan yang buruk kerana ia dibaca hampir di seluruh dunia tetapi

---

4. Penulis juga hadir di dalam majlis makan tengah hari itu.

mereka yang telah menanam modal tahu bahawa mereka boleh mencari wang dari negara ini," ujarnya.

Dr. Mahathir juga memberitahu bahawa jika mereka tidak suka dengan sikapnya yang berterus-terang, beliau tidak lagi boleh mengubahnya sebaliknya "saya akan terus memberitahu orang apa yang saya fikir tidak betul".

Kempen jauhi pelaburan di Malaysia oleh *Wall Street Journal* itu akhirnya memakan diri sendiri apabila beberapa tahun kemudian Amerika Syarikat mendapati dirinya ketinggalan dalam pelaburan di Malaysia dan telah didahului oleh Jepun.

Majalah mingguan utama Amerika, *Times* dalam sebuah keluarannya pada akhir tahun 80-an telah memberikan keutamaan mengenai masalah ini dalam rencana muka depan bertajuk 'Sayonara Amerika'. Antara lain, salah sebuah daripada rencana itu menyebut Duta Amerika Syarikat di Malaysia, Paul Celevelad mengakui kesilapan Amerika sehingga menyebabkan Amerika ketinggalan dalam pelaburan di Malaysia. Beliau kemudian mengambil inisiatif kembali ke Amerika dan mengadakan pertemuan dengan kalangan ahli perniagaan dan usahawan bagi menggalakkan pelaburan Amerika di Malaysia.

Pemusatan media Barat memburukkan Malaysia secara kolektif dan secara besar-besaran berlaku pada tahun 1986 apabila Malaysia menggantung sampai mati dua pengedar dadah kulit putih dari Australia; Kevin Barlow dan Brian Chambers tanpa memperdulikan rayuan dari luar.

Perdana Menteri Australia, Bob Hawke telah menyifatkan tindakan itu sebagai *barbaric* dan tidak bertamadun. Dr. Mahathir segera membalas balik dengan berkata, "Orang Australia keturunan banduan."

Terdapat WOG (*Western Oriented Gentlemen*) di Malaysia



sendiri yang terkejut dengan jawapan Dr. Mahathir itu tetapi pada keseluruhannya kenyataan ini telah menyedarkan rakyat tentang hak negara untuk melakukan sesuatu dan meningkatkan kesedaran harga diri.

Australia menambahkan ketegangan hubungan dengan mengecam rekod hak kemanusiaan di Malaysia. Media cetak dan elektronik Australia membuat pelbagai angkara untuk mencemarkan imej Malaysia terutama menerusi filem-filemnya yang pada umumnya memburukkan imej negara dan rakyat Malaysia terutama orang Melayu. Antaranya ialah filem *Slow Boat to Surabaya*, drama bersiri *Embassy* dan filem *Turtle Beach*.

Dr. Mahathir tidak dapat menahan lagi penghinaan ini. Apabila keadaan ekonomi Australia bertambah buruk dan kalangan ahli perniagaan dan usahawan di Australia menyedari kepentingan mereka tergugat kerana hubungan buruk dengan Malaysia, Dr. Mahathir mengarah dikenakan tekanan ke atas Australia.

Untuk memulihkan hubungan, Dr. Mahathir mahu kerajaan Australia memisahkan dirinya daripada laporan medianya yang "bersifat fitnah, bohong dan palsu".

Berikutan dengan itu, Perdana Menteri Australia, Bob Hawke telah menghantar Menteri Luarnya, Senator Gareth Evans sebagai utusan khasnya untuk menemui Dr. Mahathir bagi menyelesaikan masalah perhubungan antara Australia dengan Malaysia.

Sebelum menemui Dr. Mahathir, secara terbuka di dalam satu majlis makan malam Perniagaan Malaysia-Australia yang diadakan di Kuala Lumpur, Senator Evans menyalahkan sikap media massa Australia yang tidak sensitif terhadap perasaan Malaysia sebagai salah satu faktor yang merenggangkan hubungan antara kedua negara.

Bagaimanapun dalam pertemuan dengan Perdana Menteri pada keesokan harinya, Senator Evans memberitahu Dr. Mahathir bahawa sebagai sebuah negara yang mengamalkan kebebasan media, Australia tidak boleh campur tangan dalam keputusan penyiaran mereka tetapi Dr. Mahathir tidak dapat menerima alasan ini kerana "kita sedar bahawa akhbar yang sengaja berbohong bukanlah mengamalkan kebebasan".

Berucap di Persidangan Kedua Menteri-Menteri Penerangan Asean beberapa hari selepas pertemuan dengan Menteri Luar Australia itu, Dr. Mahathir menyerang kerajaan yang membiarkan media massanya melakukan pembohongan dan penipuan hingga boleh melemahkan kestabilan dan ekonomi sesebuah masyarakat sebagai kerajaan yang tidak bertanggungjawab.

"Kerajaan di mana sekalipun harus membimbing media massa masing-masing kerana kebebasan akhbar ala Barat boleh merosakkan negara-negara sedang membangun khususnya di Asia Tenggara."

Menurut Dr. Mahathir lagi, "Sebuah kerajaan bukan saja perlu mempertahankan demokrasi dan kebebasan akhbar tetapi memastikan masalah ekonomi dan sosial rakyat terpelihara.

"Semangat bertolak ansur perlu ada tetapi perbuatan fitnah yang sengaja dicipta bagi melemahkan sesebuah negara tidak boleh diberi muka."

Secara khusus Dr. Mahathir menyifatkan media massa di Australia sebagai telah melepasi batas-batas kebebasan akhbar sehingga sanggup menimbulkan suasana yang tidak benar tanpa menghiraukan kesan penipuan itu.

Dua bulan kemudian, ketika menghadiri sidang Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di Harare, Perdana Menteri Australia, Bob Hawke telah mengadakan pertemuan dari

hati ke hati dengan Dr. Mahathir atas permintaan Hawke sendiri dan akhirnya tercapai persetujuan bahawa kerajaan Australia akan membuat kenyataan terbuka bahawa ia tidak ada kaitan langsung jika di masa depan timbul sebarang laporan fitnah atau palsu oleh media Australia terhadap Malaysia.

Berikutan dengan itu, Hawke memberitahu Parlimen Australia pada 6 November 1991 bahawa beliau dan Dr. Mahathir bersetuju dengan peranan bebas media massa tetapi "kami juga bersetuju terhadap masa apabila kerajaan perlu menyisihkan dirinya daripada laporan media yang mengelirukan serta tidak tepat dan kami bersedia untuk melakukannya jika itulah keadaannya".

Dr. Mahathir menyambut baik pengakuan ini dengan berkata, "Itu sahaja yang selama ini Malaysia mahu daripada kerajaan Australia untuk memulihkan hubungan." Walau bagaimanapun, di dalam Parlimen Australia, Bob Hawke telah dikecam oleh pemimpin pembangkang dari Parti Konservatif, John Hewson kerana sanggup membuat urusan luar biasa untuk memperbaiki hubungan dengan Malaysia.

Keghairahan media massa Australia berlagak seolah-olah suara kerajaan dan rakyat Australia berakhir dengan adanya pendirian baru kerajaan Australia itu. Kesedaran baru telah wujud di Australia tentang pentingnya menghormati negara-negara jiran di Asia untuk kepentingan masa depan mereka.

Ketegangan hubungan Australia dengan Malaysia selama tiga tahun pulih semula pada akhir tahun 1991 dan nyatalah Malaysia keluar daripada krisis ini dengan peningkatan maruahnyanya sebagai suatu bangsa Asia yang membuktikan dirinya tidak sanggup diperkecil dan dihina-hinakan. Ini menepati janji Dr. Mahathir menjelang

perlantikannya sebagai Perdana Menteri Malaysia<sup>5</sup> bahawa tugasnya yang penting ialah "untuk menjadikan kita sebagai satu bangsa yang dihormati kerana kemajuannya dan kita dihormati kerana kekuatannya".

Bagaimanapun penyelesaian krisis dengan Australia bukan bererti semuanya telah selesai. Menjelang Persidangan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali di Jakarta, majalah *Far Eastern Economic Review*<sup>6</sup> telah menggambarkan Dr. Mahathir dalam kartun di kulit mukanya menyerupai patung Presiden Korea Utara, Kim Il Sung. Tujuannya adalah untuk menggambarkan Dr. Mahathir sebagai seorang diktator.

Sebuah rencana di dalamnya menyebutkan bahawa seorang diplomat Indonesia menggelar Dr. Mahathir sebagai Sukarno Kecil. Perkara yang sama telah disebutkan setahun sebelumnya dalam rencana wartawan *Australia Associated Press* di Jakarta, Terry Friel yang tersiar di dalam akhbar *Sunday Age Australia* (14 Julai 1991) di bawah tajuk 'Malaysia is simply not the most neighbourly nation' (Malaysia bukanlah negara tetangga yang baik). Menurut rencana itu, Malaysia tidak sahaja bergaduh dengan Australia tetapi juga dengan semua tetangganya.

"Seorang menteri kanan Indonesia secara sulit merujuk Dr. Mahathir sebagai *That Little Sukarno*," kata rencana itu.

Apabila menghadiri Persidangan Puncak Pergerakan Berkecuali di Jakarta pada September 1992, Dr. Mahathir telah ditanya oleh para wartawan tentang anggapan terhadap beliau sebagai 'Sukarno Kecil', Dr. Mahathir menjawab, "Di negara saya sendiri pun, saya hanya disifatkan

5. Temubual dengan penulis dalam *Utusan Malaysia*, 28 Jun 1981.

6. Keluaran 20 Ogos 1992.

sebagai 'Mahathir Kecil'. Lebih 300 wartawan yang mendengar jawapan yang bijak dan tajam itu memberikan tepukan.

Dr. Mahathir kemudiannya pergi ke Restoran Nata-rabu, sebuah restoran yang terletak di kawasan sesak Jakarta yang sepanjang ingatan rakyat Indonesia tidak pernah dikunjungi oleh Presiden Sukarno atau Presiden Suharto. Ramai orang di dalam restoran itu yang kebanyakan orang tempatan terkejut dengan ketibaannya. Mereka mengenalinya, meneriakkan namanya; Mahathir! dan meluru kepadanya serta berebut-rebut berjabat tangan dengannya.

Mereka tidak melihatnya sebagai 'Sukarno kecil'.

BAGI rakyat Malaysia, tidak ada pilihan lain lagi. Telah terbukti kepada mereka kebenaran jalan kemerdekaan yang ditunjukkan oleh Tunku Abdul Rahman.

Tun Abdul Razak telah memperbaiki dan memantapkan jalan ini dan Dr. Mahathir telah memberikan visinya yang jelas kepada rakyat sehingga tahun 2020.



## 6 Musuh Utama

**D**r. Mahathir bernasib baik kerana dapat mewarisi keadaan keselamatan negara yang lebih mantap dibandingkan dengan zaman Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak yang sering terganggu dengan berbagai ancaman; kegiatan pengganas komunis di hutan dan di barisan depan, konfrontasi Indonesia dan chauvinisme.

Masalah keselamatan yang dihadapinya tidaklah seruncing sebelumnya kerana apabila beliau menjadi Perdana Menteri, komunisme mulai pudar dan chauvinisme telah terbandung oleh Akta Hasutan dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan selepas peristiwa 13 Mei.

Ini memberikan laluan mudah kepada Dr. Mahathir untuk menangani masalah baru negara iaitu keadaan ekonomi negara yang lembab dan menurun. Keadaan ini memerlukan pendekatan baru, stimulasi, visi, strategi, kecakapan pengurusan dan keupayaan mental serta keberanian untuk menghadapi risiko. Dr. Mahathir telah nampak jika ekonomi terus merosot dan Malaysia terus bergantung kepada pengeluaran komoditi mentah dan tidak meningkatkan keupayaan dalam pengeluaran ba-



rangan pembuatan untuk bersaing di pasaran antarabangsa maka DEB akan menghadapi kebuntuan dan dengan itu kestabilan serta perpaduan negara tidak mungkin dapat diteruskan menerusi proses demokrasi.

Untuk menangani masalah ini, negara memerlukan nilai dan kualiti antarabangsa daripada pucuk kepimpinan, birokrat, institusi-institusi kerajaan, universiti-universiti, pusat-pusat pendidikan dan seluruh rakyat. Malaysia terpaksa menukarkan sikap bangsanya dan membawa mereka keluar dari tempurung tradisi secara radikal dan menggantikannya dengan nilai-nilai antarabangsa yang baik, yang telah membawa Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Singapura dan Hong Kong menjadi negara yang dihormati kerana kekuatan ekonomi dan teknologi mereka.

Tunku yang percaya bahawa orang Cina harus menguruskan perniagaan dan Melayu menguruskan politik, tidak mengganggu sifat dan cara hidup orang Melayu sekalipun beliau memerangi fahaman perkauman yang sempit di kalangan orang Melayu. Tun Abdul Razak pula hanya sempat merangka asas perubahan identiti masyarakat dan menyerahkannya kepada golongan birokrat Melayu tanpa pengalaman dan acuan perniagaan untuk menjalankannya tetapi Dr. Mahathir melihat jika beliau hendak membawa keluar orang Melayu daripada identiti sebagai kakitangan kerajaan, petani, nelayan dan pekerja kampung maka cabaran paling besar yang terpaksa diperangnya ialah kepercayaan tradisi, kekolotan, penyelewengan agama dan sifat-sifat orang Melayu sendiri.

Jika beliau tidak dapat menukarkan sikap ini maka orang Melayu tidak mungkin akan dapat bersaing dengan orang Cina yang akar umbi mereka berdasarkan sosio-budaya dinamik yang telah pun menjadi kunci utama kepada kejayaan Singapura, Hong Kong dan Taiwan.

Tidaklah sewajarnya kerajaan Malaysia hanya diwakili oleh masyarakat Cina sedangkan bumiputera ialah kaum Melayu. Sifat-sifat malas, malu, sentimental, rendah diri, tidak terbuka dan menjadikan tradisi serta agama sebagai pantang larang kepada penerokaan untuk maju dalam masyarakat Melayu tidak pernah dirawat dengan secara serius oleh pemimpin-pemimpin Melayu sendiri sekalipun mereka menyedari hakikat keburukan dan bahayanya. Ramai yang tidak mahu terlibat dengan masalah ini kerana ia berada di kawasan yang paling sensitif terutama sekali yang berkaitan dengan agama.

Dr. Mahathir telah mengambil tanggungjawab ini dengan berani malah ada kalanya beliau menjalankan tanggungjawab ulama dengan menggunakan hadis dan al-Quran untuk menyerang kekolotan serta sikap taksud dan jumud dalam masyarakat Melayu.

Beliau amat tidak senang dengan sikap Melayu yang berserah kepada takdir dan tidak mahu mengumpul harta kerana kepercayaan harta tidak akan membawa mati. Beliau menyifatkan mereka yang mempunyai kepercayaan ini sebagai mementingkan diri sendiri kerana tidak menyediakan asas kehidupan masa depan bagi anak-anak dan cucu-cicit mereka yang kelak akan melibatkan survival bangsa Melayu.

Beliau sering mengemukakan pendapat ini dalam ucapannya di perjumpaan-perjumpaan UMNO dan juga dalam pertemuan dengan masyarakat Melayu di kampung-kampung dan di bandar-bandar.

Pada pendapatnya, orang Islam yang hanya menyalahkan takdir sedangkan ia boleh memperbaiki nasibnya ialah orang yang kurang percaya kepada keadilan Allah S.W.T. Katanya, "Allah tidak memberi akal fikiran, tenaga dan pancaindera kepada manusia jika mereka hanya

dikehendaki menunggu dan menerima nasibnya sahaja.

"Segala anggota, tenaga dan akal fikiran diberi kepada makhluk Allah untuk digunakan bagi menyelamatkan dan menjayakan diri mereka. Manusia yang bermulut tetapi tidak makan dan minum akan mati. Kematiannya apabila berlaku memang ditakdirkan tetapi jika ia makan dan minum serta hidup bertenaga, itu juga takdir."<sup>1</sup>

Beliau marah kepada guru agama atau ulama yang menegurnya kerana memberikan tafsiran agama sedangkan beliau tidak mempunyai kelayakan sekolah atau universiti agama dan tidak fasih dalam bahasa Arab. Beliau menyifatkan mereka itu sebagai angkuh dan sombong dan "Allah tidak suka kepada orang yang sombong".

Beliau juga mengecam guru-guru agama yang mengajar orang Islam supaya tidak berusaha bersungguh-sungguh sebagai jahil walaupun memiliki ijazah berjela-jela. Kata-nya, "Agama Islam sepatutnya membawa kejayaan kepada umatnya tetapi ajaran yang kerap disampaikan kepada umat Islam tertumpu semata-mata kepada kebahagiaan di akhirat dan pentafsir-pentafsir agama inilah yang telah menyebabkan masyarakat Islam mundur dan jahil."<sup>2</sup>

Beliau merancang dan menyerang sarang-sarang nilai karut dalam tradisi Melayu secara langsung dan juga dengan berselindung di sebalik slogan dan dasar-dasar tertentu seperti Penerapan Nilai-nilai Islam, Kepimpinan Melalui Tauladan dan Dasar Pandang ke Timur.

Beberapa bulan selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Hussein Onn pada tahun 1981, Dr.

1. Sedutan daripada ucapan Dr. Mahathir di Perhimpunan Agung UMNO, 8 November 1991.

2. *Ibid.*

Mahathir mengejutkan rakyat Semenanjung dan Sarawak supaya bangun setengah jam lebih awal dengan menikmati waktu mereka dengan waktu Sabah. Ini diikuti serentak oleh Singapura.

Pegawai dan kakitangan kerajaan dikenakan *Punchcard* ketika datang dan pulang kerja untuk memastikan mereka tidak curi tulang dan meningkatkan prestasi perkhidmatan mereka kepada orang ramai.

Untuk menyerang sifat negatif orang Melayu, Dr. Mahathir melancarkan Dasar Pandang ke Timur. Sewajarnya Dr. Mahathir tidak perlu meminta orang Melayu pandang ke Timur tetapi hanya pandang sekeliling rumah dan kampung halaman mereka yang dikelilingi oleh orang Cina yang rajin dan cergas sifatnya serta pada keseluruhannya yang merupakan tauke kecil dan tauke besar.

Tetapi sekiranya beliau memperkenalkan Dasar Pandang ke China maka pasti akan membangkitkan kemarahan di kalangan orang Melayu yang tidak pernah mendewa-dewakan kejayaan orang Cina.

Jepun yang membina negaranya menjadi *Economic Superpower* atas debu-debu atom Amerika dengan mengamalkan dasar pasaran bebas Amerika telah dilihat oleh Dr. Mahathir sebagai contoh paling baik campuran nilai Barat dan Timur untuk ditauladani oleh orang Melayu yang benteng kekuatan moral dan perpaduan mereka berasaskan kepada Islam.

Apabila diingatkan oleh sesetengah pihak tentang keburukan perangai Jepun, Dr. Mahathir menjawab bahawa beliau tidak mahu orang Melayu mengambil semua nilai Jepun. "Saya hanya mahu mereka mengambil yang baik sahaja seperti ketekunan dan kerajinan kerja."

Keberanian beliau dalam melancarkan dasar ini adalah

kerana sebahagian besar rakyat Malaysia terutama generasi baru telah melupakan pedang Jepun dan sekarang lebih mengenali dan mengagumi kereta Jepun, radio Jepun, televisyen Jepun dan lain-lain barang elektronik Jepun.

Dr. Mahathir juga menegaskan berkali-kali kepercayaan tentang perlu diwujudkan satu golongan jutawan Melayu untuk menjadi pendorong kepada pembinaan dan penambahan ramai orang Melayu dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Tetapi semua langkah Dr. Mahathir ini di samping memberikan kesan yang positif, juga telah menimbulkan kekeliruan di kalangan orang Melayu. Ada ketikanya kelihatan Dr. Mahathir melangkah dengan pantas ke hadapan tetapi orang Melayu melangkah ke belakang.

Pendekatan agamanya yang progresif dijawab dengan pelbagai kebangkitan agama yang dokmatik malah politik Islam sendiri yang didukung oleh Parti Islam Se-Tanah Melayu (Pas) mundur ke belakang dengan tidak membenarkan wanitanya bertanding dalam pilihan raya dan tidak lagi memberikan peranan utama di dalam parti.

Para intelektual Melayu sendiri tidak dapat memahami jalan fikiran Dr. Mahathir. Ini jelas apabila mereka membantah nama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Mereka mahu didahulukan perkataan 'Kebudayaan', tetapi bagi Dr. Mahathir, pelanconganlah yang boleh menghidupkan budaya.

Pertemuan Dr. Mahathir dengan sekumpulan intelektual Melayu yang terdiri daripada kebanyakannya para penulis Melayu dan akademik Melayu di kediaman Perdana Menteri pada 23 November 1988<sup>3</sup> menampakkan dengan jelas Dr. Mahathir berada di pentas antarabangsa

3. Penulis turut menghadiri pertemuan ini.

dan kumpulan intelektual Melayu masih berada di pentas Melayu dengan khayalan nusantara Melayu.

Pada satu peringkat dalam pertemuan ini, Dr. Mahathir menimbulkan pertanyaan tentang bagaimanakah orang Melayu akan dapat menjual minyak, getah dan barangan Malaysia sekiranya mereka tidak dapat menghadiri majlis koktel dan tidak tahu bercampur-gaul dengan manusia antarabangsa?

Dr. Mahathir menyatakan kebimbangannya tentang semakin kurangnya anak Melayu yang fasih dan cekap dalam pertuturan dan penulisan bahasa Inggeris tetapi seorang kakitangan akademik Universiti Malaya, Nik Safiah telah bercakap tentang menteri-menteri tidak berbahasa Melayu dengan betul.

Kekeliruan dan tentangan terhadap nilai-nilai antarabangsa dan radikalisme yang diperkenalkannya menjelma dalam bentuk dakwah dan politik yang menyerap masuk ke pejabat-pejabat kerajaan, sekolah-sekolah, universiti-universiti dan juga di kalangan masyarakat kampung dan bandar.

Pertukaran waktu Malaysia kepada setengah jam lebih awal dituduh untuk menggalakkan orang Islam meninggalkan sembahyang subuh, Dasar Pandang ke Timur telah dijawab dengan Dasar Pandang ke Akhirat, Kad Perakam Waktu dianggap menghina kakitangan kerajaan dan dasar untuk melahirkan jutawan Melayu dijawab dengan timbulnya golongan Melayu yang membuang radio dan televisyen, meninggalkan universiti dan tidak mahu bekerja setelah berijazah.

Satu golongan pula meninggalkan anak isteri, hanya berbaju sehelai sepinggang, membawa periuk belanga dan tikar bantal dari surau ke surau, dari masjid ke masjid dan dari kampung ke kampung untuk menjalan-

kan dakwah yang membelakangkan dunia.

Satu kumpulan lagi lelakinya berpakaian hijau, berserban besar dan wanita-wanitanya berselimut hitam, menutup muka seolah-olah tidak mahu melihat dunia. Bagaimanapun mereka ini menaiki kereta-kereta mahal, membawa telefon bimbit dan kamera video. Lelaki daripada kumpulan ini kebanyakannya beristeri empat. Mereka mempercayai imam Mahadi akan muncul dan dunia akan kiamat.

Di Universiti Kebangsaan Malaysia, pertunjukan-pertunjukan hiburan dan kegiatan-kegiatan kebudayaan tidak dapat diadakan kerana ditentang oleh siswa-siswa. Kegiatan sukan pula tidak disertai oleh siswi-siswi.

Pada satu ketika, Dr. Mahathir terpaksa mengarahkan supaya pertunjukan Sudirman diteruskan sekalipun ada tentangan daripada mahasiswa-mahasiswa Islam UKM. Dr. Mahathir tidak mahu pembatalan dibuat kerana akan menunjukkan kemenangan pihak luar yang menghayati tentangan itu.

Apabila Dr. Mahathir mengingatkan orang Islam supaya tidak menilai keislaman seseorang menerusi cara berpakaian, "tidak menuduh wanita yang memakai tudung itu lebih baik dan lebih Islam daripada mereka yang tidak bertudung",<sup>4</sup> semakin ramai wanita Islam yang bertudung, daripada hanya kumpulan dakwah meluas ke sekolah-sekolah, universiti-universiti, pejabat-pejabat kerajaan, kilang-kilang dan akhirnya menjadi suatu identiti wanita Melayu dan Islam di Malaysia.

Dalam Penerapan Nilai-nilai Islam yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir untuk mengimbangi politik Pas akhirnya memakan diri sendiri. Ia menimbulkan hasrat dan

4. Ucapan Dr. Mahathir di Perhimpunan Agung UMNO 1989.

harapan yang tinggi di kalangan sesetengah orang Islam termasuk kakitangan kerajaan sendiri supaya kerajaan menghapuskan nilai-nilai yang tidak Islamik dalam masyarakat Malaysia.

Tuntutan juga timbul supaya kerajaan menghapuskan kasino, perjudian, disko, kelab malam, tempat-tempat hiburan dan sebagainya malah siaran RTM dan TV3 telah menjadi tumpuan kecaman kerana iklan dan rancangan-rancangan mereka yang tidak Islamik dan kebaratan.

Melihat bahawa Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam mulai memberikan masalah kepada kerajaan sendiri, Dr. Mahathir menarik perhatian di dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 19 November 1989 tentang ada negara yang mengamalkan 100% undang-undang Islam dan wanita-wanita bertutup tetapi negara itu tidak menjadi negara Islam yang lebih baik dari Malaysia.

"Mereka tidak setuju dan apabila teruji mereka gagal oleh kerana nilai Islam mereka tidak terletak di hati sebaliknya hanya pada undang-undang," katanya.

Beliau menegaskan kepercayaannya bahawa cara paling berkesan untuk penerapan nilai-nilai Islam bukan dengan undang-undang dan paksaan tetapi dengan membina umat Islam yang mempunyai ketahanan diri untuk menghadapi cabaran masyarakat majmuk dan bebas.

"Jenis manusia yang kita mahu ialah mereka yang kuat iman, tidak melakukan maksiat dan sebagainya walaupun semua ini terdedah di depan mata," tegasnya.

Sesungguhnya Dr. Mahathir tidak pernah mengharapkan bahawa apabila beliau memperkenalkan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam maka seluruh wanita-wanita Islam di Malaysia akan berkelubung tetapi itulah yang berlaku.

Beliau juga tidak menduga akan sampai pada pering-



kat wujudnya doktor wanita Melayu yang tidak mahu memegang pesakit lelaki dan hanya memeriksa pesakit lelaki dengan hujung pensil, tetapi inilah yang berlaku.

Tidak sabar dengan penyelewengan ini, Dr. Mahathir sendiri menulis surat kepada *Utusan Malaysia* pada 3 Februari 1985 mengecam sikap doktor wanita itu yang, katanya, bertentangan dengan nilai Islam yang sebenar "kerana dalam Islam pesakit lebih utama daripada doktor".

Menurutnya, "Tujuan rawatan adalah untuk memulihkan pesakit, bukan untuk memelihara doktor daripada dosa. Perbuatan tidak memeriksa dengan jujur dan teliti menganiayakan pesakit dan penganiayaan bukan sebahagian daripada ajaran Islam.

"Jika kerana pemeriksaan yang tidak menyeluruh, pesakit menderita, tidak pulih semula atau mati terus, maka doktor itu tentulah akan menanggung dosa yang amat besar.

"Jika seseorang percaya bahawa keislaman diri akan tergugat kerana menjalankan tugasnya, adalah lebih baik awal-awal lagi ia tidak menjadi doktor. Dengan ini maka akan terhapuslah semua doktor dalam Islam. Apakah tidak ada doktor di kalangan umat Islam tidak bertentangan dengan kehendak fardu kifayah?

Dr. Mahathir menyedari hakikat bahawa sikap fanatik yang seumpama ini tidak hanya timbul dalam masyarakat Melayu malah juga dalam masyarakat lain dan di negara-negara lain, umpamanya dalam masyarakat Amerika, "tetapi yang penting bagi kita ialah terus meyakinkan golongan terbanyak terhadap faedah-faedah kemajuan dan pembaharuan".<sup>5</sup>

5. Temubual dengan penulis dalam *Utusan Malaysia*, 19 November 1983.

Sementara itu, Revolusi Iran yang berlaku pada tahun 1979 juga telah mempengaruhi perjuangan politik Islam di Malaysia. Pas menggulingkan semua pemimpinnya yang bersifat nasionalis dan menggantikannya dengan kepimpinan yang antiasabiah (antinasionalisme), antisekularisme dan anti-Barat.

Apabila dikemukakan kepadanya<sup>6</sup> bahawa perkembangan ekstremisme agama, fanatik dan anti-Barat dalam pelbagai bentuk yang diwakili oleh pelbagai institusi sosial dan politik melambangkan pelarian terhadap nilai-nilai baru yang hendak dikemukakannya. Dr. Mahathir berkata, "Orang Melayu akan sanggup menerima perubahan dan perubahan akan berlaku."

Beliau mengemukakan contoh tentang bagaimana orang Melayu pada mulanya tidak mahu berpolitik tetapi sekarang mereka menjadi orang yang pandai menyusun dan menjalankan pertubuhan politik, berani bercakap di depan umum, tidak segan dan malu serta tidak takut untuk menyuarakan pendapat.

Beliau tidak menolak kemungkinan bahawa nilai-nilai baru yang diterapkannya termasuk penggunaan teknologi moden akan membawa perubahan yang sama dalam masyarakat Malaysia seperti yang telah pun menjadi masalah di negara-negara maju. Umpamanya keruntuhan unit keluarga.

Dr. Mahathir percaya bahawa setiap perubahan akan membawa kebaikan dan keburukan. Sekiranya perubahan langsung tidak mahu diterima maka "kita mesti kembali ke zaman batu di mana kita berhubung dengan manusia sahaja, tidak perlu ada radio, televisyen dan sebagainya.

6. *Ibid.*

"Seharian kita duduk bercakap dengan keluarga sahaja dan menjadi masyarakat yang mempunyai ikatan kekeluargaan yang kuat".

Beliau bertanya apakah ini yang kita mahu, adakah kita mahu terus tinggal sebagai masyarakat yang mundur, adakah dengan menolak nilai moden kita boleh maju, ke mana kita hendak pergi?

"Kita mahu dunia melihat kita sebagai satu bangsa yang ketinggalan, sebagai orang yang tidak tahu menggunakan teknologi baru, tidak tahu menggunakan komputer, apakah ini yang kita mahu?" tanya beliau.

Rakyat Malaysia yang sudah pun menikmati kemajuan menerusi kerangka pembangunan sosioekonomi Barat tentulah menjawab tidak mahu.

Maka betapa pun mahu ditapis, nilai-nilai buruk sebuah masyarakat ekonomi pasaran pasti menyerap dan menerap, amalan politik wang di dalam UMNO sendiri tidak dapat dikawal lagi, ketamakan untuk mengumpul wang dan harta bagi keluarga dan cucu-cicit yang akan datang tidak lagi mengenal batas.

Sesekali Dr. Mahathir mengkritik keadaan ini tetapi jutaan ahli UMNO sendiri mengetahui bahawa pemimpin-pemimpin mereka tidak dapat keluar dari keadaan ini, kerana kuasa di tangan ahli, dan wang di tangan pemimpin. Pemimpin yang tidak sanggup menaburkan wang ke cawangan, bahagian dan seterusnya ke pusat pasti akan tersisih. Pemimpin yang tidak percaya kepada politik wang tidak lagi mendapat tempat. Budaya ini sudah diterima sebagai budaya UMNO.

Pemimpin-pemimpin yang mempunyai rekod bersih dan berpegang kepada nilai moral yang baik terpaksa menerima doktrin matlamat menghalalkan cara (*The end justifies the means*) lalu bersekongkol dengan pemimpin,

penulis upahan, ahli perniagaan dan usahawan yang mempunyai rekod skandal, rasuah, menipu, mengugut dan sebagainya demi untuk mencari pengaruh dalam parti dan bagi memenangi pilihan raya dalam parti.

Pemimpin-pemimpin yang berpegang kepada prinsip moral terpaksa mengorbankan prinsipnya.

Dalam UMNO, mencari penyokong dengan memilih kualiti bererti membunuh diri. Kepercayaan yang telah diterima secara meluas ialah dalam politik tidak ada musuh dan kawan yang kekal.

Pertandingannya yang genting dengan Tengku Razaleigh Hamzah untuk merebut jawatan Presiden UMNO pada 24 April 1987 telah mengajar Dr. Mahathir bahawa yang penting dalam politik ialah dapat menukarkan walaupun seorang musuh menjadi kawan.

Moralis dan idealis yang tidak berpengalaman melihat keadaan ini dengan bimbang dan kecewa.

Seorang wakil Kelab UMNO Luar Negeri, Encik Ahmad Maslan mengingatkan Perhimpunan Agung UMNO pada 20 November 1989 supaya UMNO tidak mengamalkan doktrin lapuk politik Barat yang menghalalkan cara tidak betul semata-mata untuk mencapai sesuatu matlamat. Katanya, "Generasi muda yang akan meneruskan perjuangan tidak rela mewarisi kesan daripada nilai-nilai kotor yang diamalkan oleh generasi terdahulu."

Ahmad melihat telah ada tanda krisis identiti Melayu dalam bidang dakwah, pendidikan, kebudayaan, ekonomi dan politik yang perlu diselesaikan "agar generasi akan datang mempunyai identiti yang teguh".

Beliau menyebut bahawa "perjuangan UMNOlah yang memastikan mutiara di dalam lumpur di kampung-kampung dapat digilap untuk melihat dan menyinari dunia, tetapi sayang sekali mutiara yang dihantar ka-

dangkala pulang dengan diselaputi najis, ada yang menjadi penjenayah kolar putih menipu rakyat berjuta ringgit, ada yang terlajak ke kiri menjadi ejen pengimport budaya kuning, terlajak ke kanan menjadi pengamal yang bukan-bukan".

Beliau juga mengingatkan bahawa politik UMNO ialah politik orang kampung, tanpa orang kampung tiadalah UMNO.

Dalam realiti yang sebenarnya, UMNO tidak lagi melambangkan identiti masyarakat nelayan, petani dan guru-guru (kakitangan kerajaan). UMNO sekarang didukung oleh orang yang menyedari hakikat bahawa wang lebih besar berada dalam dunia korporat, bukan di sawah nan hijau, di lautan nan biru dan kampung nan damai.

Ditunjukkan kepada Dr. Mahathir kemungkinan-kemungkinan buruk daripada budaya politik Melayu baru ini, diberitahukan kepadanya bahawa Nixon<sup>7</sup> dan Tanaka<sup>8</sup> telah pun timbul dalam masyarakat kita, Dr. Mahathir menjawab, "Sudah semestinya ada nilai baik dan buruk tetapi kalau kita tidak mahu bergerak ke arah kemajuan, kalau kita tidak mahu menerima pemodenan maka ke mana kita?"

Pada penghujung tahun 1985 di Memali, sebuah kampung terpencil dalam daerah Baling, Kedah ramai orang yang berkumpul dan berkampung untuk tidak mahu pergi ke mana-mana kecuali ke akhirat dan kumpulan itu se-

7. Presiden Amerika ke-37 yang meletak jawatan pada tahun 1974 kerana terlibat dengan skandal Watergate.

8. Perdana Menteri Jepun yang didapati bersalah kerana terlibat menerima rasuah US\$2 juta daripada Lockheed, sebuah syarikat membuat kapal terbang Amerika Syarikat.

9. *Utusan Malaysia*, 19 November 1983, *op. cit.*

makin hari menjadi semakin besar di bawah pimpinan seorang tok guru yang dikenali sebagai Ibrahim Libya atau nama sebenarnya Ibrahim Mahmud. Pengikut-pengikutnya percaya kepada ajaran guru ini bahawa pemodenan akan membawa kepada kekufuran dan mereka mahu menegakkan sebuah negara Islam yang dapat melarikan diri daripada pemodenan, yang hanya menuju ke jalan Allah.

Apabila perhimpunan dan perkampungan di Memali itu menjadi bertambah besar maka khabar angin mengatakan bahawa mereka mempunyai kepercayaan negara Islam boleh ditegakkan dengan kekerasan, dengan kekebalan manusia, senjata dan darah pemimpin. Orang Islam yang ingkar, halal ditumpaskan. Mereka bersiap atas kepercayaan suatu jihad.

Apabila Kementerian Dalam Negeri mendapat maklumat bahawa keadaan semakin mengancam keselamatan, perintah dikeluarkan untuk menangkap ketua kumpulan itu, Ibrahim Libya. Pengikut-pengikutnya berkumpul untuk melindunginya, pertempuran berlaku antara mereka dengan pihak keselamatan. Pihak polis terpaksa bertindak apabila mereka diserang dan beberapa anggota mereka terbunuh.

Menjelang lawatan rasmi Dr. Mahathir yang pertama ke Republik Rakyat China, berita buruk telah disampaikan kepadanya bahawa 18 orang telah terbunuh dalam peristiwa itu.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Musa Hitam telah meminta Dr. Mahathir menangguhkan dahulu lawatannya itu kerana kejadian tersebut melibatkan orang Melayu dan Islam tetapi Dr. Mahathir tidak dapat berbuat demikian kerana rancangan lawatannya telah pun siap diatur. Beliau menyerahkan kepada

timbangannya untuk menguruskannya.

"Nama negara telah tercemar dengan peristiwa ini," kata Dr. Mahathir. Beliau percaya "puncanya adalah daripada kafir mengkafir dan penggunaan agama Islam untuk kepentingan politik dan diri sendiri".<sup>10</sup>

Pas memandang orang yang terkorban dalam peristiwa Memali itu gugur sebagai syahid, walaupun sebenarnya mereka adalah penceroboh undang-undang negara.

Di Amerika Syarikat, sebuah negara paling maju di dunia, golongan fanatik agama timbul dari semasa ke semasa dan paling akhir di Waco, Amerika Syarikat. Pada April 1993, anggota-anggota Biro Penyiasat Persekutuan (FBI) telah membunuh lebih 80 pengikut satu ajaran agama baru.

Perkembangan di Amerika Syarikat itu ada persamaannya dengan di Malaysia.

Bagi rakyat Malaysia, tidak ada pilihan lain lagi, telah terbukti kepada mereka kebenaran jalan kemerdekaan yang ditunjukkan oleh Tunku Abdul Rahman.

Tun Abdul Razak telah memperbaiki dan memantapkan jalan ini dan Dr. Mahathir telah memberikan visinya yang jelas kepada rakyat sehingga tahun 2020.

10. Ucapan Dr. Mahathir dalam Perutusan Tahun Baru 1986.

SIAPA juga yang bakal menggantikan Dr. Mahathir akan terpaksa meneruskan peperangan ke atas musuh utama ini tetapi Dr. Mahathir mengingatkan "yang paling merbahaya dalam menentang taksu agama ialah kalau kita mengetepikan agama. Oleh itu hendaklah terus berbincang dengan memberikan alasan yang rasional".

Iniilah yang dilakukannya selama ini. Beliau tidak menjadikan agama sebagai halangan untuk berfikir.





## 7 Ke Arah Melayu Baru

Sekalipun golongan pelampau Islam menganggap Malaysia sebagai negara sekular tetapi sejak Tunku Abdul Rahman sehingga kepada Dr. Mahathir, kerajaan tidak pernah memisahkan politik daripada agama.

Suara-suara meminta Pas diharamkan kerana sifat ekstremismenya, menjalankan politik kafir mengkafir dan sebagainya tidak begitu diendahkan oleh kerajaan sekalipun dibangkit berulang kali dalam perhimpunan-perhimpunan agung UMNO sebaliknya kerajaan sendiri lebih bersedia bersaing dengan Pas dalam politik agama.

Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir telah menarik perhatian dunia luar terutama negara-negara Barat yang bimbangkan Malaysia menuju ke arah negara Islam tetapi akhirnya pemerhati-pemerhati Barat melihatnya sebagai langkah berkesan kerajaan Malaysia untuk menyaingi dan mengawal ekstremisme agama di Malaysia.

Kelahiran Pusat Islam, Bank Islam, Universiti Islam, Institut Kajian Islam dan peningkatan institusi-institusi Islam lainnya daripada segi taraf dan kedudukan semasa pimpinan Dr. Mahathir telah memperlihatkan suatu pen-

dekatan yang praktikal, rasional dan berkesan untuk membawa Islam ke dalam aliran perdana negara (*mainstream*).

Sementara pelampau-pelampau Islam terus mengecam kerajaan kerana mengamalkan sekularisme, perkembangan aktif Islam dalam pemerintahan negara di Malaysia semakin menarik perhatian dunia luar dan dilihat sebagai penyelewengan daripada sekularisme.

Dr. Mahathir telah ditanya di Sidang Kemuncak Pemimpin Asia melalui satelit pada bulan Februari 1990 oleh Editor *The Hindu* dari India, Encik N. Ram tentang Malaysia mencampuradukkan agama dalam pemerintahan. Beliau menjawab bahawa pendapat yang mengatakan pemerintahan hendaklah diasingkan dengan agama adalah pandangan Barat dan "apa yang saudara kemukakan adalah merupakan pandangan saudara yang lebih merupakan pandangan Barat tulen".

Dalam Sidang Puncak itu yang dikendalikan oleh wartawan veteran Amerika, Encik Barnard Kalb dan disertai oleh pemimpin-pemimpin Asia lainnya, Dr. Mahathir juga menyatakan beliau tidak nampak kenapa agama tidak patut diambil kira dalam politik sesebuah negara.

"Jika kami berlainan dengan Barat, tidak bererti sama sekali yang kami ini silap. Inilah masalahnya yang kita semua hadapi sekarang iaitu pentafsiran sepenuhnya mengenai masyarakat, salah atau betul terlalu dikongkong kepada apa yang ditafsirkan oleh Barat."

Beliau menolak anggapan bahawa merbahaya mencampurkan agama dengan kerajaan awam sebaliknya, kata beliau, "Tidak ada jaminan bahawa konflik tidak akan wujud jika sesebuah negara itu mengamalkan ciri-ciri sekular."

Di Malaysia, kata Dr. Mahathir, kebanyakan orang taat kepada suruhan agamanya dan oleh itu pandangan mereka sudah tentulah akan memberi kesan kepada dasar-dasar negara.

"Soalnya ialah bagaimanakah hendak mengendalikan padangan golongan ekstrimis, tetapi sama ada kita perlu mendengar atau terpengaruh dengan pandangan yang ekstrim bergantung kepada kita sendiri."

Sebaik sahaja menjadi Perdana Menteri, langkah segera yang diambil oleh Dr. Mahathir ialah mencantas potensi bibit golongan intelektual Islam yang berpotensi menjadi suatu tenaga Islam yang militan dan ekstrim di Malaysia.

Beliau berjaya membawa masuk ke dalam UMNO, Presiden Angkatan Belia Islam (ABIM), Anwar Ibrahim yang pada masa itu telah pun membuktikan bakat kepimpinannya yang besar dan keunggulannya sebagai pemimpin muda yang berpengaruh dan dihormati kerana keupayaan menggembelingkan tenaga *pressure group* yang dapat memberikan cabaran yang berkesan kepada kerajaan dalam isu-isu rakyat.

Kejayaan Dr. Mahathir itu bukan sahaja menggemparkan ahli-ahli ABIM tetapi juga seluruh ahli UMNO dan masyarakat yang selama ini mengenali Anwar sebagai penentang utama UMNO.

Dr. Mahathir melihat adalah lebih berbahaya kepada UMNO dan kepada masa depan Malaysia jika Anwar terus berada di luar dan dibiarkan bersekongkol dengan Pas. Ketika itu khabar-khabar angin telah pun tersebar tentang kemungkinan Anwar akan menyertai Pas.

Berikutan dengan penyertaan Anwar ke dalam UMNO pada 29 Mac 1982 "kerana kagum dan yakin dengan pentadbiran dan corak perjuangan Dato' Sri Dr. Mahathir

Mohamad<sup>1)</sup>, Dr. Mahathir mendedahkan bahawa beliau sebenarnya sudah lama berbincang soal-soal politik dan agama dengan Anwar.

Dr. Mahathir berharap akan dapat bekerjasama dengan Anwar ke arah mempertingkatkan agama Islam memandangkan Anwar telah terkenal perjuangannya dalam bidang Islam sejak lama dulu ketika masih menjadi penuntut. Anwar memberitahu satu sidang akhbar yang turut dihadiri oleh Perdana Menteri bahawa "hari ini saya telah mengambil keputusan penting dalam hidup saya untuk aktif dalam UMNO dan Barisan Nasional".

"Saya memilih UMNO kerana ia memberi ruang kepada saya untuk meneruskan perjuangan saya.

"Saya rasa UMNO sekarang sudah mempunyai potensi dan ruang dalam memperjuangkan dasar-dasar dan prinsip-prinsip yang menjadi impian saya," tegasnya.

Anwar juga memberitahu bahawa sebenarnya beliau sendiri dan para belia yang sehaluan dengannya telah menganggap Dr. Mahathir sebagai hero mereka berdasarkan apa yang diperjuangkannya.

Anwar juga memberitahu bahawa sebelum membuat keputusan penting itu, beliau telah berunding dengan sahabat-sahabatnya termasuk dari Pas.

"Saya tidak akan melepaskan segala pegangan dalam perjuangan saya selama ini," tegas beliau.

Memang benar, sekalipun telah sekian lama berada di dalam UMNO tetapi Anwar masih tidak dapat terus keluar daripada konsep Islam ABIM dan masih janggal dengan budaya UMNO. Ini jelas apabila mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia membantah pertunjukkan Sudirman di UKM pada awal tahun 1980. Anwar

1. *Utusan Malaysia*, 30 Mac 1982.

yang ketika itu menjadi Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan melihat kewajaran daripada bantahan itu tetapi Dr. Mahathir mempunyai pandangan yang lain.

Dr. Mahathir memanggil satu pertemuan di kediamannya yang dihadiri oleh beberapa orang ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO dan juga pengarang dari Kumpulan Utusan Melayu dan Berita Harian<sup>2</sup> bagi membincangkan perkara itu yang telah menjadi berita utama akhbar-akhbar terutama akhbar terbitan Kumpulan Utusan Melayu.

Anwar berpendapat bahawa perkara itu tidak seharusnya dibesarkan kerana ia tidak lebih daripada suatu peniruan dari Barat dan Sudirman hanyalah *imitator* tetapi Dr. Mahathir berkata beliau tidak hanya melihat dari sudut hati sebaliknya beliau lebih bimbang dengan ansir ekstremisme yang dihayati oleh pelajar-pelajar itu.

Dr. Mahathir mengarahkan supaya pertunjukkan itu mesti diadakan juga di tempat yang sama sekalipun beliau bersetuju ditangguhkan buat sementara waktu. Pertunjukkan itu kemudiannya diadakan di UKM dengan mendapat sambutan yang hebat daripada kalangan masyarakat kampus sendiri.

Apabila Dr. Mahathir membuat arahan ini, beliau percaya Anwar akan dapat membuat penyelesaian kerana beliau tahu bahawa Anwar mempunyai keupayaan yang besar untuk memahami citarasa sebuah masyarakat majmuk dan terbuka.

Perlantikan Anwar Ibrahim untuk memegang jawatan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dilihat oleh pemerhati-pemerhati politik sebagai satu usaha awal untuk mengisimilaskannya ke dalam budaya UMNO.

2. Penulis juga menghadiri pertemuan itu.

Ketika menghadiri majlis makan malam bersempena dengan 44 tahun Utusan Melayu yang diadakan di sebuah hotel di Kuala Lumpur pada 7 Jun 1983, Dr. Mahathir mengarahkan Anwar Ibrahim supaya mengambil langkah untuk memberikan penghargaan yang tinggi kepada seniman agung P. Ramlee.

Dr. Mahathir telah menyebutkan ini sebagai tugas Anwar ketika perbincangan kecil timbul di meja makan malam itu mengenai tidak adanya penghargaan yang sewajarnya dibuat kepada P. Ramlee sekalipun beliau sudah lebih 12 tahun meninggal dunia. Dr. Mahathir berkata beliau mengenali P. Ramlee sebagai seorang seniman yang penuh dedikasi, kuat bekerja dan amat kreatif.

Arahan tidak rasmi Dr. Mahathir kepada Anwar di meja makan Malam Utusan Melayu 44 Tahun itu menjadi berita muka satu *Utusan Malaysia* keluaran 17 Jun 1983 di bawah tajuk "Mahathir mahu langkah berkesan kenang Seniman Agung P. Ramlee". Anwar telah bertindak dengan serta-merta. Beliau berunding dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Elyas Omar dan hanya beberapa hari kemudian nama Jalan Parry di Kuala Lumpur ditukarkan kepada Jalan P. Ramlee.

Dengan sekaligus tindakan itu mempopularkan Anwar sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana beliau telah melakukan sesuatu yang besar dalam memenuhi hasrat dan sentimen rakyat yang menganggap P. Ramlee sebagai legenda dalam dunia hiburan dan perfileman Melayu tetapi berasa kecewa kerana sesudah lebih 12 tahun kematiannya, kerajaan tidak membuat sesuatu yang konkrit untuk mengenangnya.

Anwar semakin dilihat sebagai seorang yang *moderate*, rasional dan dapat memahami iklim dan citarasa masyarakat Malaysia.

Dr. Mahathir sendiri sejak berada dalam kerajaan terpaksa membuat penyesuaian dari semasa ke semasa, daripada masalah yang kecil hingga kepada yang besar, malah ada kalanya beliau dilihat berganjak daripada kepercayaan dan pegangan kepada buku *Dilema Melayunya* dan membuat tafsiran semula serta menjustifikasikan perkara-perkara yang tidak disenangi sebelumnya.

Berdasarkan pengalamannya sendiri, Dr. Mahathir yakin bahawa Anwar juga akan dapat membuat adaptasi dengan pengalaman barunya, citarasa parti, kepentingan diri dan rakyat serta perkembangan negara.

Dr. Mahathir menjadi begitu pragmatik, tidak segarang dan sekuat kata-katanya terutamanya dalam perkara yang mungkin mendatangkan kesan buruk kepada ekonomi negara. Ini jelas sekali dapat dilihat ketika beliau mengendalikan dasar luar Malaysia semasa menghadapi Perang Teluk. Sentimen rakyat yang dihadapinya ketika ini lebih besar daripada sentimen pro-Sukarno yang dihadapi oleh Malaysia ketika konfrontasi Indonesia.

Seperti orang Islam di mana juga, sentimen dan sokongan orang Melayu di Malaysia kuat melulu kepada Iraq dan Saddam Hussein. Bagaimanapun negara berada dalam keadaan tidak boleh tunduk kepada sentimen ini.

Apabila Presiden Bush sendiri menelefon Dr. Mahathir yang ketika itu berada di Tokyo untuk mengetahui pendirian Malaysia, Dr. Mahathir menyedari akibat bagi masa depan negara jika beliau mengambil pendirian yang tidak menyenangkan Amerika Syarikat dan sekutunya.

Sekalipun suaranya begitu lantang menentang Amerika Syarikat dan negara-negara Barat dalam beberapa hal malah beliau dianggap sebagai suara berani dunia ketiga tetapi apabila berkaitan dengan kepentingan eko-



nomi negara, Dr. Mahathir sanggup untuk menyesuaikan diri dengan keperluan semasa. Tindakan negarawannya adalah sebagai seorang ahli perniagaan yang tahu bila patut berkeras dan bila semestinya berlembut, bila menjual mahal dan bila menurunkan harga dan bila harus bertolak ansur. Yang penting baginya ialah pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam dunia *unipolar*, Dr. Mahathir sedar bencana yang boleh ditimpakan oleh mereka ke atas negara-negara yang lemah.

"Mereka tidak lagi perlu menempatkan tentera dan pentadbiran mereka untuk menakluk kita. Melalui ilmu dan kepintaran serta kekayaan, mereka dapat menguasai kita," katanya.<sup>3</sup>

Dr. Mahathir melihat keadaan ini menjadi lebih mengancam selepas Perang Dingin (*Cold War*). Nilai dan falsafah baru telah dicipta oleh pihak yang menjadi kuasa tunggal dalam apa yang dikenali sebagai Dunia *Unipolar*, dunia yang mempunyai suatu kuasa sahaja.

"Falsafah baru anjuran Barat ialah mereka berhak campur tangan dalam hal-ehwal negara asing jika mereka berpendapat negara berkenaan tidak demokratik atau mengabaikan hak asasi manusia atau tidak memberi kebebasan berakhlak atau bersuara atau mencemar alam sekitar dan pelbagai lagi. Dengan ini falsafah kemerdekaan negara-negara kecil tergugat," katanya.

Dr. Mahathir melihat campur tangan kuasa besar ini dalam pelbagai bentuk, daripada sekatan dagangan dan bantuan sehingga kepada penghantaran pasukan tentera untuk menangkap dan membicarakan pemimpin-pemim-

3. Ucapan Dr. Mahathir di Perhimpunan Agung UMNO, 8 November 1991.

pin negara yang didakwa oleh mereka bersalah. Lebih lemah sebuah negara lebih berkemungkinan kemerdekaannya dicabul.

Dr. Mahathir berkata, "Jika Malaysia ingin mempertahankan kemerdekaannya, negara ini mestilah mempunyai kekuatan sendiri, bukan kekuatan ketenteraan tetapi kemantapan ekonomi dan kemampuan membangunkan negara sendiri.

"Hanya jika kita dapat menjadi negara maju, barulah kita akan dapat bertahan jika sekatan dagang dan lain-lain ancaman bukan tentera dilancarkan terhadap kita."

Dalam situasi Perang Teluk, Malaysia masih belum berada di peringkat yang dimimpikan oleh Dr. Mahathir.

Sebagai seorang pemimpin Islam, beliau harus memainkan peranan untuk mengimbangi perasaan sentimen orang Islam dalam negaranya. Realiti dunia *unipolar* jika tidak dihiraukannya, boleh menghancurkan segala usahanya membangunkan Malaysia seperti Saddam Hussein menghancurkan seluruh kekuatan Iraq yang dibinanya bertahun-tahun dalam masa cuma seminggu.

Semasa Iraq menceroboh Kuwait, Dr. Mahathir berada di Tokyo dan Presiden Bush telah membuat panggilan penting dari Washington ke Tokyo untuk bercakap dengannya tetapi Dr. Mahathir yang ketika itu sedang makan malam dengan seorang rakan Jepunnya tidak melayan telefon itu dengan segera. Beliau telah meminta Bush supaya menelefon semula kerana beliau belum habis makan.

Sikap Dr. Mahathir ini mengejutkan kalangan Jepun kerana biasanya pemimpin-pemimpin Jepun sendiri amat menghormati panggilan dari pemimpin-pemimpin Amerika apatah lagi dari Presiden Amerika Syarikat.

Rakan Jepunnya barangkali terkejut melihat Dr.

Mahathir tidak meluru untuk menjawab panggilan Presiden Amerika Syarikat tetapi Jepun tidak terkejut apabila Malaysia mengambil pendirian yang sama dengan Jepun dalam menghadapi masalah Perang Teluk kerana Jepun menyedari bahawa Malaysia menyokong keputusan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu atas kepercayaannya kepada prinsip mana-mana negara pun tidak berhak untuk mencerooboh kedaulatan dan kemerdekaan negara lain.

Malaysia tidak mengambil pendirian yang sesuai dengan hasrat golongan ekstremis Islam dan militan Islam sekalipun menghadapi gelora kemarahan dalam negeri terhadap Amerika dan sekutunya.

Atas permintaan Bush, Dr. Mahathir telah menghantar Menteri Luar Malaysia, Abu Hassan Omar sebagai utusan peribadinya bagi menjelaskan kepada Setiausaha Negara Amerika Syarikat, James Baker tentang pendirian Malaysia terhadap penaklukan Iraq ke atas Kuwait. Bush mengesyorkan pertemuan itu diadakan di Oman tetapi Dr. Mahathir meminta supaya diadakan di tempat yang lebih sesuai dan Abu Hassan menemui Baker di Lapangan Terbang Texas, Amerika.

Berikutnya, Malaysia telah menyokong beberapa keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang antara lain mengutuk penaklukan Iraq ke atas Kuwait dan meminta pengunduran tentera Iraq dengan segera dari Kuwait tanpa syarat dan menyelesaikan krisis itu menerusi perundingan.

Malaysia juga menyertai keputusan PBB (Resolusi 678) membenarkan penggunaan kuasa tentera jika Iraq tidak mengundurkan tenteranya dari Kuwait sebelum 15 Januari 1991.

Sementara itu, sebuah parti Islam terbesar di Malaysia,

Pas telah mengambil kesempatan daripada pendirian kerajaan itu untuk memainkan sentimen orang Melayu dan Islam dengan mengumumkan bahawa ia akan menghantar sukarelawannya bagi berjuang bersama-sama tentera Iraq menentang tentera-tentera kafir.

Sebenarnya, dalam situasi ini Dr. Mahathir sendiri berada dalam keadaan serba salah. Beliau dapat merasakan perasaan keislaman orang Melayu dan khususnya ahli-ahli UMNO dalam melihat peperangan ini, tetapi hakikatnya ialah Iraq menceroboh Kuwait dan Iraq pasti akan kalah di tangan Amerika Syarikat dan sekutu Baratnya.

Maka itu, Dr. Mahathir telah memanggil satu perhimpunan khas UMNO di Kuala Lumpur untuk berbincang mengenai masalah Perang Teluk.

Sikap dan perasaan Dr. Mahathir amat jelas setelah Iraq dikalahkan dalam peperangan itu. Beliau memberitahu Perhimpunan Agung UMNO pada 8 November 1991 bahawa "hari ini kita telah pun melihat peristiwa yang amat memilukan, sebuah negara Islam yang bebas dan kuat terpaksa tunduk kepada kuasa-kuasa asing kerana bertindak melulu tanpa perhitungan".

Beliau mulanya menyebutkan perihal sebuah negara Islam yang kaya kerana hasil bumi kurniaan Tuhan diserang oleh sebuah negara Islam yang tamak. Negara yang diserang itu terpaksa meminta pertolongan bukan daripada negara Islam lain tetapi daripada negara bukan Islam.

"Dan negara Islam yang menjadi jiran negara yang diserang terpaksa bekerjasama dengan orang bukan Islam untuk mempertahankan diri. Secara langsung dan tidak langsung meletakkan negara-negara Islam ini di bawah telunjuk bukan Islam dan negara yang tamak dikalah-

kan dengan teruk, dilumpuh dan dihina oleh dunia.

"Apabila kalah dalam peperangan, askar-askar negara Islam ini melutut dan mencium kaki musuh bukan Islam kerana ketakutan.

"Di manakah semangat dan maruah orang Islam? Apakah ini hasil ajaran agama Islam yang sebenar atau hasil ajaran salah oleh mereka yang kononnya lebih berhak mentafsir agama Islam?

"Yang lebih bersalah ialah mereka yang mentafsir dan membawa ajaran yang dikatakan Islam tetapi menyebabkan umat Islam dan negara-negara Islam menjadi semakin lama semakin lemah, mundur, jahil dan mudah diperalat dan dipermainkan oleh musuh-musuh Islam.

"Mereka yang mengajar bahawa bagi umat Islam hidup di dunia hanyalah untuk persediaan bagi akhirat adalah orang yang bersalah besar. Umat Islam dan agama Islam tidak akan dihina jika tidak kerana ajaran seperti ini," tegasnya.

Dr. Mahathir melihat dengan jelas bahawa golongan seumpama ini wujud di Malaysia dan jika tidak diperingi menerusi suatu strategi yang betul akan membantutkan pencapaian Wawasan 2020 dan beliau tidak mahu orang Melayu dan bumiputera menjadi kelompok yang mundur dan miskin pada tahun 2020.

"Kumpulan ini menuduh Wawasan 2020 adalah untuk dunia semata-mata dan patut ditolak oleh orang Islam Malaysia. Bagi mereka yang penting bukan Wawasan 2020 tetapi wawasan akhirat.

"Sekali lagi percubaan dibuat untuk melemahkan semangat orang Melayu dengan tafsiran agama Islam yang tidak berasas dan berbau politik. Apabila ada sahaja usaha untuk membangunkan orang Islam supaya mampu bersaing dengan sesiapa sahaja dalam dunia moden ini,

maka muncullah orang yang suka orang Islam kekal dengan kelemahan mereka dan dihina di dunia ini," kata Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir berkata orang seperti inilah yang menyebabkan orang Islam sesat, lemah dan dihina kerana terpaksa bergantung kepada orang lain.

"Sebenarnya jika orang Islam tidak dapat mengejar kemajuan di dunia dan berjaya seperti orang bukan Islam, ada kemungkinan mereka akan kecewa sehingga hilang kepercayaan kepada agama Islam.

"Kemiskinan dan kedaifan akan membawa kepada kekufuran. Dengan itu tidak akan ada akhirat bagi mereka. Dengan perkataan lain mereka yang mencanang wawasan akhirat inilah yang mungkin kehilangan tempat di akhirat. Sebaliknya mereka yang mengimbangkan dunia dengan akhirat seperti yang dikehendaki oleh agama Islam, akan bahagia di dunia dan akhirat."

Beliau menjelaskan bahawa Wawasan 2020nya bertujuan untuk menjadikan Malaysia menjelang tahun 2020 menjadi sebuah negara maju yang berupaya membangunkan diri sendiri melalui penguasaan ilmu, kecakapan dan moral yang tinggi dan membolehkan kita bersaing dengan negara maju yang lain dalam semua bidang.

"Bukan semata-mata untuk menjadi negara industri yang pendapatan perkapitannya sekian banyak," tegasnya.

Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman telah memerangi nasionalisme Melayu yang sempit. Beliau meminta orang Melayu menerima hakikat mesti hidup bersama dengan orang Cina dan India yang telah memberikan kesetiaan kepada negara ini serta memberikan sumbangan kepada pembangunan ekonomi-

nya tetapi Dr. Mahathir mahu membawa orang Melayu lebih jauh daripada itu. Beliau mahu menjayakan suatu transformasi budaya Melayu kepada budaya antarabangsa yang berasaskan kepada kesanggupan dan keupayaan untuk membangunkan diri sendiri, berilmu canggih, rajin, cekap, berani dan bermoral tinggi.

Hanya menerusi budaya ini, akan wujud Melayu Baru yang sanggup mencabar dan menghadapi gelombang dunia tetapi dalam realiti hari ini, sementara kaum-kaum lain telah menyesuaikan diri dengan nilai-nilai asing, sebahagian besar orang Melayu masih berada di bawah tempurung, kepercayaan tradisi dan ekstremisme agama.

Siapa juga yang bakal menggantikan Dr. Mahathir akan terpaksa meneruskan peperangan ke atas musuh utama ini tetapi Dr. Mahathir mengingatkan "yang paling merbahaya dalam menentang taksu agama ialah kalau kita mengetepikan agama. Oleh itu kita hendaklah terus berbincang dengan memberikan alasan yang rasional".<sup>4</sup>

Inilah yang dilakukannya selama ini. Beliau tidak menjadikan agama sebagai halangan untuk berfikir.

4. Temubual dengan penulis, 19 April 1993.

SEKIRANYA Musa bertanding, keadaannya akan menjadi lebih buruk lagi, namanya akan dicemar dan tercemar.

Pengumumannya untuk tidak bertanding bagi pemilihan pucuk pimpinan UMNO 1993 itu merupakan lambaian selamat tinggalnya kepada politik tanah air. "Saya akan buktikan kepada Dr. Mahathir bahawa dia tidak benar, saya tidak akan memuaskan hatinya dalam hal ini."

Tetapi kepada Dr. Mahathir yang terus percaya bahawa politik adalah darah daging Musa, lambaian terakhir Musa itu tetap tidak begitu jelas kepadanya.





## 8 Seiring Tak Sekata

Pada mulanya Dr. Mahathir dilihat sebagai seorang ahli politik yang lurus, terus-terang dan suka merajuk apabila terhalang atau dihalang untuk menyempurnakan cita-cita dan keyakinannya yang difikirkannya benar bagi kepentingan bangsa dan negara. Ini dapat dilihat dalam babak-babak awal sejarah politiknya.

Tidak lama selepas merdeka, beliau menyepikan diri daripada politik apabila tidak disenangi oleh Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman kerana sikap radikalnya dan beliau hanya kembali ke pangkuan UMNO setelah dipujuk berikutan penyingkirannya kerana suratnya kepada Tunku berhubung dengan peristiwa 13 Mei.

Seorang yang dibariskan di antara orang yang paling pintar di Malaysia dan pernah menjadi menteri dalam kabinet Malaysia menganalisis bahawa kerana salah membaca keperibadian Dr. Mahathir inilah maka menyebabkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam membuat kesilapan besar dalam strategi politiknya dengan meletakkan jawatan pada 16 Mac 1986 dan kemudian mencabar kepimpinan Dr. Mahathir pada tahun 1987.

Menurutnya, Musa membuat perhitungan bahawa apabila beliau berganding bahu dengan Tengku Razaleigh untuk mencabar kepimpinan Dr. Mahathir maka Tengku Razaleigh akan kalah di tangan Dr. Mahathir bagi jawatan Presiden UMNO tetapi beliau akan menang bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO dengan mengalahkan Ghafar Baba.

Apabila ini berlaku, Musa akan mempunyai jalan mudah untuk mengambil alih jawatan Presiden UMNO kerana Musa memperhitungkan bahawa sebahagian besar orangnya akan berjaya menduduki Majlis Kerja Tertinggi UMNO dan cukup bertenaga untuk membuatkan Dr. Mahathir berasa gelisah, merajuk dan mengundurkan diri serta menyerahkan kerusi Presiden UMNO dan Perdana Menteri kepadanya.

Strategi Musa ini ternyata benar. Tengku Razaleigh kalah dan kesemua orang Musa telah menang tetapi Musa sendiri kalah di tangan Ghafar Baba.

Selepas pertandingan itu, Dr. Mahathir bertindak serta-merta menyingkirkan semua orang Musa dan Tengku Razaleigh dalam penyusunan semula kabinetnya sekalipun mereka terpilih semula menduduki Majlis Kerja Tertinggi UMNO kerana beliau menyedari bahawa mereka telah membocorkan rahsia kabinet.

Ditakdirkan Musa menang, Dr. Mahathir tidak mungkin akan dapat berbuat demikian.

Tetapi pada pandangan Dr. Mahathir, dalam mengatur strateginya itu, Musa terlupa suatu hal "bahawa Tengku Razaleigh telah memastikan Musa tidak akan menang. Maka itu undi kalahnya hampir sama sahaja dengan undi kemenangan saya."<sup>1</sup>

1. Temubual penulis dengan Dr. Mahathir, 19 Ogos 1988.

Dr. Mahathir telah mengalahkan Tengku Razaleigh dengan majoriti 43 undi dan Ghafar mengalahkan Musa dengan 40 undi.<sup>2</sup>

Bagaimanapun Musa telah menolak anggapan ramai bahawa politiknya penuh dengan strategi dan taktik yang terancang rapi.

"Politik saya tidak pernah terancang," katanya.<sup>3</sup>

Apabila dikemukakan teori untuk mengambil alih kuasa menerusi sikap merajuk Dr. Mahathir, Musa menyatakan sehari sebelum pertandingan Majlis Kerja Tertinggi UMNO 1987, beliau telah memberitahu Tengku Razaleigh bahawa "ditakdirkan kita berdua menang esok, saya tidak mahu menjadi Timbalan Perdana Menteri".

Maksud Musa adalah untuk membuktikan kepada orang ramai bahawa itu bukanlah matlamatnya tetapi "jika saya menang, saya menang, kemenangan adalah kemenangan".

Ditanya tidakkah beliau merancang berbuat demikian untuk menimbulkan desakan popular supaya beliau dilihat mengambil sesuatu jawatan dalam kabinet dengan kehendak ramai?

Musa berkata adalah suatu penghinaan terhadapnya apabila orang mengukur apa yang mereka fikirkan menyamai fikirannya.

"Saya tidak merancang dalam tindakan politik," katanya sambil memberi contoh tentang pengundurannya

2. Keputusan penuh pemilihan Presiden UMNO dan Timbalan Presiden UMNO pada 24 April 1987 ialah Dr. Mahathir Mohamad mendapat 761 undi, Tengku Razaleigh 718 undi, Ghafar Baba 739 undi dan Musa Hitam 699 undi.
3. Penjelasan Musa Hitam dalam perbualan dengan penulis di London, 23 Ogos 1993.

dengan serta-merta daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Tetapi Dr. Mahathir memandang bahawa pengunduran itu yang diikuti dengan pemergian ke Makkah untuk menunaikan umrah dan ke London kemudiannya adalah suatu pengunduran yang terancang dan teratur, kemas dengan strategi untuk meningkatkan populariti, memainkan sentimen ahli UMNO (pemergian ke Makkah) dan untuk kembali semula ke dalam UMNO dengan kekuatan yang lebih besar.

"Apakah saudara percaya Musa akan mengundurkan diri daripada politik? Politik adalah darah dagingnya, saudara jangan ingat bila dia tinggalkan jawatan Timbalan Presiden UMNO maka dia akan tinggalkan politik," kata Dr. Mahathir.<sup>4</sup>

Surat tersebut telah diedarkan kepada ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO sehari sebelumnya dan semua Menteri Besar telah menerimanya secara serentak kerana mereka berada di Kuala Lumpur menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-raja.

Bacaan Dr. Mahathir ternyata tepat. Musa hanya meninggalkan tanah air untuk sementara tetapi tidak meninggalkan politik. Musa kemudiannya bermuafakat dengan Tengku Razaleigh untuk kembali mencabar kepimpinan Dr. Mahathir dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO 1987 tetapi Musa tewas dan Tengku Razaleigh juga tumbang.

Tengku Razaleigh kemudiannya membawa UMNO ke mahkamah dengan matlamatnya untuk mengharamkan

4. Penjelasan Dr. Mahathir dalam pertemuan dengan penulis selama lebih satu jam di kediamannya pada 28 Februari 1986 iaitu sebelum Majlis Kerja Tertinggi bermesyuarat membincangkan surat perletakan jawatan Musa.

pemilihan Dr. Mahathir tetapi pada 4 Februari 1988, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Harun Hashim bukan sahaja mengisytiharkan pemilihan parti UMNO pada 24 April 1987 tidak sah malah mengharamkan UMNO sebagai sebuah pertubuhan politik.

Ini merupakan suatu rahmat yang tidak diduga bagi Dr. Mahathir. Beliau segera nampak jalan mudah baginya untuk menyingkahkan musuh-musuh utamanya dan melumpuhkan seluruh nadi kekuatan mereka dalam UMNO.

Dr. Mahathir sedar dengan kelebihan hanya 43 undi mengalahkan Tengku Razaleigh, beliau sebenarnya berpijak di dahan rapuh dan akan terpaksa meneruskan suatu pimpinan yang lemah, tidak stabil dan tidak berkesan.

Mungkin oleh kerana idea 'bagaimana hendak menyingkahkan musuh' sudah tergambar di fikirannya maka beliau tidak kelihatan cemas sedikit pun malah penuh dengan keyakinan apabila menghadapi para pemberita yang meminta komennya mengenai pengharaman UMNO itu ketika beliau menghadiri satu majlis di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur pada malam pengharaman UMNO sekalipun seluruh negara telah gempar dengan berita itu.

Dr. Mahathir menjelaskan bahawa pengharaman itu tidak menjejaskan kedudukannya sebagai Perdana Menteri. "Perdana Menteri, tetap Perdana Menteri," katanya.

*Utusan Malaysia* keesokan harinya (5 Februari 1988) melaporkan bahawa Dr. Mahathir yang diserbu oleh para wartawan dari dalam dan luar negeri malam tadi kelihatan tenang.

Ini berbanding dengan timbalannya, Ghafar Baba yang biasanya tenang dalam situasi apa pun tetapi malam itu terkejut dan tercengang seolah-olah tidak percaya apa-

bila dimaklumkan oleh para pemberita bahawa UMNO telah diharamkan.

Dalam satu persidangan akhbar yang diadakan pada keesokan harinya khusus mengenai pengharaman UMNO itu, Dr. Mahathir menyindir kepala berita akhbar-akhbar kebangsaan yang mengatakan "UMNO diisytiharkan tidak sah".

Katanya, "Kenapa dikatakan tidak sah, kalau haram katakan haramlah."

Berikutan dengan itu, Dr. Mahathir mengambil langkah serta-merta menubuhkan UMNO Baru yang pendaftarannya diluluskan pada 17 Februari 1988 iaitu kira-kira dua minggu selepas UMNO diharamkan dan dengan sendirinya Tengku Razaleigh dan penyokong-penyokongnya tersingkir seperti ahli-ahli UMNO yang lain kecuali mereka yang memohon untuk menjadi ahli UMNO Baru.

Dr. Mahathir tentunya telah memperhitungkan bahawa Tengku Razaleigh tidak akan memohon untuk menjadi ahli UMNO semula dan sekalipun beliau memohon, Dr. Mahathir mempunyai cara untuk menyekatnya.

Akhirnya Tengku Razaleigh menubuhkan Semangat 46 tetapi hasratnya untuk memecahkan UMNO tidak berjaya. Beliau hanya mempunyai wang tetapi Dr. Mahathir mempunyai kuasa dan wang untuk memastikan UMNO terus berpadu.

Dr. Mahathir keluar daripada krisis ini dengan imej yang lebih besar dan lebih mantap. Kekosongan yang ditinggalkan oleh barisan Musa dan Tengku Razaleigh menyebabkan Dr. Mahathir dilihat sebagai Perdana Menteri dan sebagai Presiden UMNO yang mempunyai sejarah perjuangan politik yang panjang dan matang, ke-

lihatan berhadapan dengan para pembantunya sebagai bapa yang berhadapan dengan anak-anaknya atau sebagai guru yang berhadapan dengan murid-murid yang senantiasa bersedia menerima tunjuk ajar.

Laluan politik Dr. Mahathir menjadi bertambah licin kemudiannya. Beliau tidak lagi menghadapi banyak masalah dalam menyempurnakan rancangan dan visinya. Semuanya dapat berjalan dengan pantas, licin dan tanpa sebarang halangan. Inilah suatu keadaan yang dicarinya selama ini kerana usia mengejanya untuk menyempurnakan misi dengan pantas tanpa gangguan supaya semuanya dapat dilihat menjadi realiti semasa hayatnya.

Sejak itu juga, Dr. Mahathir tidak lagi dianggap sebagai seorang ahli politik yang lurus. Beliau dilihat bersikap *accomodative*, mengamalkan *political expediency* dan menerima doktrin matlamat menghalalkan cara (*the end justifies the mean*), malah ada sesetengah pihak yang menganggap beliau sebagai Michiavellian.

Dr. Mahathir terpaksa menerima hakikat bahawa dalam politik, kualiti penyokong tidak perlu diutamakan tetapi yang penting ialah mendapatkan majoriti untuk kemenangan dan kuasa.

Ramai orang melihat 'politik wang' telah diterima sebagai suatu keharusan dalam UMNO. Pelanggaran terhadap nilai moral dan etika ditafsirkan semula mengikut keperluan politik dan slogan Bersih, Cekap dan Amanah mulai meragukan orang ramai. Kes penipuan, rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku di dunia pasaran bebas lain semakin jelas berkembang dalam masyarakat Malaysia.

Politik wang yang menguasai keadaan persaingan antara Dr. Mahathir dengan Tengku Razaleigh pada



tahun 1987 terus berkembang di semua peringkat pemilihan pucuk pimpinan UMNO pada tahun 1993 sekalipun perhatian hanya tertumpu kepada pertandingan antara Ghafar Baba dengan Anwar Ibrahim.

Dr. Mahathir yang menyedari keadaan ini telah memberikan amaran kepada pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO di dalam satu perhimpunan di Kuala Terengganu pada 10 September 1993. Katanya, "Keputusan akan dibuat dan tuan-tuan akan mendapat apa yang hak bagi tuan-tuan. Jika mengundi orang yang memberikan wang maka bererti kita memilih orang yang rasuah.

"Jika ini berlaku, maka kita harus bersama menerima akibatnya. Tuan-tuan tidak boleh menuduh sesiapa kecuali diri tuan-tuan sendiri kerana tuan-tuan yang membuat pilihan dan tuan-tuanlah yang menerimanya."<sup>5</sup>

Di tempat yang sama dan pada hari yang sama<sup>6</sup> beliau juga memberitahu bahawa beliau tahu tentang orang yang memikirkan wajar membelanjakan RM20 juta untuk merebut jawatan Presiden UMNO dan Perdana Menteri tetapi apabila mereka kalah mereka mengatakan sekiranya mereka membelanjakan RM20 juta lagi, maka mereka tentu akan menang.

Dr. Mahathir sedih dengan keadaan kempen pemilihan pucuk pimpinan UMNO 1993 yang menjadi semakin kotor, mencari sokongan menerusi wang, janji kosong dan menggunakan ancaman dan tuduh-menuduh rasuah antara satu sama lain.

Dr. Mahathir mengenangkan kembali zaman lalu tanpa kempen tuduh-menuduh, buruk-memburuk mene-

5. *New Straits Times*, 11 September 1993.

6. *The Star*, 11 September 1993.

rusi akhbar, tanpa surat terbang dan kekecohan antara mereka yang bertanding.

"Di zaman lalu, tidak memalukan kalau calon yang bertanding kalah kerana kemenangan dan kekalahan dianggap sebagai suatu proses biasa di dalam pertandingan.

"Tetapi hari ini, kita mempunyai mereka yang mahu kepada kemenangan dengan apa cara sekalipun dan sikap seumpama ini adalah tidak sihat. Saya nampak keadaan semakin kotor, terlalu besar nafsu untuk menang sekarang."

Teguran yang dibuat ini adalah sesuai dengan kepercayaannya bahawa apabila masyarakat menempuh perubahan yang ditempah oleh mereka sendiri maka pasti akan ada buruk dan baiknya tetapi yang penting adalah untuk meneruskan tanggungjawab mendidik masyarakat mengenali antara yang baik dan yang buruk.

"Usaha membetulkan manusia mesti diteruskan, kejayaan dan kegagalan akan berlaku tetapi kita tidak harus kecewa kerana nabi pun tidak dapat membetulkan dunia," katanya.<sup>7</sup>

Berikutan dengan kejayaannya menumpaskan Tengku Razaleigh dan Musa pada tahun 1987, Dr. Mahathir telah ditanya,<sup>8</sup> kenapakah beliau memberikan kedudukan penting kepada orang yang selama ini dianggap sebagai samseng, Dr. Mahathir menjawab, "Orang seperti ini kalau kita tidak ambil akan menimbulkan masalah dalam parti." Menjawab pertanyaan kenapa beliau membuang orang yang tidak menyokongnya sekalipun mereka

7. Kenyataan Dr. Mahathir dalam satu perbualan dengan penulis.

8. Dalam pertemuan Dr. Mahathir dengan penulis, 29 Ogos 1988.

mendapat sokongan dalam parti, beliau berkata, "Kerana kita menghadapi masalah ada orang yang hendak membina empayar dalam parti."

Ditanya lagi kenapa beliau tidak membuang Tengku Razaleigh dari kabinet sejak awal lagi seperti kehendak Musa Hitam apabila beliau menang sebagai Timbalan Presiden UMNO bagi pertama kalinya pada pemilihan 26 Jun 1981, Dr. Mahathir berkata, "Ketika itu Tengku Razaleigh popular, kalau saya singkirkannya, apa kata penyokongnya. Kita akan menghadapi masalah seperti sekarang atau mungkin lebih besar lagi."

Bagaimanapun pemerhati-pemerhati politik melihat pengekalan Tengku Razaleigh dalam kabinet adalah kerana Dr. Mahathir menyedari bahawa setiap Presiden UMNO menghadapi masalah dengan timbalannya. Dr. Mahathir sendiri yang pernah menjadi Timbalan Presiden UMNO dilihat berasa perlu untuk mengimbangi kemaraan politik Musa.

Ini amat tidak menyenangkan Musa kerana seperti yang diberitahu kepada rakan-rakannya bahawa beliau tidak lagi berkesanggupan untuk mencari wang bagi terus menjawab cabaran Tengku Razaleigh. Musa menghadapi sekali lagi cabaran daripada Tengku Razaleigh pada pemilihan 14 Julai 1984.

Dr. Mahathir mengekalkan Tengku Razaleigh sebagai Menteri Kewangan apabila beliau kalah kali pertama dan memindahkannya ke Kementerian Perdagangan dan Perusahaan setelah beliau kalah bagi kali kedua di tangan Musa.

Dr. Mahathir mengambil seorang rakan karibnya yang sedang menempah nama dalam dunia perniagaan, Daim Zainuddin menggantikan Tengku Razaleigh sebagai Menteri Kewangan tetapi perhitungan Musa bahawa tanpa

Tengku Razaleigh sebagai Menteri Kewangan akan memudahkan laluan politiknya dan akan menjamin masa depannya dalam kepimpinan negara ternyata meleset kerana tidak lama selepas penyertaan Daim Zainuddin dalam kabinet, Musa berasa telah dikesampingkan.

Secara tidak langsung beliau sering mencurahkan perasaan ini kepada para pengarang akhbar yang mengadakan pertemuan dengannya dari semasa ke semasa. Banyak persoalan yang dikemukakan kepadanya yang dijawab "kenal lah tanya dengan bomoh". Maksudnya Dr. Mahathir. Ini menggambarkan seolah-olah beliau tidak ada kuasa.

Sikap Musa ini timbul oleh kerana merasakan beliau tidak lagi diajak berunding dan diberikan tanggungjawab oleh Dr. Mahathir dalam perkara-perkara besar dan penting termasuk dalam pemberian projek-projek besar negara kepada pihak tertentu.

Suatu hari Musa telah menegur Dr. Mahathir tentang tugas yang terlalu banyak diberikan kepada Daim dan Musa percaya ini telah diberitahu oleh Dr. Mahathir kepada Daim yang menyebabkan Daim berasa tidak senang dengannya.

Musa juga telah mempersoalkan beberapa dasar dan cara-cara pelaksanaan dasar yang dijalankan oleh Dr. Mahathir tanpa berunding "atas sikap tanggungjawab bersama".

Musa berasa lebih tertekan dengan kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri kerana beliau tidak dapat berbuat sesuatu secara berkesan untuk penyokong-penyokongnya yang ingin mendapatkan sesuatu peluang ekonomi. Musa merasakan bahawa Dr. Mahathir lebih *accomodative* kepada Daim. Tetapi Dr. Mahathir menjelaskan bahawa tujuan beliau memberikan tang-

gungjawab menjalankan projek-projek tertentu kepada orang lain adalah untuk membolehkan Musa menumpukan perhatian dan kerja bagi memperteguhkan kedudukan parti.<sup>9</sup>

Hari-hari berikutnya sejak kemasukan Daim ke dalam kabinet menampakkan hubungan yang semakin renggang antara Dr. Mahathir dengan Musa. Orang di sekeliling yang berkepentingan di kedua-dua belah pihak telah menambahkan keruncingan ini. Pimpinan 2M yang dibanggakan mulai dipersoalkan siapakah yang menamakannya dan gambar Musa yang diletakkan seiring dengan gambar Dr. Mahathir di pejabat-pejabat kerajaan ditanya siapakah yang mengarahkannya.

Dr. Mahathir merasakan Musa telah banyak melakukan perkara-perkara yang seolah-olah bertujuan untuk memperkecilkannya terutama apabila beliau berada di luar negara.

Dr. Mahathir berasa tersinggung apabila Musa "dengan nada gembira memberitahu saya menerusi telefon tentang tumbanganya kerajaan Harris Salleh di Sabah dan kemenangan Pairin". Ketika itu Dr. Mahathir berada di London.<sup>10</sup>

Maka akhirnya Dr. Mahathir tidak dapat lagi menahan perasaannya. Di dalam mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO pada 15 Januari 1986, Dr. Mahathir melemparkan tuduhan secara terbuka bahawa ada orang kanan dalam parti yang membuat pelbagai tohmahan terhadapnya dengan tujuan untuk menjatuhkan beliau kerana tidak sabar lagi hendak mengambil tempatnya.

9. *Ibid.*

10. Dr. Mahathir memberitahu penulis semasa di London, 27 September 1993.

Pada keesokan harinya, selepas suatu mesyuarat di Kementerian Pertahanan, Musa terus bertanya kepada Dr. Mahathir siapakah orang kanan yang dimaksudkannya semalam.

Dr. Mahathir menjawab, "Youlah."

Musa amat terperanjat dengan jawapan ini kerana "demi Allah, saya tidak menyangka bahawa saya yang dimaksudkannya".<sup>11</sup>

Musa menafikannya tetapi Dr. Mahathir tidak mempercayainya. Mereka bertukar kata dalam suasana yang agak tegang dan hangat. Akhirnya Musa menyatakan kepada Dr. Mahathir, "Datuk adalah Perdana Menteri dan saya Timbalan, kalau macam ini kita tidak lagi boleh bekerjasama."

"Saya merasakan bahawa saya boleh memberikan sumbangan tetapi jika ada anggapan yang salah maka tidaklah ada sikap demokratik dan saya tidak dapat meneruskan tugas saya."

Kira-kira sebulan kemudian, Musa menulis surat kepada Dr. Mahathir untuk meletakkan jawatan. Surat itu yang bertarikh 26 Februari 1986 selain diterima oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir dan ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO, juga telah diedarkan kepada orang ramai dan para wartawan.

Antara lain dalam surat itu, Musa telah mendedahkan perasaan yang terpendam selama ini yang telah pun menjadi rahsia umum. Beliau memberikan alasan bahawa perletakan jawatannya itu oleh kerana tidak dapat meneruskan prinsip-prinsipnya untuk berkhidmat dan menjalankan tugasnya yang berasas kepada kepercayaan penuh, komitmen dan dengan hati yang rela. Beliau juga

11. Penjelasan Musa Hitam, 23 Ogos 1993, *op. cit.*

merasakan komitmennya telah merosot kerana tidak lagi dipercayai.

Beliau berpendapat jika beliau meneruskan khidmatnya dalam keadaan demikian maka setiap tindak-tanduknya akan dipersoalkan dan beliau mungkin dituduh bertindak demi kepentingan politikya sendiri.

Beliau menyatakan bahawa perasaannya tertekan kerana tuduhan daripada beberapa pemimpin mengenai pihak-pihak yang cuba memecah belah dan menjatuhkan kerajaan serta mencemarkan nama baik Perdana Menteri ditujukan kepadanya.

Oleh itu, jika beliau terus memegang jawatan maka akan semakin hebat tohmahan yang akan meletakkan beliau dalam keadaan serba salah iaitu "jika terus bekerja kuat akan disalah tafsir dan jika sebaliknya pun maka akan lebih hebat lagi".

Musa melihat dua pilihan terbuka baginya dalam menghadapi keadaan ini iaitu:

- Berdiam diri dan bersabar.
- Beralah

Musa memilih jalan yang kedua "atas sebab-sebab kepentingan parti".

Sebaik sahaja menyiapkan surat perletakan jawatannya sepanjang tujuh muka, Musa berlepas ke luar negeri pada 26 Februari 1986. Destinasi pertama beliau ialah ke Makkah dan kemudian ke London untuk membuktikan beliau tidak bertujuan bermain politik dan bagi mengelakkan daripada ditanya atau dipujuk rayu atas keputusannya.

Bagaimanapun Perdana Menteri, Dr. Mahathir yang menerima surat perletakan jawatan timbalannya itu pada 27 Februari 1986 tidak percaya bahawa Musa akan beralah, tidak akan bermain politik dan tidak mahu dipujuk

rayu kerana bagi Dr. Mahathir, "Politik adalah darah daging Musa".

Dr. Mahathir tahu bahawa Musa meletakkan jawatan bukan kerana sebab-sebab yang terkandung di dalam suratnya kepada Majlis Kerja Tertinggi bertarikh 26 Februari 1986 tetapi di dalam sepucuk surat lain yang masih disimpannya. Musa barangkali telah melupakan surat ini.

Mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi yang diadakan pada 28 Februari 1986 berhubung dengan perletakan jawatan Musa itu sebenarnya tidak membincangkan langsung isi kandungan surat Musa itu.

Berita utama muka depan *Utusan Malaysia* keluaran 1 Mac 1986 yang menyebutkan sumber-sumber memberitahu bahawa mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO mendesak Dr. Mahathir membersihkan punca-punca yang menyebabkan Musa meletakkan jawatan amat tidak menyenangkan Dr. Mahathir kerana perkara itu sebenarnya tidak berlaku. Dr. Mahathir dapat menyekatnya daripada berlaku.

Musa terlupa bahawa beliau telah memberikan senjata kepada Dr. Mahathir untuk mematikan semua serangannya.

Apabila mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO dimulakan pada malam itu, Dr. Mahathir mengeluarkan sepucuk surat Musa kepadanya yang memintanya menyingkirkan Tengku Razaleigh. Surat tersebut diedarkan kepada semua ahli MKT.

"Inilah sebab sebenarnya, sebab saya terus mengekalkan Tengku Razaleigh dalam kabinet. Sebab saya tidak buang Tengku Razaleigh. Lain-lain sebab karut," kata Dr. Mahathir.

Pendedahan surat ini dengan serta-merta menukar-



kan suasana mesyuarat MKT itu. Perpaduan sikap untuk menentang Dr. Mahathir berkecai, penyokong Tengku Razaleigh tidak dapat menyokong Musa, kebanyakan ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO mengambil sikap berkecuali dan beberapa orang telah memihak kepada Dr. Mahathir secara terus terang dan tegas.

Harapan Musa untuk melihat suatu pertarungan hebat di mesyuarat itu tidak berlaku sebaliknya mesyuarat itu hanya bersetuju untuk menghantar satu rombongan menemui Musa di London dalam usaha untuk menyelesaikan masalah perletakan jawatannya.

Dr. Mahathir tidak menunjukkan keghairahan dengan keputusan itu sebaliknya berkata, "Ahli-ahli UMNO tidak perlu gundah-gulana terhadap soal perletakan jawatan Musa kerana perkara itu akan dapat diselesaikan oleh Majlis Tertinggi secepat mungkin."<sup>12</sup>

Ditanya sama ada perletakan jawatan Musa itu menunjukkan ada sesuatu yang tidak betul dalam UMNO, Dr. Mahathir menjawab, "Saya tidak nampak apa-apa yang tidak betul. Ramai orang meletakkan jawatan dan masalahnya dia hendak meletakkan jawatan."

Beliau juga tidak nampak perletakan jawatan Musa itu akan menjejaskan perpaduan UMNO dan Barisan Nasional kerana katanya, "Pemimpin datang dan pemimpin pergi tetapi parti tetap berjalan."

Di samping itu, Dr. Mahathir menafikan bahawa ada perbalahan antaranya dengan Musa dan kononnya Musa terlibat dalam usaha memburuk-memburukkan nama baiknya dan hendak menjatuhkannya.

Secara sinis beliau berkata, "Itu sungguh aneh kerana jika beliau mahu menumbangkan saya, sudah tentu be-

12. *Utusan Malaysia*, 1 Mac 1986.

liau tidak akan meletakkan jawatan dan pergi ke luar negeri begitu sahaja."

Dr. Mahathir berjaya memperkecilkan tindakan Musa itu sekalipun cuba didramatikkan oleh penyokong-penyokongnya.

Permainan politik Dr. Mahathir menjadi semakin tajam dan menarik. Tidak lama selepas UMNO Baru ditubuhkan, Dr. Mahathir menjemput Tengku Razaleigh dan Musa untuk menyertai kabinetnya. Bagaimanapun sejak kekalahan itu, Tengku Razaleigh yang terperangkap dalam tindakan mahkamahanya kerana mencabar kesahihan kemenangan Dr. Mahathir telah menubuhkan parti baru, Semangat 46 tetapi gagal untuk menumbangkan kerajaan Dr. Mahathir menerusi Pilihan Raya Kebangsaan 1990.

Sementara itu, usaha-usaha untuk membawa Musa kembali aktif dalam UMNO diteruskan oleh penyokong-penyokongnya menerusi perhimpunan Melayu dan sebagainya sekalipun Musa telah menegaskan tidak mahu dipujuk. Musa juga terus dilihat berada di pinggir kuasa dan masih diberikan tempat oleh Dr. Mahathir untuk meneruskan sumbangan kepada negara dengan memainkan peranan antarabangsa. Dr. Mahathir tidak menyisihkan Musa sebagai kawan tetapi menganggapnya sebagai 'musuh politik'.

Sesekali didengar bahawa ada pertemuan antara Musa dan Dr. Mahathir di dalam dan di luar negara tetapi pertemuan itu tidak lebih daripada hanya pertemuan antara dua bekas kawan yang masih dapat berkata-kata antara satu sama lain dalam keadaan mata berpandangan, budi kedapatan.

Dr. Mahathir tidak akan lupa bahawa suatu masa yang lalu Musa mahu menamatkan sejarahnya dalam

politik tanah air dan Musa juga tidak akan melupakan bahawa Dr. Mahathir telah dapat mematahkan karier politiknya lebih awal sekalipun Dr. Mahathir mengetahui bahawa politik adalah darah dagingnya.

"Saya akui bahawa dalam politik, Dr. Mahathir adalah lebih cekap daripada saya," katanya.<sup>13</sup>

Setiap kali menjelang Perhimpunan Agung UMNO, nama Musa disebut akan kembali bertanding seolah-olah orang mahu beliau kembali ke dalam pimpinan negara, seolah-olah kekalahannya dengan undi kecil di tangan Ghafar Baba bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO masih belum mengesahkan penolakannya daripada pimpinan UMNO.

Orang di luar UMNO juga turut menjadi hangat dengan Musa akan kembali yang menggambarkan bahawa mereka belum melupakannya dan masih mengenangkannya.

Kali terakhir namanya muncul lagi ialah menjelang Perhimpunan Agung UMNO November 1993. Rakan setia Musa, Shahril Samad telah cuba meletakkan Musa dalam pasaran untuk bertanding sebagai Naib Presiden UMNO ketika Anwar Ibrahim disebut-sebut akan mencabar Ghafar bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO tetapi api tentangan dan bantahan telah dikipas sebaik sahaja namanya didengar.

Musa bertafakur dan membaca tulisan di tembok. Beliau nampak masanya telah berlalu, UMNO sekarang bukan UMNO dahulu lagi, UMNO Baru, cara pun baru, ramai orang baru dan nilai pun baru. UMNO telah jauh dari kampung halaman asal usulnya.

Kawan-kawan lama pun telah menghilangkan diri,

13. Penjelasan Musa Hitam, 23 Ogos 1993, *op. cit.*

membawa diri masing-masing. Beberapa orang yang masih tinggal menghitung-hitung kemasukan Musa semula akan membawa masalah malah menjadi penghalang kepada cita-cita politik mereka sendiri. Tidak ramai lagi kawan setia seiring jalan.

Musa yang penuh dengan idealisme nampak semua ini, lalu beliau menyandarkan dirinya pada tembok kenyataan sambil berkata, "Semua yang memasuki politik, mestilah sanggup menerima apa juga akibatnya, kawan menjauhkan diri, malah kawan menjadi lawan".<sup>14</sup> Musa telah menerima hukuman ini.

Pada 14 Ogos 1993, Musa mengumumkan keputusannya tidak akan bertanding untuk merebut jawatan Naib Presiden UMNO.

Kepada Musa juga disampaikan khabar bahawa Dr. Mahathir telah memberitahu Majlis Kerja Tertinggi UMNO "jika sesiapa bersekongkong dengan Musa dalam pemilihan pimpinan parti November 1993 maka beliau akan mengambil pendirian memihak".

"Saya memberitahu mereka jika Musa sendiri bertanding, saya akan menentanginya habis-habisan," kata Dr. Mahathir.<sup>15</sup>

Pada masa itu, Dr. Mahathir telah pun mengetahui bahawa Musa telah menemui Ghafar Baba dan membincangkan soal menghadapi pemilihan UMNO 1993.

Pada 23 Ogos 1993, ketika Musa sedang makan tengah hari di rumah seorang rakannya<sup>16</sup> di No. 12 Clarendon House, 16 Strathearn Place, London W2, panggilan telefon daripada Ketua Pengarang The Star, V.K.Chin di Kuala

14. *Ibid.*

15. Penjelasan Dr. Mahathir, 27 September 1993, *op. cit.*

16. Rumah sewaan penulis.

Lumpur memberitahu rakannya itu bahawa semua menteri kecuali Rafidah Aziz dan Abdullah Badawi serta semua Menteri Besar telah hadir di persidangan akhbar Anwar Ibrahim mengumumkan keputusannya untuk mencabar Ghafar Baba bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Perkara seumpama ini tidak pernah berlaku dalam sejarah pertandingan pucuk pimpinan UMNO. Mendengar ini, Musa tidak terkejut tetapi wajahnya kelihatan sayu melihat tidak ada lagi cahaya di hujung terowong politiknya. Musa semakin yakin bahawa beliau telah membuat keputusan yang tepat untuk tidak bertanding.

Sekiranya Musa bertanding, keadaannya akan menjadi lebih buruk lagi, namanya akan dicemar dan tercemar. Kekalahannya kali ini bererti muktamad dan sahlah penolakan parti terhadapnya yang pasti dengan sekaligus akan juga menjejaskan maruahnya di kalangan rakyat yang selama ini masih menghormatinya.

Pengumumannya untuk tidak bertanding bagi pemilihan pucuk pimpinan UMNO 1993 itu merupakan lambaian selamat tinggalnya kepada politik tanah air. "Saya akan buktikan kepada Dr. Mahathir bahawa dia tidak benar, saya tidak akan memuaskan hatinya dalam hal ini."<sup>17</sup>

Tetapi kepada Dr. Mahathir yang terus percaya bahawa politik adalah darah daging Musa, lambaian terakhir Musa itu tetap tidak begitu jelas kepadanya.

17. Penjelasan Musa Hitam, 23 Ogos 1993, *op. cit.*

*DR. MAHATHIR lupa kepada kepercayaan dan kata-katanya sendiri yang berulang kali bahawa manusia mempunyai ingatan yang singkat. Apabila tirai demokrasi liberalismenya dibuka semula, mereka lupa kepada titisan darah 13 Mei 1969. Mereka mahu kembali kepada keadaan sebelumnya.*

*Eksperimen demokrasi Dr. Mahathir telah gagal. Beliau kecewa dan mengakui kesilapannya.*



## 9 Demokrasi Terpimpin

Barat percaya sistem ekonomi pasaran bebas tidak akan dapat berjalan tanpa demokrasi mutlak dan kebebasan individu tetapi Korea Selatan, Taiwan dan Singapura telah mencapai taraf kemajuan hidup Barat yang mengkagumkan Barat sendiri menerusi tafsiran dan pengubahsuaian demokrasi Barat dengan suasana tempatan.

China dan Indonesia juga sedang berada di jalan yang sama. China secara terus-terang mahu menjadikan Singapura sebagai model pembangunan ekonominya.

Barat melihat ini sebagai tradisi autoritarianisme pasaran bebas Asian Timur (*East Asian tradition of free market authoritarianism*).

Tetapi kegagalan Russia mencuba demokrasi Barat, mendahulukan reformasi politik daripada reformasi ekonomi sehingga mencetuskan keadaan di luar kawalan yang menyebabkan Presiden Yeltsin terpaksa menggantung Parlimen dan demokrasi pada akhir 1993, dengan sendirinya menegakkan kebenaran China yang menyekat penerapan nilai demokrasi Barat dan semakin meyakinkan negara-negara Asia Timur untuk meneruskan demo-



krasi terpimpin yang telah terbukti membawa kepada kepesatan pertumbuhan ekonomi, kestabilan dan kemakmuran.

Kegagalan Russia itu telah menelanjangi sikap talam dua muka Barat yang terus-menerus mengutuk tindakan China Komunis terhadap penunjuk-penunjuk perasaan prodemokrasi di Tiananmen tetapi menyokong tindakan Yeltsin membunuh beratus penyokong demokrasi dan menangkap pemimpin utama mereka, Alexander Rutskoy dan Speaker Parlimen, Ruslan Khasbulatov, mengharamkan beberapa buah akhbar dan menggantung demokrasi.

Dunia juga semakin sinis dengan obsesi Barat tentang peristiwa Tiananmen atas nama hak kemanusiaan sedangkan Barat membiarkan *ethnic cleansing* yang paling kejam, zalim dan paling tidak berperikemanusiaan dalam zaman tamadun ini berlaku di hadapan mata mereka di Bosnia.

Walaupun telah dikecam dan dikutuk oleh Barat tetapi Malaysia telah menyimpang daripada konsep Westminster Demokrasi dan nilai-nilai Victoria kira-kira 12 tahun selepas merdeka iaitu selepas berlakunya peristiwa rusuhan kaum di ibu negara pada 13 Mei 1969.

Apabila negara diletakkan di bawah Majlis Gerakan Negara (MNG) atau *National Operation Council* (NOC), Barat menganggap demokrasi telah mati di Malaysia tetapi tidak lama kemudian, setelah negara kembali aman, Pengerusi MGN, Tun Abdul Razak mengisytiharkan Malaysia kembali kepada demokrasi dan sistem kerajaan menerusi pilihan rakyat akan terus berjalan.

Bagaimanapun keadaan sudah tidak sama lagi, Malaysia kembali kepada demokrasi setelah menggariskan dengan jelas sempadan demokrasi bagi masyarakat majmuk

demi untuk menjamin kestabilan negara yang diperlukan bagi pertumbuhan ekonomi.

Perkara-perkara yang telah menjadi hak mutlak setiap kaum mengikut persetujuan bersama dalam perlembagaan negara merdeka tidak lagi boleh diungkit dan dibincang secara terbuka. Ia dikawal oleh Akta Hasutan.

Barat yang menyedari penyelewengan Malaysia daripada demokrasi Barat ini telah menggunakan *prophet of doom* mereka yang ketika itu masih ramai di Malaysia dan juga bersarang di Hong Kong, Singapura dan Australia untuk menyerang Malaysia menerusi media antarabangsa kerana dianggap oleh mereka menghapuskan kebebasan rakyat, tidak memberikan hak yang sama kepada semua kaum, memberikan keistimewaan kepada orang Melayu dan menindas orang bukan Melayu.

Malaysia tidak menghiraukan serangan ini sebaliknya memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dalam masa singkat dapat memperlihatkan kepada dunia pembahagian pertumbuhan dan kemakmuran negara secara lebih luas dan lebih saksama kepada semua kaum terutama kepada bumiputera yang telah tercicir jauh sebelumnya.

Sekalipun tidak senang dengan dasar Malaysia, tetapi Barat terutama kerajaan British pada masa itu tidak mengenakan tekanan yang kuat ke atas Tun Abdul Razak kerana beliau masih dilihat sebagai kesinambungan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang condong kepada sistem birokratik Inggeris dan tradisi Inggeris.

Walau bagaimanapun, keadaan berbeza apabila Dr. Mahathir mengambil alih pucuk pimpinan daripada Tun Hussein Onn. Beliau terpaksa bertungkus lumus menghadapi banyak cabaran daripada Barat dan Amerika

kerana beliau bukan sahaja secara terus-terang menyatakan hasratnya untuk berpisah daripada demokrasi Barat malah menyerang demokrasi Barat, mengalihkan pandangan rakyat dari Barat ke Timur dan menunjukkan kecenderungan kepada cara-cara Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Singapura mencipta keajaiban ekonomi.

Dr. Mahathir menampakkan kecenderungan ini dengan jelas dalam ucapannya di Trinity College, Oxford pada 19 April 1985. Beliau menyatakan, "Saya patut menunjukkan kepada tuan-tuan bahawa demokrasi tidak sahaja boleh hidup damai bersama autoritarianisme malah banyak kerajaan autoritarian menjadi suara demokrasi secara bebas.

"Banyak kerajaan autoritarian yang dipilih oleh rakyat yang mahukan pentadbiran yang kuat dan tegas.

"Cabaran sebenar kepada semua mereka yang percaya kepada demokrasi ialah bagaimana mengimbangi antara pengurusan demokrasi dan kandungannya, antara persaingan kehendak rakyat yang berbeza dan antara apa yang dikehendaki oleh rakyat dan apa yang perlu diberikan.

"Cabaran sebenar juga bergantung kepada mencegah penindasan oleh golongan majoriti dan juga minoriti dan bagaimana hak politik diimbangi dengan hak ekonomi."

Dr. Mahathir menegaskan bahawa berjuta manusia malah berbillion yang percaya bahawa Piagam Kebebasan Ekonomi adalah lebih penting daripada Piagam Kebebasan Politik.

Di dalam sidang kemuncak menerusi satelit antara pemimpin-pemimpin Asia pada tahun 1990 yang antara lain disertai oleh Perdana Menteri Pakistan, Puan Benazir Bhutto dan Presiden Filipina, Puan Aquino, Dr. Mahathir

menegaskan bahawa beliau percaya kepada satu pentafsiran Timur mengenai apa yang dimaksudkan dengan tanggungjawab awam dan bagaimanakah caranya untuk mengendalikan masyarakatnya.

Bagaimanapun apa juga yang dikatakan oleh pemimpin-pemimpin Asia terhadap Barat tetapi matlamat ekonomi pasaran bebas yang diamalkan oleh mereka adalah untuk mencapai taraf kemajuan sosial menurut konsep Barat yang ukuran kejayaannya berasaskan kepada pencapaian materialisme.

Pencapaian individu dan masyarakat negara ekonomi pasaran diukur berdasarkan hidup yang berasaskan kepada pendapatan, pemilikan harta, kawasan kediaman, jangka masa kerja, jumlah hari cuti, kemampuan melancong dan sebagainya.

Dr. Mahathir yang komited sepenuhnya kepada sistem pasaran bebas, juga sedang membawa Malaysia dengan cepat ke arah yang sama. Walaupun dalam Wawasan 2020nya, beliau menyatakan hasrat untuk mewujudkan bangsa Malaysia mengikut acuan sendiri tetapi ramai ahli sains kemasyarakatan yang percaya bahawa pemodenan dan pembangunan menerusi sistem ekonomi pasaran pasti akan mendatangkan masalah dan akibat yang sama.

Ketamakan, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, penipuan, rasuah, jenayah dan lain-lain masalah sosial yang dilihat sebagai *moral decadence* di negara-negara kapitalis seperti Amerika Syarikat, negara-negara Eropah Barat dan Jepun tetap akan berlaku di negara-negara yang mengamalkan sistem yang sama. Cuma kadar kecederaannya kepada masyarakat yang mungkin dapat dicegah menerusi kawalan sosial yang berkesan.

Tetapi bagi Malaysia yang sistem pemerintahannya berasaskan kepada feudalisme, mengamalkan sistem pel-

bagai parti dan mempunyai tradisi demokrasi dalam parti pemerintah yang berbeza dengan negara-negara Asia Tenggara lainnya, maka kawalan sosial kelihatan lebih longgar jika dibandingkan dengan Singapura sendiri malah di peringkat awal kemakmurannya pun Malaysia telah mengalami kemaraan ke arah materialisme yang seolah-olah tidak dapat dikawal lagi.

Yang paling jelas kemaraan ke arah nilai ini ialah perkembangan dalam bidang politik dengan bermaharajalelanya politik wang terutama dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO 1993 khususnya bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO dan Naib-naib Presiden UMNO.

Sekalipun politik wang sebenarnya bukan suatu fenomena baru dalam UMNO tetapi pertama kali diamalkan secara begitu terbuka dalam pertandingan 1993 dan didedahkan sendiri dalam Perhimpunan Agung UMNO oleh para perwakilan UMNO yang telah pun menerima hadiah masing-masing dalam pelbagai bentuk daripada pen, radio, jam tangan, melancong ke luar negara hingga kepada wang tunai. Ada perwakilan yang memberikan nombor akaun bank mereka untuk dimasukkan wang oleh calon-calon yang bertanding.

Ahli-ahli yang mendedahkan hal ini dan pemimpin-pemimpin yang telah mengamalkan politik wang mengalu-alukan seruan supaya tindakan dilakukan bagi mencegah daripada berterusannya politik wang seolah-olah mereka tidak terlibat langsung dengan perbuatan itu.

Ini adalah suatu sandiwara politik yang paling lucu pernah dipersembahkan oleh UMNO daripada pucuk pimpinan sehingga kepada ahli-ahli biasa.

Dr. Mahathir yang menyedari keadaan ini semasa kempen pertandingan sedang berjalan telah memberikan ingatan kepada ahli-ahli UMNO dalam satu ucapannya di

Kuala Terengganu pada 10 September 1993 bahawa "keputusan akan dibuat dan saudara akan mendapat apa yang hak bagi saudara. Jika mengundi orang yang memberikan wang maka bererti kita memilih orang yang rasuah.

"Jika ini berlaku maka kita harus bersama menanggung bebannya. Saudara tidak boleh menuduh sesiapa kecuali diri sendiri kerana saudara yang membuat pemilihan dan saudaralah yang menerimanya".

Bagaimanapun Bendahari UMNO, Tun Daim Zainuddin menganggap perkara ini sebagai biasa kerana sekarang, katanya, semakin ramai ahli UMNO yang menjadi tokoh perniagaan yang sanggup berbelanja lebih kerana mempunyai wang yang banyak.

"Ahli-ahli UMNO kini bawa kereta Mercedes, naik kapal terbang, ada wang lebih, mereka belanjalah," katanya.

Daim menyatakan demikian ketika ditanya mengenai politik wang yang sedang berlaku dalam UMNO semasa sesi soal jawab selepas menyampaikan syarahan di Universiti Utara Malaysia di Sintok, Kedah pada 11 Oktober 1993.<sup>1</sup>

Sementara Dr. Mahathir melihat politik wang sebagai gejala buruk tetapi Daim melihatnya sebagai suatu keharusan. Katanya, "Politik wang tidak pernah menjadi isu dalam tahun 70-an kerana kebanyakan para perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO terdiri daripada kalangan orang kampung tetapi keadaan berbeza sekarang, ramai ahli UMNO yang sudah menjadi ahli perniagaan."

Sebenarnya perlumbaan mengejar materialisme tanpa

1. *Utusan Malaysia*, 12 Oktober 1993.

menghiraikan nilai-nilai akhlak adalah suatu perkara lumrah dalam masyarakat ekonomi pasaran tetapi ia menjadi suatu perkara baru yang hangat dalam masyarakat Melayu kerana orang Melayu baru terlibat secara langsung dalam dunia perniagaan dan jumlahnya semakin besar dengan persaingan berlaku antara sesama sendiri. Sebelumnya persaingan ini hanya berlaku dalam masyarakat Cina di Malaysia dan masyarakat Melayu tidak begitu menghiraukannya malah tidak mahu mengambil tahu.

Persaingan yang paling jelas dilambangkan oleh institusi pengembangan budaya negara sendiri iaitu apabila sebuah lagi stesen televisyen dilancarkan di Malaysia pada tahun 1984.

Sistem Televisyen Malaysia Berhad yang dikenali dengan TV3 ditubuhkan pada 15 September 1983 setelah kerajaan memikirkan perlu adanya persaingan terhadap serangan pasaran video yang begitu hebat terutama di kalangan masyarakat Lembah Klang dan juga bagi memberi peluang kepada pengguna mendapat lebih baik menerusi persaingan.

Walau bagaimanapun, persaingan yang jelas berlaku adalah antara TV3 dengan RTM dalam menghidangkan kepada masyarakat budaya *laissez faire* yang mengetepikan nilai moral dan etika tempatan semata-mata kerana kedua pihak mahu meningkatkan jumlah penonton untuk memenangi peruntukan wang iklan yang lebih besar daripada syarikat-syarikat perniagaan.

Matlamat RTM ke arah pembentukan keperibadian Malaysia terutama sekali daripada segi dasar bahasa dan budaya nasional tidak lagi begitu jelas sebaliknya masyarakat dikelirukan antara pernyataan dasar dan matlamat dengan amalan dan penyiaran.

TV3 membuat *impact* di pasaran dengan memperkenalkan *Solid Gold* – suatu rancangan hiburan dari Amerika Syarikat berupa tarian *soul* yang menghairahkan. RTM menjawab cabaran ini dengan melonggarkan penapisan filem Barat yang bercorak seks dan ganas serta menambahkan masa bagi penyiaran filem Cina terutama dari Hong Kong di rangkaian kedua.

Oleh kerana Malaysia berjiran dengan Singapura dan sebahagian besar rakyat di Selatan dapat melihat TV Singapura maka jelas kepada mereka bahawa TV Malaysia lebih bebas daripada segi penayangan filem asing yang berunsur seks dan ganas dan juga iklan yang bersifat asing sehingga terdapat pandangan yang mengatakan bahawa walaupun Singapura bukan negara Islam tetapi lebih Islam dari Malaysia.

Kemaraan orang Melayu mengejar materialisme ini juga dapat dilihat dengan semakin ramai tokoh korporat dan eksekutif Melayu serta ahli politik Melayu yang terlibat dengan perjudian besar, penipuan bank, penyelewengan wang syarikat dan penyalahgunaan kuasa pengurusan.

Ribuan orang Melayu lagi termasuk pegawai polis dan polis biasa sendiri telah menjadi mangsa penipuan Skim Cepat Kaya yang dianjurkan oleh seorang Melayu bernama Osman Hamzah yang lebih dikenali dengan nama Pak Man Telor. Beliau telah dihadapkan di Mahkamah Sesyen di Taiping pada 17 Julai 1991 atas tuduhan menerima deposit daripada orang ramai yang membabitkan wang pelaburan berjumlah RM99.09 juta. Beliau mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara setahun dan didenda RM500,000.

Pada tahun 1993 pula, seorang wanita Melayu yang diketahui hidup mewah, berumah besar, memiliki kereta



Jaguar dan barang kemas intan berlian yang bernilai beratus ribu ringgit telah dikenal pasti sebagai wanita yang membunuh tokoh UMNO Pahang dan anggota Dewan Undangan Negeri Pahang, Mazlan Idris yang diketahui bercita-cita besar dalam politik dan perniagaan. Wanita ini yang dikatakan pengamal ilmu hitam kemudiannya diketahui melakukan banyak pembunuhan korban untuk mereka yang bercita-cita menjadi kaya dan juga untuk kekayaan dirinya.

Sementara itu, pembaziran di kalangan Istana juga menjadi semakin hebat.

Semua cara pembaziran wang yang dilakukan oleh raja-raja Arab yang kaya raya juga dilakukan oleh beberapa orang raja Melayu yang menjadi Ketua Agama Islam di negeri masing-masing di Malaysia. Mereka menghabiskan berjuta ringgit wang negara terutama hasil balak untuk hidup dalam dunia kayangan dengan ber-seronok dalam keadaan serba mahal dan menghabiskan wang di meja judi di luar negara.

Ini hanya di antara beberapa kejadian dan peristiwa yang melambangkan suatu perlumbaan mengejar materialisme yang sememangnya menjadi naluri asal manusia tetapi telah menampakkan kerakusan yang tidak terkawal lagi dalam masyarakat Melayu yang selama ini membanggakan diri mereka sebagai suatu bangsa yang bersopan santun, berbudi bahasa dan berpegang kepada nilai-nilai Islam.

Keadaan ini semua tidak begitu jelas sebelum Dr. Mahathir tetapi semakin ketara di bawah Dr. Mahathir. Ini adalah kerana Dr. Mahathir berjaya memindahkan kekayaan negara yang selama ini hanya dinikmati oleh orang bukan Melayu terutama orang Cina untuk dikongsi bersama oleh orang Melayu. Ia merupakan aspek negatif

atau gejala buruk daripada kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) di samping beberapa pencapaiannya yang positif.

Apakah ini hanya berlaku pada zaman transisi masyarakat Melayu daripada masyarakat petani, nelayan dan orang kampung kepada masyarakat perniagaan, perusahaan dan perbandaran atau akan menjadi keperibadian yang kekal seperti dalam masyarakat pengguna dan pasaran bebas di dunia lain?

Dr. Mahathir menyedari hakikat bahawa hal ini merupakan gejala yang tidak akan menepati acuan wawasan 2020 yang direncanakannya tetapi beliau melihatnya sebagai suatu keharusan. Sebagai doktor beliau menerima hakikat bahawa penyakit tidak boleh dihapuskan, penyakit hanya boleh diubati dan dikawal supaya tidak merebak malah ada kalanya kuman juga perlu untuk memerangi penyakit.

"Apa juga yang kita buat ada baik dan buruknya. Tiada sesuatu pun yang 100 peratus baik. Kalau kita makan pun sedangkan ia memberi tenaga kepada kita untuk membesar, tetapi kalau makan terlalu banyak atau makan barang silap, kita boleh sakit.

"Demikian juga sekarang ini kekayaan bagi sesetengah, bukan semua bumiputera, mempunyai kesan yang tidak baik. Mungkin mereka terlalu materialistik dan sebagainya tetapi hanya kerana itu tidak harus menyebabkan kita menyekat supaya mereka kekal dengan keadaan lama yang juga mempunyai ciri-ciri yang tidak baik.

"Jadi yang kita pindah adalah daripada satu keadaan yang mana ada kebaikan dan keburukan kepada satu lagi keadaan yang mana ada juga kebaikan dan keburukan. Apabila kita kenal pasti mana yang buruk, kita harus

ambil tindakan untuk memperbaiki keburukan hasil daripada progres yang telah dicapai dan ini kita sedang usahakan.

"Sebab itu kita menekankan tentang nilai-nilai hidup, nilai-nilai murni, nilai-nilai Islam dan sebagainya kerana kita hendak supaya ada perimbangan di antara kemajuan material dengan kemajuan daripada segi rohani.

"Ini sedang kita usahakan. Kita tidak kata kita akan berjaya 100 peratus. Akan ada mereka yang menjadi semakin tamak, tetapi kita harap tidaklah begitu ramai," jelas Dr, Mahathir.<sup>2</sup>

Kenyataan ini merupakan ulangan daripada kenyataannya yang telah dibuat berulang kali sejak beliau menyertai kerajaan yang menggambarkan sikap, kepercayaan dan pendekatannya yang sama dan tidak berubah dalam menangani masalah sosial, politik dan ekonomi.

Ada kalanya orang ramai tidak sabar kerana beliau tidak mengambil langkah dari awal, tidak mencegah wabak sebelum merebak dan hanya mengambil tindakan setelah keadaan hampir tidak terkawal. Keadaan ini dapat dilihat dalam perkara yang sekecil-kecilnya hingga kepada kebebasan media tetapi dalam beberapa hal beliau secara terbuka mengakui kesilapannya lewat mengambil tindakan, umpamanya dalam masalah raja-raja dan juga kebebasan akhbar.

Bagaimanapun apabila beliau telah memutuskan tindakan yang bakal diambil berdasarkan kebenaran perhitungannya maka beliau bersikap membujur lalu

2. Wawancara Dr. Mahathir dengan wakil-wakil media dalam rancangan Bersama Perdana Menteri di RTM, 16 Ogos 1993.

melintang patah. Beliau tidak lagi memperdulikan sama ada kawan atau lawan dan beliau bersedia untuk menghadapi sebarang akibatnya.

Dalam masalah politik wang, setelah perasaan tidak senang ditimbulkan oleh ahli-ahli UMNO sendiri dalam Perhimpunan Agung UMNO 1993, Dr. Mahathir memulangkan kepada mereka sendiri untuk membuat keputusan sama ada untuk meneruskan amalan ini atau tidak kerana semuanya telah terlibat melakonkan suatu sandiwara politik.

Mustahil sebagai seorang Perdana Menteri beliau tidak mengetahui siapakah yang telah bermain politik wang dan berapakah jumlah wang yang telah dicurahkan semasa pemilihan pucuk pimpinan UMNO 1993.

Setelah menyedari sentimen penentangan terhadap politik wang berdasarkan ucapan sebahagian besar perwakilan, Dr. Mahathir mengumumkan ketika membuat ucapan penangguhan Perhimpunan Agung UMNO 1993 itu bahawa UMNO akan meminda perlembagaannya bagi membolehkan setiap calon dalam pemilihan parti sama ada di peringkat pusat atau bahagian digugurkan haknya untuk bertanding jika mereka mengamalkan politik wang.

Pindaan yang dicadangkan itu termasuk melarang calon-calon mengurung perwakilan, menghantar perwakilan bercuti ke luar negara dan memberi buah tangan sebelum pemilihan.

Penyandang jawatan dalam Majlis Tertinggi yang memegang jawatan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen akan turut dilarang menggunakan kemudahan jentera kerajaan sewaktu berkempen untuk berlaku adil kepada muka baru yang hendak bertanding.

Mengikut cadangan itu untuk membolehkan tindakan

diambil, Ibu Pejabat UMNO hanya memerlukan tiga saksi membuat laporan yang lengkap dengan bukti bahawa seseorang calon memberi sogokan dan nama calon itu akan digugurkan.

Apabila Dr. Mahathir mengumumkan langkah-langkah ini, beliau diberikan sokongan dengan tepukan bergemuruh dan pekikan setuju beberapa kali daripada para perwakilan.

Dr. Mahathir menegaskan pandangannya bahawa amalan politik wang itu jika dibiarkan berleluasa akan merosakkan parti UMNO dan seterusnya akan menjejaskan prestasi parti dalam menghadapi pilihan raya umum.

"Lama-lama orang yang berbakat tapi tiada wang akan tersingkir atau tersungkur," katanya.

Persetujuan Dr. Mahathir untuk mengambil tindakan mencegah politik wang dalam UMNO ini sesuai dengan kepercayaan bahawa dikenali yang buruk dan dibuang tetapi pergerakan masyarakat tidak semestinya terhenti hanya kerana takut untuk menghadapi keburukan (*lihat Lampiran 4*).

Dr. Mahathir juga menyedari bahawa terdapat menteri-menteri dalam kabinetnya sendiri yang tidak mengambil kira soal moral kerana desakan materialisme sehingga ada kalanya keghairahan mereka mendedahkan kepada umum konflik nilai antaranya dengan mereka.

Ini dapat dilihat daripada sikapnya dalam beberapa kontroversi yang telah menghangatkan suasana negara yang berpunca dari dalam kerajaan sendiri. Anwar memperlihatkan bahawa beliau mempunyai pendirian yang sama dengan Dr. Mahathir. Contohnya pada tahun 1984, konsert The New York Philharmonic Orchestra pimpinan pengarah muzik pro-Yahudi yang terkenal di dunia, Zubin Mehta telah merancang untuk mengadakan pertunjukkan di Kuala Lumpur pada 2 dan 3 September di

bawah anjuran Citibank. Perdana Menteri, Dr. Mahathir sendiri telah bersetuju untuk menjadi sebagai penaungnya.

Bagaimanapun ketika Dr. Mahathir berada di luar negara, bantahan terhadap pertunjukan ini telah timbul daripada orang ramai terutama masyarakat Islam di Malaysia yang mengetahui latar belakang Zubin Mehta sebagai seorang keturunan India yang menjadi penyokong kuat Zionisme yang tidak sahaja menjadi Pengarah Muzik The New York Philharmonic Orchestra tetapi juga Pengarah Israel Philharmonic Orchestra.

*Newsweek* 18 Disember 1978 dalam profilnya mengenai Zubin Mehta menyatakan bahawa Mehta merupakan pujaan orang Yahudi. Beliau telah diberikan sambutan patriotik apabila tiba di Israel bersama kapal terbang yang membawa peluru pada tahun 1967. Ketibaannya telah disiarkan serentak menerusi radio Israel sebagai suatu peristiwa nasional.

Mehta berkata dalam masa krisis, orang Yahudi memerlukan orkestranya. "Ia adalah curahan citarasa jiwa mereka. Kasih sayang yang mereka berikan kepada saya mendorong saya untuk memberikan jiwa raga saya kepada mereka," katanya.

Sebelum kematiannya, Perdana Menteri Israel, Golda Meir berkata, "Sangat menggembirakan melihat seorang manusia seperti Zubin Mehta yang begitu ikrab dengan Israel. Dia tidak pernah mengecewakan kita. Apabila berlaku peperangan dan negara berada dalam bahaya, dia datang sekalipun dia mempunyai komitmen yang lain. Ini adalah suatu pengalaman yang sangat mengharukan perasaan."

Latar belakang Mehta inilah yang mendorong kebangkitan tentangan daripada pelbagai pertubuhan Islam

termasuk UMNO sendiri.

Akhbar yang menjadi suara utama kepada bantahan ini ialah *Utusan Melayu* dan *Utusan Malaysia* yang memang memiliki sejarah sebagai penyokong kuat perjuangan rakyat Palestin dan anti-Zionisme. Akhbar ini pernah mengutip derma berjuta ringgit bagi membantu perjuangan rakyat Palestin.

Walau bagaimanapun, akhbar *New Straits Times* telah menyokong kuat kedatangan orkestra Yahudi itu dan memarahi orang ramai yang menentanginya serta menyeru supaya pertunjukkan itu diteruskan.

Kempen ini dilakukan menerusi berita dan rencana. Rencana pengarangnya pada 18 Ogos 1984 telah menegaskan sokongan yang kuat terhadap kedatangan orkestra Yahudi itu.

Menteri Kewangan, Daim Zainuddin yang ketika itu mempunyai hubungan rapat dengan *The New Straits Times* telah mengingatkan Kumpulan *Utusan Melayu* bahawa sikap yang diambil oleh *Utusan* akan menyinggung perasaan Amerika dan akan menakutkan penanaman modal ke negara ini.<sup>3</sup> Tetapi Perdana Menteri, Dr. Mahathir sekembalinya daripada lawatan dua minggu ke Papua New Guinea, New Zealand dan Australia pada 17 Ogos 1984 menyatakan, "Kita harus mengutamakan perasaan rakyat kita.

"Sekiranya New York Philharmonic Orchestra hendak menjaga perasaan orang Yahudi, kita mempunyai setiap hak untuk menjaga perasaan rakyat kita.

3. Ingatan ini diberikan secara peribadi kepada Ketua Pengarang Kumpulan *Utusan Melayu*, Zainuddin Maidin (penulis) dalam pertemuan di majlis ulang tahun kemerdekaan Indonesia di Kedutaan Indonesia di Jalan Tun Razak, 17 Ogos 1984.

"Dalam perkara seumpama ini, kerajaan perlu menjaga perasaan rakyat di negara ini seperti mana ia juga harus menjaga perasaan orang lain.

"Tetapi ada perkara-perkara tertentu yang mana kita harus mengutamakan perasaan rakyat kita sendiri."<sup>4</sup>

Rancangan pertunjukkan itu di Kuala Lumpur akhirnya dibatalkan. Ini telah menimbulkan kemarahan masyarakat Yahudi dan pertubuhan-pertubuhan Yahudi di New York dan juga kalangan kerajaan Amerika. Tetapi *New Straits Times* tidak mepedulikan kemarahan ramai sebaliknya dalam keluaran 12 Ogos 1984, akhbar tersebut telah menyiarkan sebuah berita bertajuk 'What a shame to cancel the concerts' yang isinya tidaklah sehebat kepala berita itu.

Bekas pengarah Orkestra Radio Malaysia, Johari Salleh hanya menyatakan beliau berasa agak kecewa "tetapi kita mestilah mematuhi dasar kerajaan". Selain daripada Johari, Ketua Federal Academy Of Music, Harold Ashcroft pula berkata, "Saya berasa kecewa tetapi memandangkan dasar kerajaan terhadap Israel maka terdapat kebenaran untuk tidak membenarkan mereka memainkan muzik Yahudi."

Berikutan dengan itu, Duta Malaysia di Washington telah dipanggil oleh kerajaan Amerika Syarikat untuk memberikan penjelasan dan ini menimbulkan bantahan rakyat Malaysia menerusi pelbagai pertubuhan. Majlis Belia Malaysia (MBM) mahu tindakan yang sama diambil terhadap Duta Amerika di Kuala Lumpur.

Tindakan kerajaan pimpinan Dr. Mahathir dalam perkara ini memperlihatkan kepada umum perdirianya yang konsisten terhadap sikap anti-Zionismenya dan be-

4. Laporan *The Star* dan *Utusan Malaysia*, 18 Ogos 1984.



liau tetap mengimbangi antara kehendak materialisme dengan nilai agama, bangsa dan dasar negara sekalipun beliau menyedari hakikat pengaruh kaum Yahudi ke atas kerajaan Amerika.

Sementara itu, Anwar Ibrahim yang ketika itu menjadi Ketua Pemuda UMNO Malaysia di samping memegang jawatan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak dapat menahan dirinya apabila TV3 melancarkan strategi promosi yang agresif tanpa mepedulikan etika penyiaran walaupun Anwar menyedari bahawa seorang rakan rapatnya dalam kabinet mempunyai kepentingan yang besar dalam media elektronik itu.

Di Kelantan, liberalisme TV3 ini telah memperkuatkan keyakinan penyokong-penyokong Pas bahawa kerajaan Barisan Nasional *unislamic*, taghud, asabiyah, sekular dan kebaratan.

Menyedari hakikat masyarakat Islam semakin marah dengan penayangan *Solid Gold* di TV3, Anwar telah mengecam media itu yang katanya, telah memulakan kejutan baru seolah-olah berani dan liberal serta sama sekali tidak peka dengan nilai, budaya dan akhlak masyarakat.

Berucap di Sidang Kedua Kongres Bahasa dan Peruratan Melayu Ke-IV di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 7 Disember 1984, Anwar berkata, "Masih terdapat beberapa permasalahan yang terus mencabar kewibaaan dan kedaulatan bangsa Melayu di mana permasalahan terbesar terus dijelmakan akibat daripada penjajahan pemikiran dan budaya Barat dengan 'sindrom' keagungan Barat di kalangan segolongan elit Melayu.

"Kalangan inilah yang sungguh mendewa-dewakan bahasa Inggeris dan budaya Barat sehingga media memulakan kejutan baru seolah-olah berani dan liberal serta

sama sekali tidak peka dengan nilai, budaya dan akhlak masyarakat."

Dalam hubungan ini, beliau mengingatkan bahawa perjuangan bangsa dan budaya tidak pernah diterajui oleh segelintir elit bandar yang tercabut daripada akar tradisi dan nilai akhlak masyarakat.

Berikutan dengan teguran itu, TV3 serta-merta menghentikan tayangan *Solid Gold* tetapi persaingan antara TV3 dan RTM terus berlaku dan terus mengelirukan golongan yang masih percaya kepada nilai budaya dan moral sebagai identiti bangsa dan kekuatan negara.

Kedua-dua media yang mempunyai peranan besar bagi pembentukan keperibadian negara itu telah memberi laluan kepada konsep kekuatan ekonomi dan materialisme menjamin keagungan, penghormatan dan keselamatan sesuatu bangsa, agama dan negara.

Sementara itu, di bidang media cetak, pelbagai akhbar mingguan popular yang tumbuh seperti cendawan telah membuktikan bahawa mereka lebih bebas daripada akhbar-akhbar nasional yang terkemuka seperti *New Straits Times*, *Berita Harian*, *Utusan Malaysia* dan *Utusan Melayu*.

Bagaimanapun sebuah akhbar harian Inggeris, *The Star* ternyata lebih bebas berbanding lain-lain akhbar harian dalam penyiaran berita dan rencana terutama yang bersifat perkauman.

Sementara TV3 berlindung di bawah payung politik Menteri Kewangan untuk melaksanakan beberapa ke-longgaran syarat penyiaran pada peringkat awal pelancarannya.<sup>5</sup> *The Star* pula mengeksploitasi payung politik bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman yang

5. *Utusan Malaysia*, 8 Disember 1984.

menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah akhbar itu sejak dari tahun 1971.

Para wartawannya memikirkan bahawa mereka boleh bebas mengeksploitasi isu-isu sensitif seperti sebelum peristiwa 13 Mei 1969 kerana kerajaan Dr. Mahathir berasa serba salah dengan Tunku Abdul Rahman. Tunku sendiri mempunyai kolum minggunya 'As I See It' di akhbar itu yang sesekali mengkritik dasar kerajaan pimpinan Dr. Mahathir.

*The Star* dilihat oleh orang Melayu sebagai tidak menghormati perjanjian damai 13 Mei 1969 dan cuba untuk meneruskan dasar tolak ansur yang diamalkan oleh Tunku semasa beliau menjadi Perdana Menteri.

Kebanyakan berita yang disiarkan oleh akhbar-akhbar tabloid mingguan Melayu bersifat sensasi, tidak cukup asas pemberitaan, bersifat khabar angin, tidak mematuhi etika kewartawanan malah ada kalanya melanggar Akta Hasutan.

Sementara itu, buletin parti-parti politik yang sepatutnya terbatas kepada ahli-ahlinya sahaja telah dijual di pasaran.

Para pengarang akhbar nasional tidak sabar dengan toleransi Dr. Mahathir terhadap penyalahgunaan kebebasan yang dilakukan oleh akhbar-akhbar mingguan ini dan juga keistimewaan yang diberikan kepada *The Star* tetapi Dr. Mahathir tidak begitu menghiraukannya.

Dalam beberapa pertemuan dengannya, para pengarang akhbar nasional sering menyuarakan pandangan mereka terhadap kemerosotan etika kewartawanan akhbar-akhbar mingguan berbahasa Melayu yang mungkin akan mengakibatkan masyarakat Malaysia lebih percaya kepada khabar angin daripada berita benar. Mereka bimbang bahawa akhbar-akhbar nasional akan hilang

kredibiliti kerana orang ramai condong mempercayai apa yang disiarkan oleh akhbar-akhbar yang dapat menggambarkan diri mereka lebih bebas daripada akhbar-akhbar yang mematuhi dasar nasional.

Bagaimanapun Dr. Mahathir tidak mengambil berat pandangan ini kerana beliau lebih condong untuk mempercayai bahawa orang ramai tidak mengambil serius setiap berita yang disiarkan oleh akhbar-akhbar yang bersifat popular. Tetapi orang ramai tidak menganggap apa yang disiarkan oleh akhbar nasional *The Star* sebagai khabar angin atau rekaan semata-mata.

*The Star* mengamalkan profesionalisme, beritanya berasaskan kepada kebenaran, liputannya tepat dan pendekatan kewartawannya tajam dan bermutu serta dianggap mempunyai kredibiliti kerana ia mengamalkan kebebasan akhbar seperti di zaman Perikatan tanpa memperdulikan Akta Hasutan.

Memandangkan bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman menjadi Pengerusi Lembaga Pengarahnya, *The Star* lebih dihormati dan dipandang tinggi. Bagaimanapun bagi masyarakat Melayu, jelas akhbar ini bersikap *bias* kerana berita serta rencananya sering menyindir orang Melayu dan menjadi suara lantang kepada parti pembangkang dan pihak yang anti-Melayu yang menyebabkan *The Star* cukup popular di kalangan bukan Melayu. Kredibiliti dan pasaran *New Straits Times* mulai tergugat.

Keadaan ini menimbulkan kemarahan di kalangan orang Melayu terutama ahli-ahli UMNO yang telah pun menolak dasar tolak ansur Tunku di bawah Perikatan.

Satu perhimpunan raksaksa orang Melayu untuk menunjuk perasaan telah dirancang di Kuala Lumpur pada 1 November 1987 tetapi dibatalkan atas perintah

Perdana Menteri untuk mengelak daripada tercetusnya rusuhan kaum kali kedua.

Sebelumnya iaitu pada 28 Oktober 1987, polis bertindak menahan 63 orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan serentak dengan itu Kementerian Dalam Negeri mengharamkan penerbitan tiga buah akhbar iaitu dua buah akhbar harian, akhbar Inggeris *The Star*, akhbar Cina, *Sin Chew Jit Poh* dan akhbar mingguan Melayu, *Watan*.

Dalam kenyataannya kepada Parlimen pada hari tindakan itu, Dr. Mahathir berkata, "Kerajaan tidak boleh menunggu sehingga rusuhan tercetus untuk bertindak."

Beliau juga memberitahu negara berada dalam keadaan yang amat tegang oleh kerana:

- Sikap tidak bertanggungjawab dan kegiatan menjolok isu-isu yang sensitif.
- Reaksi orang Melayu juga meningkat kerana kelantangan suara-suara parti politik Cina dan India yang cuba menjuarai kaum mereka melalui pelbagai isu.
- Semua isu itu dilaporkan oleh akhbar dan majalah dengan berani dan ada yang menokok tambah hasutan-hasutan ini untuk memperluaskan kepada seluruh rakyat.

Namun demikian, tidak semua rakyat yang kecewa dengan tindakan ini. Masyarakat Malaysia berasa lega kerana tindakan kerajaan telah dapat mengelakkan kejadian yang tidak diingini. Lebih ramai yang bimbang melihat keadaan kebebasan seperti sebelum 13 Mei 1969 dibiarkan berkembang.

Dr. Mahathir lupa kepada kepercayaan dan kata-katanya sendiri yang berulang kali bahawa manusia mempunyai ingatan yang singkat. Apabila tirai demokrasi

liberalismenya dibuka semula, mereka lupa kepada titisan darah 13 Mei 1969. Mereka mahu kembali kepada keadaan sebelumnya.

Eksperimen demokrasi Dr. Mahathir telah gagal. Beliau kecewa dan mengakui kesilapannya.



SEMEMANGNYA ada kebenaran peringatan yang diberikan oleh Dr. Mahathir bahawa tidak sahaja kerajaan yang "boleh menjejaskan kebebasan akhbar, tetapi pemilik, pengarang, kepentingan kewangan dan dorongan populariti, semua ini boleh menjejaskan kebebasan akhbar".

Kenyataan ini akan menjadi suatu kebenaran abadi sepanjang zaman jika Dr. Mahathir langsung mengatakan "**kerajaan, pemilik, pengarang, kepentingan kewangan dan dorongan populariti, semua ini boleh menjejaskan kebebasan akhbar**".





# 10 Orde Baru Komunikasi

**T**indakan kerajaan Barisan Nasional menahan 106 orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan serentak dengan itu membatalkan permit tiga buah akhbar pada bulan Oktober 1987 telah dilihat sama ada di dalam dan di luar negara sebagai Dr. Mahathir Mohammad terpaksa berundur ke belakang daripada harapan rakyat kepada liberalisme dan demokrasi yang lebih luas.

Rakyat masih belum melupakan bahawa dua minggu selepas menjawat jawatan Perdana Menteri pada tahun 1981, Dr. Mahathir telah mengejutkan negara dengan pembebasan tanpa syarat 21 orang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Dr. Mahathir mengakui terpaksa mengecewakan rakyat dan mengecewakan dirinya sendiri apabila beliau berundur kembali ke belakang enam tahun kemudian. Katanya kepada *Asiatweek* 13 November 1987, "Saya mahu bersikap liberal kerana saya fikir rakyat akan bersikap bertanggungjawab dan tidak menyalahgunakan hak mereka tetapi malangnya, saya mendapati mereka cuba memburukkan lagi hubungan yang buruk antara kaum.

"Oleh kerana itu saya merasakan perlu untuk tidak begitu liberal dan saya kecewa kerana saya terpaksa menukarkan fikiran saya."

Rakyat terutama yang bukan Melayu dan generasi baru berasa lebih kecewa kerana mereka merasakan inilah pertama kalinya sejak 30 tahun merdeka, kerajaan bertindak mengharamkan akhbar-akhbar tetapi ramai yang tidak tahu atau telah melupakan titik yang lebih hitam dalam sejarah kewartawanan Malaya dan Malaysia apabila Perdana Menteri Malaysia yang pertama selaku Presiden UMNO, Tunku Abdul Rahman telah merintis jalan ke arah penguasaan parti ke atas akhbar.

Sementara tindakan Dr. Mahathir mengharamkan akhbar dapat dilihat sebagai langkah untuk meletakkan akhbar-akhbar nasional bukan Melayu di atas landasan nasional yang digariskan selepas peristiwa 13 Mei 1969, tindakan Tunku telah menamatkan era penguasaan wartawan ke atas akhbar dan meragukan kepercayaan ramai terhadap kebebasan akhbar.

Tunku telah mengatur langkah pengambilalihan akhbar Melayu paling berpengaruh iaitu *Utusan Melayu* oleh UMNO pada tahun 1961 untuk menyelamatkan akhbar itu daripada penguasaan golongan radikal Melayu yang prososialis dan komunis selain daripada kemerosotan pasaran akhbar itu. Bagaimanapun tindakan Tunku itu dianggap oleh para wartawan *Utusan Melayu* sebagai langkah untuk mengongkong kebebasan serta kebijaksanaan pengarang dan sidang pengarang untuk menjalankan tugas dengan berkesan dan berfaedah.

Sebelum tindakan ini berlaku, Tunku telah berusaha memujuk Ketua Pengarang dan Pengurus Umum *Utusan Melayu* ketika itu, Yusuff Ishak supaya mengambil langkah-langkah bagi memastikan *Utusan* menyesuaikan dirinya

dengan dasar UMNO dan menyokong dasar kerajaan Perikatan.

Yusuff Ishak yang juga pengasas *Utusan Melayu* walaupun menghadapi masalah dengan sikap para wartawannya yang tidak mengendahkan nasihatnya supaya mematuhi arahan Tunku tetapi berasa cukup terhina dengan arahan untuk bersarapan pagi dan cakap-cakap dengan Tunku hampir setiap pagi.

Suatu hari sekembalinya daripada menemui Tunku, beliau menitikkan air matanya di hadapan seorang pengarang kanannya sambil berkata, "Umur saya sudah melebihi 50 tahun dan saya tidak pernah mengalami penghinaan seperti ini dan saya tidak berdaya untuk menentangnya."<sup>1</sup>

Yusuff Ishak berada dalam dilema, beliau bukan sahaja tidak terdaya untuk melaksanakan arahan Tunku tetapi beliau tidak lagi dapat menghadapi golongan wartawan nasionalis radikal yang prososialis dan komunis yang menguasai *Utusan Melayu* pada masa itu.

Yusuff Ishak akhirnya meletakkan jawatannya dengan berpesan kepada Said Zahari supaya "berhati-hati dalam menjalankan pekerjaan". Yusuff kembali ke Singapura dan dilantik oleh Lee Kuan Yew menjadi Presiden Singapura yang pertama kerana mengenangkan jasa *Utusan Melayu* kepadanya di bawah pimpinan Yusuff dan kerana Yusuff menyingkirkan musuh utama Lee Kuan Yew iaitu wartawan Samad Ismail (Tan Sri).

Said Zahari, rakyat Singapura yang mengambil alih jawatan Ketua Pengarang *Utusan Melayu* daripada Yusuff

1. Tulisan bekas Ketua Pengarang *Utusan Melayu*, Said Zahari dalam *Di Sebalik Jendela Utusan Melayu*, sebuah buku yang diterbitkan khas bersempena dengan *Utusan Melayu* 50 Tahun.

Ishak tidak mengendahkan nasihat Yusuff sebaliknya mengepalai satu tindakan mogok para pekerja Utusan Melayu untuk membantah empat dasar yang dikemukakan oleh Lembaga Pengarah Utusan Melayu apabila UMNO mengambil alih Utusan Melayu pada tahun 1961. Empat dasar itu ialah:

- Memberikan sokongan penuh kepada parti yang memerintah kerana itu akan lebih menguntungkan daripada segi perniagaan.
- Menyiarkan berita-berita yang benar tetapi membatasi kepala-kepala berita parti-parti lain.
- Menyiarkan lebih banyak berita-berita dengan kepala-kepala berita yang besar mengenai menteri-menteri Perikatan di mana ia dapat dilakukan termasuk kenyataan-kenyataan dasar yang penting.
- Menyokong Perikatan apabila perbuatan sudah dilakukan dan mengkritik secara membina sesuatu keputusan yang buruk dibuat.

Sebenarnya dasar empat perkara ini dikemukakan kepada Yusuf sejak tahun 1959 tetapi tidak dapat dilaksanakannya dan apabila dasar ini tidak dihiraukan juga oleh Said Zahari yang mengambil alih jawatan daripada Yusuf, UMNO telah menghantar orangnya untuk mengambil alih Utusan Melayu daripada Said Zahari dan Said ditukarkan serta-merta ke Singapura. Tetapi Said Zahari tidak mengikut arahan ini sebaliknya telah menyusun dan melancarkan tindakan mogok seluruh pekerja Utusan Melayu.

Tun Razak yang ketika itu menjadi Timbalan Perdana Menteri telah memberitahu Said Zahari menerusi peguamnya, "Jangan fikir dia boleh melawan kerajaan Perikatan."

Oleh kerana *Utusan Melayu* merupakan sebuah akhbar

Melayu yang mendukung sejarah memelopori perjuangan bangsa, maka mogok itu telah mendapat perhatian yang luas di seluruh negara tetapi tidak mendapat simpati daripada kebanyakan orang Melayu yang telah meletakkan UMNO di puncak kuasa kecuali daripada segolongan kecil radikal Melayu termasuk dalam UMNO sendiri.

Said Zahari terpaksa meminta sokongan kepada pemogokan ini daripada golongan sosialis yang berpusat di Pulau Pinang dan juga di Singapura selain di Kuala Lumpur sendiri.

Sebelum pemogokan itu, pasaran *Utusan Melayu* telah pun jatuh kepada tidak sampai 25 000 naskhah sehari.

Apabila Said Zahari pulang ke Singapura untuk mengunjungi pemogok-pemogok *Utusan Melayu* di Singapura dan bagi mencari sokongan, Tunku selaku Perdana Menteri dan Menteri Luar telah mengeluarkan surat perintah mengharamkan Said Zahari daripada menjijak bumi Malaya buat selama-lamanya. Semangat para pemogok hancur. Khemah mereka di hadapan Ibu Pejabat *Utusan Melayu* di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur diruntuhkan oleh Polis Pencegah Rusuhan. Mogok gagal. Sesetengah pemogok termasuk wartawan kembali bekerja tetapi ramai yang terus hilang pekerjaan.

Sejak itulah *Utusan Melayu* dikuasai oleh UMNO.

Tidak lama kemudian di Singapura, Said Zahari telah ditangkap dan ditahan kerana dituduh terlibat dengan gerakan kiri dan anasir-anasir asing. Beliau dibebaskan selepas 15 tahun kemudian dan menjadi di antara tahanan politik yang paling lama di pulau itu.

Sesungguhnya peristiwa itu merupakan titik hitam dalam sejarah kewartawanan di Malaya dan Malaysia kerana inilah pertama kalinya sebuah akhbar nasional di Malaya

ai sepenuhnya dan secara rasmi oleh sebuah parti politik.

Siapa benar dan siapa salah dalam hal ini terserah kepada pertimbangan masyarakat dan sejarah untuk mengadilinya tetapi bagi seluruh kakitangan Utusan Melayu dari bahagian percetakan, pengurusan dan kewartawanan, peristiwa itu amat memilukan kerana mereka merasakan kehilangan semangat dan api perjuangan rakyat yang didukung oleh Utusan Melayu sejak 1939.

Sesungguhnya peristiwa ini lebih dramatik dan lebih banyak memakan korban berbanding tindakan Dr. Mahathir mengharamkan tiga buah akhbar dan membenarkan diterbit semula empat bulan kemudian.

Ketika pengharaman akhbar-akhbar itu berlaku di Malaysia, ketua-ketua pengarang akhbar harian berkenaan iaitu Ketua Pengarang akhbar *The Star*, V.K.Chin dan Ketua Pengarang akhbar *Sin Chew Jit Poh*, C.C. Liew berada di Bali kerana menghadiri sidang puncak pengarang-pengarang ASEAN. Mereka telah bergegas kembali ke Kuala Lumpur untuk menyerah diri tetapi mereka tidak ditangkap sebaliknya diberikan syarahan untuk menyesuaikan diri dengan suasana tanah air.

Tunku telah bertindak untuk memastikan akhbar Melayu yang berpengaruh menyesuaikan diri dengan dasar kerajaan yang didukung oleh UMNO. Dr. Mahathir telah bertindak terhadap akhbar Cina dan Inggeris yang lewat dan gagal menyesuaikan dasar mereka dengan dasar nasional yang telah pun didahului oleh *Utusan Melayu* terutama selepas peristiwa 13 Mei.

Di sebalik tindakan ini, semua Perdana Menteri Malaysia yang bermula dengan Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak hingga Dr. Mahathir Mohamad kecuali Tun Hussein Onn bersikap terbuka dengan para warta-

wan. Mereka tidak pernah menolak untuk didekati dan ditemubual oleh para wartawan di mana sahaja, di tangga parlimen, di majlis-majlis tertentu malah di tepi jalan selain daripada memberikan sidang akhbar apabila perlu.

Tunku Abdul Rahman semasa menjadi Perdana Menteri memberikan sidang akhbar kepada wartawan luar dan dalam negeri setiap hari Rabu selepas sidang kabinet.

Di Malaysia, adalah suatu pandangan biasa di kaca TV, Perdana Menteri dikerumuni oleh para wartawan tetapi luar biasa kepada rakyat negara-negara tetangga melihat keadaan ini di Televisyen Malaysia hampir setiap hari.

Di Indonesia dan Singapura, hampir mustahil untuk Presiden Suharto dan Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew (sekarang Menteri Kanan) ditemui secara serang hendap oleh para wartawan.

Wartawan-wartawan Indonesia terkejut besar apabila seorang wartawan Malaysia yang membuat liputan Pilihan Raya Presiden Indonesia pada tahun 80-an telah tiba-tiba menemubual Presiden Suharto di tempat umum.

Wartawan ini kemudiannya diberitahu oleh beberapa orang wartawan Indonesia, "Bapa tidak boleh melakukan demikian," dan beliau menjawab, "Jika anda boleh melakukannya di Malaysia, kenapa saya tidak boleh melakukannya di sini."

Ketika Persidangan Perdana-perdana Menteri Komanwel diadakan di Bahamas pada tahun 1985, wartawan *New Straits Times*, Dr. Munir Majid (sekarang Pengerusi Suruhanjaya Security Malaysia) telah memberanikan diri dengan duduk di hadapan Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew yang keseorangan di sebuah restoran di kawasan khas bagi peserta persidangan itu. Lee Kuan Yew agak terkejut. Apabila Munir memperkenalkan diri, Lee Kuan Yew tidak melayannya dan pertanyaan-



pertanyaan yang dikemukakannya juga tidak dijawab. Akhirnya Munir bangun dan beredar.

Masalah utama yang menyekat para wartawan untuk mendekati pemimpin-pemimpin di negara-negara jiran adalah kerana keselamatan tetapi di Malaysia ketika keadaan negara terancam pun, para wartawan dalam dan luar negara tetap boleh menemui Perdana Menteri Malaysia seperti biasa.

Semasa konfrontasi Indonesia pun, Tunku Abdul Rahman telah menemui para wartawan sama ada dalam dan luar negara setiap hari Rabu di tangga bangunan Parlimen selepas sidang kabinet dan juga di mana-mana beliau mengadakan lawatan, malah suatu hari Tunku telah memberitahu tarikhnya akan ke Kuching, Sarawak tetapi kemudian beliau tersedar dan berkata, "Allah mak, saya telah beritahu apa yang saya tak boleh beritahu, Indonesia tahulah, marahlah *security* pada saya," katanya.

Seorang wartawan sebuah akhbar nasional Malaysia yang terkemuka, *Utusan Melayu* yang rapat dengan Tunku pernah menahan keretanya yang sedang keluar dari kawasan Lapangan Terbang Tentera Udara Malaysia (TUDM) dan Tunku mengarahkan pemandunya memberhentikan kereta di tepi jalan untuk ditemubual oleh wartawan ini. Apabila melihat sahaja wartawan, Tunku biasanya akan berkata, "Lalat-lalat dah mai nak kerumun" dan jika nampak seseorang wartawan yang lama tidak ditemuinya maka beliau akan terus berkata, "Eh, awak masih hidup, saya fikir awak dah mati."

Sifatnya yang riang dan pandai berjenaka menyebabkan wartawan-wartawan amat senang dengan Tunku dan merasakan begitu rapat dengannya. Oleh kerana sikapnya yang tidak serius, Tunku tidak begitu mengambil berat dengan kesilapan pemberitaan yang dilakukan oleh

para wartawan. Akhbar bahasa Inggeris serta akhbar berbahasa Cina berada dalam keadaan yang lebih bebas berbanding dengan akhbar Melayu.

Tun Abdul Razak, walaupun tidak menampakkan hubungan mesra dengan para wartawan tetapi amat mementingkan mereka. Beliau akan memastikan para wartawan mengikuti kegiatannya terutama sekali lawatannya ke luar bandar dan ke daerah-daerah pedalaman.

Tun Abdul Razak mengenali setiap wajah wartawan yang mengikutinya walaupun tidak mengingat nama mereka dan beliau akan bertanya jika salah seorang daripada mereka tiba-tiba tidak kelihatan.

Bagaimanapun semasa Tun Abdul Razak, sidang akhbar selepas sidang kabinet setiap hari Rabu yang biasanya diadakan oleh Perdana Menteri telah dibatalkan. Tun Abdul Razak mengikuti amalan Tunku pada mulanya tetapi kemudiannya tidak lagi meneruskan persidangan akhbar itu.

Tun Hussein Onn paling sukar untuk ditemubual oleh para wartawan dengan mendadak kerana dikatakan takut untuk membuat kesilapan. Jika beliau memberikan temubual khas dengan seseorang wartawan, maka beliau akan memastikan temubual itu tidak akan melebihi jangka masa yang ditetapkannya. Tetapi temubual khas dengan beliau jarang benar didapati oleh mana-mana wartawan.

Seorang wartawan *Utusan Melayu*, Subky Latiff<sup>2</sup>, yang telah diizinkan menemubual Tun Hussein Onn selama setengah jam, telah diingatkan oleh beliau berkali-kali semasa temubual tersebut tentang masa yang hanya tinggal sepuluh minit, lima minit dan masa telah habis.

2. Beliau sekarang menjadi salah seorang pemimpin Pas.

Hussein Onn hanya mudah ditemui oleh para wartawan setelah tidak lagi menjadi Perdana Menteri.

Interaksi Dr. Mahathir dengan para wartawan setanding dengan Tunku malah beliau adalah satu-satunya Perdana Menteri yang sering mengadakan perbincangan dengan ketua-ketua pengarang akhbar nasional dan wakil-wakil media elektronik dalam isu-isu penting yang melibatkan kepentingan agama, bangsa dan negara.

Orang ramai dapat melihat Dr. Mahathir hampir setiap hari di kaca TV menemui atau ditemui oleh para wartawan dan beliau tidak pernah mengecewakan mereka. Setiap pertanyaan pasti ada jawapan dan pasti ada bahan berita bagi para wartawan.

Bagaimanapun, satu perkara yang jelas kepada masyarakat di dalam dan di luar negara, Dr. Mahathir paling kritikal terhadap media dan para wartawan terutama sekali media Barat tetapi beliau tetap merupakan pemimpin dan tokoh yang paling diminati oleh mereka. Wartawan-wartawan yang pernah dikritiknya tetap mahu menemuinya lagi kerana bagi mereka, Dr. Mahathir tetap bahan baru yang paling menarik.

Ada kalanya Dr. Mahathir marah dengan sikap wartawan yang agresif dan provokatif semasa menjalankan tugas. Beberapa kali beliau menyatakan tidak mahu lagi ditemubual secara serang hendap oleh para wartawan kerana kesilapan laporan atau kerana keterlanjurrannya sendiri tetapi akhirnya beliau kembali menemui mereka seperti biasa.

Setelah mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO di Hotel E&O Pulau Pinang pada bulan September 1976, Dr. Mahathir selaku Pemangku Timbalan Presiden UMNO telah ditanya oleh seorang wartawan<sup>3</sup>, sama ada benar

3. Penulis sendiri.

atau tidak mesyuarat itu telah membincangkan pemecatan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abdullah Ahmad dan kemungkinan beliau akan ditangkap, Dr. Mahathir berkata, "Awak semua hidup di atas penderitaan orang lain."

"Sama juga dengan ahli-ahli politik," jawab wartawan ini.

Dr. Mahathir tidak pernah membiarkan sesuatu kesilapan berita akhbar berlalu begitu sahaja. *Utusan Malaysia* keluaran 27 Mac 1978 telah menyiarkan sebagai berita utama muka satu ucapan Dr. Mahathir di perayaan ulangtahun ke-75 Dewan Perniagaan Cina Pulau Pinang berhubung dengan langkah kerajaan hendak melonggarkan Akta Penyelarasan Perusahaan (ICA).

Tajuk berita itu berbunyi, 'ICA tak wajib, boleh diketepikan kiranya gagal dapat penyertaan bumiputera'.

Menurut berita itu, Dr. Mahathir berkata syarat Akta Penyelarasan Perusahaan (ICA) yang menghendaki tidak kurang daripada 30 peratus saham projek-projek perkilangan diperuntukan kepada bumiputera merupakan suatu yang fleksibel dan bukan merupakan syarat wajib.

Dr. Mahathir menelefon Pengarang Berita *Utusan Malaysia* pada hari penyiaran berita itu dan menafikan beliau mengatakan tidak wajib.

Dr. Mahathir diberitahu bahawa kesilapan itu akan dibetulkan dan beliau berkata, "Jika kesilapan dibuat besar, janganlah pula pembetulannya kecil. Apakah saudara hendak menganiaya saya?"

Setelah meletakkan telefon, Pengarang Berita berkenaan<sup>4</sup> yang mengenali Dr. Mahathir sejak beliau masih di kliniknya di Pekan Melayu Alor Setar, berasa amat

4. *Ibid.*

tersinggung dengan pertanyaan Dr. Mahathir: 'Apakah saudara hendak menganiaya saya'?

Dengan perasaan yang terhiris, pengarang tersebut menelefon kembali Dr. Mahathir di kediamannya dan apabila mendapati Dr. Mahathir sendiri yang menjawabnya beliau terus menyatakan "saya tidak dapat menerima tuduhan Dr. bahawa saya hendak menganiaya Dr. Jika saya hendak berbuat demikian, saya tidak buat sekarang, saya telah melakukannya lama dahulu".

Dr. Mahathir menjawab, "Saya minta maaf, saya baru pulang, saya belum baca berita itu sepenuhnya."

Pengarang berita ini berasa terharu. Beliau merasakan suatu kebesaran sifat semula jadi Dr. Mahathir Mohamad yang akan segera meminta maaf apabila menyedari kesilapannya sekalipun beliau berada pada kedudukan yang tidak memerlukannya berbuat demikian.

Esoknya *Utusan Malaysia* menyiarkan penafian bahawa "Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapannya di perayaan ulangtahun ke-75 Dewan Perniagaan Cina Pulau Pinang semalam tidak berkata bahawa Akta Penyelarasan Perusahaan (ICA) tidak wajib.

"Beliau hanya berkata bahawa ia adalah fleksibel dalam kes-kes tertentu sahaja".

Tujuh tahun kemudian, kebenaran tafsiran berita *Utusan Malaysia* itu terserlah apabila Dr. Mahathir mengumumkan kepada ahli-ahli perniagaan dan perusahaan di New York bahawa Malaysia melonggarkan ICA dengan membenarkan syarikat-syarikat asing memiliki saham 100 peratus dalam penanaman modal di Malaysia kecuali jika kurang daripada itu maka mereka perlu memberikan

peruntukan kepada rakyat Malaysia dengan mematuhi Dasar Ekonomi Baru.

Di akhir tahun 1988, akhbar-akhbar mingguan tabloid berbahasa Melayu menyiarkan berita-berita spekulasi Dr. Mahathir akan menyusun semula kabinetnya. Dr. Mahathir amat tidak senang dengan berita spekulasi ini kerana beliau telah pun membentuk kabinetnya berikutan dengan kejayaannya mematahkan percubaan Tengku Razaleigh dan Datuk Musa Hitam untuk menggulingkannya.

Beliau menjadi semakin marah kerana seorang wartawan dari sebuah akhbar harian telah bertanya kepadanya sama ada benar atau tidak Datuk Abdullah Ahmad Badawi akan dilantik menjadi Menteri Penerangan dan Mohammad Rahmat akan menjadi Menteri Dalam Negeri.

Pengerusi Institut Akhbar Malaysia (MPI), Mazlan Nordin menyelami perasaan marah Dr. Mahathir ini dalam perbualan dengannya di Majlis Makan Malam Wartawan anjuran MPI pada 20 November 1988.

Esoknya Mazlan telah menelefon Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu bertanyakan sama ada wartawan *Utusan* mengemukakan pertanyaan yang katanya tidak disenangi oleh Dr. Mahathir. Mazlan memberitahu bahawa Dr. Mahathir berpendapat berita spekulasi mengenai penyusunan semula kabinet memberikan gambaran negara tidak stabil dan menakutkan pelabur-pelabur asing.

Dr. Mahathir juga ada kalanya tidak senang dengan pendekatan sesuatu penulisan berita daripada kenyataan atau ucapannya yang menonjolkan lain daripada apa yang mahu disampaikan kepada umum.

Beliau tidak memahami kenapa wartawan-wartawan mengemukakan pertanyaan yang tidak berkaitan dengan lawatannya ke sesuatu tempat sedangkan pada pan-

dangan beliau lawatannya itu dan apa yang diperkatakannya tentang lawatan itu adalah yang terpenting sekali berbanding lain-lainnya. Tetapi Dr. Mahathir tidak begitu memahami tugas wartawan. Mereka dilatih untuk mencari berita yang terpenting. Mereka senantiasa memburu berita muka satu. Mereka belum senang selagi belum mendapat berita yang mempunyai nilai utama daripada Perdana Menteri. Mereka akan cuba mendapat sesuatu yang lebih besar terutama daripada pemimpin yang mereka tahu dapat memberikan apa yang mereka mahu.

Dr. Mahathir sama seperti Tunku Abdul Rahman. Kedua-dua mereka amat berpotensi sebagai sumber berita kepada para wartawan. Mereka selalunya dapat memberikan sesuatu yang baru. Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn biasanya amat berhati-hati dalam membuat kenyataan atau ucapan dan mereka sering mengulangi perkara yang sama dan tidak dapat menjadi bahan berita. Orang ramai tidak mahu membaca perkara yang pernah dibaca sebelumnya.

Bagaimanapun sikap *offensive* Dr. Mahathir terhadap para wartawan tidak ada pada Perdana Menteri sebelumnya. Sikap Dr. Mahathir ialah jika orang menyerang, kita mesti membalas.

Dalam persidangan akhbar bersempena dengan Sidang Puncak Ketua-ketua Negara Asean di Singapura pada 27 dan 28 Januari 1992, seorang wartawan Australia telah mengemukakan pertanyaan kepada Dr. Mahathir tentang kedudukan hubungan antara Australia dengan Malaysia, Dr. Mahathir menjawab, "Antara kerajaan dengan kerajaan adalah baik sekarang."

Wartawan ini bertanya lagi bagaimana dengan hubungan antara rakyat dengan rakyat?

Dr. Mahathir menjawab, "Jika awak berkelakuan baik,

maka hubungan akan baik." Wartawan Australia itu tidak bertanya lagi kerana beliau mungkin menyedari bahawa kekeruhan hubungan yang berlaku antara Australia dan Malaysia berpunca daripada para wartawan Australia sendiri.

Ada kalanya sikap Dr. Mahathir terhadap wartawan menampakkan kurang fahamnya terhadap profesionalisme kewartawanan, umpamanya tentang hak mereka untuk bertanya, tetapi tidak selalunya beliau salah. Contohnya ialah kenyataan Dr. Mahathir secara peribadi kepada Pengerusi Bernama, Mazlan Nordin di malam wartawan 1988 bahawa beliau tidak faham kenapakah akhbar-akhbar lebih menekankan laporan mengenai jumlah pelaburan asing di Malaysia dan tidak tentang jumlah pekerjaan yang dapat diwujudkan daripada pelaburan modal itu.

Sikapnya yang serius mendorongkannya membaca dan memberikan perhatian kepada hampir setiap berita dan penulisan para wartawan terutama yang berkaitan dengan kegiatannya dan biasanya beliau tidak membiarkan ketidaktepatan dan penyelewengan pemberitaan berlalu begitu sahaja.

Membaca akhbar merupakan tugas pertama sekali yang dilakukannya apabila memasuki pejabat setiap hari mulai jam 8.00 pagi. Akhbar yang pertama sekali dibacanya ialah *New Straits Times* dan diikuti dengan *Utusan Malaysia* dan kemudian lain-lain akhbar.

Beliau menghabiskan masa antara setengah jam hingga 45 minit untuk meneliti semua kepala berita akhbar dan membaca bahan yang dikiranya perlu segera dibaca dan menandakan yang mana perlu dibaca kemudian di dalam kereta ataupun di rumah.

Beliau tidak senang apabila membaca akhbar di pejabat pada waktu pagi diganggu oleh kedatangan tetamu



yang tidak dijadualkan. Apabila ini berlaku, beliau pernah didengar bersungut kepada pegawainya, "Saya belum baca surat khabar lagi...."

Dr. Mahathir tidak membaca akhbar di rumah selepas bangun pagi sebaliknya setelah selesai sembahyang subuh beliau akan menulis apa juga yang perlu ditulis seperti rencana dan ucapannya malah waktu di dalam tandas juga beliau gunakan untuk menulis.

Sebenarnya berada di dalam tandas adalah di antara tiga perkara yang tidak digemarinya. Tiga perkara itu ialah, pertama bergunting rambut, kedua kerat kuku dan ketiga berada dalam tandas. Ini adalah kerana dalam masa melakukan tiga perkara itu, beliau tidak dapat membuat kerja lain.<sup>5</sup> Bagaimanapun beliau telah dapat mengatasi masalah membuang masa dalam tandas dengan menulis.

Dr. Mahathir sebenarnya seorang yang langsung tidak dapat berdiam diri atau tidak tahu duduk tanpa membuat sebarang pekerjaan. Sebelum tidur beliau akan menghabiskan masa dengan membaca.

Apa pun sikap beliau terhadap para wartawan tetapi mereka tahu Dr. Mahathir membaca tulisan mereka dan wartawan-wartawan veteran mengakui bahawa tidak ada seorang Perdana Menteri Malaysia yang membaca setiap tulisan mereka seperti Dr. Mahathir.

Serangannya yang konsisten terhadap wartawan asing dan juga media Barat telah banyak mengubah pandangan dan penilaian wartawan tempatan sendiri terhadap wartawan-wartawan asing dan meletakkan kredibiliti media asing dalam persoalan di kalangan rakyat Malaysia.

5. Dr. Mahathir memberitahu perkara ini dalam pertemuan dengan penulis pada 26 April 1994 di Kuala Lumpur.

Ini adalah kerana Dr. Mahathir dapat membuktikan sikap mereka yang tidak adil, *bias*, anti-Melayu, prejudis terhadap Islam, tidak memahami keadaan tempatan dan dalam beberapa hal mereka berbohong.

Apabila Malaysia melancarkan projek kereta nasionalnya Proton Saga, beberapa buah majalah antarabangsa meramalkan projek itu akan gagal malah ada yang mengatakan jika Australia gagal dengan kereta Holdennya maka mustahil Malaysia akan berjaya dengan projek keretanya.

Dalam kata-kata lain, mereka berpendapat jika orang kulit putih gagal dalam sesuatu usaha maka orang Malaysia terutamanya orang Melayu juga tidak boleh berjaya.

Dr. Mahathir kemudiannya dapat membuktikan bahawa Proton Saga tidak sahaja mendapat pasaran tertinggi di Malaysia mengatasi jualan semua jenis kereta asing malah mendapat pasaran antarabangsa termasuk di United Kingdom. Menyorot kembali ke belakang, tergambar betapa hebatnya pergelutan Dr. Mahathir dengan pelbagai percubaan secara kolektif wartawan-wartawan asing untuk menggagalkan kebangkitan perindustrian Malaysia, daripada menakut-nakutkan pemodal asing ke Malaysia hingga kepada masalah alam sekitar tetapi tidak ada senjata yang lebih berkesan yang telah memperkecilkan kredibiliti media asing dan meragukan pandangan rakyat Malaysia terhadap mereka selain daripada kebijaksanaan, kecekapan, keberanian dan kegigihan Dr. Mahathir sendiri menanganinya mereka dan menjayakan satu demi satu projek dan visinya.

Dr. Mahathir tidak lari apabila dikritik tetapi beliau sanggup berkonfrontasi dengan pengkritik. Umpamanya setelah menyingkirkan dua orang wartawan *Asia Wall*

*Street Journal* (AWSJ) dari Malaysia pada tahun 1986 kerana menyebarkan fitnah terhadap Malaysia, Dr. Mahathir menemui ketua eksekutif akhbar itu (*Wall Street Journal*) di New York dan memberitahunya, "Wall Street Journal bermotif jahat terhadap Malaysia, wartawan-wartawan awak telah membuat laporan yang tidak berdasarkan fakta yang benar, tidak adil, berat sebelah dan bertujuan semata-mata untuk memburuk-burukkan Malaysia.

"Jika orang luar berhak datang ke negara kami dan memburuk-burukkan kami, kami juga berhak untuk menyingkirkan mereka," katanya.

Dr. Mahathir seterusnya memberitahu *The Wall Street Journal* boleh terus menjalankan usaha-usaha untuk menjejaskan penanaman modal asing di Malaysia "tetapi kami tidak akan tunduk kepada sebarang ugutan, kami tidak mahu sesiapa mengugut atau melakukan sesuatu yang menghina kami".

Dr. Mahathir juga telah memberikan tamparan yang paling hebat kepada media Australia yang bersikap anti-Melayu dan anti-Malaysia apabila beliau mendapat persetujuan kerajaan Australia mengisytiharkan pengasingannya daripada pendapat-pendapat media Australia.

Dr. Mahathir menjadikan ini sebagai syarat untuk pemulihan hubungan antara Australia dan Malaysia. Perdana Menteri Australia, Bob Hawke membuat kenyataan kepada Parlimen Australia pada 6 November 1991 bahawa "kami bersetuju terdapat masa apabila kerajaan perlu menyingkirkan dirinya daripada laporan media yang mengelirukan serta tidak tepat dan kami bersedia untuk melakukannya".

Ketegasan Dr. Mahathir dalam hal ini telah mencetuskan kesedaran baru yang meluas di kalangan media

Australia tentang masa depan ekonomi Australia sebenarnya berada di Asia dan bukannya di Eropah atau di Amerika dan menyebabkan mereka mulai belajar untuk menjaga perasaan orang Asia.

Dr. Mahathir seperti mempunyai suatu misi yang mesti disempurnakan bagi mewujudkan peranan media massa yang bertanggungjawab di dalam dan di luar negara. Walaupun beliau menerima hakikat bahawa akhbar dan televisyen boleh mempengaruhi dan membentuk pemikiran ramai tetapi beliau tidak percaya mereka sebagai suara mutlak rakyat kerana media tidak dipilih oleh rakyat.

Beliau sering bertanya kepada para pengarang akhbar, "Siapakah yang memilih tuan-tuan untuk bercakap bagi pihak ramai?"

Beliau tidak putus-putus mempersoalkan peranan media massa yang tidak mepedulikan tanggungjawab awam dan kerajaan yang dipilih oleh rakyat di dalam dan di luar negara sejak awal menjadi Perdana Menteri sehingga sekarang.

Ucapan-ucapannya yang terakhir tentang peranan media menunjukkan sikap dan pemikirannya yang tidak berubah dan konsisten terhadap penyalahgunaan kuasa oleh pihak media dan tentang perlu diwujudkan suatu Orde Baru Komunikasi yang boleh menyelamatkan dunia daripada media imperialisme.

Dalam ucapannya di Perhimpunan Agung ke-48 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 4 Oktober 1993, Dr. Mahathir berkata, "Tidak silap lagi, orang yang menguasai media, menguasai fikiran kita dan mungkin menguasai dunia. Presiden-presiden boleh naik dan dijatuhkan oleh mereka. Mereka telah pun berbuat demikian.

"Negara-negara boleh disisih atau diterima, meskipun

melanggar hak asasi manusia, semuanya bergantung kepada cara media mempersembahkannya."

Beliau juga bertanya siapakah yang mengawal media dunia yang berkuasa ini?

"Bukan kerajaan-kerajaan nasional negara membangun yang kecil. Bukan juga kerajaan negara yang berkuasa. Hanya sebahagian kecil manusia di Barat menguasai semua media antarabangsa.

"Ada di antara mereka merupakan wartawan tetapi selebihnya bukan wartawan. Secara kolektif mereka ialah Abang-abang Besar (*Big Brothers*).

"Sekarang mereka mempunyai senjata yang lebih berkesan dalam bentuk rangkaian televisyen ke seluruh dunia. Hari ini mereka menyiarkan berita berpihak. Esok mereka akan menyiarkan cerita lucah untuk merosakkan anak kita dan memusnahkan kebudayaan kita. Mereka sudah pun melakukan ini di Eropah.

"Hari ini kita masih dapat mengawal penerimaan siaran-siaran itu. Hari semakin pesat beredar dan kita hampir mencapai satu tahap di mana hanya satu penyidai baju diperlukan untuk menerima siaran televisyen dari seluruh dunia. Kita tidak mempunyai tempat untuk bersembunyi.

"Telah berlaku negara-negara kecil dituduh tidak demokratik dan mengehadkan kebebasan akhbar tetapi kita syak ia dibuat atas sebab mereka memonopoli media dunia dan mereka akan mendapat keuntungan besar daripada kebebasan yang mereka tuntutan daripada setiap negara.

"Malaysia percaya kepada kebebasan akhbar. Tetapi kebebasan itu, sebagaimana juga kebebasan dan hak-hak lain, mesti seiring dengan tanggungjawab.

"Kami akan terus mengharapakan media Malaysia ber-

tanggungjawab tetapi kami tidak akan mengetepikan perlunya penguatkuasaan tanggungjawab ini. Tetapi kepada akhbar antarabangsa, kita hanya boleh berharap dan berdoa bahawa mereka menyedari kerosakan yang mereka lakukan.

"Kita tidak akan campur tangan. Mereka bebas untuk melapor dan menulis seberapa banyak pembohongan, tetapi kita berharap sekali-sekala mereka juga menyiarkan kebenaran. Kuasa korup tetapi kuasa tanpa tanggungjawab ialah pengaruh yang paling korup," katanya.

Dr. Mahathir tidak membiarkan usaha kuasa asing untuk meluaskan pengaruh dan kepentingan mereka dalam bidang ekonomi dan sosial menerusi penguasaan media Asia berlalu begitu sahaja.

Apabila seorang gergasi media Barat, Rupert Murdoch mengambil alih 63.6 peratus kepentingan dalam Hutch Vision, syarikat induk STAR TV yang menguasai penyiaran wilayah Asia daripada seorang jutawan Hong Kong, Li Ka-shing pada bulan Ogos 1993, Dr. Mahathir telah menarik perhatian negara-negara Asia bahawa "tindakan itu bermatlamat untuk membangkitkan pergeseran dan ketidakstabilan di Asia supaya tanpa kestabilan membolehkan mereka bersaing dengan kita".

Dr. Mahathir bertanya, "Kenapa Rupert Murdoch membeli 64 peratus kepentingan STAR TV dengan harga AS\$500 juta? Kenapa dia membayar harga yang begitu tinggi bagi suatu rangkaian yang tidak pernah menunjukkan keuntungan? Jika tidak untuk mengawal berita yang akan kita terima, maka untuk apa? Kenyataan ini membangkitkan reaksi di Thailand, Singapura malah di India.

Di Thailand, Presiden Kumpulan Pengurus Penerbitan Thailand, Sondhi Limthongkul bertanya, "Jika seorang

yang mahu membeli The New York Times dan namanya Li Ka-shing, bagaimanakah reaksi orang Amerika?"

Di New Delhi, kerajaan India serta-merta mencadangkan undang-undang untuk menyekat siaran televisyen Barat kerana rancangan itu dianggap akan mengancam kebudayaan negara.

Dunia Barat memang menyedari kegigihan Dr. Mahathir menyerang mereka dari semasa ke semasa dan menolak nilai kebebasan dan stail demokrasi Barat yang cuba dipaksakan ke atas Asia.

Ini jelas daripada rujukan terhadap Dr. Mahathir yang dibuat oleh majalah-majalah dan juga akhbar-akhbar asing dari semasa ke semasa. Umpamanya *International Herald Tribune* keluaran 4 Ogos 1993 dalam menyiarkan kontroversi kecaman Dr. Mahathir terhadap pengambilalihan Star TV oleh Murdoch telah menyebut Dr. Mahathir sebagai seorang Perdana Menteri yang sering mengkritik media Barat sejak 12 tahun menjadi Perdana Menteri.

Konsistensinya dalam hal ini jelas kepada semua pihak yang mengikuti ucapannya mengenai media asing dari Kuala Lumpur ke Hong Kong, London dan seterusnya ke New York dari semasa ke semasa.

Dalam satu ucapannya kepada ahli-ahli akademik British di Trinity College Oxford pada 19 April 1985 iaitu lebih tujuh tahun sebelum beliau berucap mengecam peranan media Barat di Bangsa-Bangsa Bersatu, Dr. Mahathir telah pun bertanya kenapakah Dunia Ketiga semestinya diadili sepanjang masa mengikut penilaian Barat yang selalu merasakan diri mereka dan media mereka sebagai benar? Kenapakah hanya keangkuhan dan kejahilan membawa begitu banyak kekacauan kepada Dunia Ketiga?

"Adakah kebebasan akhbar, suatu nilai yang saya telah diajar untuk memeliharanya, tidak lebih hanya merupakan hak bagi segelintir pengarang dan beberapa orang pemiliknya untuk menapis dan memutuskan apa yang seharusnya kita baca, dengar dan lihat?" tanya beliau.

Apa yang disuarakan oleh Dr. Mahathir di PBB New York pada tahun 1993 merupakan ulangan dan penegasan pendiriannya terhadap media yang telah disuarakan di Trinity College Oxford dan juga di majlis makan malam Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJ) pada 15 Jun 1990. Di majlis NUI itu, Dr. Mahathir memberikan tafsirannya terhadap kebebasan akhbar. Katanya, "Bebas bukan bermakna hanya untuk mengkritik dan mengancam kerajaan tetapi juga bebas untuk menyokong kerajaan.

"Ada pendapat bahawa jika akhbar menyokong kerajaan, itu tanda bahawa akhbar tidak bebas.

"Sebaliknya jika akhbar itu menentang kerajaan, ia dianggap sebagai bebas walaupun ia menentang kerana takut kepada pihak di luar kerajaan atau takut tidak popular dan akhbarinya tidak laris dijual. Sebenarnya akhbar seperti ini juga tidak bebas."

Beliau menjelaskan bahawa di negara-negara demokratik Barat terdapat akhbar-akhbar yang prokerajaan dan akhbar-akhbar yang antikerajaan. Umpamanya di United Kingdom, ada yang pro-Buruh dan ada yang pro-Konservatif.

"Apabila parti Konservatif menjadi kerajaan di United Kingdom walaupun terdapat akhbar-akhbar yang pro-Konservatif tetapi tidak ada tuduhan bahawa tidak ada kebebasan akhbar atau tidak ada *press freedom*.

"Di Malaysia terdapat banyak akhbar yang anti-ke-



rajaan. Berita-berita yang dibuat oleh akhbar-akhbar yang antikerajaan amatlah buruk dan merupakan sindiran.

"Akhbar-akhbar ini juga melaporkan pembbohongan secara lantang, tetapi akhbar-akhbar ini masih kekal. Adanya akhbar-akhbar seperti ini di Malaysia pun tidak menghalang orang tertentu menuduh akhbar-akhbar di Malaysia tidak bebas.

"Pendek kata jika negara Barat, apa pun mereka buat tidak salah tetapi jika Malaysia dan negara-negara membangun yang lain buat perkara yang sama, bagi mereka adalah salah.

"Pemberita-pemberita dan pihak-pihak asing cuma membaca beberapa akhbar Inggeris yang menyokong kerajaan dan mendakwa bahawa tidak ada kebebasan akhbar di Malaysia. Pihak-pihak tertentu di Malaysia pun menyahut benar, memang tidak ada kebebasan akhbar di Malaysia.

"Sekali lagi *colonial mentality* jelas kelihatan. Mereka cuma menjadi *echo* atau menjadi burung tiung yang pandai berkata-kata tetapi tidak mampu melahirkan fikiran sendiri. Mereka ini sanggup menerima apa sahaja yang diperkatakan oleh orang asing. Apabila orang asing menafikan sesuatu, mereka pun juga turut sama menafikannya. Tidakkah mereka ini mempunyai maruah?" tanya beliau.

Dr. Mahathir juga menunjukkan bahawa "akhbar-akhbar di Malaysia memberikan siaran besar-besaran terhadap kenyataan pemimpin-pemimpin negara maju yang melawat Malaysia tetapi akhbar-akhbar di New York merasakan tidak *fit to print* ucapan saya yang mendedahkan kesalahan yang dilakukan oleh negara-negara maju dan penindasan mereka terhadap negara-negara membangun."

Beliau menyatakan bahawa sikap media asing ini jelas setiap kali beliau melawat New York dan berucap di Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Siapakah yang mengamalkan kebebasan akhbar, mereka atau kita?" tanya beliau.

Bagi Dr. Mahathir, hakikat yang sebenarnya ialah kebebasan akhbar tidak wujud di mana-mana, baik di negara liberal demokrat atau di negara diktator. Di negara liberal demokrat, berita dan rencana dalam media massa dikuasai oleh orang tertentu yang berkuasa dalam media berkenaan.

"Mungkin orang ini ialah tuan punya atau pengarang atau syarikat-syarikat yang membeli ruangan iklan. Yang penting ialah mereka boleh menapis atau sensor kebenaran dan membuat laporan yang mereka suka," katanya.

Dr. Mahathir melihat media sebagai suatu industri maklumat yang matlamat utamanya adalah untuk mencari wang atas nama kebebasan dan kepentingan awam. Jika industri ini tidak terkawal, ia akan lebih berpengaruh dan lebih berkuasa daripada sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat untuk memperjuangkan kepentingan sesuatu golongan atau sentimen para pengarang sendiri.

Pandangan Dr. Mahathir ini sebenarnya telah menjadi realiti di negara-negara Barat di mana banyak pihak mulai menyedari hakikat media menguasai kerajaan dan di belakang media berdiri *Press Barons* yang tidak semestinya terdiri daripada rakyat sendiri. Di Britain, kebanyakan pemilik akhbar ialah *absentee ownership* daripada orang asing.

Zaman para wartawan menguasai akhbar dan menjadi hero kepada masyarakat telah berlalu sebaliknya peluang atau cabaran yang terbuka ialah sama ada ke-

rajaan menguasai media atau media menguasai kerajaan.

Anthony Sampson, penulis British yang terkemuka di dalam bukunya *The Essential Anatomy of Britain, Democracy In Crisis* telah membuat konklusi bahawa sejak sepuluh tahun lalu pemilik-pemilik akhbar telah menghubungkan media dengan kepentingan dunia kewangan.

"Pemilik-pemilik baru itu termasuk Murdoch, Maxwell, Black dan Rowland melihat akhbar-akhbar British sebagai sokongan kepada empayar mereka di dunia," katanya.

Beliau melihat akhbar-akhbar "tidak lagi berupaya menjadi sebagai pengawas yang akan menyalak terhadap penyalahgunaan kuasa".

Menurut Sampson lagi, "Wartawan-wartawan telah menjadi kurang *bohemian* dan lebih *conformist*, memakai suit hitam, kurang minum dan berhadapan dengan skrin komputer manakala pengarang menerima darjah kebesaran (*knighthood*)."

Seterusnya Sampson berkata, "Kekayaan telah menetapkan harga. Kebanyakan akhbar lebih konservatif daripada pembaca atau wartawan (separuh daripada wartawan *Telegraf* adalah anti-Konservatif).

"Keadaan prasangka dan kelantangan propaganda mereka pada April 1992 (dalam pilihan raya Britain) menghairankan para pemerhati asing.

"Anthony Lewis menulis dalam *The New York Times*, "Ia adalah satu kewartawanan yang jarang diketahui di Amerika Syarikat. Terlalu janggal, berat sebelah dan yang teruknya mereka memperjuangkan parti tanpa rasa malu".

"Apabila Neil Kinnock menyalahkan akhbar Tory (Konservatif) atas kekalahannya, akhbar *The Sun* menempelak bahawa tuduhan itu 'tiada satu pun yang benar'.

tetapi selepas pilihan raya, akhbar ini mendabik dada AKHBAR SUN YANG TELAH MENANG.

"Major pula begitu pantas mengucapkan terima kasih kepada editor-editor *The Daily Mail* dan *Daily Express* – dua penyokong kuat Konservatif atas sokongan mereka.

"Hubungan antara akhbar dan syarikat perniagaan besar mempunyai kesan jangka panjang. Ini kerana para wartawan dipaksa melapor atau mengkritik keuntungan yang besar oleh tekanan daripada pemilik syarikat, para pengiklan dan golongan perhubungan awam yang membentuk agenda perniagaan.

"Para pemilik syarikat tentunya tidak suka fungsi wartawan yang bersifat kritikal dan suka menyiasat. Tetapi akhbar adalah penting bagi perniagaan dan pengambilalihan serta penggabungan yang menyediakan asas kekuatan bagi golongan perhubungan awam untuk melonjak saham-saham melalui persahabatan mereka dengan para wartawan."

Pandangan Sampson ini menepati pandangan yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir dalam majlis makan malam NUJ pada tahun 1990 bahawa "bukan sahaja kerajaan yang boleh menjejaskan kebebasan akhbar, pemilik, pengarah, pengarang, kepentingan kewangan, dorongan populariti, semua ini boleh menjejaskan kebebasan akhbar".

Perihal wartawan-wartawan yang menyalahgunakan kuasa paling jelas sekali berlaku dalam sebuah akhbar nasional paling berpengaruh di Malaya, *Utusan Melayu* apabila para wartawannya menolak kerajaan Perikatan pimpinan Tunku Abdul Rahman yang pro-British dan prokapitalis sekalipun kerajaan itu yang didukung oleh tiga buah parti politik terbesar di Malaya; UMNO, MCA dan MIC telah dipilih oleh rakyat menerusi proses pi-

lihan raya nasional yang demokratik untuk mengambil alih pemerintahan Malaya dari British.

Akhbar ini menganggap kemerdekaan Malaya pada 31 Ogos 1957 sebagai kosong dan Tunku Abdul Rahman sebagai alat kuasa Barat.

Para wartawan *Utusan Melayu* yang menganggap diri mereka sebagai nasionalis tulen telah membawa akhbar mereka lebih mendekati golongan nasionalis radikal yang berada dalam gerakan Islam atau sosialis.

Sekalipun mereka mendakwa menjalankan dasar yang bebas tetapi ternyata daripada penyiaran berita, rencana, pokok dan rencana pengarang, *Utusan Melayu* dari sejak awal kemerdekaan sehingga diambil alih oleh UMNO pada tahun 1961 bersifat antikerajaan Perikatan dan di samping itu memberikan peluang yang luas kepada penulis-penulis yang kritikal terhadap kerajaan malah ada pemimpin parti pembangkang yang diberikan tempat sebagai penulis tetapnya.

Dasar *Utusan Melayu* pada masa itu menjadi lebih mudah untuk dihakimi oleh rakyat dan generasi akan datang berdasarkan kepada tulisan ketua pengarangnya yang paling berwibawa pada masa itu, Said Zahari di dalam *Di Sebalik Jendela Utusan Melayu*.

Antara lain Said menulis:

*Pada suatu hari dalam bulan Julai 1961, Ibrahim Fikri<sup>6</sup> masuk ke pejabat saya untuk menyerahkan sekeping kertas yang mengandungi dasar empat perkara.*

*Dengan suara yang agak menggeletar, Ibrahim Fikri yang sudah ditunjuk oleh Lembaga Pengarah*

6. Menteri Besar Terengganu dari tahun 1961-1970.

menjadi Pengurus Umum dan Ketua Pengarang Utusan Melayu berkata kepada saya, "Cik Said, saya ni bukannya seorang wartawan, tetapi terpaksa menerima jawatan yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah.

"Kata-kata itu sungguh aneh dan melucukan. Ibrahim Fikri, seorang tokoh UMNO yang terkemuka dan berpotensi menjadi menteri kerajaan dan mungkin juga kerajaan Perikatan, yang mengakui dirinya bukan seorang wartawan boleh dipaksa memikul tanggungjawab sepenting itu?

"Sebenarnya Ibrahim Fikri bukannya dipaksa atau terpaksa, tetapi ditunjuk berdiri di barisan depan untuk memerangi pekerja Utusan Melayu. Di belakangnya berdiri, bukannya Lembaga Pengarah atau majikan Utusan, tetapi kerajaan Perikatan yang diketuai oleh Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman dan di belakang Tunku berdiri pula kuasa-kuasa penjajah dan golongan reaksioner yang mempunyai tujuan-tujuan tersendiri.

"Cabaran Ibrahim Fikri yang juga merupakan cabaran daripada beberapa kerat individu dalam UMNO dan kerajaan Perikatan serta kuasa-kuasa penjajah yang berdiri di belakang mereka telah disambut dengan beraninya oleh pekerja-pekerja Utusan Melayu demi kepentingan kebebasan persuratkhabaran dan demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat seluruhnya."

Tetapi siapakah yang lebih berhak untuk mendakwa mewakili rakyat seluruhnya, Tunku Abdul Rahman atau Utusan Melayu? Dan seperti pertanyaan yang paling popular daripada Dr. Mahathir, siapakah yang memilih

lihan  
alih

235

khbar untuk bercakap bagi pihak me-  
ing memilih Said Zahari untuk menolak  
aan UMNO?

terbawa oleh arus sentimen sendiri,

Utusan Melayu telah menyokong gerakan antikerajaan Perikatan dalam barisan yang bersifat anti-Barat, pro-sosialisme dan pergerakan Afro Asia yang bersekong-kong dengan blok komunis; Soviet Union dan China.

Pemberian beribu ekar tanah oleh kerajaan Perikatan kepada rakyat yang tidak bertanah menerusi rancangan-rancangan kemajuan tanah tidak begitu diendahkan oleh Utusan Melayu sebaliknya Utusan Melayu menggemparkan negara dengan berita-berita pembukaan tanah haram yang diketuai oleh samseng-samseng kampung. Utusan Melayu menjadikan mereka ini sebagai hero kepada rakyat yang kelaparan tanah.

Hero-hero ini kemudiannya diketahui telah mengutip wang daripada orang miskin yang tidak bertanah dan memberikan tanah haram kepada mereka dan apabila kerajaan bertindak untuk merampas kembali tanah, mereka dijadikan sebagai benteng oleh samseng-samseng kampung itu.

Pada satu peringkat, Utusan Melayu telah menukar akhbar mingguan *Utusan Pelajarnya* kepada *Utusan Pemuda* dan menjadikannya medan penulisan para pemimpin sosialis termasuk mereka yang dikenali sebagai pemimpin-pemimpin komunis yang aktif di Singapura pada tahun 50-an.

Menyedari hakikat bahawa Utusan Melayu menjalankan dasar anti-UMNO, sebahagian besar orang Melayu yang memegang saham syarikat ini dan menyokong UMNO telah memulaukan Utusan Melayu sehingga kantong Utusan Melayu menjadi hampir kering dan meng-

hadapi masalah untuk membayar gaji para pekerjanya.

UMNO akhirnya terpaksa mengambil tindakan tegas untuk menyelamatkan Utusan Melayu atas alasan bahawa sebahagian besar pemegang saham Utusan Melayu terdiri daripada penyokong-penyokong UMNO.

Berikutan dengan pengambilalihan oleh UMNO itu, pagedaran akhbar *Utusan Melayu* telah dapat dipulihkan dan Utusan Melayu (M) Bhd telah dapat mengembangkan perniagaannya dengan lebih luas lagi, menerbitkan beberapa buah majalah dan sebuah lagi akhbar mingguan dan harian dalam tulisan rumi iaitu *Mingguan Malaysia* dan *Utusan Malaysia* yang pasarannya meningkat jauh mengatasi *Utusan Melayu* sendiri.

Ini merupakan perkembangan awal yang menunjukkan bahawa *survival* media berpengaruh dalam dunia pasaran bebas ditentukan oleh dua kuasa; kerajaan ataupun gergasi perniagaan. Jika kerajaan tidak cekap maka besar kemungkinan *Press Barons* akan menguasai kerajaan dan menentukan jatuh bangun sesebuah kerajaan.

Kerajaan Singapura yang dipimpin oleh Lee Kuan Yew telah melihat bahaya ini lebih awal dan meletakkan semua akhbar dalam pelbagai bahasa di Singapura di bawah Singapura Press Holding dengan bekas Pengarah Cawangan Khas Singapura (*Special Branch*) S. R. Nathan sebagai pengerusinya dan kemudian diganti oleh bekas Menteri Kewangan Singapura, Lim Kim San.

Wartawan-wartawan menjadi setaraf dengan pekerja mahir atau para profesional lainnya yang berada di dalam institusi-institusi atau industri-industri yang penting. Mereka menjadi *conformist* kepada kuasa kerajaan atau kuasa korporat.

Sememangnya ada kebenaran peringatan yang diberikan oleh Dr. Mahathir bahawa "tidak sahaja kerajaan



lihan  
alihNIKASI  
235

man jika

an kebebasan akhbar, tetapi pemilik, gan kewangan dan dorongan po- oleh menjejaskan kebebasan akhbar". apun kenyataan ini akan lebih benar suatu kebenaran abadi sepanjang za- athir langsung mengatakan "kerajaan, pemilik, pengarang, kepentingan kewangan dan dorong- an populariti, semua ini boleh menjejaskan kebebasan akhbar".

DR. MAHATHIR membentuk suatu pasukan barunya, membekalkan mereka dengan agendanya, inspirasinya, identitinya dan rhetoricnya yang merangsangkan mereka bekerja keras untuk menjadikan mimpi-mimpinya sebagai realiti yang memberikan kesan besar dalam pemikiran dan sikap rakyat dalam jangka masa tidak sampai sepuluh tahun.

Dr. Mahathir tidak mungkin dapat mencapai kejayaan yang begitu pantas dan besar dalam masa sesingkat itu sekiranya beliau terpaksa bekerja dalam satu pasukan yang merasakan diri masing-masing lebih bijak dan lebih banyak menimbulkan masalah kepentingan politik dan persaingan dalam parti.



# 11 Di Sebalik Tabir

**P**erdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew yang pernah menyifatkan Dr. Mahathir sebagai *Malay ultra* tentulah tidak menduga bahawa Dr. Mahathir akan muncul sebagai juara penentang pemikiran tradisi Melayu dan pemimpin Melayu yang paling gigih dalam mengorientasikan orang Melayu untuk menjadi Melayu Baru yang berkeupayaan mengadaptasikan diri dengan nilai-nilai positif antarabangsa yang telah menjayakan kebangkitan lain-lain bangsa di Eropah dan di Asia.

Sekalipun lebih 20 tahun lalu, Dr. Mahathir adalah di antara pemimpin UMNO yang paling nyaring menentang kepercayaan Lee Kuan Yew bahawa orang Melayu tidak sepatutnya dibantu untuk maju sebaliknya mesti bersaing dengan lain-lain kaum, tetapi sekarang Lee Kuan Yew melihat bahawa Dr. Mahathir mempunyai titik pertemuan dengannya dalam soal ini malah universalismenya lebih terserlah daripada lain-lain pemimpin Malaysia terdahulu.

Dr. Mahathir tidak percaya kepada dasar memperlahankan perjalanan orang lain supaya orang Melayu boleh mengejanya. Dr. Mahathir bukan sahaja mendesak orang Melayu bersaing dalam negara, malah membawa

adapan dengan cabaran ekonomi antarabangsa. **Berita** — berikan galakan, kepercayaan dan sanjungan yang tinggi kepada anak-anak Melayu yang menunjukkan bakat dan keupayaan dalam penerokaan ini.

Apa pun dikatakan orang tentang 'kerakusan' bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin tetapi Dr. Mahathir melihatnya sebagai seorang anak Melayu yang mempunyai sifat, kualiti dan potensi yang diperlukan oleh orang Melayu untuk membina maruah diri dan mempunyai kekuatan untuk membantu kaumnya mencapai kemajuan.

Baginya, Daim ialah seorang yang pintar, cerdik dan cekap, perancang yang baik, strategis yang berani dan pelaksana paling berkesan dan pantas.

Daim dapat mengenali bakat dan tenaga kerja yang boleh digunakannya secara efektif di pelbagai lapangan bagi mencapai matlamat secara profesional atau secara agresif.

Jika Presiden Sukarno mempunyai keyakinan bahawa jika diberikan kepadanya 10 orang pemuda, beliau akan dapat menggoncangkan dunia, maka mungkin kepada Dr. Mahathir, diberikan 10 orang Daim, Melayu akan dapat menawan dunia.

Konsep Melayu Baru Dr. Mahathir sebenarnya adalah untuk melahirkan lebih ramai orang Melayu yang bersifat seperti Daim. Maka itu, apapun dikatakan orang tentang Daim, Dr. Mahathirlah sebagai Perdana Menteri dan sebagai Presiden UMNO yang lebih mengetahui mengenai Menteri Kewangannya dan bendahari UMNOnya. Beberapa kelemahan Daim tidak dapat menutup mata Dr. Mahathir terhadap kepintarannya, kekuatannya dan sumbangannya yang lebih besar untuk memperteguhkan kantong UMNO, Melayu dan negara.

Dr. Mahathir lebih mengutamakan apa yang boleh disumbangkan oleh seseorang bagi melaksanakan tanggungjawab yang diberikannya daripada menentukan siapakah orangnya.

Diberikannya kepada Daim jawatan Menteri Kewangan, beliau mengeluarkan negara daripada sistem kewangan lapuk dan mengemukakan strategi kewangan yang dinamik dan meransang kecepatan pertumbuhan ekonomi, mengurangkan bebanan hutang luar, meningkatkan simpanan negara dan memperteguhkan kedudukan ekonomi negara dalam masa yang singkat.

Di samping itu, sesuai dengan hasrat Dr. Mahathir, Daim melahirkan beberapa orang jutawan Melayu yang berkelayakan dan berkebolehan yang menjadi *catalyst* kepada penetasan lebih ramai orang Melayu dalam dunia perniagaan dan perusahaan.

Semasa Daim juga, Pasaran Saham Malaysia dibebaskan daripada kongkongan Singapura dan aliran rakyat Malaysia membeli-belah ke Singapura bertukar dengan rakyat Singapura membeli-belah, mengisi minyak kereta dan berjamu selera di Malaysia. Johor Baharu mengutip wang rakyat Singapura berjuta ringgit setiap hari.

Kedai-kedai bebas cukai dibuka di sempadan Malaysia - Thailand yang menarik pelancong dan pembeli dari Thailand ke bandar-bandar sempadan Malaysia dan aliran penyeludupan yang sebelumnya banyak berlaku dari Thailand ke Malaysia bertukar dari Malaysia ke Thailand.

Masyarakat Singapura tidak lagi melihat masyarakat tradisi di Malaysia sebagai orang yang boleh dicucuk hidung mereka.

Apabila Dr. Mahathir memberikan tanggungjawab memajukan Langkawi kepada Daim, ditukarkannya pulau sumpahan Mahsuri itu kepada pulau 'rastuan' berjuta pe-

long dari dalam dan luar negara, diberikan Labuan di tengah lautan, Labuan menjadi tarikan pelaburan kewangan.

Kemerosotan ekonomi negara pada awal 80-an telah memberikan kesempatan yang cukup besar kepada Dr. Mahathir untuk memisahkan generasi baru Melayu daripada pemikiran tradisi yang selama ini menjadi halangan besar kepada penyertaan orang Melayu dalam lapangan kehidupan yang mencabar.

Beliau mengambil kesempatan itu untuk menyedarkan anak-anak Melayu keluaran universiti dalam dan luar negara bahawa mereka tidak lagi dapat melihat kerajaan sebagai tempat pergantungan tetapi masa depan mereka terletak kepada keupayaan dan kesanggupan untuk berdiri di atas kaki sendiri.

Sekalipun kerana kepentingan politik pada masa itu, kerajaan terpaksa mengatur program kerja sementara dengan gaji rendah bagi menampung siswazah-siswazah Melayu tetapi ramai antara mereka yang menyambut seruan kerajaan dengan menjadi peniaga kecil, penjaja di pasar-pasar malam malah ada yang menjadi pemandu teksi di ibu negara.

Sementara itu, sebilangan besar pelajar yang telah menamatkan pengajian di luar negara, tidak pulang ke tanah air sebaliknya bekerja untuk mencari pengalaman dalam pelbagai bidang di luar negara.

Keadaan ini telah mengubah sikap dan pandangan tradisi bahawa kemuliaan dan maruah ijazah hanya apabila berada dalam kerajaan sebaliknya ramai yang sertamerta tersandar pada kenyataan bahawa peluang lebih besar berada di luar kerajaan dan wang lebih banyak dapat dikutip setiap hari di tepi-tepi jalan, di gerai-gerai, di pasar-pasar atau di atas kaki sendiri daripada menunggu gaji daripada kerajaan setiap bulan.

Sekalipun rakyat biasa Melayu yang berhijrah ke bandar-bandar selepas peristiwa 13 Mei 1969 telah menyedari hakikat ini lebih awal tetapi inilah pertama kalinya kesedaran yang sama berlaku secara meluas di kalangan terpelajar Melayu dan terus menjalar, merebak dan membina suatu kepercayaan diri yang baru di kalangan generasi baru Melayu dan buktinya semakin jelas dapat dilihat sekarang ini.

Dr. Mahathir telah berjaya menggunakan kegentingan ekonomi bagi memecahkan pemikiran tradisi dan menetuskan suatu revolusi sosial di kalangan terpelajar Melayu dan generasi baru Melayu.

Pada akhir 80-an dan awal 90-an, sebahagian besar anak Melayu yang sedang belajar dan yang telah pun berijazah dari dalam dan luar negara tidak lagi melihat kerajaan sebagai matlamat hidup mereka sebaliknya telah bersedia untuk memasuki bidang kerja yang lebih mencabar, sama ada bekerja sendiri atau menyertai bidang profesional dan swasta.

Perkembangan ini merupakan *supplement* kepada kebangkitan orang Melayu di bandar yang terdiri daripada golongan penghijrah kampung selepas peristiwa 13 Mei 1969 tetapi kali ini terdiri daripada mereka yang berilmu dan dengan pengalaman akan dapat bergerak dengan lebih teratur dan lebih licin.

Sekiranya dituruti kehendak Lee Kuan Yew supaya orang Melayu tidak diberikan *advantage* sebaliknya mesti terus bersaing dengan bukan Melayu terutama dengan orang Cina sejak awal kemerdekaan negara, maka orang Melayu yang sudah ketinggalan jauh di belakang terutama dalam bidang pelajaran dan perniagaan, tidak mungkin akan berada pada keadaan sekarang, malah masih dengan identiti sebagai nelayan, petani dan pe-



kerja kampung yang miskin.

Hak Istimewa Orang Melayu yang dilaksanakan secara radikal sejak Tun Abdul Razak mengambil alih pimpinan negara tanpa mempedulikan konsep Malaysian Malaysia dan angin perubahan yang ditiupkan dari seberang tambak Johor pada akhirnya telah berjaya mempercepatkan pengeluaran suatu barisan profesional Melayu yang bersedia memasuki pasaran moden.

Barisan ini sekarang berada dalam kerajaan dan di luar kerajaan, dalam politik dan di luar politik. Mereka dapat memberikan bantuan yang besar kepada Dr. Mahathir bagi mempercepatkan pembangunan ekuiti Melayu dan bagi transformasi struktur negara. Mereka memberikan keyakinan baru kepada Dr. Mahathir untuk menanam semangat supaya orang Melayu menyertai persaingan dan tidak lagi mengharapkan bantuan.

Dr. Mahathir tidak menghadapi kesulitan mencari anak Melayu untuk mengisi tugas-tugas utama dalam jurusan tertentu terutama dalam bidang profesional seperti yang dialami oleh Tun Abdul Razak.

Kemaraan orang Melayu dalam dunia ekonomi tersejarah semasa Dr. Mahathir. Ruangan ekonomi dan perniagaan di akhbar-akhbar nasional Malaysia; Melayu, Inggeris dan Cina tidak lagi dipenuhi dengan kegiatan ekonomi golongan bukan Melayu malah lebih banyak dengan berita dan gambar tokoh-tokoh syarikat dan korporat gergasi Melayu di dalam dan juga di dunia antarabangsa. Yang lebih menarik ialah terdapat syarikat-syarikat Melayu yang mengambil alih syarikat orang Cina.

Suasana yang meyakinkan ini memudahkan Dr. Mahathir mempercepatkan kerja-kerja pembangunan negara yang tidak sahaja memperteguhkan lagi keharmonian hu-

bungan kaum dan menyumbang ke arah memantapkan kestabilan negara malah pada tahun 1993, Malaysia telah keluar sebagai dua buah negara di Asia yang mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang tertinggi di dunia selain dari China.<sup>1</sup>

Keteguhan dan kestabilan Malaysia secara langsung mengurangkan kebimbangan negara-negara jirannya terutama Singapura tentang kemungkinan penguasaan golongan pelampau Melayu dan Islam di Malaysia.

Ketakutan Singapura itu akan menjadi kenyataan jika pertumbuhan ekonomi Malaysia berlaku tanpa penyertaan bumiputera. Mereka yang berada dalam kemiskinan dan kehinaan akan mudah menjadi *racist, chauvinist* dan *extremist*. Mereka akan hanya melihat *militancy* sebagai penyelesaian kepada semua masalah mereka.

Tentunya jika keadaan ini wujud, Malaysia akan melihat Singapura yang dikuasai oleh orang Cina sebagai ancaman terdekat yang paling merbahaya dan kedua negara akan bergelut dengan mempersiapkan pertahanan yang lebih besar daripada menumpukan kepada pembangunan pelajaran dan tenaga manusia.

Maka itu siapakah yang sebenarnya *ultra* dalam pemikiran tahun 60-an hanya dapat dihakimi dengan adil oleh realiti sejarah yang sedang berkembang sekarang. Bagi Dr. Mahathir, beliau tidak pernah melihat dirinya sebagai *ultra*.

Katanya,<sup>2</sup> "Ini ialah satu lebel yang telah ditampalkan kepada saya. Maka kerana ada lebel atau cap ini, apa yang saya kata dan buat, sekalipun benar atau tidak

1. Pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 1993 ialah 8.5% dan China 11%.

2. Temubual khas dengan penulis dalam *Utusan Malaysia*, 9 September, 1974.

maka dianggap sebagai pelampau.

"Sepanjang ingatan saya, apa yang pernah saya katakan berasas kepada kebenaran, saya memperkatakan sesuatu yang benar dan dibantu oleh fakta.

"Orang yang meletakkan lebel itu pada saya bertujuan untuk menggagalkan sebarang usaha saya, maka apa yang saya buat semuanya melampau walaupun sebenarnya tidak melampau."

Pertikaman lidah pada tahun 60-an antara Dr. Mahathir sebagai anggota Parlimen dan Lee Kuan Yew sebagai Perdana Menteri Singapura yang memperjuangkan Malaysian Malaysia tidak terhakis oleh lipatan sejarah tetapi sikap positif pimpinan kedua negara telah membolehkan pemupukan hubungan yang lebih erat antara Singapura dengan Malaysia semasa Dr. Mahathir.

Lee Kuan Yew dan Dr. Mahathir menjadi kawan rapat dan sering mengadakan pertemuan peribadi apabila mereka berasa perlu untuk berbuat demikian dan pemimpin muda kedua negara juga saling mengadakan pertukaran lawatan untuk membina persefahaman dan mengeratkan lagi hubungan.

Semasa Dr. Mahathir juga, beberapa masalah sensitif antara kedua negara telah dapat diselesaikan dengan cepat dan secara berkesan tanpa dibiarkan menjadi isu berpanjangan yang mengapikan perasaan rakyat kedua negara.

Hubungan antara Malaysia dan Singapura menampilkan persefahaman yang lebih mendalam jika dibandingkan dengan hubungan mereka dengan lain-lain negara dalam ASEAN. Malah kepada dunia antarabangsa, Dr. Mahathir dan Lee Kuan Yew telah dilihat seganding dan sekata dalam menentang kelonggaran demokrasi dan liberal kapitalisme Barat, memerangi media Barat dan me-

nolak cara dan fesyen hidup Barat.

Lee Kuan Yew dan Dr. Mahathir merupakan pemimpin terakhir daripada generasi lama yang telah mendaki tangga ke atas dengan menghadapi pelbagai cabaran getir tetapi Lee Kuan Yew telah mendahului Dr. Mahathir sampai ke puncak kuasa, namun demikian Dr. Mahathir telah dapat mencipta kejayaan yang lebih banyak dalam sebuah negara yang lebih besar dan lebih demokratik dari Singapura walaupun beliau berada di puncak kuasa hanya 20 tahun kemudian daripada Lee Kuan Yew.<sup>3</sup>

Lee Kuan Yew memulakan tugas sebagai Perdana Menteri ketika usia masih muda tetapi Dr. Mahathir mulai memegang jawatan itu pada usia 55 tahun, usia orang mulai bersara.

Ketika imej Lee Kuan Yew mulai menurun, nama Dr. Mahathir meningkat di arena antarabangsa. Sementara Lee Kuan Yew dilihat sebagai pemimpin Singapura yang paling cekap, bijak, berjaya dan disenangi serta dipercayai oleh British dan Amerika. Dr. Mahathir dinilai sebagai Perdana Menteri Malaysia yang terbaik di antara Perdana Menteri sebelumnya dan dilihat sebagai juara dunia ketiga tetapi dipandang dengan prasangka oleh Amerika dan British.

Dr. Mahathir tidak diterima dalam kelab WOG (*Western Oriented Gentlemen*).

Bagaimanapun Dr. Mahathir tidaklah mencari populariti di kalangan negara Barat dan beliau tidak mempunyai *sentimental attachment* kepada United Kingdom kerana beliau tidak pernah terdidik di negara itu seperti Lee

3. Lee Kuan Yew menjadi Perdana Menteri Singapura mulai 5 Jun 1960 hingga 28 November 1990 dan Dr. Mahathir mula menjadi Perdana Menteri pada 17 Julai 1981.

Kuan Yew dan Perdana Menteri Malaysia yang terdahulu daripadanya.

Sekalipun Dr. Mahathir dan Lee Kuan Yew tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang sama tetapi kedua mereka lebih menampakkan banyak persamaan dalam menggerakkan *social engineering* di negara masing-masing dan dalam pendekatan pembangunan ekonomi.

Bagaimanapun oleh kerana sistem politik yang berlainan dari Singapura, Dr. Mahathir yang pada mulanya kelihatan begitu gigih dan bersemangat untuk melaksanakan sebuah kerajaan yang Bersih, Cekap dan Amanah (BCA), akhirnya terpaksa memperlahankan tindakan-tindakannya ke arah itu malah dilihat berkompromi untuk mengekalkan kestabilan politik di Malaysia.

Dr. Mahathir terpaksa mewarisi sistem politik dan sosial yang lebih kompleks dari Singapura yang sejak sebelum merdeka lagi merupakan sebuah bandar raya yang terdedah kepada dunia antarabangsa berbanding dengan Malaysia yang berakar umbi masyarakat kampung yang telah terbentuk dalam segala adat istiadat, pantang larang dan pelbagai kepercayaan tradisi.

'Demokrasi' dalam UMNO dan dalam semua parti komponen Barisan Nasional sendiri menyebabkan Dr. Mahathir terpaksa mengimbangi antara hasrat dan matlamat asalnya dengan tindakannya dan ada ketikanya beliau dilihat menyerah kepada pragmatismenya untuk tidak menggugat kedudukan politiknya dan juga untuk mencapai matlamat.

Jika sekiranya Dr. Mahathir tidak membuktikan kemampuannya terutama daripada segi mencipta keajaiban ekonomi yang meliputi seluruh rakyat di bandar dan di desa maka rakyat terutama orang Melayu sendiri tentu tidak bersikap toleransi terhadap tolak ansurnya kepada

beberapa prinsip asalnya sendiri.

Dr. Mahathir dilihat begitu sensitif terhadap kemungkinan dituduh menyalahgunakan kuasa di peringkat awal menjadi Perdana Menteri sehingga beliau tidak membenarkan para jemputan membawa sebarang hadiah ke majlis perkahwinan anak perempuannya tetapi sepuluh tahun kemudian beliau terdedah kepada kritik tentang penyertaan anak-anaknya dalam dunia perniagaan malah dalam hal ini ada pihak yang menyamakannya dengan Presiden Suharto.

Bagaimanapun oleh kerana berlaku pembahagian pertumbuhan ekonomi yang saksama yang memberi peluang kepada kejayaan ramai anak Melayu dalam dunia perniagaan, perusahaan dan pelbagai bidang lagi, maka kritik itu tidak menjadi isu sensitif, tidak begitu menarik perhatian ramai dan tidak menimbulkan risiko politik kepada Dr. Mahathir.

Bukti betapa kekuatan ekonomi menjadi anasir kepada kestabilan negara, emosi manusia tidak lagi mudah diapikan apabila masing-masing mempunyai saham kemakmuran yang diketahui hanya akan selamat dengan pengekalan keharmonian antara kaum dan kedamaian hidup.

Suasana yang meyakinkan inilah yang mendorong Dr. Mahathir membuat suatu keputusan yang lebih berani pada akhir tahun 1993 dalam soal dasar bahasa kebangsaan apabila beliau (kabinet) membenarkan semula beberapa mata pelajaran Sains, Kejuruteraan dan Perubatan diajar dalam bahasa Inggeris di pusat-pusat pengajian tinggi.

Para cendekiawan Melayu, budayawan Melayu dan juga penulis-penulis terkemuka Melayu menganggap ini sebagai penyimpangan besar daripada sikap politik yang

telah menjadi darah daging sejak beberapa generasi dalam perjuangan nasionalisme Melayu.

Seorang Fellow Kanan ISIS, Rustam Sani dapat membayangkan betapa bahayanya tindakan Dr. Mahathir itu jika orang Melayu masih berada dalam kepincangan dan dalam suasana yang meragukan masa depan mereka.

Dalam tulisannya di *Utusan Malaysia* pada 1 Januari 1994, Rustam berkata, "Di sebalik sentimen keyakinan yang terserlah pada kenyataan Dr. Mahathir itu, bagi saya, terselindung pula sikap mengalah yang amat menyedihkan dalam mempertahankan tekad perjuangan para nasionalis Melayu.

Bagaimanapun katanya, "Mengumumkan keputusan itu dalam suasana keyakinan dan sikap Melayu yang terdapat pada waktu ini sebenarnya tidaklah begitu besar risiko politiknya."

Pragmatisme Dr. Mahathir ialah "kedaulatan bahasa Melayu akan berlaku apabila tertegak kedaulatan ekonomi Melayu", tetapi ramai yang tidak faham tentang pengunduran daripada dasar asas ketika ekonomi Melayu mulai mantap.

Apakah ini membayangkan semakin banyak penyerahan kepada sikap pragmatisme akan berlaku sehingga pada akhirnya mengorbankan matlamat untuk menjadikan Melayu sebagai kelompok teras sebuah bangsa moden dan sebagai sebuah negara yang mempunyai keperibadian sendiri yang menjadi matlamat wawasan 2020?

Bagaimanakah matlamat ini akan dicapai jika sekiranya di peringkat awal pencapaian ekonomi pun sudah berlaku tolak ansur yang begitu besar?

"Di bawah pimpinan yang kurang *enlightened* dan tidak beriltizam dalam institusi-institusi bahasa, budaya

dan pendidikan di negara ini, kemungkinan masalah ini melarat daripada satu tahap yang tidak dijangkakan kepada tahap yang lebih teruk (yang juga tidak dijangkakan) bukanlah sesuatu yang mustahil. Kita akan terus-menerus mengalah atas nama pragmatisme dan keyakinan diri yang palsu," kata Rustam.

Harapan rakyat yang terlalu tinggi kepada Dr. Mahathir yang ada kalanya melampaui batas rasional, realiti politik dan sosial telah dihayati oleh perjuangan asal Dr. Mahathir sendiri yang berciri *antiestablishment* dan mudah mendekati hati nurani rakyat.

Keyakinan rakyat kepadanya semakin tinggi apabila sebaik sahaja menjadi Perdana Menteri, seperti juga Lee Kuan Yew yang membebaskan rakan-rakan dan musuh politiknya,<sup>4</sup> Dr. Mahathir telah membebaskan beramai-ramai tahanan ISA termasuk beberapa orang rakan politiknya. Ini diikuti dengan beberapa lagi tindakan dan ucapannya yang popular.

Dalam keghairahannya menentang rasuah, Dr. Mahathir berkata beliau akan membangkitkan ketakutan kepada tuhan di kalangan mereka yang rasuah dan ini diikuti dengan pemasangan ayat-ayat al-Quran yang mengingatkan dosa melakukan penipuan dan rasuah di pusat-pusat pemeriksaan kastam di seluruh negara.

Bagaimanapun tindakan ini ditarik balik kerana bantahan daripada pihak kastam yang merasakan rasuah hanya difokuskan kepada mereka.

4. Sebelum mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Singapura pada 5 Jun 1959, atas desakan Lee Kuan Yew, kerajaan British telah membebaskan tahanan politik yang disyaki sebagai komunis. Mereka terdiri daripada Lim Chin Siong, Devan Nair, James Putuccheary, S. Woo hull, Fong Swee Suan, Chan Say Jame, Tan Chong Kin dan Chan Chiew Thor.



Dr. Mahathir tidak membenarkan para jemputan membawa sebarang hadiah ke majlis perkahwinan anaknya yang kedua, Melinda dengan Che Wan Mohd Adli di Rumah Malaysia Jalan Ampang, Kuala Lumpur pada 15 Ogos 1982. Larangan itu tertulis pada semua kad jemputan berbunyi, "Jangan bawa sebarang hadiah."

Beliau menghadapi rakyat dalam pilihan raya 1986 dengan slogan Bersih, Cekap, Amanah dan memperkenankan beberapa slogan dan langkah lagi untuk mendisiplinkan rakyat menerusi penerapan nilai-nilai Islam, Kepimpinan Melalui Tauladan, kad perakam waktu dan pemakaian tanda nama bagi pegawai dan kakitangan kerajaan.

Dalam hasratnya untuk menjiwai rakyat ke arah kebersihan negara, Dr. Mahathir telah membuat pemeriksaan mengejut ke tandas-tandas awam untuk memastikan kebersihannya dan melibatkan diri secara langsung dalam memberikan idea untuk penghijauan dan pengindahan seluruh negara.

Beliau telah mengejutkan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dengan memanggil terus mereka menerusi telefon dan memberitahu tentang kekotoran dan kelalaian kerja-kerja mereka untuk memastikan penghijauan, kebersihan dan pengindahan.

Beliau akan memberikan galakan dan sanjungan secara langsung kepada mereka yang telah menunjukkan minat dan dedikasi dalam tanggungjawab yang diberikan. Umpamanya pada bulan Januari 1981, beliau telah menghantar sepucuk surat kepada Ketua Stesen Kereta Api Bedong Kedah, Robert Murthy dan memujinya kerana telah bekerja keras mengindahkan stesennya dengan tanaman pelbagai bunga dan mengeluarkan wangnya sendiri untuk tujuan itu.

"Saya berharap usaha-usaha ini dapat dikekalkan. Sekiranya setiap kita bersungguh-sungguh menjaga kebersihan, negara kita akan menjadi lebih indah lagi," katanya.

Beliau mengambil langkah mencegah pembaziran wang negara dengan memotong gaji Perdana Menteri dan ahli-ahli kabinet, memperkecilkan jumlah kakitangan kerajaan, menghapuskan beberapa kemudahan istimewa mereka, mengurangkan bayaran kerja lebih masa dan pelbagai elaun.

Banyak tindakan beliau di peringkat awalnya sebagai Perdana Menteri merupakan tindakan popular, menambat perasaan ramai dan mencetuskan harapan baru di kalangan rakyat tetapi kakitangan dan pegawai-pegawai kerajaan mulai gelisah dan berada dalam suasana baru yang menekan.

Dr. Mahathir menuntut suatu perkhidmatan yang lebih dedikasi, produktif dan berkualiti daripada seluruh jabatan kerajaan dan badan-badan berkanun. Beliau sendiri menjadikan dirinya sebagai contoh dengan datang ke pejabat jam 8 pagi dan hanya pulang pada jam 6 atau 7 petang. Beliau merintis penggunaan kad perakam waktu dan pemakaian tanda nama.

Stail Dr. Mahathir dirasakan oleh kakitangan kerajaan dan dilihat oleh orang ramai terkeluar daripada tradisi birokratik yang telah diwarisi daripada British dan masih diikuti hampir sepenuhnya oleh Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Hussein Onn.

Sebenarnya sejak menjadi Timbalan Perdana Menteri lagi, Dr. Mahathir sudah pun tidak popular di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan kerana beliau diberikan tugas oleh Hussein Onn untuk berunding dan menghadapi kesatuan-kesatuan sekerja, kakitangan kerajaan dan

kesatuan pegawai-pegawai kerajaan.

Dr. Mahathir berkata, "Saya tidak popular kerana saya menentang kenaikan gaji pegawai-pegawai kerajaan, memotong hak mereka melancong ke luar negeri setahun sekali, mengurangkan *overtime* kakitangan dan tenaga yang tidak diperlukan."<sup>5</sup>

Tindakan beliau mempercepatkan setengah jam waktu Malaysia telah dipolitikkan oleh sesetengah kakitangan kerajaan sebagai menghalang mereka untuk bersembahyang Subuh.

Dr. Mahathir begitu bersemangat hendak membetulkan semua kepincangan dan kelemahan dalam kerajaan sehinggalah beliau menyedari ada orang dalam kabinetnya sendiri yang tidak menyenangi stailnya dan mahu mengambil kesempatan daripada kegelisahan pegawai dan kakitangan kerajaan untuk mencari populariti dan sokongan diri serta menggambarkan dirinya lebih sesuai untuk diterima sebagai Perdana Menteri.

Kata Dr. Mahathir, "Menteri ini pandai, secara senyap-senyap dia mencadangkan kenaikan gaji pegawa-pegawai kerajaan tetapi saya menentangnya secara terbuka.

"Apabila saya menentang di dalam mesyuarat-mesyuarat yang dihadiri oleh semua kakitangan kerajaan, maka mereka tahu saya menentang mereka."<sup>6</sup>

Politik dalam parti semakin jelas mengganggu-gugat tugas utamanya kepada negara selepas beliau melantik rakannya, Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan menggantikan Tengku Razaleigh yang dikalahkan oleh Musa Hitam dalam pemilihan 1984. Perlantikan ini bukan

5. Penjelasan Dr. Mahathir dalam pertemuan dengan penulis, 29 Ogos 1988.

6. *Ibid.*

sahaja tidak menyenangkan perasaan Tengku Razaleigh yang merasakan Dr. Mahathir selama ini menyebelahi Musa malah akhirnya tidak menyenangkan pasukan Musa sendiri yang merasakan Musa diabaikan dan Musa sudah ketinggalan.

Walaupun krisis Musa-Mahathir hanya terdedah kepada umum pada tahun 1986 tetapi khabar angin mengenainya dan kegelisahan penyokong-penyokong kuatnya mulai didengar sejak awal 1985.

Seorang menteri umpamanya menghebohkan tentang Dr. Mahathir berhubung terus dengan pegawai kerajaan di bawah kementeriannya untuk memberikan pelbagai arahan bagi membersihkan dan mencantikkan Kuala Lumpur.

Sekalipun Dr. Mahathir tidak berundur daripada melaksanakan dasar-dasarnya tetapi beliau mulai nampak jalannya berkerikil, tidak selicin yang dijangkakan pada mulanya. Lebih menyukarkannya kerana halangan bukan datang dari luar tetapi dari dalam.

Syak wasangka mulai mengatasi keyakinannya, kawan dilihatnya mulai menjadi lawan dan beliau sendiri terpaksa membuat persiapan untuk menghadapi segala kemungkinan.

Dr. Mahathir hanya dapat mentadbir parti dan kerajaan dengan tenang dalam setahun dua sahaja sejak beliau menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981 tetapi kemudiannya beliau terpaksa menghadapi krisis dalam parti sendiri yang telah pun dihadapi oleh Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn. Ini adalah kerana UMNO merupakan sebuah parti politik demokratik yang mengamalkan pemilihan pemimpin dan bukannya perlantikan pemimpin atau pemilihan menerusi sistem perkaderan.

Bagaimanapun oleh kerana sikap keterbukaan Dr.

Mahathir, krisis semasa beliau menjadi Perdana Menteri menjadi lebih terbuka.

Setiap presiden UMNO sekalipun tidak dicabar secara berdepan tetapi tetap mengalami kontroversi kerana disyaki oleh ahli-ahli mempunyai *favouritism* terhadap seseorang calon atau sesuatu pasukan dalam pertandingan pucuk pimpinan.

Dr. Mahathir menghadapi tentangan daripada Tengku Razaleigh kerana Tengku Razaleigh tahu bahawa Dr. Mahathir sedang memupuk Musa Hitam untuk mengambil alih tugas daripadanya kelak, tetapi akhirnya Dr. Mahathir tidak hanya dicabar oleh Tengku Razaleigh tetapi oleh orang harapannya dan mereka yang dianggapnya sebagai penyokong-penyokongnya.

Apabila kawan menjadi lawan, Dr. Mahathir tidak ada pilihan lain lagi. Siapa sahaja yang sedia untuk menjadi kawan baru dan memberikan sokongan diterimanya sekalipun mereka yang tidak secocok dengannya atau tidak berkaliber menurut penilaiannya.

Tahun 1987 mengubah percaturan politik Dr. Mahathir, menolaknya untuk membuat pertimbangan dan penyesuaian semula. Dalam beberapa hal telah menampilkan pengundurannya daripada prinsip dan falsafah asalnya. Pragmatismenya untuk *survival* jelas kepada umum.

Seluruh negara, lawan dan kawan mengagumi cara beliau keluar daripada krisis ini dan sekaligus meletakkan beliau pada kehebatan imej yang tidak ada tolak bandingnya dalam sejarah politik tanah air kerana ribut yang dibelahnya datang dari segenap penjuru, tidak sahaja lama dalam parti malah dengan sokongan anasir-anasir Mahathir. Mereka berkumpul dan menjadi badai yang besar untuk menelannya.

Walau bagaimanapun, Dr. Mahathir adalah pejuang optimistik dan selalu melihat aspek positif daripada cabaran dan krisis. Dalam banyak hal beliau membuktikan kebolehan menukarkan ribut menjadi bayu, keburukan kepada kebaikan dan perpecahan kepada perpaduan yang lebih besar.

Walaupun dalam krisis 1987, beliau kehilangan suatu pasukan yang berkaliber besar seperti Musa Hitam, Tengku Razaleigh, Rais Yatim, Sharir Abdul Samad, Adib Adam dan lain-lain tetapi ini menjadi suatu rahmat besar yang memberikannya kesempatan untuk membentuk suatu pasukan parti dan kerajaan yang komited dan setia kepadanya.

Beliau menyingkirkan daripada kabinet barunya semua yang dikenali sebagai musuh dalam selimut walaupun mereka mendapat sokongan popular dalam pemilihan parti 1987.

Sekalipun tindakan beliau itu mengejutkan negara tetapi ketegasan beliau dihormati kerana rasionalnya ialah tidak ada pilihan lain lagi bagi Dr. Mahathir yang jika tidak kerana masih ada yang setia maka beliau telah tersingkir daripada kuasa.

Dr. Mahathir membentuk suatu pasukan barunya, membekalkan mereka dengan agendanya, inspirasinya, identitinya dan *rhetoric*nya yang merangsangkan mereka bekerja keras untuk menjadikan mimpi-mimpinya sebagai realiti yang memberikan kesan besar pada pemikiran dan sikap rakyat dalam jangka masa tidak sampai sepuluh tahun.

Dr. Mahathir tidak mungkin dapat mencapai kejayaan yang begitu pantas dan besar dalam masa sesingkat itu sekiranya beliau terpaksa bekerja dalam suatu pasukan yang masing-masing merasakan diri lebih bijak dan lebih

banyak menimbulkan masalah kepentingan politik dan persaingan dalam parti daripada melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkannya.

Nyatalah pemisahan tokoh-tokoh berkaliber tersebut tidak melemahkannya malah memperteguhkan kedudukannya dan hal ini semakin meyakinkannya tentang tradisi UMNO bahawa dalam keruncingan, sebahagian besar ahli lebih mementingkan perpaduan daripada kepentingan individu.

Bagaimanapun mereka yang di luar UMNO terus melihat Dr. Mahathir secara idealistik tanpa mengambilkira cabaran politik yang terpaksa dilaluinya dan berasa kecewa dengan penyesuaian yang terpaksa dibuatnya. Mereka melihat Dr. Mahathir menjadi semakin pragmatik, *accomodative* dan banyak berkompromi dengan nilai-nilai yang tidak disenanginya sendiri untuk memperkukuhkan kedudukannya selepas krisis 1987.

Mereka ini masih belum dapat melupakan gandingan Dr. Mahathir - Musa, masih tidak dapat menerima hakikat bahawa permusuhan Dr. Mahathir dan Musa adalah sesuatu yang benar, bahawa sampai bila pun Dr. Mahathir tidak akan dapat melupakan suatu hari Musa telah menyediakan strategi politik yang kemas dan licin untuk menyingkirkannya daripada kuasa "kerana Musa tidak sabar lagi untuk menjadi Perdana Menteri".

Di sebalik tekanan politik sekeliling, faktor utama yang memisahkan Musa dengan Dr. Mahathir ialah perbezaan nilai. Dr. Mahathir merupakan ahli politik yang berasaskan perniagaan dan usahawan tetapi Musa ialah ahli politik yang berasaskan menara akademik dan birokrat.

Pertembungan visi realistik Dr. Mahathir dan visi idealistik Musa memisahkan kedua-duanya dalam politik buat selama-lamanya.

Kesilapan sesetengah pihak ialah membandingkan Dr. Mahathir sekarang dengan radikalismenya yang telah berlalu dan mereka juga tidak dapat melihat bahawa dalam radikalismenya pun sejak dari awal lagi, dari tahun 50-an, 60-an dan 70-an, Dr. Mahathir memberikan laluan kepada rasional dan naluri logiknya.

Fikiran logik dan realistik terus memandunya melihat sesuatu perkara dari dulu hingga sekarang termasuk dalam membuat keputusan mengenai dirinya sendiri. Beliau menjustifikasikan apa yang hak baginya walaupun barangkali tidak benar atau tidak menyenangkan pada pandangan orang ramai.

Di hari pengumuman perlantikannya sebagai Menteri Pelajaran pada tahun 1974, Dr. Mahathir telah ditanya<sup>7</sup> kenapa anaknya harus mendapat biasiswa untuk mengambil *O Level* di London, Dr. Mahathir menjawab, "Apakah hanya anak orang miskin sahaja yang semestinya mendapat hadiah daripada negara dan jika seorang anak orang kaya walau setinggi mana sekalipun kebolehan-nya, tidak boleh mendapat sumbangan dan penghargaan daripada negara?"

Dr. Mahathir ialah seorang yang tidak bermain golf malah tidak suka melihat orang menghabiskan masa di padang golf tetapi pada masa inilah padang golf paling banyak didirikan di seluruh negara. Beliau mengubah fikirannya apabila melihat golf boleh menjadi industri yang menguntungkan negara. Sekarang beliau tidak marah lagi dengan orang bermain golf malah kapal terbang yang membawa rombongannya dalam lawatan rasmi ke luar negara lebih berat dengan kayu golf.

7. Temuramah dengan penulis dalam keretanya dan sebahagian daripadanya disiarkan oleh *Utusan Malaysia*, 9 September 1974.



Suatu hari dalam lawatan ke Amerika Latin, Dr. Mahathir terpaksa menunggu Menteri Perdagangan dan Perusahaannya, Rafidah Aziz untuk memulakan lawatan kerana Rafidah lewat pulang bermain golf.

Terdapat orang sosialis di Malaysia yang menyangka Dr. Mahathir adalah salah seorang daripada mereka kerana sikap antifeudalismenya dan penentangannya terhadap golongan birokrat serta orang besar yang suka menghabiskan masa di padang lumba kuda, berjudi, minum arak dan sebagainya.

Dr. Mahathir sebenarnya tidak pernah percaya kepada sosialisme sebagai jalan ke arah memberikan persamaan kemakmuran kepada rakyat. Sejak awal lagi beliau percaya kepada kapitalisme dan kepada ekonomi pasaran bebas.

Dalam banyak ucapan dan tulisannya di awal tahun 60-an, Dr. Mahathir mengemukakan pandangannya bahawa orang sosialis dan komunis berjuang memperkecilkan kek dan kemudian cuba membahagikan kek yang kecil itu kepada semua orang dengan sama rata. Tetapi, katanya, kapitalisme membesarkan kek dan membahagikannya.

Beliau percaya orang kaya yang mempunyai banyak wang tidak akan menyimpannya tetapi akan membelanjakannya. Apa juga tujuannya sama ada menanam modal untuk membesarkan lagi wangnya atau semata-mata untuk membeli-belah, ramai yang akan mendapat faedah daripada pergerakan wang dan semakin ramai yang akan mendapat wang dan membelanjakan wang.

Beliau memberikan teori yang sangat mudah tentang kapitalisme yang menjadi darah dagingnya.

Pada tahun 1971, apabila dikemukakan kepadanya tentang kepercayaan Pengerusi Parti Sosial Rakyat Ma-

aysia, Kassim Ahmad bahawa pemimpin Vietnam Utara, Ho Chi Minh boleh menjadi contoh seorang pemimpin sosialis yang baik di Asia, Dr. Mahathir berkata, "Belum tentu. Dia masih belum berkuasa, kalau sudah berkuasa, dia akan berubah."

Perkara ini timbul ekoran daripada suatu forum di Universiti Sains Pulau Pinang di mana Kassim Ahmad semasa menjawab suatu pertanyaan telah berkata, "Jika Sukarno tidak boleh diambil sebagai contoh kenapa tidak ambil Ho Chi Minh sebagai contoh pemimpin sosialis yang baik."<sup>8</sup>

Di sebalik pragmatismenya, Dr. Mahathir tidak seharusnya dilihat sebagai *fashionable leader* yang berubah mengikut masa dan keadaan sebaliknya apa yang dilakukannya tetap dalam konsep dan kepercayaan asalnya.

Dr. Mahathir tidak menjadi sosialis kerana kebangkitan sosialisme dan tidak menjadi Islamis kerana teretusnya revolusi Islam. Dalam semua keadaan, beliau tetap dengan kepercayaannya bahawa sistem ekonomi pasaran bebas adalah sebaik konsep untuk kemakmuran manusia sejagat. Beliau tidak pernah berganjak daripada penglibatan dan kepercayaan kepada kapitalisme.

Apabila Barat mengesyakinya kerana sering mengkritik liberalisme mereka, Dr. Mahathir, memberitahu mereka dalam ucapannya di Trinity College Oxford pada 19 April 1985 bahawa "*I am deeply committed to the free enter-prise system as a means for uplifting the multitudes from the indecency of poverty*".

Kerana kepercayaan kepada kekuatan kuasa ekonomi

8. Pertanyaan kepada Kassim Ahmad dikemukakan oleh penulis sendiri dan penulis juga mengemukakannya semula kepada Dr. Mahathir dalam satu pertemuan di Pantai Merdeka, Kota Kuala Muda Kedah bersempena dengan satu seminar UMNO.

Dasarannya maka Dr. Mahathir tidak tenggelam dalam romantisme revolusi Islam Iran dan beliau memerangi sentimen pro-Iraq rakyatnya sendiri semasa Perang Teluk.

Dasar luar Malaysia dalam menghadapi perang itu ternyata benar apabila pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin, Yasser Arafat terbang ke Kuala Lumpur selepas Perang Teluk untuk memberitahu Dr. Mahathir masalah besar yang dihadapinya selepas kekalahan Iraq. Beliau kehilangan sokongan negara-negara Arab dan terpaksa mencari perdamaian dengan Israel.

Sebagai penghormatan kepada Malaysia yang membantu perjuangan rakyat Palestin sejak lama dahulu, Yasser Arafat berasa perlu untuk memberitahu Dr. Mahathir lebih dahulu tentang rancangannya untuk berunding dengan Israel bagi mencari perdamaian.

Yasser memberitahu Dr. Mahathir dalam pertemuan di Kuala Lumpur pada 28 Julai 1993 bahawa berikutan dengan tindakan PLO menyokong Iraq dalam Perang Teluk, beliau kehilangan sokongan moral dan wang daripada seluruh negara Arab malah wang PLO yang telah pun dijanjikan oleh negara-negara Arab tertentu tidak boleh didapatinya lagi.

Yasser berada dalam keadaan yang amat tersepit. Russia tidak lagi boleh diharapkan. China dan India juga telah menghulurkan tangan persahabatan dengan Israel.

PLO tiada lagi kawan dan Yasser berasa keseorangan di tengah-tengah bangsanya sendiri.

Dalam keadaan ini, tekanan dari dunia Barat dan Amerika ke atas PLO semakin hebat dan mereka mahu melihat penyelesaian kepada masalah Palestin dan perdamaian antara PLO dengan Israel.

Dr. Mahathir memberitahu Yasser bahawa jika beliau

tidak menerima realiti ini maka PLO tidak akan dapat wujud lagi.

"PLO mestilah mengubah sikap sedikit untuk menyesuaikan diri dengan hakikat ini," kata Dr. Mahathir kepada Yasser.

Jika Dr. Mahathir mengikut sentimen rakyat semasa Perang Teluk itu, maka beliau akan menggembira dan membanggakan perasaan mereka untuk sehari tetapi kuasa pasaran bebas akan melumpuhkan ekonomi dan rakyat Malaysia untuk bertahun-tahun.

Semasa Perang Teluk, Dr. Mahathir tidak sahaja memerangi perasaan orang Islam yang diapikan oleh parti pelampau Islam, Pas tetapi juga perasaan berjuta orang UMNO sendiri yang pada keseluruhannya melihat perjuangan Iraq sebagai perjuangan Islam.

Tunku dan Tun Razak terpaksa memerangi sentimen sedarah sedaging dalam masa konfrontasi Sukarno terhadap Malaysia, manakala Dr. Mahathir terpaksa memerangi sentimen seagama dalam Perang Teluk.

Beliau membawa rakyat keluar daripada sentimen ini dengan perasaan bangga dan menunjukkan kepada mereka betapa orang yang bongkak dan bercakap besar akhirnya dilihat menyembah kaki orang Amerika dan orang kafir di padang pasir.

Mereka yang tertakluk kepada ideologi terus tidak dapat melihat kebenaran Dr. Mahathir tetapi kebenarannya ialah Malaysia berada pada keadaan yang dapat membantu PLO apabila Yasser datang memohon bantuan selain daripada menceritakan masalah yang dihadapinya.

Pemimpin merupakan seorang yang tidak mengikut arus untuk mencari populariti dan pengaruh tetapi sanggup menjadi tidak popular kerana mengutamakan realiti dan kepentingan masa depan rakyat dan negara.

Di Malaysia, dorongan utama kepada rasional ini ialah pertautan kepada ekonomi pasaran yang diwarisi daripada Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Hussein Onn dan yang menjadi lebih dinamik, lebih agresif dan lebih memakmurkan ialah dalam masa Dr. Mahathir.

Selain daripada itu, pemimpin-pemimpin Malaysia tetap dalam kesedaran bahawa untuk suatu jangka masa yang panjang, Malaysia terpaksa terus bergantung kepada sumber intelektual Barat bagi pembangunan dan pembedaan bangsa.

Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Anwar Ibrahim dalam tulisannya di *International Herald Tribune* keluaran 31 Januari 1994 berkata, "Walaupun prestasi ekonomi Asia Timur adalah mengagumkan, kebanyakan hasil kekayaan yang diperoleh oleh syarikat pengeksport adalah terbina daripada harta intelek di Barat. Kita mempunyai perjalanan yang amat panjang sebelum kita dapat menjadi pengeluar barangan industri kita sendiri.

"Negara-negara Asia dengan beberapa kemahiran yang jelas masih belum mencapai asas pembangunan di mana sektor perkilangan digerakkan oleh budaya saintifik dan teknologi pribumi. Kita masih banyak bergantung kepada sumber-sumber intelektual dari Barat," katanya.

Maka itu dasar luar Malaysia dalam menghadapi krisis-krisis antarabangsa, dari dulu hingga sekarang, daripada Sukarno ke Saddam Hussein, daripada konfrontasi Indonesia kepada Perang Teluk, daripada Tunku ke Dr. Mahathir malah daripada Dr. Mahathir ke Anwar kelak, akan tetap mengekalkan hubungan baik dengan Amerika Syarikat dan Barat yang merupakan kiblat ekonomi pasaran, khazanah ilmu dan perbendaharaan intelektual.

Dr. Mahathir sesekali didengar begitu nyaring dan lantang mengecam dasar dan nilai-nilai Barat tetapi ini

tidak bererti dasar luar Malaysia berubah kerana jika kita tidak boleh melawan mereka, kita menyertai mereka tetapi sedapat mungkin hendaklah tidak dilihat seperti menyokong mereka.



*JIKA sebagai Perdana Menteri, Dr. Mahathir mudah dipengaruhi, maka mungkin beliau telah merombak kabinetnya sebulan sekali, tetapi sikap toleransinya dan tidak gopoh bertindak atas maklumat, hasutan atau fitnah telah menyelamatkan ramai orang daripada penganiayaan.*

*Sebagai seorang manusia, Dr. Mahathir menyedari kelemahannya tetapi seperti kebanyakan pemimpin besar lainnya, beliau juga mempunyai keegoan dan kepercayaan diri yang tinggi untuk lebih melihat kebenaran diri dari kelemahan.*





## 12 Pengorbanan

**D**ato' Sri Dr. Mahathir telah banyak membuat keputusan yang di luar jangkaan orang sekelilingnya, menggemparkan orang ramai, menimbulkan kontroversi hangat dan membangkitkan pelbagai analisis dan prasangka terhadap peribadinya.

Barat pada umumnya memandang perwatakan Dr. Mahathir sebagai "seorang yang sangat sensitif, menyimpan dendam dan membalas dendam", dakwa wartawan Times London di Timur Jauh, Jon Swain dalam rencananya bertajuk 'Disgusted of Malaysia Aggravates the Anglos' mengenai krisis Malaysia-Australia.<sup>1</sup>

Tentu ramai musuh politiknya yang juga mempunyai pandangan yang sama tetapi tidak dapat melihat secara mendalam keunikan sifat Dr. Mahathir; keupayaannya membuat keputusan yang bertentangan dengan perasaan dan kata-katanya, yang memperlihatkan bukan sebagai keputusan peribadinya.

Di sebalik anggapan bahawa beliau adalah seorang pendendam dan pembalas dendam terdapat sikap dan

1. *Sunday Times London*, 28 November 1993.

adalah adil kepada mereka yang dianggap sebagai musuh politiknya. Ketidapaduan sikapnya terhadap dua tokoh besar MNO, Syed Nasir Ismail dan Syed Husein Ali bin Abdurrahman, menunjukkan betapa kuat menentangnya terhadap MNO setelah disingkirkan atas perintah Allah Rahman.

Ketika melawat London sebagai Menteri Pelajaran pada bulan Jun 1975, Dr. Mahathir telah diberitahu<sup>2</sup> bahawa para pelajar sedang heboh memperkatakan tentang Syed Jaafar Albar dan Syed Nasir terlalu banyak memegang jawatan pengarah syarikat itu dan ini.

Dr. Mahathir terus marah dan bertanya, "Apakah saudara mahu menjadi pengarah itu dan ini, apakah jasa saudara kepada bangsa, apakah ketika mereka ini berjuang menghabiskan masa, tenaga dan wang untuk mencapai kemerdekaan negara, mereka memikirkan untuk mendapat apa-apa balasan, adakah mereka bercita-cita untuk mendapat apa yang mereka dapat sekarang, apakah mereka tidak wajar untuk mendapat apa yang mereka dapat sekarang?"

Dalam hubungan ini juga, Dr. Mahathir berkata,<sup>3</sup> "Saya tidak mahu orang Melayu terlalu mempersoalkan orang Melayu yang telah menjadi kaya. Kenapa kita tidak mempersoalkan tentang bagaimana orang bukan Melayu yang telah menjadi kaya?"

"Pertama sekali kita haruslah menerima kenyataan bahawa beberapa orang Melayu yang dikatakan kaya sekarang sebenarnya berasal daripada orang miskin dan

2. Perkara ini telah diberitahu oleh penulis dalam satu pertemuan dengan Dr. Mahathir di sebuah hotel di London.

3. *Utusan Malaysia*, 11 Jun 1975.

tentulah mereka juga telah menghadapi keadaan yang sama seperti orang yang masih bersusah payah untuk menjadi kaya. Yang susah ialah dalam peringkat miskin untuk menjadi kaya tetapi apabila kaya, mudah untuk mendapat pinjaman wang bank dan sebagainya.

"Saya tidak nampak di dalam negara kita orang Melayu yang hendak berusaha berniaga untuk menjadi kaya benar-benar tertekan, malah bukti-bukti ada menunjukkan bahawa beberapa orang yang dahulunya miskin telah menjadi kaya, tetapi kalau dibandingkan dengan bukan Melayu, sebenarnya kekayaan orang Melayu itu tidaklah seberapa sangat.

"Memanglah kita tidak dapat mengayakan semua orang sekali gus. Pada peringkat awal kita hanya akan nampak seorang dua sahaja tetapi saya sama sekali tidak bersetuju apabila seorang dua Melayu kaya maka kita timbulkan macam-macam tuduhan dan membuat kesimpulan bahawa setiap orang kaya Melayu mesti menipu dan jahat.

"Kita mestilah membuat keputusan sama ada kita mahukan kepada kekayaan ataupun kita mahu kepada kemiskinan.

"Kalau kita tidak sanggup melihat kekayaan orang Melayu maka kita mestilah sanggup untuk menjadi miskin dan kalau kita mahukan orang Melayu kaya, maka kita janganlah persoalkan sangat tentang seorang dua Melayu yang menjadi kaya.

"Kita selalu suka menyalahkan orang. Ini ialah sifat kita yang salah. Kita harus membetulkan kesilapan kita dan kita tidak boleh harapkan orang lain membetulkan kesilapan kita.

"Kita tidak boleh mencapai sesuatu dengan cara yang paling senang dan singkat, masuk dalam perniagaan terus

mahu jadi kaya dan masuk dalam politik terus mahu jadi menteri atau mahu kedudukan penting dalam parti dan apabila tidak dapat terus membusukkan orang itu dan orang ini yang hanya berkelulusan sekolah Melayu jadi menteri, tak layak dan sebagainya.

"Tetapi mereka lupa bagaimana orang yang hanya berkelulusan rendah ini sejak awal telah bekerja keras dan telah mengorbankan segala kepentingan mereka.

"Saya sendiri pun menjadi menteri sesudah lebih 30 tahun berjuang dalam politik."

Atas pertimbangan inilah maka apabila Syed Jaafar Albar meninggal dunia dengan mengejut pada 14 Januari 1977, Dr. Mahathir yang ketika itu memangku jawatan Perdana Menteri telah mengarahkan supaya jenazah Allahyarham dikebumikan di Makam Negara di kawasan Masjid Negara.

"Syed Jaafar Albar telah menyumbangkan banyak jasa kepada UMNO walaupun beliau mungkin menyebabkan timbulnya pelbagai kontroversi.

"UMNO sungguh merasakan satu kehilangan yang besar dalam parti dan Malaysia telah kehilangan seorang anak watan yang aktif dalam politik negara," ujarnya<sup>4</sup>.

Perdana Menteri, Datuk Hussin Onn ketika itu berada di Nice, Perancis dalam perjalanan untuk lawatan rasmi ke Libya. Beliau diketahui umum tidak mempunyai hubungan yang baik dengan Syed Jaafar Albar. Ketegangan ini disebabkan Syed Jaafar Albar sebagai Ketua Pemuda UMNO telah menentang tindakan-tindakan Hussein Onn terhadap Datuk Harun Idris.

Ditanya<sup>5</sup> bagaimanakah beliau boleh membuat ke-

4. *Utusan Malaysia*, 16 Januari 1977.

5. Dalam pertemuan dengan penulis, 19 April 1993.

putusan mengarahkan pengebumian jenazah Syed Jaafar di Makam Negara sedangkan beliau mengetahui Syed Jaafar Albar tidak begitu senang dengannya, Dr. Mahathir berkata, "Kalau kita meletakkan diri kita dalam semua pengadilan, kita tidak boleh membuat keputusan dan tidak boleh bersikap adil.

"Keadilan adalah yang terpenting dan kita mestilah berfikir bahawa jika diri kita sendiri berada dalam semua pengadilan yang dibuat, maka kita tidak boleh berlaku adil."

Cara berfikir inilah yang terus melahirkan keputusan dan tindakan Dr. Mahathir yang bersifat popular dan tidak popular, menimbulkan kontroversi dan menjadi persoalan umum dari semasa ke semasa.

Antara kontroversi yang paling hangat ialah perubahan sikapnya daripada melarang Anwar mencabar Ghafar bagi merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1993 kepada mengambil sikap berkecuali.

Dr. Mahathir memang telah dilihat cenderung kepada Anwar sebagai calon terbaik bagi menggantikannya berikutan dengan kekosongan yang telah ditinggalkan oleh Musa Hitam.

Apabila Dr. Mahathir meletakkan Anwar di Kementerian Kewangan bererti beliau menyediakan tangga ke atas bagi Anwar kerana dengan perkembangan masyarakat usahawan dan perniagaan Melayu, Kementerian Kewangan dapat menggantikan Kementerian Pelajaran sebagai kementerian paling popular dan paling berpengaruh.

Dr. Mahathir menyedari hakikat bahawa Anwar sebagai budayawan dan pejuang Islam perlu mengambil masa untuk membuat penyesuaian dengan nilai dan sistem sosioekonomi pasaran tetapi latar belakang keagamaan

dan nasionalisme Anwar itu sendiri banyak mendorong Dr. Mahathir untuk memberikannya amanah bangsa dan negara.

Sekalipun beliau percaya kuat kepada kuasa ekonomi pasaran tetapi Dr. Mahathir tidak mahu negara dikendalikan oleh kuasa ekonomi yang semata-mata mementingkan materialisme tanpa komitmen kepada nilai-nilai murni bangsa dan agama.

Beliau pernah menyatakan, "Kita akan memastikan kekayaan tidak akan menguasai politik dan akhbar tidak berkuasa."

Ramai di antara menteri kabinetnya yang boleh diberikannya kepercayaan tetapi tidak ramai yang boleh diberikannya amanah dan Anwar adalah yang terpilih di antara yang tidak ramai itu.

Dr. Mahathir berada dalam keyakinan bahawa apabila tiba masanya, Timbalannya, Ghafar Baba akan memberikan laluan kepada Anwar.

Maka itu apabila Anwar menyatakan kepada Dr. Mahathir bahawa beliau terpaksa mencabar Ghafar dan tidak boleh menunggu laluan kerana musuh-musuh politiknya berkumpul di belakang Ghafar dan menjadikan Ghafar sebagai benteng untuk kemaraan mereka, Dr. Mahathir telah mengingatkan Anwar jika kalah bererti kemusnahan masa depan politiknya.

Dr. Mahathir telah menghantar perutusan memberitahu Anwar supaya berfikir panjang kerana "Ghafar sebenarnya kuat dan Anwar tidak sekuat yang dijangkakan dan tidak boleh menang".

Anwar juga diingatkan tentang kemungkinan ada pihak membangkitkan semula sikap anti-UMNOnya dan tentang beliau pernah menjijak bendera UMNO.

"Dalam politiknya yang penting sekali ialah *accepta-*

*bility* dan *intellegence* adalah yang kedua," kata Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir yakin bahawa Ghafar akan memberikan kerjasama kepada Anwar jika sekiranya Anwar mendapat undi yang tertinggi bagi jawatan Naib Presiden UMNO dan jika ditakdirkan sesuatu berlaku ke atasnya, Dr. Mahathir percaya bahawa Ghafar akan melantik Anwar sebagai timbalannya.

Apabila Anwar menimbulkan keraguan, Dr. Mahathir berkata, "Jika tidak berlaku demikian maka itu sudah ditakdirkan Tuhan," dan beliau menunjukkan dirinya sendiri yang menjadi Perdana Menteri walaupun tidak merancang untuk menjadi Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun, Anwar tidak dapat menunggu takdir. Beliau menyedari bahawa Ghafar mencatatkan rekod *political survivor* yang terpanjang dan terulung. Anwar merasakan bahawa beliau tidak mempunyai nama baik dalam buku Ghafar. Pengaruh musuh-musuh politiknya ke atas Ghafar lebih kuat dan lebih besar.

Jika menerusi suatu situasi, Ghafar boleh membunuh Musa Hitam dalam politik, Ghafar juga boleh berbuat demikian terhadap Anwar jika keadaan memerlukan.

Pilihan yang ada bagi Anwar hanyalah bertindak sekarang dan berhadapan dengan realiti hidup atau mati. Setelah membuat perhitungan ini dari awal lagi, beliau telah menyusun organisasi dan strategi yang mantap, licin dan cekap di dalam dan di luar UMNO termasuk menguasai semua media elektronik dan akhbar yang berupaya untuk meniupkan angin perubahan, yang pada akhirnya meyakinkan Dr. Mahathir sendiri terhadap harapan kemenangannya.

Kebimbangan Dr. Mahathir yang besar sekali ialah kehilangan Anwar jika Anwar mencabar Ghafar tetapi



apabila beliau melihat sokongan datang seperti gelombang kepada Anwar, maka Dr. Mahathir mengambil sikap menghadapi realiti politik, mengisytiharkan dirinya berkecuali kerana katanya, "Jika saya menyokong sesuatu pihak dan calon yang disokong kalah maka akibatnya buruk."<sup>6</sup>

Bagaimanapun Dr. Mahathir dilihat sebagai terang-terangan menyokong Anwar apabila dalam ucapannya di Kuala Terengganu pada 10 September 1993, beliau menyatakan bahawa siapa yang rasa nak kalah lebih baiklah berundur diri.

Di tempat yang sama juga, Dr. Mahathir menjelaskan keputusannya membenarkan pertandingan bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO adalah kerana beliau tidak dapat berkata 'tidak' kepada mereka yang ingin membuat pencalonan kerana itu bukanlah amalan demokrasi.

"Saya telah mendengar suara-suara dari kiri, kanan, depan dan belakang yang meminta supaya mereka dibenar untuk membuat pencalonan dan pemilihan.

"Sebagai pengamal demokrasi, saya cuma membenarkan amalan demokrasi dilaksanakan tetapi ini tidak bermakna saya sokong sesiapa," tegasnya.

Ketika singgah di London pada bulan September 1993 dalam perjalanannya untuk menghadiri Persidangan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, Dr. Mahathir mengaku silap kerana membuat kenyataan di Terengganu yang telah menimbulkan salah tafsiran.

"Saya silap membuat kenyataan menyuruh supaya orang yang rasa nak kalah berundur diri. Saya tak maksudkan Ghafar tetapi Ghafar telah berasa tersinggung," katanya.<sup>7</sup>

6. Dr. Mahathir memberitahu penulis dalam pertemuan di London, 27 September 1993.

7. *Ibid.*

Rangkaian organisasi kempen Anwar menyebabkan pada akhirnya Ghafar berada dalam keadaan yang memaksanya menyerah kalah sebelum bertempur.

Setelah kemenangan Anwar pasti, beberapa hari menjelang Perhimpunan Agung UMNO 1993, Dr. Mahathir mengecam pasukan yang telah disusun oleh Anwar untuk memastikan kemenangannya.

Kecaman dan ingatan ini telah dibuat sekali lagi oleh beliau dalam ucapan kepada beberapa perwakilan UMNO sehari sebelum menjelang Perhimpunan Agung UMNO telah menimbulkan keadaan panik di kalangan pasukan Anwar dan kebimbangan mereka menjadi lebih besar apabila Dr. Mahathir mengulangi ucapan yang hampir sama ketika merasmikan perhimpunan Agung UMNO pada 4 November 1993.

"UMNO ialah milik seluruh ahli parti dan bukan mana-mana individu atau kumpulan. Justeru itu perjuangan UMNO hendaklah untuk kepentingan semua ahli UMNO dan bukan mana-mana individu atau pasukan," kata Dr. Mahathir.

Pasukan Anwar berasa kecewa dan gentar dengan ucapan ini tetapi Dr. Mahathir tahu apa yang dilakukannya dan apa yang tidak seharusnya dilakukan. Beliau tidak seharusnya bertanggungjawab sehingga pada peringkat menyediakan satu barisan pelapis atau pasukan bagi Anwar pula. Cukuplah baginya sekadar menyediakan penggantinya. Beliau telah melakukan ini mengikut proses demokrasi yang biasa berlaku dalam UMNO.

Bagaimanapun masyarakat umumnya melihat pemilihan pucuk pimpinan UMNO 1993 terutama bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO dan Naib Presiden UMNO adalah sebagai paling agresif dan paling terbuka yang tidak pernah berlaku dalam UMNO tetapi hakikat sebe-

narnya ialah manusia lebih merasakan kehangatan dan kehebatan sesuatu yang berlaku pada masa itu walaupun sebenarnya peristiwa yang lebih besar telah berlaku sebelumnya.

Kegentingan dan kegetiran sesuatu krisis lebih dirasakan oleh manusia apabila berada di dalamnya dan bukan sesudah keluar daripadanya.

Seperti juga pertubuhan-pertubuhan politik besar lainnya, UMNO sebenarnya banyak menyimpan dalam lipatan sejarah pergolakan besar dalam perebutan pucuk pimpinannya yang mencatatkan taktik politik yang bercampur baur antara kehalusan dan kekasaran, peradaban dan kegelojohan, kesucian dan kekotoran yang ada kalanya kejam sejak zaman Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Hussein Onn dan sehinggalah sekarang.

Apa yang dirasakan oleh Ghafar dan penyokong-penyokongnya telah pun dirasakan oleh bekas Menteri Pelajaran, Mohd Khir Johari apabila rakan rapatnya sendiri mencabar dan mengalahkannya sebagai Ketua Bahagian UMNO semasa Tun Abdul Razak.

Harun Idris, Menteri Besar Selangor yang juga bercita-cita untuk menjadi Perdana Menteri akhirnya dihantar ke penjara semasa Hussein Onn. Musa Hitam mengakhiri riwayat politiknya di tangan Ghafar apabila Ghafar melihat kesempatan untuk berbuat demikian semasa Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir awal-awal lagi telah merasakan kegetiran politik apabila beliau tersingkir daripada UMNO dan dijauhi oleh orang yang pernah mengelilinginya kecuali seorang dua yang benar-benar setia. Malah beliau juga telah hampir dengan pintu penjara.

Di sebalik semua pergolakan ini ialah pejuang-pejuang tulen dan petualang-petualang. Mereka sedia men-

jadi alat dan diperalatkan, penyelewengan dan kesetiaan, kejujuran dan pengkhianatan, kepura-puraan dan komitmen yang ikhlas kepada perjuangan dan pimpinan politik atau semata-mata kerana kepentingan diri untuk merebut peluang keemasan.

Di kebanyakan negara membangun, pembunuhan berlaku kerana perebutan kuasa atau sekurang-kurangnya pemimpin mengekalkan kuasa menerusi dasar *authoritarian* dan *dictatorship* tetapi di Malaysia proses penggantian pemimpin tetap berlaku secara terbuka menurut sistem pengundian yang demokratik dan budaya pasaran bebas yang memerlukan penanaman modal dan juga sikap rakus, agresif dan kebijaksanaan untuk mencapai kemenangan.

Pertukaran daripada satu pemimpin ke satu pemimpin yang lain dalam UMNO membuktikan demokrasi terus didukung oleh ahli-ahli UMNO dan terus berkembang dalam UMNO.

Maka itu apabila Dr. Mahathir dituduh diktator oleh DAP di dalam Parlimen ketika perbahasan usul pindaan perlembagaan untuk menghapuskan imuniti raja-raja pada 9 Mac 1993, Dr. Mahathir telah menangkis dengan keras dan membuktikan bahawa "UMNO telah mempunyai lima presiden sejak ditubuhkan tetapi DAP tidak pernah menukarkan Setiausaha Agungnya". Dr. Mahathir ialah Presiden UMNO yang kelima.

"Saya pernah dicabar dan saya menang, tetapi DAP tidak pernah menukarkan Setiausaha Agungnya dan siapa yang terfikir untuk mencabarnya (Lim Kit Siang) akan berakhir karier politiknya," tegas Dr. Mahathir.

Setiap pemimpin UMNO yang komited kepada penerusan sistem pemilihan pimpinan UMNO dari akar umbi ke puncak, dari cawangan, bahagian dan seterusnya

ke pucuk pimpinan tertinggi pasti akan terdedah pendirian mereka kepada pentafsiran umum seperti yang telah berlaku kepada pemimpin-pemimpin UMNO yang terdahulu. Buruk baiknya akan dihakimi oleh sejarah.

Dalam masalah Ghafar, ramai orang yang memikirkan bahawa Dr. Mahathir dipengaruhi oleh orang sekeliling untuk membuat keputusan 'berkecuali' tetapi orang sekelilingnya tahu bahawa Dr. Mahathir bukan manusia yang mudah dipengaruhi oleh sesuatu yang tidak menepati naluri hatinya sendiri dan logik pemikirannya.

Sebenarnya usaha di belakang tabir telah dijalankan supaya Ghafar mengundurkan diri secara terhormat apabila Dr. Mahathir telah diyakinkan dengan kemenangan Anwar tetapi Ghafar menunggu sehingga saat terakhir untuk menerima hukuman daripada seluruh ahli UMNO sendiri.

Ghafar tentulah mempunyai tafsirannya sendiri tentang sikap Dr. Mahathir terhadapnya.

Ghafar dikatakan memberitahu seorang rakan politiknya yang selama ini diharap dan dipercayainya, "Awak telah menikam saya dari belakang" dan rakan ini menjawab, "Dalam politik semua orang berbuat demikian Che Ghafar."

Dengan pengalamannya yang luas dalam politik, memegang jawatan Naib Presiden UMNO selama 25 tahun sebelum menjadi Timbalan Presiden UMNO, Ghafar cepat dan mudah untuk memahami dan menerima kata-kata ini walaupun amat pedih.

Apa pun dikatakan orang tentang cara kemenangannya, tetapi Anwar telah membuktikan kepada Dr. Mahathir dan kepada negara bahawa beliau berkesanggupan menyusun satu jentera kempen untuk menjayakan matlamat politiknya dengan licin, kemas, cekap dan berkesan.

Jika Ghafar telah disebut-sebut sebagai *silent killer* dalam politik, Anwar membuktikan bahawa beliau sanggup menjadi *noisy killer*.

Bagi Dr. Mahathir, di sebalik kegembiraannya menerima kemenangan Anwar, beliau tetap menyimpan perasaan bersalah kerana telah menyinggung perasaan Ghafar yang telah berbudi kepadanya.

Maka itu, ketika merasmikan Perhimpunan Agung UMNO 1993, Dr. Mahathir telah meminta maaf secara terbuka kerana katanya, "Dalam proses pemilihan pemimpin-pemimpin kali ini mungkin saya telah melakukan sesuatu yang menyebabkan sangkaan bahawa saya tidak betul-betul berkecuali.

"Saya tidak sengaja jika saya telah melakukannya. Saya mohon maaf."

Mengaku salah dan meminta maaf ialah sifat semula jadinya. Sifat ini lebih jelas dalam tahun 70-an ketika beliau masih baru menjadi Menteri Pelajaran, ketika pengalamannya dalam kerajaan dan sebagai pemimpin nasional belum luas, ketika beliau hanya nampak jalan politik yang lurus dan belum nampak yang berbengkok-bengkok.

Sebagai Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir tidak sabar dengan sikap siswa-siswa yang antikerajaan di dalam dan di luar negara. Mereka aktif dengan politik agama tetapi tidak belajar dan gagal dalam pelajaran.

Dr. Mahathir berkonfrontasi dengan para pelajar secara langsung di dalam majlis-majlis forum dan dialog yang dihadapinya atas jemputan mereka. Ada kalanya beliau diejek dan di'boo' oleh para pelajar tetapi akhirnya beliau membuat konklusi bahawa majlis seumpama itu tidak berguna kerana para pelajar enggan untuk menerima pandangan kerajaan.

Ada pegawai Kementerian Pelajaran sendiri yang merasakan Dr. Mahathir tidak seharusnya turun ke padang untuk melakukan kerja yang sepatutnya dilakukan oleh mereka dalam menghadapi para pelajar tetapi Dr. Mahathir tidak tahu untuk mewakilkan kerja dan percaya bahawa beliau sendiri yang dapat melakukan sesuatu dengan sebaik-baiknya.

Pelajar-pelajar sangat marah kepadanya kerana mereka tidak menjangka Dr. Mahathir dengan latar belakang radikalismenya tiba-tiba menjadi paling ke depan dalam menentang mereka sampai kepada peringkat mengemukakan Rang Undang-undang Pindaan Universiti dan Kolej untuk mengawal dan mendisiplinkan mereka. Dr. Mahathir merasakan ini perlu kerana di bawah sistem yang ada, kerajaan tidak boleh mengawal secara berkesan kegiatan yang berlaku dalam kampus universiti.

Kekecohan antara Dr. Mahathir dengan pelajar-pelajar di ITM, Kuala Lumpur dan pelajar-pelajar Malaysia di United Kingdom yang diwakili oleh Kesatuan Melayu United Kingdom (KMUK) memuncak pada pertengahan tahun 1975 apabila mereka membantah tindakannya menarik balik biasiswa beberapa orang aktivis pelajar yang antikerajaan.

Dr. Mahathir sangat marah dengan KMUK kerana mengesyaki bahawa pertubuhan itu berada di sebalik tuduhan yang mengatakan kerajaan anti-Islam, *unislamic* dan mengadakan perarakan patung-patung dalam perarakan Maulud Nabi di Klang, Selangor.

Tuduhan ini dibuat oleh pelajar-pelajar di London dalam suatu majlis yang dihadiri oleh Wan Kadir Ismail (Allahyarham) yang ketika itu menjadi Timbalan Menteri Perhubungan dan Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO.

Semasa melawat London pada bulan Jun 1975, Dr. Mahathir sendiri dapat merasakan kehangatan politik antikerajaan di kalangan pelajar-pelajar dan juga penentangan terhadapnya. Dr. Mahathir yang ketika itu baru sepuluh bulan menjadi Menteri Pelajaran ternyata amat obsesi dengan tugasnya, terlalu sensitif dan cepat bertindak. Perwatakannya sama seperti sebelum beliau menjadi menteri.

Beliau sendiri menyiasat tuduhan bahawa kerajaan menganjurkan perarakan patung-patung dalam majlis Maulud Nabi dan apabila mendapati tidak benar, beliau menghantar sepucuk surat ke London<sup>8</sup> memaklumkan bahawa yang sebenarnya ialah Kaabah yang dipamerkan di Muzium Negara dan masjid-masjid untuk melatih bakal haji tentang cara menunaikan ibadat haji dan tidak ada perarakan patung-patung di mana-mana.

"Ini mustahak kerana jemaah haji sekarang pergi dengan kapal terbang dan masa untuk belajar membuat tawaf tidak cukup di Makkah," katanya.

Kemarahannya yang amat sangat terserlah apabila dalam suratnya itu beliau menyatakan, "Dalam Islam menuduh dan menyangka sesuatu merupakan perkara yang berat. Sebab itu tuduhan mencuri berkehendak kepada saksi-saksi yang sanggup menyokong tuduhan.

"Kalau orang yang membaca khutbah di hari Jumaat membuat tuduhan tanpa selidik maka ini tentulah salah daripada segi agama dan tidak patut dilakukan sama sekali."

Surat ini memperlihatkan bahawa beliau masih menyimpan perasaan marah dengan kecaman yang dibuat

8. Surat ini dihantar menerusi penulis di London yang bertarikh 19 Ogos 1975 untuk dimaklumkan kepada pelajar-pelajar.



terhadapnya ketika menghadiri sembahyang Jumaat di Malaysia Hall di London dua bulan sebelumnya.

Seorang pelajar yang memberikan khutbah Jumaat telah berkata, "Ada orang yang hadir bersembahyang untuk menunjuk-nunjuk dan ini merupakan perbuatan riak." Dr. Mahathir merasakan khutbah ini ditujukan kepadanya.

"Kalau datang ke London, tidak datang bersembahyang pun dikata, datang bersembahyang pun dikata," katanya.<sup>9</sup>

Pemimpin KMUK pula telah memulaukan majlis ceramah yang diberikannya di Malaysia Hall kerana menurut mereka, Dr. Mahathir lebih banyak menghentam mereka daripada menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

Apabila sebab pemuluan itu diberitahu kepadanya di London, Dr. Mahathir berkata,<sup>10</sup> "Saya tidak mengerti sikap ini. Kalau mereka sanggup menghentam di belakang maka kerana apakah mereka tidak sanggup untuk dihentam secara terbuka.

"Kalau kita sanggup berbohong umpamanya, maka kita mestilah sanggup menerima akibat daripada pembohongan kita itu atau didedahkan sebagai pembohong."

Apabila KMUK menghantar kabel supaya kerajaan memulihkan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang telah dibatalkan biasiswa mereka, Dr. Mahathir menjawab dalam sepucuk surat yang ditandatangani sendiri bahawa "dalam tindakan kerajaan itu, mereka yang ingin belajar tidak akan rugi, tetapi kita tidak akan memberi balik biasiswa kepada mereka yang tetap gagal sama ada mereka dapat biasiswa atau tidak."

9. Kata Dr. Mahathir dalam satu pertemuan dengan penulis selepas sembahyang Jumaat di Malaysia Hall, London.

10. *Utusan Malaysia*, 11 Jun 1975.

Surat itu yang diharapkan oleh Dr. Mahathir akan disebarakan kepada seluruh ahli KMUK di London seterusnya menyatakan:

*"Peluang belajar untuk penuntut yang ingin belajar tidak akan tersekat kerana tindakan kerajaan. Mereka akan dapat balik biasiswa mereka.*

*"Tetapi ada penuntut yang bukan sahaja tidak ingin belajar malah dengan aktiviti mereka telah menyekat penuntut yang ingin belajar meneruskan pelajaran mereka.*

*"Mereka ini mengganggu pelajar di universiti dengan mengadakan pelbagai peristiwa hampir tiap hari berkenaan dengan pelbagai isu yang real atau imagined sehingga kerap kali bilik-bilik kuliah kosong, perpustakaan tidak diguna, peperiksaan tidak boleh diambil.*

*"Sementara penuntut ini berbuat demikian, di institusi-institusi swasta dan di Kolej Tunku Abdul Rahman, penuntut bukan bumiputera tekun belajar dan lulus peperiksaan dengan cemerlang.*

*"Haruslah diingat di Malaysia ini perseimbangan kaum belum tercapai. Tiada ada satu pun yang boleh dibuat oleh bumiputera tanpa pertolongan daripada kaum lain. Kalau nak sembahyang pun mesti pakai kain baju yang dijual atau dibuat oleh orang lain, masjid yang didirikan oleh orang lain, naik kereta atau basikal atau bersepatu yang dibuat atau dijual atau diimport oleh orang lain.*

*"Tidak ada rumah, tidak ada jalan, tidak ada kenderaan, tidak ada pakaian, tidak ada buku dan tidak ada pelajaran yang dapat diadakan oleh orang Melayu semata-mata.*

*"Masih banyak usaha yang mesti kita lakukan dan sebarang tindakan yang menghalang kemajuan orang Melayu merupakan satu jenis sabotaj. Penuntut-penuntut yang menghalang pencapaian pelajaran oleh penuntut bumiputera dan Melayu ialah orang yang menderhaka kepada bangsanya.*

*"Penuntut-penuntut ini kalau dibiarkan bermaharajalela di kampus akan menjejaskan cita-cita bangsa dan menghalang usaha memper-seimbangkan kaum-kaum di Malaysia.*

*"Bilangan mereka ini kecil tetapi kesan sabotaj mereka terhadap kejayaan bangsa is out of all proportion to their numbers. Mereka ini tidak harus dipertahankan.*

*"Saya bertindak with clear conscience dan saya harap pihak tuan-tuan juga ada conscience yang clear apabila mempertahankan orang yang mensabotaj harapan bangsa mereka sendiri."*

Surat ini yang dihantarnya kepada KMUK sebelum beliau melawat London pada Jun 1975 telah tidak disebarkan di kalangan pelajar-pelajar di London seperti yang diharapkannya kerana menurut KMUK, surat itu sulit.

Dalam sepucuk suratnya<sup>11</sup> Dr. Mahathir menafikan dengan keras telah meminta surat itu dirahsiakan sama ada secara mulut atau bertulis.

"Sebenarnya saya menghantar beberapa salinan dengan harapan semua ahli KMUK dapat membacanya," katanya.

Beliau menyifatkan sebagai 'bohong dan dusta' dakwa-

11. Surat kepada penulis di London, 30 Julai 1975.

an pelajar-pelajar itu tidak berani melanggar arahannya.

Seterusnya Dr. Mahathir berkata, "Saya tidak peduli sama ada isi kandungan surat itu diketahui oleh orang bukan Melayu atau tidak. Kalau pemimpin KMUK tidak segan menuduh saya dan kerajaan di hadapan semua orang, Melayu atau bukan, apakah sebabnya yang mereka mesti menyembunyi jawapan saya.

"Negara kita sekarang diancam oleh komunis. Orang Islam yang ada kebolehan dan mampu menuntut ilmu-ilmu yang boleh memberi kekuatan kepada kita mempertahankan hak kita lebih asyik dengan usaha menonjol kelebihan keagamaan mereka dan melemahkan kerajaan yang didirikan oleh orang Islam sendiri.

"Sibuk dengan masalah orang Islam seperti ahli-ahli KMUK, kerajaan tidak dapat menumpukan usaha 100 peratus melawan komunis.

"Kalau negara ini ditawan oleh komunis maka orang Islam di sini akan berjumpa nasib yang sama dengan orang Islam di Khmer, di Vietnam dan di Russia. Agama akan hilang dan hancur."

Bagaimanapun KMUK kemudiannya dapat membuktikan kepada Dr. Mahathir bahawa di dalam suratnya itu tertulis perkataan 'Sulit'. Dr. Mahathir tidak tahu yang setiausaha peribadinya telah menulis perkataan itu. Dr. Mahathir mengaku salah dan meminta maaf.

Dalam sepucuk suratnya<sup>12</sup> yang lain, beliau meminta disampaikan kepada KMUK rasa dukacitanya "kerana salah faham tentang perkataan 'sulit' yang digunakan oleh setiausaha peribadi saya kepada KMUK".

Obsesinya dalam sesuatu perkara yang menyinggung perasaannya mendorongkan serangan dan tindakan yang

12. Surat kepada penulis di London, 29 November 1975.

bertubi-tubi kepada mereka yang terlibat. Dalam keadaan ini, mereka yang tidak memahaminya akan terus menjauhkan diri.

Dalam keadaan ini juga beliau sukar untuk melihat kebenaran daripada kaca mata orang lain sehingga beliau sendiri tersalah langkah dan menghadapi akibatnya.

Dr. Mahathir mengaku salah kerana pergi berkempen dalam pilihan raya kecil Johor Baharu pada 25 Ogos 1988 yang memberikan kemenangan kepada calon Bebas, Sharir Abdul Samad sekalipun ada pihak yang melarang beliau supaya jangan pergi.

"Saya diminta pergi, saya pergi, tetapi saya silap. Ini menjadikan pilihan raya itu sebagai pilihan raya nasional sedangkan kita hendak memperkecilkannya," katanya.<sup>13</sup>

Tidak semua yang dipertahankannya selalu benar dan ada kalanya perkara yang dipertahankannya terdedah kesilapannya kepada umum.

Ramai rakan rapatnya menyedari bahawa beliau tidak lekas terpengaruh atau mudah terhasut jika seseorang atau sesuatu kumpulan cuba memburukkan seseorang terutama orang yang telah berjasa dan membuktikan kesetiaan kepadanya. Umpamanya, pernah suatu masa beberapa orang telah menemuinya dan menceritakan tentang keburukkan seorang timbalan menterinya dan setelah mendengar semuanya Dr. Mahathir berkata, "Ceritakan pula tentang kebaikannya, bukan tidak ada kebaikannya."

Sikap ini juga dapat dilihat apabila beliau terus mengekalkan kedudukan Mohd. Rahmat sebagai Menteri Penerangan walaupun beberapa orang wartawan ber-

13. Penjelasan Dr. Mahathir dalam satu pertemuan dengan penulis, 29 Ogos 1988.

pengaruh dan orang tertentu telah menyatakan rasa tidak senang dengan peranan lemah RTM dalam masa kebangkitan rakyat menentang sikap tidak adil Sultan Johor dan dalam kempen kerajaan untuk mendapat sokongan rakyat bagi menghapuskan imuniti raja-raja pada tahun 1992-1993.

Mohd. Rahmat dilihat sebagai tidak ada komitmen sepenuhnya dalam isu ini kerana hubungannya yang rapat dengan Sultan Johor malah beliau berada di sebaliknya langkah RTM mengekalkan panggilan *King* kepada Sultan Johor dalam siaran berita Inggeris walaupun baginda tidak lagi menjadi Yang di-Pertuan Agong.

Para wartawan yang berpengaruh telah menyatakan rasa kesal dan sedih terhadap sikap Mohd. Rahmat dalam masalah ini tetapi Dr. Mahathir tetap mengekalkannya sebagai Menteri Penerangan. Nilai paling besar kepada Dr. Mahathir ialah kesetiaan Mohd. Rahmat.

Di sebalik beberapa kelemahannya, Mohd. Rahmat terus membuktikan dedikasi dan komitmen sepenuhnya kepada Dr. Mahathir dalam memperkukuhkan UMNO dan menyelesaikan masalah politik dalam parti terutama bagi melicinkan pemilihan Timbalan Presiden UMNO dan Naib Presiden UMNO 1993.

Keupayaan Mohd. Rahmat jugalah yang dari awal lagi telah menggerakkan tenaga membantut cita-cita Musa Hitam untuk kembali menyertai persaingan merebut jawatan pucuk pimpinan UMNO 1993.

Pelbagai pihak boleh memperkecilkan Mohd. Rahmat tetapi Dr. Mahathir lebih mengetahui faedahnya kepada beliau. Bagi Dr. Mahathir semua manusia ada kelemahan dan membuat kesilapan tetapi dalam tindakannya beliau dipandukan oleh pertimbangan yang mana lebih besar antara kebolehan dan keburukan seseorang, yang mana

penyakit yang boleh diubati dan tidak boleh diubati dan yang akan menjadi wabak.

Beliau juga mengekalkan Aziz Shamsuddin sebagai setiausaha politiknya sekalipun ramai yang telah memberitahunya bahawa Aziz ialah penyokong Tengku Razaleigh dalam pemilihan Presiden UMNO 1987.

Dr. Mahathir lebih tahu tentang orang sekelilingnya daripada apa yang diketahui oleh orang ramai. Beliau yang lebih dapat melihat mudarat dan kebaikan kepadanya, parti dan negara. Soal keburukan peribadi sukar untuk mendorongkannya bertindak terhadap seseorang.

Sekalipun beliau mengutamakan moral yang baik dan nilai-nilai kehidupan yang bersih tetapi ini tidak sampai menutup matanya terhadap kebolehan dan kegunaan seseorang.

Dr. Mahathir tahu bahawa Ketua Menteri Melaka, Rahim Tamby Chik mempunyai banyak populariti lain, tetapi yang utama bagi Dr. Mahathir ialah popularitinya memajukan Melaka sebagai negeri pelancongan.

Peningkatan jawatan Ghani Osman daripada Timbalan Menteri Kewangan kepada menteri penuh bagi Kementerian Belia dan Sukan dalam masa yang singkat dan pengekalan Megat Junid pada kedudukan sebagai Timbalan Menteri selama lebih dari sepuluh tahun dan kekal di Kementerian Dalam Negeri menunjukkan kebijaksanaan Dr. Mahathir dalam memberikan penilaian dan menolak anggapan bahawa beliau langsung tidak prihatin terhadap pandangan orang ramai.

Jika sebagai Perdana Menteri, Dr. Mahathir mudah dipengaruhi, maka mungkin beliau telah merombak kabinetnya sebulan sekali, tetapi sikap toleransinya dan tidak gopoh bertindak atas maklumat, hasutan atau fitnah telah menyelamatkan ramai orang daripada penganiayaan.

Sebagai seorang manusia, Dr. Mahathir menyedari kelemahan dan keterlanjurannya dalam beberapa perkara tetapi seperti kebanyakan pemimpin besar lainnya, beliau juga mempunyai keegoan dan kepercayaan diri yang tinggi untuk lebih melihat kebenaran diri dari kelemahan.

Sikap positif inilah yang memberikan kekuatan dan kepercayaan kepada pemimpin-pemimpin untuk meneruskan tanggungjawab dan mencipta sesuatu yang lebih besar sekalipun menjadikan mereka tidak popular malah ada yang terlucut kuasa kerananya.

Dr. Mahathir menyedari kesilapannya memberikan kepercayaan kepada seorang ahli perniagaan, Mohamad Abdullah Ang yang dilantik menjadi Ketua Eksekutif Perbadanan Pelaburan Seberang Laut Malaysia (MOIC) pada awal tahun 80-an walaupun beliau telah diingatkan supaya berhati-hati oleh ramai rakannya.

Apabila Abdullah Ang ditangkap kerana pecah amanah dan ditanya kepada beliau<sup>14</sup> "Apa sudah jadi?" Dr. Mahathir berkata, "Hanya kelemahan saya itu sahajalah yang saudara nampak."

Abdullah Ang telah dihukum penjara lapan tahun dan didenda RM100,000 oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 15 Disember 1986 setelah dia mengaku salah atas tuduhan pecah amanah yang melibatkan wang RM338,808.80.

Hakim perbicaraan itu, Datuk N. H. Chan berkata tertuduh telah menggunakan wang MOIC seperti wang itu kepunyaannya sendiri.

Di sebalik ketidakjujurannya, Abdullah Ang mempunyai perwatakan luar biasa. Dia dapat menjelmakan dirinya

14. Pertanyaan ini dikemukakan oleh penulis.



sebagai seorang yang mempunyai kualiti yang diperlukan dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Mudah menentengahkan dirinya di semua peringkat, tidak segan dan malu, berani dan sanggup bersikap rakus apabila perlu.

Perwatakannya yang istimewa inilah membolehkannya mengadakan hubungan yang rapat dengan pegawai-pegawai Penjara Kajang sehingga dia diberikan layanan istimewa untuk bebas keluar masuk penjara bagi menikmati suasana di luar.

Akhbar *The Malay Mail* keluaran 11 Ogos 1989 telah mendedahkan perihal Abdullah Ang menjadi 'Banduan Istimewa' yang dapat berulang-alik antara penjara dengan bandar raya untuk minum teh tarik, membaca akhbar dan menguruskan perniagaannya di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.

Sebelum ditangkap dan dipenjarakan, Abdullah Ang sebagai Ketua Eksekutif MOIC sering menyertai rombongan perdagangan Perdana Menteri ke luar negara.

Pernah perwatakannya yang rakus menimbulkan keadaan yang memalukan rombongan Perdana Menteri semasa lawatan rasmi ke Turki. Abdullah Ang telah menghadiri suatu majlis makan malam di Istanbul walaupun dia tidak dijemput dan lebih memalukan dia telah mengambil kerusi yang hampir dengan meja Perdana Menteri yang telah dikhaskan kepada tetamu kenamaan yang lain.

Apabila kembali ke Malaysia, Dr. Mahathir telah diberitahu<sup>15</sup> tentang perlakuan buruk Abdullah Ang dan latar belakangnya yang meragukan tetapi Dr. Mahathir menyatakan, "Apakah bagi saudara seorang pencuri,

15. Diberitahu oleh penulis.

perompak atau penipu, jika dia bertaubat, saudara tidak dapat menerimanya?"

Dr. Mahathir merupakan seorang yang cepat tertarik dengan mereka yang kuat bekerja dan menampakkan keyakinan diri yang tinggi dengan idea-idea yang realistik. Abdullah Ang mempunyai semua kualiti ini yang dapat menyembunyikan siapakah dia sebenarnya.

Dr. Mahathir merupakan Perdana Menteri Malaysia yang pertama sekali melibatkan negara secara langsung dengan perniagaan dan menswastakan badan-badan kerajaan dan dalam keghairahannya untuk menjayakan tugas ini, beliau mendekati dirinya secara langsung dengan ahli-ahli perniagaan, tetapi tidaklah semua mereka yang didekatinya seperti Abdullah Ang. Lebih ramai ahli perniagaan dan usahawan tulen dengan galakan kerajaan dan Dr. Mahathir sendiri telah berjaya dan telah memberikan sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara)

Apa juga yang dilakukannya, salah atau benar, gagal atau berjaya didorongkan oleh komitmennya yang penuh kepada pembangunan negara, kepada hasratnya untuk menegakkan suatu bangsa yang bermaruah di atas pencapaian ekonomi dan teknologi yang tinggi.

Untuk itu, beliau memberikan sepenuh masa, tenaga dan fikirannya bagi menggerakkan kejuruteraan sosial yang menggegarkan seluruh negara, yang kecepatan dan keberkesannya tidak pernah berlaku dalam sejarah pembangunan ekonomi dan sosial di Malaysia.

Beliau sendiri yang menjadi penggerak utama, mengumpulkan semua cerdik pandai dan para profesional yang menjadi teras dan nadi penggerak negara dari peringkat negeri dan pusat ke dalam pelbagai kursus bina negara dan bina semangat bagi menghayati mereka dengan semangat dan visinya ke arah mewujudkan suatu

bangsa yang gagah dan bermaruah.)

Antaranya dan sebahagian besar kaumnya sendiri terdapat suatu jurang pemisahan yang jelas. Sementara beliau bekerja kuat untuk menanam nilai-nilai antara-bangsa yang positif, mereka masih melihat tangkal dan azimat, jampi dan serapah sebagai benteng kekuatan.

Jika orang Melayu melihat kekebalan sebagai kekuatan bangsa, Dr. Mahathir melihatnya sebagai adanya pemikiran yang tidak betul di kalangan orang Melayu.

"Kiranya kebal itu suatu kebenaran maka ada pula orang dalam agama lain yang boleh pijak bara api, dicucuk badan mereka dan sebagainya," katanya dalam salah satu di antara sekian banyak ceramah-ceramahnya di kursus-kursus bina negara.

Dr. Mahathir tidak yakin bahaya boleh dihadapi dengan ilmu kebal "Tetapi jika kita mengetahui ada bahaya di hadapan maka kita mesti merancang untuk menghadapi dan mengatasinya dan bukan lari darinya," katanya.

Dr. Mahathir juga tidak bersetuju untuk memperlakan pergerakan orang lain supaya kita boleh mengejanya "tetapi apa yang boleh menolong kita ialah kerja kuat, jatuh bangun dan jatuh bangun".

Beliau mahu orang Melayu mengamalkan nilai ini kerana amalan inilah yang akan memastikan mereka akan dapat lari lebih pantas daripada orang yang telah meninggalkan mereka.

Dr. Mahathir memang kelihatan dalam keadaan yang terburu-buru untuk melaksanakan semua visinya kerana beliau melihat masa baginya telah singkat sedangkan pertumbuhan ekonomi Melayu tidak se pantas orang bukan Melayu sekalipun pertumbuhan penduduk Melayu begitu cepat berbanding dengan bukan Melayu.

Halangan utama ialah pemikiran dan sikap tradisi

yang masih berkuku kuat di kalangan orang Melayu.

Bagi mempercepatkan pencapaian matlamat kejuruteraan sosial yang digerakkannya, Dr. Mahathir berhasrat untuk menemui sebanyak mungkin tenaga pembangunan negara dari peringkat menteri, pegawai tinggi kerajaan, tentera, polis, usahawan, wartawan, ahli politik, kalangan agama dan lain-lain supaya mereka dapat membantunya tetapi kerana banyak lagi tugasnya yang lain, dalam setahun Dr. Mahathir hanya dapat menemui golongan ini dalam jumlah yang kecil sahaja.

Mereka yang pernah menghadiri kuliah-kuliah yang diberikannya mengagumi komitmen dan dedikasinya, kesanggupannya berdiri berjam-jam dan berhari-hari untuk mengorientasi dan menghayati mereka dengan pemikiran dan visinya.

Sesungguhnya beliau telah menawan rakyat dan kerajaan dengan kekuatan fikiran dan kegagahan perwatakannya dari awal perjuangan politiknya sampai kepada berada di puncak kuasa.

Beliau mengagumi rakyat dengan keupayaan melepaskan diri daripada satu demi satu cabaran besar sehingga kepada peringkat sanggup membuat keputusan yang menggadaikan nyawanya sendiri untuk kepentingan negara.

Tidak ramai yang menyedari bahawa kejayaan Dr. Mahathir menjalani pembedahan jantung di tangan para doktor dan pakar pembedahan tempatan pada 24 Januari 1989 dengan sekali gus meningkatkan tidak sahaja kepercayaan rakyat terhadap keulungan doktor tempatan malah menarik kepercayaan dari luar negara terhadap kepakaran pembedahan jantung di Malaysia.

Beliau sendiri yang membuat keputusan untuk menjalani pembedahan dalam negara sekalipun ada pendapat

mengatakan lebih baik dilakukan di luar negara.

(Dr. Mahathir telah melakukan segala-galanya untuk promosi negara dan bagi membangunkan kepercayaan kepada diri sendiri di kalangan bangsanya.)

*TIDAK semua laporan akhbar-aklibar di Britain memberikan gambaran negatif terhadap Malaysia malah bagi pertama kalinya masyarakat British terdedah kepada laporan terperinci tentang Malaysia sebagai sebuah negara yang paling pesat membangun di Asia dan sekalipun mereka mengkritik Dr. Mahathir sebagai tidak demokratik tetapi mereka tidak menafikan kepimpinannya yang berjaya mencipta keajaiban ekonomi bagi Malaysia dalam masa paling singkat.*



# 13 Pendakian di Puncak

Setelah Anwar menjadi Timbalan Perdana Menteri pada akhir tahun 1993, persoalan mulai timbul iaitu berapa lamakah lagi Dr. Mahathir akan kekal sebagai Perdana Menteri, apakah beliau akan berundur lebih awal untuk memberi laluan kepada Anwar atau akan meneruskan pimpinannya?

Bilakah era Dr. Mahathir akan berakhir?

Melihat kepada kegigihan, keupayaan mental dan fizikal serta semangatnya yang tetap tinggi dalam menerajui kepimpinan negara, tidak nampak kepada umum bahawa beliau akan berundur malah ramai yang mengharapkan penerusan pimpinannya.

Apabila berlaku kontroversi antara Malaysia dengan Britain pada awal tahun 1994 berhubung dengan pinjaman untuk pembinaan Empangan Pergau kerana dikaitkan dengan pembelian senjata oleh kerajaan Malaysia dan pemberian rasuah kepada pemimpin-pemimpin Malaysia, Dr. Mahathir dilihat kembali menghayun langkah sebagai pejuang gagah yang tidak pernah mengenal letih. Tangannya yang menggugat British pada tahun 1981 dengan *Buy British Last* kembali menggoncangkan negara



itu dengan tindakannya memberhentikan pemberian kontrak kepada syarikat-syarikat British.

Dari sejak awal tahun 1994, Dr. Mahathir telah pun nampak kecenderungan media British untuk menjadikan Empangan Pergau isu besar dengan kemunculan beberapa rencana dalam akhbar-akhbar utama British yang membayangkan bahawa kerajaan Konservatif British telah melanggar peraturan dan menyalahgunakan kuasa dalam pemberian pinjaman bagi pembinaan empangan itu.

Dr. Mahathir membiarkan permainan media British ini sehinggalah ketika hampir Jawatankuasa Hal Ehwal Luar British hendak mengadakan mesyuarat bagi mengkaji kontroversi pinjaman itu kepada Malaysia atas tekanan daripada pihak pembangkang dan media.

*Sunday Times London* menyangka tuduhannya bahawa Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir menerima rasuah AS\$50,000 daripada sebuah syarikat British berhubung dengan sebuah projek akan mengejutkan rakyat British tetapi akhirnya seluruh Britain digemparkan oleh tindak balas Malaysia memberhentikan pemberian sebarang kontrak kepada syarikat-syarikat Britain.

Tindakan ini menjadi berita utama semua rangkaian televisyen di Britain dan juga akhbar-akhbar utama British pada akhir bulan Februari 1994. Yang menarik perhatian umum di negara itu bukan lagi cerita ahli-ahli politik Malaysia menerima rasuah sebaliknya berita syarikat-syarikat British akan kehilangan berbilion pound peluang perniagaan dan lebih 25 000 rakyat British akan kehilangan pekerjaan ekoran tindakan Malaysia itu.

Keadaan cemas di kalangan syarikat-syarikat besar British amat jelas. Sehari dua selepas Malaysia mengumumkan tindakan itu, pada 27 Februari 1994, semua syarikat gergasi British yang berkepentingan dengan Malaysia telah

membuat iklan semuka penuh di dalam akhbar-akhbar utama di Britain yang mengisytiharkan bahawa "Kami berbangga bekerja di Malaysia".

Musim dingin yang luar biasa di London khususnya pada bulan itu telah dipanaskan oleh kemarahan media dan orang British yang tidak pernah memikirkan bahawa sebuah negara kecil seperti Malaysia boleh menggugat ekonomi mereka.

Di bawah tajuk besar "We are proud to work in Malaysia", iklan yang didukung oleh 12 buah syarikat gergasi British yang disiarkan serentak oleh semua akhbar utama Inggeris menyatakan:

*"During the last ten years, we have helped to build infrastructure in Malaysia, both government and commercial. We have also invested substantially.*

*"These projects have made an important contribution to the phenomenal growth rates achieved by the Malaysian economy. They have also secured tens of thousands of jobs and contributed towards recovery from recession in Great Britain.*

*"The strong links that exist between Britain and Malaysia have been entirely beneficial to both nations.*

*"We want to put on record how proud we are to work with Malaysian Government and the Malaysian private sector."*

Beberapa buah akhbar British termasuk *Independent* telah menyiarkan rencana yang meminta simpati dari negara-negara Eropah Barat lainnya untuk bersatu bagi mengambil tindakan balas terhadap Malaysia menerusi Kesatuan Eropah.

Pada keseluruhannya reaksi media menunjukkan kecemasan, kejutan, kehinaan dan rasa tidak percaya bahawa Britain harus berada dalam keadaan tidak berupaya atas tekanan sebuah negara kecil tidak berkulit putih dari Asia.

Bagi pertama kalinya Malaysia telah mendapat publisiti percuma secara meluas di Britain yang bernilai berjuta pound dan perwatakan Dr. Mahathir diperkatakan dengan serius.

Rakyat Malaysia terutamanya para pelajar di Britain tiba-tiba tersandar pada kenyataan mengagumi diri mereka dan merasakan kebesaran sebuah negara kecil seperti negara mereka yang boleh menggoncangkan ekonomi Britain. Secara seponan mereka bangun untuk turut mempertahankan tindakan Malaysia di akhbar-akhbar dan di forum televisyen dalam rasa kebanggaan dan kebesaran diri yang tidak pernah mereka rasakan selama ini.

Secara tiba-tiba juga sebahagian besar daripada orang British mulai memahami betapa kebebasan media tidak sahaja boleh menyumbang kepada perkembangan demokrasi tetapi juga kepada keruntuhan ekonomi.

Akhbar-akhbar utama British di London menyiarkan setiap hari perkembangan dan kesan tindakan Malaysia itu kepada ekonomi Britain berdasarkan laporan wartawan-wartawan mereka yang dikejarkan ke Kuala Lumpur berikutan peristiwa itu dan juga reaksi di Britain sendiri.

Jurucakap syarikat pembinaan Trafalgar House yang terlibat dengan pembinaan di Malaysia berkata mereka telah menghabiskan masa yang bergitu banyak untuk membina persahabatan dan amat berat bagi mereka apabila berlaku kejadian itu.

Semua saham syarikat-syarikat gergasi British seperti Rolls Royces Industrial Power Group, BICC dan John

Laing telah jatuh dengan teruknya di Pasaran Saham London.

Pengerusi Persatuan Perusahaan Perdagangan Malaysia-British, Chris Langley berkata, "Apa yang berlaku adalah suatu tragedi dalam hubungan perdagangan. Keadaan adalah benar-benar serius."

Akhbar *The Guardian* keluaran 1 Mac 1994 menyiarkan tulisan wartawan-wartawan tentang perbincangan ahli-ahli perdagangan dan perusahaan British di hotel-hotel besar di Kuala Lumpur dalam masa krisis itu. Antara lain mereka dilaporkan sebagai berkata cara kerajaan British menguruskan perkara itu dan komen yang dibuat oleh anggota Parlimen pembangkang British seperti Sir David Steel menjadikan keadaan semakin buruk.

"Mereka bercakap mengenai satu ucapan kematian bagi ekonomi British. Kita masih berfikir bahawa kita adalah kuasa besar tetapi mereka tidak memerlukan kita," kata mereka.

Tidak semua laporan akhbar-akhbar di Britain memberikan gambaran negatif terhadap Malaysia malah bagi pertama kalinya masyarakat British terdedah kepada laporan terperinci tentang Malaysia sebagai sebuah negara yang paling pesat membangun di Asia dan sekalipun mereka mengkritik Dr. Mahathir sebagai tidak demokratik tetapi mereka tidak menafikan kepimpinan-nya yang berjaya mencipta keajaiban ekonomi bagi Malaysia dalam masa paling singkat.

Umpamanya wartawan *The Times*, Joanna Pitman dalam laporannya dari Kuala Lumpur pada 1 Mac 1994 memberikan pandangannya bahawa "kepesatan dan kejayaan pertumbuhan ekonomi Malaysia amat jelas. Ia berkembang lebih 8% setahun, pasaran sahamnya melambung dan penanaman modal luar mencurah daripada kuasa-kuasa

ekonomi wilayah terutama dari Jepun yang meningkatkan keupayaan eksport Malaysia terhadap barangan pembuatan dan yang lebih penting sekarang ini ialah ia menjadi sebuah pasaran bagi barangan pengguna. Malaysia tidak lagi berpuas hati sekadar menjadi anak harimau".

*Sunday Times* keluaran 27 Februari 1994 dalam sebuah rencana yang mengemukakan sepuluh pertanyaan mengenai Malaysia antara lain bertanya mengapa Malaysia terlalu penting? Ia menjawab, hanya dalam masa kurang dari 10 tahun bekas tanah jajahan British ini telah menjadi pengeluar barangan elektronik yang terbesar di dunia. Dalam masa lima tahun lalu ekonominya telah berkembang pada kadar lebih dari 8% setiap tahun. Infrastruktur Malaysia yang lama tidak lagi berkeupayaan untuk mencakupi kepesatan ini. Maka itu terdapat kontrak berharga berbilion pound untuk pembangunan jalan, takungan najis, harta perdagangan dan persendirian serta juga hospital.

Dalam keluaran yang sama, Margarett Driscoll menulis tentang Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin Malaysia yang pertama tidak terhutang budi kepada Britain dan kekuatannya bergantung kepada kelantangan nasionalismenya.

Driscoll menyebut pandangan bekas wartawan BBC di Kuala Lumpur, Jonathan Miller yang melihat Dr. Mahathir sebagai anak Malaysia tulen dan keluaran Malaysia. Beliau menaiki tangga tanpa pertolongan dan kaitan aristokratik.

"Beliau amat berhasrat untuk melihat Malaysia mengambil tempat yang hak baginya. Beliau tidak mengambil mudah terhadap kritik terutama apa yang dilihatnya sebagai kesombongan *neo-colonialist*," kata Driscoll.

Driscoll seterusnya menulis bahawa Dr. Mahathir kuat menentang apa yang dilihatnya sebagai campur tangan Barat dalam hal-ehwal negaranya. Beliau telah menyeru rakan-rakannya dalam ASEAN supaya menolak khutbah Barat mengenai demokrasi dan alam sekitar serta mendesak mereka membangunkan ekonomi masing-masing dengan cepat untuk menyelamatkan diri mereka daripada Order Baru Dunia.

Dr. Mahathir melihat demokrasi Barat sebagai punca kepada keruntuhan sistem kekeluargaan, keruntuhan moral, *homosexuality* dan kemerosotan ekonomi.

Katanya, sejak menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981, Dr. Mahathir mengekalkan kedudukannya menerusi kombinasi penekanan terhadap kebebasan dan mencipta keajaiban ekonomi yang tulen.

Wartawan *Daily Telegraph* dari Singapura, Ian Steward menyifatkan hubungan Dr. Mahathir dengan Barat sebagai keghairahan yang bercampur dengan pragmatisme.

Melalui tulisannya dalam *Daily Telegraph* keluaran 26 Februari 1994, Steward memberikan contoh sikap Dr. Mahathir ini dapat dilihat dalam kekecohan Dr. Mahathir dengan Perdana Menteri Australia, Paul Keating apabila menyifatkan Dr. Mahathir sebagai 'keras kepala' kerana tidak menghadiri sidang puncak APEC di Seattle pada tahun 1993.

Katanya, "Dr. Mahathir telah menunjukkan kemahiran diplomatik yang tinggi dengan menamatkan segera sengketa itu setelah beliau mengeksploitasikan sepenuhnya isu itu bagi kepentingan politik tanpa menjejaskan ekonomi negaranya sedikit pun.

"Peristiwa itu di Malaysia telah menyumbang kepada penyatuan rakyat bagi menentang apa yang mereka anggap sebagai penghinaan dan mengalih perhatian daripada silap

langkahnya tidak menghadiri persidangan puncak itu."

Tulisan itu juga menyebut perihal Dr. Mahathir pernah menyatakan, "Dalam politik ada kalanya bertentangan dan ada kalanya kita berkawan. Hari ini kita berpegang kepada satu pendapat dan esok kita bertukar kepada yang lain.

"Itulah falsafah yang membantu Dr. Mahathir dalam perkhidmatannya selama 12 tahun dan menjadikannya begitu kukuh, yang menampakkan hanya persaraan atau kematian sahaja yang akan menamatkan eranya."

Tulisan ini membayangkan harapan kerajaan, media dan juga rakyat British kepada pragmatisme Dr. Mahathir untuk menamatkan tindakannya memberhentikan sebarang kontrak kerajaan kepada syarikat Britain apabila beliau berasa wajar untuk berbuat demikian.

Bagaimanapun sepucuk surat Dr. Mahathir kepada *Financial Times London* pada 17 Mac 1994 telah sekali lagi menimbulkan keraguan Britain apabila beliau menyatakan bahawa "nasi sudah menjadi bubur" dan beliau menegaskan pendiriannya untuk tetap mengetepikan syarikat-syarikat Britain daripada mendapat kontrak kerajaan Malaysia.

Katanya di dalam surat itu, "Memberikan kontrak kepada Britain seolah-olah mendedahkan Malaysia kepada cercaan dan serangan fitnah.

"Kenapakah harus syarikat Britain memperolehi wang dari Malaysia jika akibatnya terpaksa ditanggung oleh Malaysia?

"Jika kami hendak dicerca, sekurang-kurangnya kami tidak perlu membayar untuk itu."

Katanya lagi, media British suka menggambarkan rakyat Malaysia sebagai mengamalkan rasuah kerana mereka bukan British dan bukan berkulit putih.

Sementara rakyat Malaysia berbangga dengan jawapan Dr. Mahathir yang keras dan pedas itu, tetapi ramai pula yang bertanya kenapa beliau sendiri sebagai Perdana Menteri harus menjawab kritikan Pengarang Sunday Times, Andrew Neil sebaliknya beliau boleh mengarahkan hanya pegawai akhbaranya untuk menjawab.

Apabila pertanyaan ini dikemukakan kepadanya, Dr. Mahathir menjawab, "Ada kalanya kita memikirkan diri kita terlalu besar untuk merendahkan diri.<sup>1</sup>

"Kita mesti ingat bahawa ramai orang yang percaya kepada tulisan Neil dan jika saya sendiri tidak memberikan jawapan dengan tepat maka kita tidak akan mendapat kesan yang kita kehendaki bagi menolak anggapan buruk kepada negara."

Selama lebih tiga bulan Malaysia telah mendapat publisiti yang tinggi dan hebat di kalangan media British, bukan daripada segi pemimpin-pemimpinnya menerima rasuah tetapi tentang kesan ekonomi yang ditanggung oleh Britain disebabkan sikap medianya.

Kalangan ahli perniagaan British tidak memahami kenapa mereka harus menanggung dosa yang dilakukan oleh media British.

Peter Jenkins, Pengarah Eksekutif Dewan Perniagaan Antarabangsa yang mewakili 100 buah firma British berkata, "Kerajaan Malaysia berkata tindakan itu tidak ada kena-mengena dengan kalangan ahli perniagaan British tetapi merekalah yang teruk." Walau bagaimanapun, Dr. Mahathir tahu bahawa apa yang dilakukan oleh Andrew Neil bukan untuk kepentingan kebebasan akhbar dan bukan untuk kepentingan rakyat British, tetapi adalah untuk kepentingan perniagaan dan ahli perniagaan yang

---

1. Dalam pertemuan dengan penulis, April 1994



tidak ada kesetiaan kepada Britain sendiri.

Andrew Neil berkata beliau tidak takut pada Dr. Mahathir yang disifatkannya "orang yang mengawal sebahagian besar akhbar negaranya".

Katanya beliau tidak berasa bersalah di atas kehilangan berbilion pound kontrak dan beribu peluang pekerjaan di Britain akibat daripada tindakan kerajaan Malaysia itu.

"Akhbar British tidak boleh bertanggungjawab di atas tindakan seorang pemimpin *authoritarian* yang *bias* terhadap British dan mahukan British menutup dan mengawal akhbar British seperti beliau mengawal akhbar negaranya," kata Neil.

Bagaimanapun akhirnya Andrew Neil terpaksa meninggalkan Sunday Times.

Pada bulan Mei 1994, Rupert Murdoch yang berasal dari Australia dan sekarang menjadi rakyat Amerika yang mempunyai empayar media di beberapa pelusuk dunia dan pemilik *Times* dan *Sunday Times London* telah merombak jabatan Pengarang The Sunday Times dan memindahkan Andrew Neil ke sebuah rangkaian televisyen di New York.

Neil penting kepada Murdoch tetapi kepentingan perniagaannya di Timur Jauh dan di Britain sendiri lebih besar lagi. Dr. Mahathir menyedari hakikat ini dari awal lagi. Dr. Mahathir tahu bahawa di Britain bukan wartawan yang menguasai media tetapi jutawan media.

Sekalipun rakyat dan media British menentang kepercayaan Dr. Mahathir bahawa demokrasi mutlak terutama kebebasan melampau media akan menghancurkan ekonomi negara tetapi sekurang-kurangnya ahli perniagaan British telah menyedari bahawa kebebasan itu boleh menghancurkan perniagaan mereka.

Satu demi satu pencabarnya kalah dan rebah. Dr. Mahathir terus mendaki dengan gagah.

*SEMASA hayatnya, Tunku pernah berkata apabila Dr. Mahathir mengambil balik Carcosa daripada British, "Apalah ada kenangan terhadap diri saya setelah mati." Dr. Mahathir tidak menjawab tetapi Memorial Tunku Abdul Rahman yang dibina selepas kematian Tunku di Jalan Dato' Onn telah menjawab segala-galanya.*



# 14 Penghormatan

**M**embalikkan lipatan lebih 12 tahun yang diterokai sebagai Perdana Menteri, terbentang jelas jejak-jejak jatuh banggunya yang merangkumi peristiwa kecil dan besar, pahit manis, benar dan salah tetapi segala kelemahannya tidak dapat menutup kecepatan dan keulungan pencapaiannya dalam masa singkat yang tidak ada tolak bandingnya dalam sejarah kepimpinan negara.

Allahyarham Tunku Abdul Rahman telah meletakkan kemerdekaan negara atas asas Ekonomi Pasaran – asas yang benar dan teguh dan telah terbukti mampu menghadapi ujian zaman, membantutkan kemaraan *ultra* nasionalisme dan menghancurkan sosialisme dan komunisme. Beliau telah mengisytiharkan “dasar saya, yang selalu saya tegaskan dengan jelas di mana-mana ialah untuk memberikan kepada rakyat makanan dan bukan-peluru, pakaian dan bukannya *uniform*, perumahan dan bukannya *barracks*”.<sup>1</sup>

---

1. Tulisan Tunku Abdul Rahman dalam rencananya di akhbar *The Star*, 24 Februari 1976.

Tun Abdul Razak telah mengemukakan Dasar Ekonomi Baru untuk mempersibangkan perkembangan dasar ekonomi pasaran itu supaya berlaku pembahagian hasilnya secara adil demi menjamin kestabilan dan masa depan negara.

(Dr. Mahathir dengan dedikasi dan komitmen sepenuhnya kepada pembangunan negara telah merealisasikan semua dasar benar yang diwarisi daripada Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak kepada tahap yang membangunkan dalam jiwa bangsanya rasa kebanggaan dan penghormatan diri seperti yang diikrarkannya apabila mengambil alih pemerintahan negara.)

Dengan kepercayaan yang kuat kepada *progressive improvement*, beliau berjaya menukarkan hasrat yang tersirat kepada kenyataan yang terpahat, kemustahilan menjadi kemungkinan, daripada perkara yang sekecil-kecilnya kepada sebesar-besarnya, daripada kebersihan tandas awam kepada pembaharuan identiti bangsanya.

Dr. Mahathir membawa keluar rakyat Malaysia daripada tekanan sistem birokratik British yang memisahkan antara kerajaan dan rakyat, antara ahli perniagaan dan kerajaan sebaliknya membawa mereka menyertai secara langsung dalam pembangunan negara.

Beliau menukarkan identiti bangsanya sebagai suatu bangsa yang hanya tahu berpolitik dan mentabir negara kepada tidak sahaja menjalankan perniagaan kecil dan besar tetapi berkesanggupan menguruskan negara secara perniagaan dan sebagai usahawan.

Beliau membawa keluar rakyat daripada mentaliti penjajahan kepada keyakinan diri membuat langkah-langkah berani daripada pengambilalihan Carcosa kepada *Buy British Last*, menukarkan hak milik ladang-ladang asing kepada rakyat tempatan dan seterusnya mencabut

legasi British daripada sistem kehakiman dan pengadilan Malaysia.

Mungkin pengeluaran kereta Malaysia, Proton Saga suatu perkara biasa kerana telah pun didahului oleh bangsa-bangsa Asia lainnya seperti Jepun dan Korea Selatan tetapi kesan psikologinya sangat mendalam di kalangan rakyat kerana pokok pertanyaan sebelum merdeka ialah "bagaimana akan merdeka jika membuat jarum sebatang pun belum berupaya".

Dr. Mahathir telah berjaya menukarkan imejnya sendiri daripada *Malay ultra* kepada anak Melayu yang menjadi pergantungan dan harapan seluruh bangsa dengan membesarkan kek negara dan membahagikannya dengan seadil mungkin kepada seluruh bangsa.

Di atas segala pencapaian dan sumbangannya kepada meningkatkan maruah dan martabat bangsa, Dr. Mahathir tidak meminta untuk diberikan penghargaan dalam masa hayatnya kerana pemimpin-pemimpin belum tentu bersih seumur hidup mereka.

"Suatu keangkuhan kalau saya benarkan nama saya digunakan untuk bangunan-bangunan dan sebagainya, "katanya di dalam kursus-kursus bina negara yang diadakan di seluruh negara dari semasa ke semasa.

Walau bagaimanapun, rakyat Malaysia telah terdidik dan terbentuk menjadi suatu bangsa yang tahu mengenang budi dan jasa malah tidak sanggup untuk mengutuk para pemimpin yang telah meninggal dunia sekalipun betapa besar kesilapannya.

Rakyat Malaysia mengenang semua pemimpin mereka yang telah memberikan sumbangan dengan cara masing-masing, cara kiri atau cara kanan, daripada Dr. Burhanuddin Hilmi, Ahmad Boestamam, Ishak Haji Mohammad, Dato' Onn, Tunku Abdul Rahman, Hussein

Onn dan Tun Abdul Razak.

Dr. Mahathir menentang banyak tradisi tetapi beliau menyanjung tinggi tradisi ini. Beliau membuktikannya dengan memberikan penghormatan kepada pemimpin-pemimpin terdahulu terutama kepada Tunku Abdul Rahman Putra yang telah mengasaskan konsep kemerdekaan yang benar.

Dr. Mahathir menyatakan,<sup>2</sup> "Saya mengiktiraf cara Tunku mencapai kemerdekaan dan konsep kemerdekaannya. Banyak tindakannya yang positif.

"Hanya Tunku kurang yakin terhadap kebolehan bangsa kita sendiri, maka pandangannya terpesong."

Tetapi perbezaan nilai antara Tunku dengan Dr. Mahathir yang menjadi punca sengketa antara mereka tidak sampai kepada Dr. Mahathir melupakan jasa-jasa Tunku.

Tidak lama selepas menjadi Perdana Menteri, Dr. Mahathir telah meminta maaf secara terbuka kepada Tunku dalam satu majlis meraikannya di bangunan MCA yang diberikan oleh MCA dan Tunku telah memaafkannya.

Malah sebelum itu pun iaitu ketika menjadi Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir menjelaskannya,<sup>3</sup> "Saya tidak menentang Tunku dalam semua perkara, saya mengakui jasa dan khidmatnya kepada negara, sampai hari ini pun saya tetap menyanjunginya dalam beberapa perkara tetapi ada perkara-perkara yang saya telah tidak bersetuju dengannya.

"Saya tidak menentang pendapat Tunku kerana ianya Tunku."

2. Dalam satu pertemuan dengan penulis di London, 27 September 1993.

3. Temubual khas dengan penulis dalam *Utusan Malaysia*, 11 Jun 1975.

Dr. Mahathir mengakui sikapnya yang radikal menimbulkan kemarahan Tunku "tetapi radikal saya berasaskan kepada perjuangan untuk mencapai sesuatu tujuan. Saya tidak radikal kerana semata-mata nak jadi radikal.

"Saya tidak bersetuju sekiranya kita menentang sesuatu semata-mata kerana tujuan hendak menentang. Kalau saudara memandang balik ke belakang, saudara dapat melihat ada masa saya menentang dan ada masa saya tidak menentang".

Bagaimanapun suatu hal yang mengecewakan perasaan bangsa kerana tidak dapat melihat hubungan Tunku dan Dr. Mahathir pulih semula sebaliknya berlarutan sehingga ke peringkat Tunku meletakkan dirinya menentang Barisan Nasional dalam pilihan raya 1990 dengan turut serta berkempen menyokong barisan pembangkang.

Tetapi Dr. Mahathir tidak pernah membenci Tunku. Beliau pernah berkata, "Walau apa pun dilakukan oleh Tunku kepada saya, saya tidak pernah membencinya. Saya tetap menghormatinya."<sup>4</sup>

Maka itu Dr. Mahathir adalah di antara mereka yang berada di sisi Tunku ketika beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir pada jam 10.25 malam di Hospital Besar Kuala Lumpur pada 6 Disember 1990, malah Dr. Mahathirlah yang lebih dahulu menyedari bahawa Tunku sebenarnya telah pun meninggal.

Dr. Mahathir menasihatkan supaya bekalan pernafasan (*life support*) kepada Tunku diputuskan kerana pada masa itu, menurut Dr. Mahathir, "Tunku telah pun meninggal dunia sekalipun pada penglihatan masih hidup."

Dr. Mahathir kemudiannya mengiringi jenazah Tunku Abdul Rahman ke kediamannya di No. 1, Jalan Tunku,

4. Penjelasan Dr. Mahathir, 27 September 1993, *op. cit.*



Bukit Tunku, Kuala Lumpur dan seterusnya mengarahkan supaya jenazahnya diberikan penghormatan negara.

Ribuan rakyat memberikan penghormatan terakhir kepada jenazah Tunku yang diletakkan di bangunan Parlimen pada keesokannya sebelum diterbangkan ke Alor Setar. Bendera Malaysia dikibarkan separuh tiang di seluruh negara.

Dr. Mahathir turut memberikan penghormatan terakhir apabila jenazah Tunku disemadikan di Makam Diraja Langgar, Alor Setar pada 7 Disember 1990.

Semasa hayatnya, Tunku pernah berkata apabila Dr. Mahathir mengambil balik Carcosa daripada British, "Apalah ada kenangan terhadap diri saya setelah saya mati," Dr. Mahathir tidak menjawab tetapi Memorial Tunku Abdul Rahman yang dibina selepas kematian Tunku di samping *residency*<sup>5</sup> yang menjadi kediaman Tunku semasa menjadi Perdana Menteri di Jalan Dato' Onn telah menjawab segala-galanya.

London 7.20 pagi, 26 Januari 1993.

5. Dalam tulisannya di akhbar *The Star* keluaran 30 Jun 1975, Tunku Abdul Rahman telah menyatakan kesayangannya kepada *residency* dalam reka bentuk California yang didiaminya sehingga mengakhiri jawatannya sebagai Perdana Menteri. Walaupun Sri Taman telah dibina untuk kediaman Perdana Menteri yang pertama tetapi Tunku telah meminta Tun Razak mendiaminya dan beliau terus tinggal di *residency* itu.

Menurut Tunku, tidak ada sebuah *residency* pun di negara ini yang boleh berbangga dengan sejarah seperti *residency* yang tua itu. Ia telah didiami oleh Residen British yang pertama, Ketua Menteri Malaya yang pertama dan kemudiannya Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Menurut Tunku, beliau telah meminta Tun Razak memeliharanya. "Tidak ada sebuah rumah lain yang memberikan perasaan keselesaan, harmoni dan kegembiraan seperti rumah yang bersejarah ini," katanya.

# LAMPIRAN 1

## *Kejadian-kejadian di Kedah yang Menarik Perhatian Saya Semenjak Balik dari England*

*Tunku Abdul Rahman Putra yang Dipertua UMNO  
Kedah - B.A (CANTAB)*

**K**etika duli-duli yang maha mulia raja-raja Melayu menandatangani Tritis MacMichael, waktu itu tamatlah cerita dengan kerajaan British sebab segala kekuasaan pemerintahan telah lucut dari tangan raja-raja Melayu.

Kejadian ini telah sangat menarik perhatian rakyat jelata Melayu. Oleh yang demikian, dari utara Tanah Melayu hingga ke selatannya, dari barat Tanah Melayu hingga ke timurnya, mereka telah bangun dengan serentak membuat bantahan dan menuntut supaya dipulangkan balik kuasa raja-raja itu.

Di Kedah pada waktu itu dapat disaksikan berpuluh-puluh ribu orang Melayu yang menunjukkan taat setianya kepada rajanya telah bangkit dan mengadakan perarakan-perarakan secara yang sangat besar membantah perkara itu dan menghantarkan beberapa rayuan-rayuan kepada menteri tanah-tanah jajahan serta bersedia pula menerima sebarang apa kejadian yang akan timbul. Dengan tuntutan yang belum pernah berlaku seumpamanya di dalam tawarikh Tanah Melayu, maka kerajaan British telah mengambil berat di atas permintaan rakyat jelata

Melayu yang pada masa itu telah bergabung di bawah UMNO dan keputusannya sebuah kerajaan yang dinamakan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan ganti kerajaan Malayan Union dengan kuasa raja-raja Melayu dipulangkan balik.

Sejarah dunia telah menunjukkan rakyat boleh menjatuhkan raja dan boleh menaikkan raja. Rakyat boleh menjatuhkan kerajaan dan boleh mendirikan kerajaan. Yang Maha Mulia *King Farouk*, Raja Mesir dua tahun yang lepas ada memberi kenyataan kepada wakil-wakil surat khabar Inggeris di antara lain-lain baginda berkata: "Saya menjadi raja kerana rakyat berkehendakkan kepada saya, tetapi hanya Tuhan sahajalah yang dapat mengetahui berapa lama rakyat-rakyat yang berkehendakkan saya itu pada pengagakkan saya dalam masa ke hadapan ini akan ada lima raja sahaja di dalam dunia iaitu Raja Great Britain, Raja Lekuk, Raja Daiman, Raja Sepit dan Raja Kelawar.

Sesungguhnya saya dapat berkata, kebanyakan raja-raja Melayu di Tanah Melayu ini bolehlah dikatakan tahu setakat mana kedudukan dan sejauh mana kekuasaan serta sekuat mana duli-duli yang maha mulia itu bergantung kepada rakyat. Kerana itulah kebanyakan daripada yang Berhormat, Datuk, Menteri Besar di negeri-negeri yang lain dari Kedah dan ahli mesyuarat negeri itu telah dilantik menurut pilihan rakyat sendiri. Yang demikian itu tidaklah berbangkit apa-apa kekacauan di Tanah Melayu ini.

\* \* \*

Menurut pandangan saya, semenjak saya balik semula ke negeri Kedah ada beberapa perkara yang sangat me-

narik perhatian saya. Yang pertama sikap yang maha mulia sultan terhadap rakyat bolehlah dikatakan tidak penuh bertimbang rasa. Di dalam sebarang hal yang bersangkutan dengan lantikan-lantikan atau barang seumpamanya maka fikiran rakyat jelata hampir-hampir tidak diendahkan. Yang kedua, sewaktu memilih ahli-ahli mesyuarat negeri juga nampaknya rundingan atau pakatan hanya diadakan dengan Yang Berhormat Datuk Menteri Besar sahaja dan yang ketiga pertubuhan UMNO iaitu satu pertubuhan halal yang telah berjaya memulangkan balik kuasa raja-raja Melayu itu dipandang pula sebagai sebuah pertubuhan yang tidak halal.

Saya tidak akan memberi sebarang apa ulasan di atas perkara yang pertama dan yang kedua di atas ini kerana saya tahu kekuasaan raja-raja Melayu itu telah dipulangkan balik. Dengan demikian duli yang maha mulia raja-raja Melayu itu ada kekuasaannya memilih sendiri di dalam sebarang hal sama ada hendak memilih menteri besarnya atau memilih ahli-ahli mesyuarat negerinya dan jika sekiranya pilihan-pilihan itu sudah patut dan padan maka sesungguhnya saya tidaklah akan berkata apa-apa lagi.

Hanya ada suatu perkara sahaja yang menimbulkan kekusutan hati dan fikiran saya memikirkannya iaitu apakah sebabnya kerajaan Kedah ini memandang dengan pandangan yang tidak jujur kepada badan-badan pertubuhan yang didirikan kerana hendak memajukan rakyat jelata seperti pertubuhan UMNO dan pertubuhan-pertubuhan kaum ibu yang bergabung dengan UMNO? Pada hal kita semua tahu, UMNO ialah satu pertubuhan yang halal dan begitu juga pertubuhan-pertubuhan kaum ibu itu kesemuanya adalah halal pada sisi kerajaan.

Saya masih ingat suatu cerita yang telah saya baca lebih

kurang dua puluh tahun dahulu iaitu sehingga tidak dibenarkan rakyatnya mengadakan apa-apa perhimpunan kerana difikirnya, perhimpunan rakyat itu sebagai perhimpunan yang hendak meruntuhkan kerajaannya. Kalau ada didengarnya perhimpunan diadakan di mana-mana disuruhnya tangkap dan dihukumkan orang itu dengan tidak menghalusi tujuan orang itu sama ada benar atau salah - baik ataupun jahat. Pendeknya sebarang perhimpunan atau pertubuhan tidak boleh didirikan melainkan kesemuanya diharamkan.

Pada suatu masa ramai orang muda telah berkumpul kerana hendak menubuhkan sebuah kelab perlawanan bola. Mereka itu semuanya berhimpun di dalam sebuah bilik dan di tengah-tengah perhimpunan itu ada sebiji bola.

Tengah mereka bermesyuarat dengan tiba-tiba polis telah datang menyerbu ke tempat itu didapati ramai orang berhimpun dan di hadapan mereka ada pula sebuah benda bulat. Memandang hal ini polis telah berpendapat itulah perhimpunan orang yang akan menjatuhkan kerajaan negeri dan benda bulat itu ialah sebiji bom yang tentu akan digunakan dalam masa melakukan pekerjaan yang merbahaya kepada keamanan negeri. Sebab itu kesemua orang itu telah ditangkap dan kemudiannya dijatuhkan hukuman yang berat ke atas mereka itu.

Tetapi apakah yang telah terjadi kemudian daripada itu? Tidak lain lagi melainkan raja itu menamatkan riwayat pemerintahannya dan lari meninggalkan negeri yang sangat dikasihinya itu....

\* \* \*

Berbalik semula kepada hal UMNO dan lain-lain pertu-

buhan seperti itu ialah pertubuhan-pertubuhan yang diwujudkan dengan tujuan hendak menyatukan kebangsaan Melayu, hendak memajukan bangsa Melayu dan hendak menunjukkan kepada dunia bahawa bangsa Melayu tidak berpecah-belah walaupun negeri-negeri Melayu dibahagi-bahagikan. Saya dapat berkata dengan tidak bertagak-tagak lagi, selama terdirinya UMNO di tanah air kita ini, UMNO bukan sahaja mendapat pandangan dari dunia luar tetapi suara UMNO ialah juga suara orang Melayu telah mendapat sambutan dan penghargaan.

Orang yang berketanggungan di dalam UMNO yang menjalankan segala urusan-urusan UMNO ialah orang yang betul-betul bersemangat kebangsaan Melayu yang bekerja untuk faedah dan kemajuan orang Melayu. Mereka juga ialah dari orang yang cukup mempunyai pengetahuan dan kerajaan British sendiri ada menaruh kepercayaan kepada mereka itu.

Ada juga orang yang bersalah faham dengan sebab ahli-ahli UMNO di dalam tiap-tiap negeri itu disatupadukan maka ada fikiran-fikiran yang mengatakan ahli-ahli UMNO itu membelakangkan rajanya atau tidak berkehendak kepada rajanya lagi. Sesungguhnya kalau ada fikiran yang seperti itu maka bolehlah saya katakan dengan berterus-terang bahawa orang itu masih diliputi oleh perasaan kebangsaan yang sempit. Ahli-ahli UMNO tetap berajakan raja yang di dalam negerinya dan tetap taat setia kepada duli yang maha mulia itu sebab UMNO tidak bertujuan membelakangkan raja-raja Melayu sama sekali.

\* \* \*

Kita haruslah memandang jauh berkeliling bahawa di

zaman yang akhir ini banyaklah kecelakaan yang berbangkit di dalam dunia ini. Di Tanah Melayu ini sahaja sudah cukup menjadi contoh dan pelajaran kepada kita. Di waktu kita di bawah pemerintah Jepun beberapa tahun dahulu, kepada kita ditanamnya perasaan supaya berpuak-puak dan berpecah-belah yang sedikit pun tidak memberi keuntungan kepada kita. Begitu juga ketika di bawah pemerintahan Jepun telah tamat muncul pula puak bintang tiga yang bermaharajalela di sana sini. Di samping itu hidup pula berbagai-bagai rupa pertubuhan yang bertujuan serong yang semata-mata merosakkan keamanan negeri sebagai yang diketahui sekarang ini.

Sekarang dengan hidupnya berbagai-bagai pertubuhan yang bertujuan mulia dan suci yang bukan tertentu bagi UMNO sahaja. Sepatutnyalah kerajaan menyokong dengan seberapa kuat dan memberi bantuan dengan seberapa daya upaya supaya pertubuhan-pertubuhan itu bertambah-tambah kukuh pendiriannya dan bertambah-tambah mendatangkan faedah dan kebajikan kepada masyarakat dan bangsa Melayu. Dan manakala orang Melayu telah mendapat pelajaran-pelajaran dengan jalan pertubuhan-pertubuhan yang halal itu maka pada masa itu mudahlah bagi kita menghapuskan segala ajaran atau pemahaman-fahaman yang tidak baik yang semata-mata merosakkan perpaduan dan keselamatan hidup Melayu.

\* \* \*

Perkenaan dengan pertubuhan kaum ibu UMNO itu ialah juga satu pertubuhan yang bertujuan suci yang patut kita berasa sombong dan megah. Dengan sebab terdirinya pertubuhan itulah perempuan-perempuan Melayu dapat bersatu dan menjalankan ikhtiar-ikhtiar yang boleh

menolong memajukan masyarakat dan bangsa Melayu. Kita sedia maklum tiap-tiap satu bangsa yang berke-majuan di dunia ini adalah sangat menghargai pertu-buhan-pertubuhan kaum ibunya sebab mereka tahu kemajuan tidak akan dapat dicapai dengan menggunakan sebelah tangan kanan sahaja atau hanya dengan lelaki sahaja tetapi sangat mustahak sokongan dan kerjasama dari kaum ibu yang boleh disifatkan sebagai tangan yang sebelah lagi. Tetapi kalau kerajaan Kedah sendiri memandang pertubuhan kaum ibu itu seperti suatu badan yang tidak berharga atau satu pertubuhan yang patut dihalangi perjalanannya maka bermaknalah kerajaan tidak suka melihat bangsa Melayu bergerak menuju ke-majuan.

Seperkara yang menimbulkan perasaan keluh kesah di kalangan umat Melayu Kedah menurut pendapat saya ialah perkara sumpah yang dikenakan di atas tiap-tiap pegawai kerajaan yang beragama Islam sehingga akibat dari kejadian ini nampak di antara 'Golongan Bawah' dengan 'Golongan Atas' seperti berasing-asing sangat masa ini. Perkara sumpah yang seperti ini tentu-lah tidak lain tujuannya melainkan menyuruh pegawai-pegawai kerajaan yang beragama Islam itu bertaat setia kepada duli yang maha mulia.

\* \* \*

Sebagai seorang yang baharu sahaja balik dari England maka masih terbayang-bayang lagi di hadapan mata saya bagaimana pandangan kerajaan British terhadap negeri-negeri Melayu.

Termasuk di dalam lingkungan Empayar British, maka sebuah negeri yang kaya-raya dan makmur dengan tanah



buminya subur atau di dalam bahasa Inggeris dikatakan *Dollar Arsenal* telah diberi gelaran kepada Tanah Melayu negeri orang Melayu ini. Kekayaan dan kemakmuran negeri ini memang tidak dapat dinafikan. Lagi sebab Tanah Melayulah yang jadi tapak pengharapan kerajaan British untuk menerbitkan hasil-hasil bagi membantu menjelaskan segala pembayaran-pembayaran hutang di sana sini.

Terbit daripada kekacauan yang berbangkit di Tanah Melayu dari sebab gerakan-gerakan penganas yang bertujuan merebut kuasa negeri ini maka perhatian kerajaan British kepada Tuhan Melayu telah jadi sangat berat sebab kesan dari peristiwa itu akan mengurangkan pula penghasilan yang dapat dikeluarkan dari bumi Tanah Melayu.

Oleh yang demikian tidaklah hairan kalau kerajaan British telah berikhtiar hendak menghapuskan puak-puak penganas itu dengan berbagai-bagai jalan di antaranya kewajipan yang sangat berat itu diletakkannya ke atas bahu orang Melayu.

Dengan menggunakan tenaga yang terbanyak dari lain-lain bangsa iaitu lebih kurang 85 peratus daripada ahli-ahli pasukan terdiri daripada orang Melayu, anak negeri ini maka dapatlah difahamkan kerajaan sedang memakai tenaga yang sangat besar dari orang Melayu yang bukan sahaja menjadi sahabat untuk menjaga keamanan negeri tetapi untuk menentang dan menghapuskan puak-puak penganas itu. Ini dapat dibuktikan daripada apa yang telah dikatakan oleh akhbar *Times* di London baru-baru ini di antara lain-lain akhbar itu berkata:

"Semenjak peperangan dunia baru-baru ini, semangat kebangsaan orang Melayu telah jadi satu kekuatan politik

yang memberi kesan dan semangat itu sekarang ini sedang bekerja dengan Britain, mencegah komunis China daripada merampas kuasa di Malaya."

Orang Melayu yang berjumlah lebih kurang dua setengah juta adalah berdiri teguh di belakang Raja-rajanya iaitulah duli-duli yang maha mulia sultan-sultan. Dan oleh kerana tenaga orang Melayu telah digunakan di dalam ikhtiar menentang dan menghapuskan pengganas-pengganas itu maka soal kedudukan orang Melayu pada mata kerajaan British adalah menjadi satu soal yang istimewa. Satu soal yang diambil perhatian lebih. Oleh yang demikian hendaklah kita di masa-masa yang akhir ini berikhtiar mengambil hati orang Melayu itu dengan berbagai-bagai rupa jalan dan di samping itu hendaklah dianugerahi pula beberapa pangkat-pangkat kebesaran dan kemuliaan kepada duli-duli yang maha mulia raja-raja Melayu yang dianggap oleh kerajaan British sebagai penghulu kepada orang Melayu - ketua tempat orang Melayu menumpahkan rasa taat dan setianya. Hal ini sesungguhnya patutlah mendapat perhatian dari ke bawah duli-duli yang maha mulia itu.

Sekiranya perkara itu telah disedari betul-betul maka sudahlah sampai masanya perpaduan yang kukuh, fahaman dan tujuan yang satu di antara raja-raja Melayu dengan rakyatnya yang telah sedia rapat itu dirapatkan lagi. Sebab kalau diperhatikan dengan cermat sekarang apakah sahaja kekuasaan raja-raja Melayu dan rakyatnya? Pada fikiran saya masih banyak lagi usaha-usaha yang mesti dikerjakan dan perkara-perkara yang mesti dituntut. Sedang kewajipan mengusaha dan menuntut itu tentulah tertanggung ke atas UMNO. Oleh sebab itu perhubungan yang baik, perasaan kasih mesra di antara raja dengan rakyat, perasaan menghormati dan sokong

perjuangan badan-badan pertubuhan yang telah nampak masa seperti UMNO itu hendaklah selalu ada dan diperkekalkan. Dan manakala kita di antara raja dengan rakyat telah bersatu padu di dalam erti kata yang sebenar-benarnya maka pada masa itu adalah harapan kita menuntut kepada kerajaan British supaya memulangkan sedikit demi sedikit kekuasaan raja-raja Melayu itu.

Duli-duli yang maha mulia raja-raja Melayu patutlah sedar bahawa rakyat jelata Melayu bukannya mempunyai semangat yang lemah atau tenaga yang kecil di dalam tanah air kita ini. Sebaliknya mereka itu ialah orang yang cukup bersemangat dan bertenaga di dalam segala segi. Hanya satu sahaja yang kekurangan pada mereka itu iaitulah kekurangan di dalam percaturan politik dan dengan sebab kekurangan inilah mereka tidak dapat mengukur kekuatan mereka itu. Tetapi jika pelajaran rakyat jelata telah bertambah dari semasa ke semasa pada masa itu dapatlah mereka mengukur sekuat mana tenaganya. Sekiranya duli-duli yang maha mulia raja-raja Melayu nampak akan hal ini maka sebaik-baiknya ialah hati rakyat jelata itu dibela dan diperlihara jangan sampai menimbulkan cacat dan cedera. Mudah-mudahan dengan begitu kelak dapatlah rakyat-rakyat jelata Melayu mempersembahkan bagi derma baktinya ke bawah duli-duli yang maha mulia itu untuk kemuliaan raja-raja, untuk kemajuan bangsa dan untuk keselamatan tanah air kita yang dicintai ini. Tamat.

## LAMPIRAN 2

### *Raja Adil Raja Disembah, Raja Zalim Raja Disanggah*

*Ghafar*

**U**capan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba semasa membentangkan usul mengenai Raja-Raja Berpelembagaan di Dewan Rakyat semalam (10 Disember 1992).

Tuan Speaker,

Saya merasa diri saya memikul tanggungjawab yang sangat berat bagi membawa satu usul yang penting di dalam Dewan yang mulia ini kerana ianya melibatkan kedudukan raja-raja yang selama-lamanya saya anggap sebagai sahabat-sahabat saya dan sentiasa disanjung dan dihormati. Tetapi oleh kerana kepentingan negara mengatasi segala-galanya maka saya terpaksa berdiri untuk membentangkan usul yang berbunyi:-

"Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini merasa amat sedih dan memandang serius ke atas insiden seorang rakyat Malaysia, Douglas Gomez, yang telah dcederakan di Istana Johor pada 30 November 1992 oleh DYMM Sultan Johor.

Dan bahawa Dewan ini memutuskan kejadian tersebut adalah satu penyalahgunaan kuasa yang bercanggah dengan semangat Perlembagaan Malaysia dan bertentangan

engan cita-cita serta hasrat undang-undang negara yang erasaskan kepada sistem Raja Berpelembagaan dan emokrasi berparlimen.

Dan bahawa Dewan ini mengambil ketetapan segala ndakan yang perlu hendaklah diambil bagi menentu- an insiden yang seumpama ini tidak berulang lagi pada nasa hadapan".

Tuan Speaker,

Sekali lagi kerajaan menegaskan pendiriannya mahu- an Institusi Raja Berpelembagaan dikekalkan di negara ni, walau bagaimanapun, kerajaan mempunyai tanggung- wab sepenuhnya bagi menegur dan memperbetulkan pa-apa juga kesilapan yang didapati telah dilakukan leh mana-mana juga Raja-raja Melayu.

Bahkan tindakan kerajaan ini adalah dibuat dengan chlas dan bertujuan untuk mengekal dan mempertahankan- an Institusi Beraja sebelum rakyat jelata sendiri bertin- ak liar terhadap raja-raja yang mungkin tidak boleh ikawal lagi akhirnya.

Sejarah telah menunjukkan dengan jelas beberapa eristiwa telah berlaku di beberapa buah negara dalam unia di mana rakyat telah hilang kesabaran dan meng- mbil tindakan di luar perlembagaan dan undang-undang ntuk menjatuhkan raja-raja mereka, sehingga akibat pa yang berlaku sekarang ini jumlah raja-raja di seluruh unia semakin sehari semakin berkurangan jumlahnya.

Jika keadaan seperti ini telah berlaku di negara-negara in maka tidak mustahil keadaan yang serupa juga kan berlaku di tanahair kita sendiri. Oleh sebab itu, erajaan sentiasa berwaspada dan membuat perhitungan an bertindak dengan apa saja cara yang difikirkan baik ntuk mengekalkan Institusi Beraja sekalipun tindakan erajaan itu adalah sesuatu yang sangat pahit untuk

diterima oleh raja-raja yang berkenaan.

Tidak salah apabila dikatakan bahawa yang dikatakan "berdaulat" itu ialah rakyat jelata sendiri. Hakikatnya, tidak ada raja jika tidak ada rakyat.

Perlembagaan Persekutuan dan juga negeri-negeri jelas menyatakan bahawa raja-raja memerintah adalah dengan mengikut nasihat daripada Perdana Menteri dan Menteri-Menteri Besar. Perkataan "nasihat" yang tertulis dalam perlembagaan itu tidak bererti raja-raja ada mempunyai pilihan sama ada mahu menerima ataupun menolak nasihat yang diberi oleh Perdana Menteri dan Menteri-Menteri Besar. Dengan lain-lain perkataan, pemerintahan sesebuah negeri itu adalah terletak dengan sepenuhnya di tangan kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Perkataan dalam Perlembagaan yang mengatakan "Raja memerintah bagi sesebuah negeri" itu hanya merupakan suatu istilah untuk menghormati kedudukan raja-raja itu sahaja. Jika perkataan "nasihat" dalam perlembagaan itu disalahgunakan oleh raja-raja maka pemerintahan berasaskan demokrasi yang kita amal dan laung-laungkan itu sudah menjadi '*mockery*' atau bahan ketawa, dan kedudukan raja-raja tidak lagi sebagai Raja Berpelembagaan tetapi kembali semula menjadi *absolute monarchy* seperti dahulu kala.

Kedudukan seseorang Raja Berperlembagaan adalah dikawal oleh perlembagaan. Raja-raja tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam politik sama ada secara langsung atau tidak, raja-raja juga tidak boleh campur tangan dalam pemerintahan negeri melainkan setakat yang dibenarkan oleh perlembagaan dan undang-undang sahaja. raja-raja boleh mengambil tahu pentadbiran negeri atau kedudukan kewangan negeri hanya melalui Perdana Menteri, Menteri-Menteri Besar dan menteri-menteri yang berkenaan sahaja.

Raja-raja juga tidak dibenarkan menjalankan perniagaan secara langsung melainkan setakat melantik *nominee* seperti yang tersebut di dalam Deklarasi Raja-raja yang dibuat oleh mereka baru-baru ini.

Itu pun dengan syarat bahawa raja-raja tidak boleh menggunakan pengaruhnya walau sedikit jua pun ke atas mana-mana pihak untuk mendapat faedah atau keuntungan bagi syarikat-syarikat *nominee* yang dimilikinya.

Raja adalah menjadi payung kepada rakyat, raja tidak sama sekali boleh bermusuhan dengan rakyatnya sendiri maka dengan sebab itu raja-raja itu biasanya disebut *the rulers have done no wrong*. Tujuan diwujudkan segala peraturan ini ialah untuk menjadikan raja-raja sebagai raja yang dihormati untuk menyelamatkan Institusi Raja Berperlembagaan itu sendiri.

Kejadian yang berlaku di mana pihak Istana Johor baru-baru ini telah membabitkan diri secara langsung di dalam pentadbiran dan mencederakan seseorang rakyat adalah suatu tindakan yang bercanggah dengan kedudukannya sebagai seorang Raja Berperlembagaan. Kerajaan Persekutuan berpendapat peristiwa ini tidak boleh dibiarkan berlalu dengan begitu sahaja. Jika sesuatu tindakan tidak diambil maka peristiwa-peristiwa yang tidak diingini itu akan berulang lagi dan mungkin bahayanya lebih besar apabila rakyat bertindak sendirian dengan membelakangkan undang-undang dan perlembagaan, kerana jika raja-raja boleh mengetepikan undang-undang maka rakyat pun logiknya boleh juga berbuat demikian. Jika undang-undang tidak dipatuhi tiada gunanya Parlimen ditubuhkan.

Rakyat jelata telah memberi persetujuan untuk beberapa keistimewaan kepada raja-raja sebagaimana yang tersebut dalam Artikel 38(4) Perlembagaan Persekutuan

yang menyebut *No Law directly affecting privileges, position honours and dignities of the Rulers shall be passed without the consent of the Conference of Rulers.*

Dalam hal ini kedudukan raja-raja adalah terjamin kerana apa-apa sahaja undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen yang didapati bercanggah dengan Article 38(4) itu adalah tidak disahkan selagi tidak mendapat persetujuan daripada Majlis Raja-raja. Ini bererti kedudukan raja-raja itu adalah terjamin, maka haruslah diingatkan bahawa jaminan itu hanya dari segi perlembagaan sahaja.

Walau bagaimanapun, kuasa mutlak adalah terletak di tangan rakyat dan mereka boleh bertindak dengan menggunakan berbagai-bagai cara di luar perlembagaan untuk meruntuhkan Institusi Raja Berperlembagaan itu jika mereka mendapati institusi tersebut tidak perlu diwujudkan lagi. Saya percaya Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bersejua dengan saya bahawa seboleh-bolehnya kejadian kejadian yang tidak diinginkan seperti itu dielakkan.

Menjadi seorang raja bukanlah mudah kerana ia memikul tanggungjawab yang berat dan kebebasannya pula adalah terhad. Buat pada masa ini, rakyat masih boleh menerima institusi Raja-raja Berperlembagaan tetapi apakah ada jaminan pada masa yang akan datang institusi itu dapat dipertahankan?

Sama ada Institusi Raja Berperlembagaan itu dapat dikekalkan atau tidak, pada pendapat saya, soalan itu terpulang kepada raja-raja sendiri yang harus menentukannya. Pepatah Melayu ada menyebut "Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah".

Jika pihak istana tidak berpuas hati atas perlakuan seseorang pegawai kerajaan maka sebaik-baik tindakan yang patut dilakukannya ialah dengan membawa per



ra itu kepada pengetahuan menteri-menteri. Saya memeri pengakuan bahawa menteri-menteri berkenaan tidak kan memandang ringan di atas segala perkara yang diingkitkan oleh raja-raja.

Selama ini Menteri-menteri Besar dan menteri-menteri ntiasa mengambil berat di atas teguran-teguran yang buat oleh baginda. Tetapi sebaliknya jika raja-raja engambil tindakan persendirian dengan sewenang-wenangnya sehingga boleh mencederakan seseorang pegawai atau rakyat biasa, maka pentadbiran akan menjadiucar-kacir sedangkan faedahnya tidak ada.

Raja-raja dan rakyat jelata hendaklah berkongsi menandakan tanggungjawab dan bersama-sama mendokong kerajaan untuk faedah negara mengikut sebagaimana yang telah ditetapkan oleh perlembagaan. Hak istimewa yang diberikan kepada raja-raja seperti yang tersebut di dalam Perlembagaan tentang kedudukan mereka mengatasi undang-undang adalah semata-mata dengan tujuan hendak meletakkan mereka kepada suatu tahap yang sesuai dengan kedudukan mereka sebagai raja-raja dan iukannya untuk membolehkan mereka bertindak dengan sewenang-wenangnya seperti memukul, membunuh, menganiaya rakyatnya sendiri. Nyawa setiap rakyat negara ini mesti dilindungi. Tidak ada siapa yang berhak memusnahkan nyawa seseorang manusia yang lain melainkan mengikut undang-undang. Kejadian-kejadian yang berlaku seperti ini nampaknya mendorong kerajaan menyemak semula Perlembagaan untuk menentukan bahawa keistimewaan yang diberi kepada raja-raja itu adalah semata-mata untuk kebajikan dan kehormatan mereka sahaja.

Kerajaan atas prinsip menjunjung kedaulatan undang-undang seperti yang tersebut dalam rukun negara akan

mengambil sikap tegas dalam hal-hal pelanggaran seperti ini, dan satu perkara penting yang ingin ditekankan di sini ialah bahawa kerajaan akan terus memelihara dan melindungi rakyat mengikut lunas-lunas perlembagaan dan undang-undang negara.

Melalui usul ini saya berharap Dewan yang mulia ini, yang menjunjung tinggi sistem Raja Berperlembagaan dan *Rule of Law*, akan membuat ketetapan untuk memastikan yang insiden seumpama ini tidak akan berulang di masa hadapan.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mencadangkan supaya usul seperti yang saya bacakan sebentar tadi dibahaskan dan diluluskan. Terima kasih.



## LAMPIRAN 3

### *Apa yang Dapat Kita Pelajari Daripada Isu Carcosa*

Satu daripada perkara yang dapat kita pelajari daripada isu mengenai Carcosa ialah para pemimpin bertanggungjawab kepada sejarah.

Hari ini, tiada penyanjungan yang kekal, kerana esok sejarah akan menghakimkan kita secara berbeza.

Isu mengenai Carcosa telah memfokuskan kita kepada risiko yang dihadapi oleh pemimpin apabila mereka membuat keputusan yang tidak tahan oleh ujian sejarah.

Sukarno, Sadat, Tito dan Moa telah membina apa yang kelihatannya sebagai bangunan besar kuasa yang akan kekal selama-lamanya.

Memang benar, mereka telah meninggalkan satu tanda dalam sejarah, tetapi penghakiman sejarah mungkin terlalu keras dan tidak bermurah hati mengenai kegagalan manusia.

Disebabkan oleh logika perubahanlah maka 'lembu-lembe suci' di masa silam tidak kekal kesuciannya.

Isu Carcosa memang tidak dapat dielakkan atas hakikat bahawa pada masa ini orang Melayu sedang memper-teguhkan personaliti mereka sebagai rakyat yang berdaulat dan merdeka dalam sebuah negara muda yang bebas.

Sebenarnya sia-sia untuk bercakap tentang moral dan ka, kerana nilai dan norma berubah mengikut masa. Tiada yang boleh dianggap sebagai tidak bermoral apabila negara-negara Kristian di Eropah memaksa bangsa China untuk menghisap candu pada abad ke-19. Malah kita sepatutnya bersikap lebih jujur dengan diri a sendiri mengenai isu Carcosa.

Mereka yang berlagak serba tahu tentang moral dan ai sepatutnya bertanya diri sendiri sama ada kolonia-me telah meninggalkan kesan yang besar pada tahun 57.

Encik Anwar Ibrahim tidak bertindak terhadap isu rcosa atas kemenangan peribadi.

Oleh itu, tidak adil untuk menghukum tindakannya mata-mata sebagai usaha mendapatkan keuntungan politik.

Malah tindakannya boleh jadi tidak terfikir oleh kita tahun lampau. Isu Carcosa adalah pernyataan perubahan daripada segi persepsi generasi rakyat Malaysia dan era tahun 80-an.

Kecuali kita menerima isu ini seadanya, kita hanya an terus hidup dalam dunia yang penuh dengan kepercayaan palsu dan penipuan diri.

Modullah Tan, Petaling Jaya.

## LAMPIRAN 4

**P**erhimpunan Agung Khas UMNO pada 19 Jun 1994 di Pusat Dagangan Dunia Putera (PWTC) telah sebulat suara meluluskan usul pindaan perlembagaan parti yang memberi kuasa kepada Majlis Tertinggi membanteras penyalahgunaan kuasa, kedudukan dan wang untuk tujuan mendapat undi atau sokongan dalam pemilihan jawatan UMNO.

Tataetika yang diluluskan itu berbunyi:

### 1. KESETIAAN

- 1.1 Semua ahli UMNO hendaklah cintakan parti dan:
  - 1.1.1 Patuh kepada Perlembagaan dan Tataetika Ahli;
  - 1.1.2 Mengikut perintah-perintah parti;
  - 1.1.3 Menjalankan dasar-dasar parti;
  - 1.1.4 Patuh dan menghormati keputusan-keputusan parti;
  - 1.1.5 Menjaga rahsia-rahsia parti;
  - 1.1.6 Memelihara nama baik parti;
  - 1.1.7 Sentiasa menunjukkan tatalaku yang sopan lagi tertib;

## PENYALAHGUNAAN KUASA DAN WANG RINGGIT

- 2.1 Ahli-ahli parti adalah dilarang daripada menyalahgunakan apa juga kuasa yang ada pada mereka dengan tujuan mendapat undi atau sokongan atau mempengaruhi di dalam mana-mana pemilihan parti bagi pihak sendiri atau bagi pihak lain atau supaya jangan mengundi mana-mana orang dalam mana-mana pemilihan parti.
- 2.2 Ahli-ahli parti adalah dilarang memberi atau menerima apa-apa ganjaran, hadiah atau balasan bernilai dengan apa cara atau dalam sebarang jenis atau bentuk sekalipun dengan tujuan mendapat undi atau sokongan mana-mana pemilihan parti bagi diri sendiri atau bagi pihak lain atau supaya jangan mengundi mana-mana orang dalam mana-mana pemilihan parti.
- 2.3 Majlis Tertinggi berkuasa menetapkan dari masa ke semasa bentuk dan jenis penyalahgunaan kuasa, wang ringgit dan sebagainya yang dimaksudkan di dalam perenggan 2.1 dan 2.2 di atas.

## KEGUNAAN KEKERASAN DAN UGUTAN

- 3.1 Ahli-ahli parti adalah dilarang daripada menggunakan apa-apa kekerasan atau paksaan atau halangan atau menggunakan atau mengancam apa-apa kecacatan, kerosakan atau kerugian atau mengugut dengan apa cara ke atas mana-mana orang bagi atau memaksa orang mengundi atau tidak mengundi mana-mana orang dalam mana-mana pemilihan parti.

#### 4. FITNAH-MEMFITNAH

- 4.1 Ahli-ahli parti sama ada melalui dirinya atau pihak lain adalah dilarang daripada perbuatan fitnah-memfitnah, menyebarkan pernyataan palsu, mencela atau mengeji mana-mana ahli lain dalam apa-apa bentuk pun sama ada yang dicetak seperti surat layang atau penulisan-penulisan yang dibuat oleh penulis-penulis upahan atau dalam bentuk rakaman sama ada secara video atau audio bagi maksud mencemar peribadi atau bagi menjatuhkan seseorang ahli atau pemimpin.

#### HUKUMAN

Sesiapa yang didapati bersalah melanggar tataetika ini boleh dihukum di bawah Fasal 18.7 Perlembagaan UMNO.

#### PINDAAN

Majlis Tertinggi berkuasa meminda tataetika ini dari masa ke masa.